

**IHSAN ILAHI ZAHIR (1945-1987) DAN
KRITIKANNYA TERHADAP PEMIKIRAN
AKIDAH SYIAH**

MOHD FUAD BIN MOKHTAR

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**IHSAN ILAHI ZAHIR (1945-1987) DAN KRITIKANNYA
TERHADAP PEMIKIRAN AKIDAH SYIAH**

MOHD FUAD BIN MOKHTAR

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

ABSTRAK

“Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan Kritikannya Terhadap Pemikiran Akidah Syiah” merupakan kajian pemikiran seorang tokoh yang berwibawa khusunya dalam perbahasan ajaran Syiah. Perbahasannya difokuskan kepada akidah Syiah yang diimani oleh mereka dengan meneliti kitab-kitab muktabar mereka. Dalam menganalisis kritikan pemikiran akidah Ihsan Ilahi Zahir, penulis akan memunggah karya-karya utama beliau yang membincangkan persoalan Syiah. Karya-karya tersebut akan dianalisis sebaik mungkin bagi mengetahui kritikan sebenarnya beliau dalam akidah Syiah. Bagi mencapai objektif yang disasarkan dalam kajian ini, penulis akan menggunakan metode induktif, diduktif dan komparatif sepanjang kajian ini dilakukan dan kajian ini pula terbahagi kepada enam bab. Bab Pertama ialah pendahuluan. Bab Kedua pula membincangkan latar belakang dan sejarah *Ihsan Ilahi Zahir* yang menjadi tokoh kajian ini. Bab Ketiga pula berkenaan isu-isu utama kritikan *Ihsan Ilahi Zahir* terhadap akidah Syiah. Bab Keempat membahaskan berkenaan metodologi beliau dalam kritikannya terhadap akidah Syiah. Bab Kelima pula membahaskan tentang kritikan beliau berkenaan akidah Syiah dan Bab Keenam pula ialah kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang dijalankan. Hasil kajian berkenaan krtikan yang dilakukan oleh *Ihsan Ilahi Zahir* mendapati pemikiran akidah Syiah adalah akidah yang bercanggah dengan Islam yang dianut oleh aliran *Shī‘ah Imāmiyyah* dan aliran-aliran *Ghulūw*.

ABSTRACT

“Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) and His Critics Towards Shiism” is a research of a profound scholar especially in the field of Shiism. This research focuses on the belief of Shiite by studying their major writings. The researcher will conduct an in-depth study of the scholar’s selected writings in order to analyze his critical thought of Shiah. The writings will be analyzed in details for the purpose of knowing his real thought over Shiism. The methods that will be used throughout this research are inductive method as well as deductive and comparative. This research is divided into six chapters with Introduction as the first chapter. The second chapter will be discussing on the historical background of the scholar Ihsan Ilahi Zahir, followed by his main criticism against the Shiite in the third chapter. His methods of criticism will be presented and analyzed in the fourth chapter. The continuation of his criticism is elaborated in chapter five and the last chapter which is chapter six would be the conclusion of the research. The finding of this research of Ihsan Ilahi Zahir’s critics towards Shiism shows that the Shi’i Imamiyyah in contrast with Islamic teaching.

KAEDAH TRANSLITERASI

1. Konsonan

HURUF ARAB

ا
ب
ت
ث
ج
ح
خ
د
ذ
ر
ز
س
ش
ص
ض
ط
ظ
ع
غ
ف
ق
ك
ل

HURUF RUMI

a
b
t
th
j
h
kh
d
dh
r
z
s
sh
ş
đ
ť
z
,

gh
f
q
k
l

م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ءـ	,
يـ	i,y
ةـ	h

2. Vokal

a. Pendek

_____a

b. Panjang

_____a

c. Diftong

أـيـ _____

_____i

_____i

أـوـ _____

_____u

_____u

Catatan

Perkataan-perkataan Arab yang telah diMelayukan melalui Kamus Dewan tidak ditransliterasikan seperti syariah, syarak, hukum, mukallaf, ijтиhad dan iman kecuali apabila perkataan tersebut digunakan dalam frasa Arab seperti *al-Sharīah*, *Shar'iyyah*, *al-hadīth*, *ijtihad* dan lain-lain.

PENGHARGAAN

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dato' Dr Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti selaku penyelia utama dan Dr Azmil bin Zainal Abidin selaku penyelia bersama yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, dorongan dan dokongan dalam menyempurnakan kajian ini. Segala tunjuk ajar, bimbingan dan panduan yang diberikan amat berguna dan bermanfaat buat penulis dan semoga Allah SWT membalas dengan balasan yang melimpah ruah.

Ucapan terima kasih juga penulis rakamkan untuk para pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada penulis iaitu Prof Madya Dr Mohd Fauzi bin Hamat, Prof Madya Dr Che' Zarrina binti Sa'ari, Dr Faizuri bin Abd Latif dan tidak dilupai juga Prof Madya Dr Mohamad Kamil bin Ab Majid dan semua pensyarah yang disanjungi. Begitu juga kepada kakitangan pentadbiran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya disemua peringkat khususnya Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya Dr Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman

Penulis juga rakamkan jutaan terima kasih kepada semua tenaga pentadbiran akademik di Fakulti Pengajian Islam khususnya jabatan Usuluddin Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak yang banyak membantu penulis menyelesaikan kajian ini. Harapan penulis agar semangat bantu membantu ini dapat diteruskan dan menjadi amalan dan tradisi yang baik di KUISAS.

Khusus buat Ibu yang dikasihi Hajjah Maimanah bt Haji Toha yang banyak mengasuh, mendidik, mentarbiah dan berkorban hingga lahir kesedaran yang tinggi kepada penulis akan pentingnya ilmu pengetahuan. Begitu juga doa

yang tidak putus penulis iringkan buat al-Marhum ayahanda yang dikasihi Haji Mokhtar bin Haji Abd Salam yang banyak berkorban bagi memastikan penulis menjadi insan yang berguna.

Untuk isteri yang dikasihi, Junainah Hanim bt. Mohammad Noor penulis rakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga yang banyak membantu penulis dan memberikan dorongan menyelesaikan kajian ini. Begitu juga buat anak-anak tersayang yang amat memahami kesebukan penulis melaksanakan tugas harian. Tidak lupa juga kepada bapa mertua Haji Mohamed Nor bin Abu Samah dan Ibu Mertua Hajjah Yon yang banyak memberikan nasihat dan pandangan yang baik kepada penulis.

Tidak dilupakan juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan penulis yang banyak menyumbangkan apa jua bentuk bantuan dan sokongan kepada penulis. Semoga Allah menganugerahkan balasan yang melimpah ruah untuk kalian.

Semoga kajian ini dapat dimanfaatkan bersama demi memastikan kelangsungan akidah yang benar sahaja terus betapak di bumi bertuah Malaysia yang tercinta.

MOHD FUAD BIN MOKHTAR

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.

Tarikh: 15 Ogos 2015

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

SWT	<i>Subḥanahu wa Ta’alā</i>
SAW	<i>Sallā Allāh Alayh wa Sallam</i>
a.s	<i>‘alayh al-salam</i>
r.a	<i>radiya Allāh ‘anh</i>
ed.	<i>Edited by</i> (disunting oleh)
<i>et.al.</i>	<i>et alili</i> : dan lain-lain
Ibid	<i>ibidem</i> : pada tempat yang sama
j.	jilid
terj.	Terjemahan

ISI KANDUNGAN

PRAKATA

Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak Bahasa Melayu	iii
Abstrak Bahasa Inggeris	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vii
Senarai Singkatan	xiii
Kaedah Transliterasi	xiv

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Definisi Tajuk	5
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9

1.8	Ulasan Penyelidikan Lepas	12
1.9	Metodologi Kajian	17
1.10	Susunan Penulisan	21
1.11	Kesimpulan	22

BAB KEDUA

LATAR BELAKANG IHSĀN ILAHĪ ZAHĪR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Riwayat Hidup Ihsān Ilahī Zahīr	23
2.3	Latar Belakang Pendidikan	27
2.4	Sifat-sifat Mulia Ihsān Ilahī Zahīr	32
2.5	Pujian Ulama kepada Ihsān Ilahī Zahīr	35
2.6	Karya-karya Ihsān Ilahī Zahīr	36
2.7	Faktor-faktor Kekuatan Ihsan Ilahi dalam Kritikannya Terhadap Pemikiran Akidah Syiah	51
2.8	Penutup	54

BAB KETIGA

ISU-ISU UTAMA KRITIKAN IHSĀN ILAHĪ ZAHĪR TERHADAP AKIDAH SYIAH

3.1	Pengenalan	55
3.2	Isu Ketuhanan dan Keadilan Tuhan	55
3.2.1	Konsep <i>al-Bada'</i> Menurut Syiah	62
3.2.2	Perbuatan Allah (<i>af'āl Allāh</i>) dan kaitannya dengan	

Keadilan Tuhan	72
3.3 <i>Al-Nubuwah</i> dan <i>al-Imāmah</i>	75
3.3.1 Akidah <i>al-Raj'ah</i> Menurut Syiah	88
3.3.2 <i>Al-Hulūl</i> dan <i>al-Tanāsukh</i>	94
3.4 Isu Kedudukan Sahabat dan Kaitannya dengan Isu Akidah Lain	96
3.4.1 Sahabat Menurut Syiah	97
3.4.2 <i>Ahl al-Bayt</i>	104
3.4.3 Akidah <i>Tahrīf al-Qur'ān</i> Menurut Syiah	107
3.4.4 <i>Al-Sunnah</i> menurut Syiah	112
3.5 Penutup	117

BAB KEEMPAT

METODOLOGI KRITIKAN IHSĀN ILAHĪ ZAHĪR TERHADAP PEMIKIRAN AKIDAH SYIAH

4.1 Pengenalan	118
4.2 Metodologi Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Pemikiran Akidah Syiah	118
4.2.1 Kejelasan Terhadap Konsep Akidah Syiah Berdasarkan Sumber Primer	119
4.2.1.1 Ketuhanan	120
4.2.1.2 Kenabian	124
4.2.1.3 Akidah dan Kepercayaan dalam Firqah Syiah	125
i. Al-Qur'an	125

ii.	Al-Sunnah	126
iii.	<i>Al-Raj'ah</i>	128
iv.	<i>Al Bada'</i>	129
v.	Mengkafirkan Sahabat	130
vi.	<i>Tanāsukh</i>	132
vii.	<i>Al-Imāmah</i>	133
4.2.2 Kemuktamadan Nas al-Qur'an dan al-Sunnah dalam Menilai Akidah Syiah 134		
4.2.2.1	Dalil al-Qur'an	134
i.	Ketuhanan	134
ii.	Kenabian	137
iii.	Akidah dan Kepercayaan Syiah	139
a.	Akidah <i>Tahrīf al-Qur'an</i>	139
b.	Al-Sunnah	141
c.	<i>Al-Raj'ah</i>	139
d.	<i>Al-Bada'</i>	144
e.	Mengkufurkan Sahabat	145
f.	<i>Al-Tanāsukh</i>	148
g.	<i>Al-Imamah</i>	149
4.2.2.2	Dalil al-Sunnah	151
4.2.3	Pengukuhan Hujah Melalui Karya –karya Ilmiyyah	

Khususnya <i>Ahl Sunnah wa al-Jama'ah</i>	154
4.2.4 Motif Dakwah Sebagai Asas Kritikan Terhadap Akidah Syiah	160
4.3 Analisis Terhadap Metodologi Kritikan Ihsan Ilahī Zahīr Terhadap Pemikiran Akidah Syiah.	161
4.3.1 Kekuatan	161
4.3.2 Kelemahan	174
4.4 Penutup	176
BAB KELIMA	
ANALISIS KRITIKAN İHSĀN İLAHĪ ZAHĪR TERHADAP PEMIKIRAN AKIDAH SYIAH	
5.1 Pendahuluan	178
5.2 Kritikan Ihsan Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan <i>al-Tawhid</i>	178
5.2.1 Ulasan	186
5.3 Kritikan Ihsan Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan Kenabian	190

5.3.1	Ulasan	192
5.4	Kritikannya Terhadap Akidah dan Kepercayaan dalam Syiah	193
5.4.1	Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Berkaitan persoalan al-Qur'an	194
5.4.1.1	Ulasan	200
5.4.2	Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan al-Sunnah	202
5.4.2.1	Ulasan	206
5.4.3	Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan <i>al-Imamah</i>	208
5.4.3.1	Ulasan	220
5.4.4	Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan <i>Ahl al-Bayt</i>	223
5.4.4.1	Ulasan	227
5.4.5	Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan Sahabat	229
5.4.5.1	Ulasan	234
5.4.6	Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan <i>al-Raj'ah</i>	236
5.4.6.1	Ulasan	241
5.4.7	Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Akidah <i>al-Hulūl</i> dan <i>al-Tanāsukh</i>	243

5.4.7.1	Ulasan	249
5.5	Penutup	250
BAB KEENAM		
PENUTUP		251
6.1	Rumusan	251
6.2	Implikasi Kajian	265
6.3	Cadangan	266
RUJUKAN		267

BAB I : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian ini akan diperjelaskan iaitu pendahuluan, latar belakang masalah, permasalahan kajian, objektif kajian, definisi tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan penyelidikan lepas, metodologi kajian dan susunan penulisan. Ia bertujuan untuk memberikan gambaran umum terhadap penulisan ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Perbincangan berkenaan pemikiran akidah Syiah sering dibincangkan oleh para ulama dan pemikir Islam dalam wacana-wacana ilmiah, artikel, dialog dan sebagainya. Banyak buku dan karya dihasilkan, membincangkan persoalan tersebut. Pemikiran Syiah dewasa ini semakin berkembang dan mendapat tempat dibeberapa buah negara seperti Iran, Iraq, Pakistan, Yaman, Mesir dan beberapa buah negara di Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia. Pemikiran Syiah dibawa masuk ke dalam agama Islam oleh ‘Abd Allah bin Saba’ yang beragama Yahudi.¹ Beliau telah memasukkan pemikiran Syiah yang tidak pernah diajar oleh Saidina Ali ke dalam agama Islam. Pemikiran tersebut akhirnya diterima pakai oleh masyarakat Islam ketika itu khususnya yang lemah agamanya.² Dewasa ini sebilangan masyarakat terpengaruh fahaman Syiah

¹ ‘Abd Allāh bin Sabā’ merupakan seorang Yahudi yang telah berpura-pura masuk Islam pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān dengan tujuan untuk merosakkan agama Islam. Beliau telah bermusafir ke Basrah, Kufah, Syam dan Mesir dengan tujuan mempengaruhi orang Islam yang lemah pemikirannya. Beliau telah mencipta pemikiran-pemikiran yang sesat hingga merosakkan akidah Islam. Kewujudan ‘Abd Allāh bin Sabā’ jelas terdapat dalam kitab-kitab sejarah Ahl Sunnah wa al-Jama‘ah dan Syiah. Lihat Ibn ‘Asākir, *Tārīkh al-Dīmasyq*, Bab Abdullah bin Salim bin Abdulllah (Beirut: Dār al-Fikr li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1998), 9:3. Lihat juga Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī, *Tārīkh al-Ṭabarī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985), 5:98-99. Lihat juga Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (Mesir : Dār al-Taqwā, 1999), 5:167. Lihat juga Abī al-Mazfar al-Isfirayīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2008), 326-328. Lihat juga Abū Ḥasan al-Ash‘arī, *Maqalāt al-Islāmiyyīn* (Mesir: Dār al-Nashr, 1963), 1:15. Lihat Iḥsān Ilāhī Zāhir, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū‘* (Kaherah: Dār Ibn Hazm, 1984), 54-59. Lihat juga kitab-kitab Syiah seperti Hasan bin Mūsā al-Nubakhtī, *Firāq al-Shī‘ah* (Beirut: Dār al-Adwa‘, 1984), 22. Lihat Abū Ja‘far Muḥammad bin al-Ḥasan al-Ṭūsī, *Ikhtiār Ma‘rifah al-Rijāl al-Ma‘rūf bi Rijāl al-Kashi* (Qum: Muassasah ‘Alī al-Bayt ‘alaihim al-Salām, 1980), 2:323. Lihat Abī ‘Amru Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashi, *Rijāl al-Kashi* (Beirut: Muassasah al-Ālāmī, 2009), 84.

² Abī ‘Amru Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashi, *Rijāl al-Kashi*, 40.

ekoran dari kejahilan mereka terhadap dakwaan kebenaran ajaran tersebut di samping kedangkalan ilmu Islam itu sendiri dalam diri mereka.

Menurut Dr. Mubarak Hasan Husayn, Syiah telah mengemukakan pemikiran akidah yang dilihat tidak menepati apa yang dibawa oleh Saidina Ali sendiri semasa hayat beliau seperti kepercayaan Ali sebagai nabi dan Tuhan, *hulūl*,³ *tajassud*⁴, *tashbih*,⁵ *taqiyah*,⁶ *mut'ah*,⁷ dan sebagainya⁸. Pemikiran tersebut banyak dibahas dan dijawab oleh ulama dan pemikir Islam *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dalam kitab mereka seperti Abū Ḥassan al-Ash'arī (w. 324 H),⁹ Abū Ḥāmid al-Ghazzālī (w.505 H),¹⁰ 'Abd al-'Azīz al-Imām Walī Allāh Aḥmad 'Abd al-Rahīm al-Dahlawī (w.1176 H),¹¹ İhsān İlahī Zāhir, (w.1987 H)¹² dan lain-lain lagi. Para ulama dari mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mempertahankan kebenaran dan kesucian agama Islam yang dibawa oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan mengkritik pemikiran Syiah yang bercanggah

³ Isu ini akan dibincangkan secara khusus dalam bab selepasnya.

⁴ Abī 'Amru Muḥammad bin 'Umar bin 'Abd al-Azīz al-Kashi, *Rijāl al-Kashi*. 40

⁵ *Ibid.*

⁶ *Taqiyah* ialah berdusta dan berbohong. Ia satu amalan yang wajib diamalkan oleh seseorang yang berfahaman Syiah. Ia juga merupakan amalan yang disukai oleh para imam mereka dan akan meningkatkan darjah sesorang di sisi Allah. Ia boleh dilakukan dalam semua hal kehidupan mereka. Mereka yang tidak mengamalkannya akan terkeluar dari Syiah. Lihat Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi* (Beirut: Dār al-Awā', 1992), 25-230

⁷ *Mut'ah* ialah perkahwinan kontrak yang bersifat sementara sama ada sehari, sebulan, setahun atau tempoh lain yang disepakati dengan kadar bayaran tertentu yang dipersetujui tanpa wali dan saksi. Perkahwinan tersebut boleh dilakukan dengan perempuan beragama Majusi, Nasrani dan Yahudi sebagaimana pandangan Abī Ja'afar Muḥammad bin al-Hasan al-Tūsī dalam kitabnya *al-Istibṣār*. Walau bagaimanapun ada beberapa hadith Syiah yang tidak mengizinkan perkahwinan mut'ah terhadap perempuan Yahudi dan Nasrani seperti riwayat dalam kitab *Man La Yāhduruhu al-Faqīh* oleh Ibn Babawaih al-Qummi. Ia juga dibolehkan dengan perempuan yang jahat seperti penzina sebagaimana pandangan Imam al-Khomaini dalam kitabnya *Tahrīr al-Waṣīlah*. Beliau juga tidak mengharuskan bermut'ah dengan perempuan yang kafir, murtad dan *nasibi*. Seorang lelaki yang ingin mengahwini seorang perempuan itu pula tidak diwajibkan untuk meneliti perempuan tersebut sama ada telah berkahwin atau bujang. Ini bermaksud dibolehkan walaupun perempuan tersebut telah bersuami. Walaupun terdapat perselisihan dalam beberapa perkara, Syiah bersepakat akan keharusan melakukan nikah mut'ah. Sila rujuk al-Kulaynī, *al-Furū' min al-Kāfi* (Beirut: Dār al-Awā', 1992), 5:448. Lihat Abī Ja'afar Muḥammad bin al-Ḥasan al-Tūsī, *Tahdhīb al-Āḥkām* (Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1969) 7:241, 249, dan 250. Lihat Sayyīd Ruhullah al-Musawi al-Khomainī, *Tahrīr al-Waṣīlah*, (Iran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1984), 2:288-292. Sila lihat Abī Ja'afar al-Ṣadūq Muḥammad bin 'Alī bin al-Husayn bin Babawaih al-Qummi, *Man La Yāhduruhu Al-Faqīh* (Beirut: Dār al-Adwā', 1985), 3:291. Lihat Abī Ja'afar Muḥammad bin Ḥassan al-Tūsī, *al-Istibṣār* (Beirut: Dār al-Adwā', 1985), 3:540-548.

⁸ Mubārak Ḥasan Ḥusayn, *'Ilm Tawḥīd fī Daw' al-'Aql wa al-Naql* (Kaherah: Maktabah al-Azharīyyah, 1995), 88-94
⁹ Abū Ḥasan al-Ash'arī, *Maqalāt al-Islāmiyyin*, 5-85.

¹⁰ Lihat Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Ahmad al-Ghazzālī, *Faḍā'iḥ al-Baṭīniyyah wa Faḍā'il al-Muṣtazhīriyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 95. Lihat al-Ghazzālī, *al-Iqtisād fī al-I'tiqād* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 204), 127.

¹¹ Beliau banyak mengulas isu-isu Syiah menerusi karya ilmiah yang dihasilkan. Lihat Syah 'Abd al-Azīz al-Imām Wali Allāh Aḥmad 'Abd al-Rahīm al-Dahlawī, *Mukhtaṣar al-Tuḥfah al-Ithnai 'Ashariyyah* (Riyadh : al-Ri'āsah al-Āmmah li Idārat al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' wa al-Da'wah wa al-Irsyad, t.t.).

¹² İhsān İlāhī Zāhir banyak menghasilkan karya-karya mengkritik pemikiran Syiah. Lihat İhsān İlāhī Zāhir, *al-Shī'ah wa al-Tashīhiyyah* (Riyadh: Maktabah Jawid, 1984). İhsān İlāhī Zāhir, *al-Shī'ah wa al-Qur'an*, (Riyadh: Maktabah Jawid, 1995). İhsān İlāhī Zāhir, *al-Shī'ah wa ahl al-Bayt* (Riyadh: Maktabah Jawid, 1982).

dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah seperti kritikan Ihsān Ilāhī dalam karyanya.

Ihsān Ilāhī Zāhir seorang tokoh yang dilahirkan di Sailkot Pakistan pada 13 Mei 1945. Beliau didakwa oleh sesetengah pihak telah mati dibom oleh puak Syiah akibat kelantangannya mengkritik pemikiran Syiah.¹³ Karyanya sarat dengan hujah berasaskan fakta dan maklumat dari sumber Syiah dan Ahli Sunnah bagi menolak pemikiran Syiah khususnya yang berkaitan akidah. Kesungguhan beliau mengkritik pemikiran akidah Syiah sehingga ke akhir hayatnya telah memberikan inspirasi kepada penulis untuk mengkaji faktor kekuatan beliau dalam mengkritik pemikiran akidah Syiah. Kajian ini juga dilakukan bagi mengenal pasti isu-isu utama kritikan Ihsan Ilahir Zahir terhadap pemikiran Syiah berkaitan dengan akidah. Selain itu penulis juga akan menganalisis kekuatan hujah-hujah beliau dalam mengkritik pemikiran Syiah berkaitan akidah di samping menganalisis metodologi yang digunakan oleh Ihsān Ilāhī Zāhir dalam kritikannya terhadap pemikiran tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Firqah Syiah dilihat sebagai firqah yang banyak menimbulkan isu kontroversi dalam masyarakat. Banyak isu yang diketengahkan bercanggah dengan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah khususnya yang melibatkan permasalahan akidah. Tuduhan-tuduhan mereka terhadap Ahli Sunnah telah dijawab oleh ulama dan pemikir Islam

¹³ Dakwaan tersebut diasaskan oleh beberapa petanda yang boleh membuktikan beliau dikatakan mati dibunuh oleh Syiah. Sehari sebelum kematiannya beliau telah berdialog dengan Syiah berkenaan persoalan fiqh al-Hanafi al-Jafarī dan isu-isu mazhab fiqh yang lainnya yang berlangsung selama enam jam tiga puluh minit. Beliau bertegas dalam dialognya mempertahankan al-Qur'an dan al-Sunnah dengan mengemukakan hujah yang baik. Dalam perdebatan tersebut, Ihsān Ilāhī Zāhir berjaya mematahkan hujah Syiah. Ia akhirnya menimbulkan kemarahan golongan Syiah. Beliau juga pernah diugut beberapa kali secara bertulis atau menerusi telefon untuk dibunuh. Beliau sendiri hampir terbunuh ketika berada di Amerika Syarikat iaitu ketika berdakwah di sana. Ayatullah Khomaini sendiri pernah memberi amaran kepada Ihsān Ilāhī Zāhir agar memberhentikan kecamannya terhadap Syiah. Ayatullah Khomaini juga pernah mengeluarkan tawaran kepada sesiapa yang berjaya membunuh Ihsān Ilāhī Zāhir dan membawa balik kepalanya akan diberikan ganjaran berupa matawang sebanyak USD 200,000.00. Walau bagaimanapun beliau tetap gigih meneruskan usahanya menyampaikan ceramah, berdialog dan membentangkan kertas kerja bagi menjelaskan penyelewengan Syiah. Walaupun tidak ada bukti muktamad yang membuktikan beliau dibunuh oleh Syiah, penulis berpendapat petanda-petanda sedia ada sebagaimana yang dinyatakan di atas mempunyai asas bagi dakwaan beliau mati dibunuh oleh Syiah. Lihat ‘Alī bin Mūsā bin Majhud al-Zahrānī, *Ihsān Ilāhī Zāhir wa Juhuduhu fī Taqrīr al-Aqīdah wa al-Radd ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah* (Saudi Arabia: Jāmi’ah Umm al-Qūrā, 1999), 29- 30.

dengan berkesan. Antara pemikir yang menjawab dan mempertahankan kesucian Islam ialah Ihsān Ilahī Zahīr, seorang pemikir dan juga ulama dari Pakistan. Beliau telah menghasilkan pelbagai karya dalam bidang tersebut hingga karyanya menjadi rujukan kepada para pengkaji dan pemikir. Dalam menjelaskan permasalahan kajian, beberapa permasalahan akan dikaji oleh penulis iaitu:

1. Apakah faktor-faktor kekuatan Ihsan Ilahi Zahir dalam mengkritik pemikiran akidah Syiah?
2. Apakah isu-isu utama kritikannya terhadap pemikiran akidah Syiah?
3. Apakah penghujahan beliau kukuh berdasarkan fakta-fakta primari dan sekunder?
4. Apakah metodologi yang digunakan dalam kritikannya?

Segala persoalan dan permasalahan di atas akan cuba dikaji dan dianalisis oleh penulis dengan teliti untuk mencari jawapan dari persoalan yang dikemukakan. Permasalah tersebut akan dihurst dengan baik dan penulis akan cuba memberikan ulasan tambahan dengan berasaskan data-data dari firqah Syiah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

1.4 Objektif Kajian

Bagi memastikan kajian ini berkualiti dan mencapai sasarannya, penulis menetapkan beberapa objektif utama yang perlu dicapai iaitu:

- i. Mengkaji faktor-faktor kekuatan Ihsan Ilahi Zahir dalam mengkritik pemikiran Akidah Syiah.
- ii. Mengenal pasti isu-isu utama kritikan Ihsān Ilahī Zahīr terhadap pemikiran Syiah berkaitan dengan akidah
- iii. Menganalisis kekuatan hujah-hujah beliau dalam mengkritik pemikiran Syiah

berkaitan akidah.

iv. Menganalisis metodologi yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya.

1.5 Definisi Tajuk

Kajian ini bertajuk “*Ihsan Ilahi Zahir (1945-1987) dan kritikannya terhadap pemikiran akidah Syiah.*” Sebelum kajian ini diteruskan, penulis akan menjelaskan pengertian beberapa perkataan yang membentuk tajuk kajian ini seperti kritikan, Ihsān Ilahī Zahīr dan pemikiran akidah Syiah.

Ihsān Ilahī Zahīr yang menjadi tokoh kajian ini dilahirkan pada tahun 1945 di Sailkot Pakistan. Beliau mendapat Ijazah pertama daripada Universiti Islam Madinah dalam bidang Syariah Islamiyyah. Beliau kemudian menyambung pengajian peringkat Master di Universiti Punjab Pakistan dalam bidang Syariah Islamiyyah, Bahasa Arab, Bahasa Parsi, Bahasa Urdu dan Siasah Syar‘iyyah. Beliau seoarang yang cerdik, fasih dalam pelbagai bahasa, bijak berpidato dan berdebat khususnya dalam bidang akidah.¹⁴

Beliau banyak menghasilkan karya-karya dalam bidang akidah khususnya *firāq Islāmiyyah* disamping memberikan kritikan yang bernalas dalam mempertahankan kesucian akidah Islam. Antara karya-karya beliau berkenaan Syiah ialah *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, *al-Shī‘ah wa al-Qur'an*, *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū'* dan sebagainya. Beliau banyak mengkritik firqah Syiah rentetan dari penyelewengan dan tohmahan yang dilontarkan terhadap Ahli Sunnah. Ekoran dari kelantangannya mengecam Syiah, akhirnya beliau dipercayai oleh sesetengah pihak mati dibom oleh Syiah pada tahun 1987 dengan meninggalkan banyak karya yang boleh dimanfaatkan oleh pengkaji dewasa ini.

Kritikan bermaksud analisis, penilaian dan ulasan terhadap sesuatu karya sastera dan lainnya.¹⁵ Ia juga boleh dimaksudkan memberi pandangan atau pertimbangan

¹⁴ Al-Zahrānī, *Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhuduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Radd ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 46-52.

¹⁵ Hajah Noresah, *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 830.

terhadap suatu buku atau karya, permainan, perfileman dan sebagainya¹⁶. Ini bererti apa sahaja pandangan dan buah fikiran yang dihasilkan berkenaan suatu perkara dengan maksud-maksud yang tertentu maka ia disebut kritikan. Sementara pemikiran pula, ia berasal dari ungkapan bahasa Arab *fakkara yufakkiru tafkiran* yang bermaksud berfikir.¹⁷ Manakala *fikrun* atau *fikratun* bermaksud fikiran¹⁸ atau sesuatu yang difikirkan.¹⁹ Menurut Shahbudin Laming, pemikiran adalah satu alat yang dipunyai oleh orang yang mahu berfikir dan hasil dari usaha untuk berfikir itu dinamakan buah atau hasil pemikiran.²⁰ Dengan ini pemikiran bolehlah diertikan sebagai alat yang digunakan oleh intelektual dengan sifat-sifatnya yang tertentu seperti berbudi, arif dan ahli dalam perkara tersebut.²¹ Menurut Kamus Dewan pula pemikiran adalah perihal berfikir (memikir).²² Ini bererti pemikiran ialah proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dan membuat pertimbangan yang wajar, bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan seterusnya membuat refleksi terhadap proses yang dialami. Ia juga merupakan keupayaan untuk menyelesaikan masalah dengan fahaman bukan dengan perbuatan.²³

Sementara “akidah” pula membawa maksud ikatan atau simpulan, perjanjian, tetap hati, percaya, berjanji, simpulan iman dan sebagainya.²⁴ Abū Ḥāmid al-Ghazzālī (w.505 H) menjelaskan akidah ialah berpegang dan membenarkan di dalam hati dan meyakini dengan pasti tanpa bercampur dengan sebarang keraguan, syak dan kegundahan jiwa berdasarkan keyakinan dan membenarkannya tanpa soal.²⁵ Menurut Ibn

¹⁶ Elizabeth Walter, *Cambridge Advanced Learner’s Dictionary*, ed. ke-3 (Singapura: Cambridge University Press, 2008), 332.

¹⁷ Jubran Mas’ūd, *Al-Rā’id* (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malayīn, 1992), 606.

¹⁸ *Ibid.*, 606.

¹⁹ *Al-Mu’jam al-Falsafi* (Kaherah: al-Hay’ah al-‘Āmmah li Syu’un al-Matabī‘ al-Amiriyyah, 1983), 137.

²⁰ Shahibuddin Laming, *Pemikiran al-Kindi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 58.

²¹ *Ibid.*, 58.

²² Hajah Noresah, *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 410.

²³ Abd Halim al-Sayyid, *Ilmu al-Nafs* (Kaherah: Maktabah Gharib, 1990), 45.

²⁴ Mohamad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi* (Kuala Lumpur: Dār al-Fikri, 1990), 35-36, lihat Jubran Mas’ud, *al-Rā’id*, 558. Lihat *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1996), 310-311.

²⁵ Al-Ghazzālī, *Ihyā’ ‘Ulūm ad-Dīn* (Kaherah: t.p., 1998), 102.

Taymiyyah (w.728 H) akidah merupakan satu perkara yang dibenarkan dalam jiwa dan hati manusia sehingga mendatangkan keyakinan yang tidak diragui dan bercampur aduk dengan syak.²⁶ Manakala Dr. Yūsuf al-Qardāwī pula menakrifkan akidah sebagai satu perkara yang bersifat tetap selamanya dan tidak ada keraguan padanya.²⁷ Justeru itu apabila perkataan “pemikiran” digabung dengan “akidah” sehingga terbentuk ungkapan “pemikiran akidah” ia membawa maksud hasil buah fikiran yang tetap dan tidak goyah tanpa belah bagi berkenaan dasar-dasar akidah Islam mencakupi persoalan ketuhanan, kenabian dan *al-Sam'iyyat* yang diyakini bersumberkan dalil-dalil yang pasti.

Manakala perkataan “Syiah”, ia ditakrifkan oleh Ibn Manzur sebagai pengikut atau pembela.²⁸ Ia juga boleh diertikan sebagai satu kelompok yang membela dan membantu pendapat orang lain dan berpihak kepadanya,²⁹ sama ada seorang, dua atau ramai, perempuan atau lelaki yang telah memberikan kepatuhan kepada Saidina Ali dan *Ahl al-Bayt*.³⁰ Begitu juga pandangan Jubran Mas'ud memberikan maksud perkataan Syiah dengan merujuk kepada mana-mana Jama'ah Islam yang menolong Imam Ali bin Abi Talib dan keluarganya.³¹ Oleh itu mana-mana kelompok manusia yang bersatu padu dalam suatu perkara, sefahaman dan sependapat di samping menyokong dan membela atas fikrah yang sama iaitu menyanjung Saidina Ali dan keturunannya maka kelompok itu dinamakan Syiah. Pada zaman awal Islam perkataan Syiah hanya digunakan dengan pengertian yang asal ini, iaitu penyokong bagi kumpulan-kumpulan yang bertelagah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan siasah atau pengurusan negara. Ia selaras dengan apa yang dinyatakan oleh al-Zubaydī dalam kitabnya *Taj al-'Arus* dimana setiap kaum yang berkumpul bagi sesuatu tujuan maka mereka merupakan Syiah dan setiap orang yang menolong seseorang dan menyebelahinya maka ia disebut

²⁶Şalah Abd al-'Alim Ibrāhīm, *Fī al-'Aqīdah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Tibā'ah al-Muhammadiyyah, 1991), 7.

²⁷ Al-Qardāwī, *al-Imām wa al-Hayāh* (Saudi Arabia: Dār al-Sa'udiyyah, 1996), 23.

²⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1996), 258.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

³¹ Jubran Mas'ud, *al-Rā'id*, 458.

Syiah kepadanya.³² Menurut Abū Ḥasan al-Asy‘arī mereka dinamakan dengan Syiah kerana mereka melebihkan Saidina Ali dan mengutamakannya daripada para sahabat rasul yang lainnya.³³ Ibn Hazm pula berpandangan sesiapa sahaja yang sepakat dengan Syiah dimana Saidina Ali adalah manusia yang paling utama selepas Rasulullah SAW dan yang paling berhak menjawat jawatan Imamah termasuk juga anak-anaknya maka mereka adalah Syiah.³⁴ Manakala Ibn Khaldun pula mendefinisikan Syiah sebagai sahabat dan pengikut.³⁵ Menurut beliau para fuqaha’ dan mutakallimin sepakat Syiah itu sendiri diertikan kepada pengikut Ali bin Abi Talib.³⁶ Al-Shahrastānī pula berpandangan Syiah ialah mereka yang melebihkan Saidina Ali secara khusus dan menyatakan Imamah dan khilafah berlaku dengan nas dan wasiat samada secara jelas atau tersembunyi.³⁷

Kajian ini merupakan penerokaan terhadap tajuk-tajuk yang telah dikaji oleh sebahagian ulama terdahulu. Ramai penulis membincangkan permasalahan tersebut dengan baik sama ada dalam bentuk penulisan jurnal, artikel, kertas kerja dan sebagainya. Kajian yang dilakukan oleh penulis ini diharapkan dapat mengembangkan lagi kajian terdahulu dalam bentuk yang lebih tersusun dan sistematik.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan (library research) berkenaan faktor-faktor kekuatan Ihsan Ilahi Zahir dalam mengkritik pemikiran akidah Syiah. Ia juga akan mengenal pasti isu-isu utama kritikan Ihsān Ilāhī Zahīr terhadap pemikiran Syiah berkaitan akidah. Penulis juga akan menganalisis kekuatan hujah-hujah beliau dalam

³² Ia merupakan kenyataan al-Zubaydī dalam kitabnya *Taj al-‘Arus* yang dimuatkan dalam kitab *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū*’ karangan Ihsān Ilāhī Zahīr. Lihat Ihsān Ilāhī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū*’ (Kaherah: Dār Ibn Hazm, 1987), 27. Lihat Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh, *Mengenal hakikat Syiah* (Wilayah Persekutuan: Jabatan Mufti, 2013), 3.

³³ Abū Ḥasan al-Asy‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyīn* (t.t.p.: Dār al-Nashr, 1963), 5.

³⁴ Abī Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad Ibn Ḥazm al-Ζāhirī, *al-Faṣl fī al-Milāl wa al-Āhwā’ wa al-Nihāl* (Beirut: Dār al-Jalīl, 1985), 2:270.

³⁵ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn* (Kaherah: Dār Nahḍah Misr li al-Ṭibā’ah wa al- Nashr, t.t.), 587.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Abī al-Faṭḥ al-Shahrastānī, *al-Milāl wa al-Nihāl*, 63.

mengkritik pemikiran Syiah berkaitan akidah. Seterusnya menganalisis metodologi yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya.

Justeru itu, kajian ini hanya akan menganalisis isu-isu akidah sahaja yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dan tidak kepada isu lain berdasarkan kepada karya-karya beliau. Tumpuan akan diberikan kepada lima buah kitab sahaja iaitu *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, *al-Shī‘ah wa ahl al-Bayt*, *al Shī‘ah wa al-Tashaiyyū*, *al-Radd al-Kāfi ‘ala mughalat al-Duktūr ‘Abd Wāhid Wāft* dan *al-Shī‘ah wa al-Qur’ān*. Kritikannya pula akan dinilai berdasarkan pandangan ulama-ulama lain yang tersohor dari kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Syiah sama ada ulama silam atau kontemporari. Pandangan ini akan memperkuuhkan lagi kritikan dan pandangan Ihsān Ilahī Zahīr berkenaan pandangannya terhadap pemikiran akidah Syiah.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan oleh penulis antara lain adalah untuk menyingkap sumbangan yang dimainkan oleh ulama semasa dalam menilai pemikiran yang menyeleweng dalam Islam. Dewasa ini, pelbagai pemikiran yang menyeleweng muncul dalam dunia Islam yang dikemukakan oleh pelbagai pihak. Sebilangan ahli masyarakat terkadang terkeliru dengan fikrah yang dibawa dan merasakan ia pemikiran Islam yang benar sedangkan ia adalah pemikiran yang salah. Sehubungan dengan itu, kajian ini berperanan untuk menyingkap sumbangan yang dimainkan oleh ulama semasa seperti Ihsān Ilahī Zahīr dari ancaman Syiah dalam mempertahankan kesucian Islam. Sumbangan mereka dalam mempertahankan kesucian akidah Islam perlu diketengahkan agar masyarakat Islam dapat memanfaatkan buah fikiran beliau dalam menangani isu-isu berkaitan Syiah.

Kajian ini juga berperanan untuk melihat kritikan yang diberikan oleh Ihsān Ilahī Zahīr terhadap pemikiran akidah Syiah. Sumbangan besar yang diberikan oleh

beliau dalam mempertahankan kesucian akidah Islam perlu didedahkan kepada masyarakat agar masyarakat menyedari hakikat sebenar firqah Syiah. Ia merupakan kerja murni *Ihsān Ilahī Zāhir* dan sumbangan beliau dalam mempertahankan kemurnian akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Dewasa ini, terdapat kalangan yang melihat ajaran Syiah secara kolektif sebagai satu ajaran yang benar tanpa melakukan kajian mendalam terhadap ajaran yang dibawa. Kegagalan masyarakat dalam memahami pemikiran Syiah dan Ahli Sunnah memberikan impak besar terhadap kekeliruan masyarakat. Ajaran tersebut semakin berkembang dan mendapat sambutan dalam kalangan beberapa individu tertentu umat Islam di negara kita.³⁸ Umat Islam di Malaysia mengikut tiga aliran Syiah iaitu *Shi’ah Taiyyiba Bohra*, *Shi’ah Isma’iliyyah* dan *Shi’ah Ja’fariyyah* atau *Imamiyyah Ithna ‘Ashariyyah* yang bergerak di sekitar Lembah Klang.³⁹ Walaupun ia masih di peringkat awal, perkembangannya harus dipantau. Penjelasan dan penerangan berkenaan pemikiran Syiah harus diberikan perhatian agar masyarakat tidak tersasar dari landasan yang sebenarnya.

Hasil daripada kajian ini diharapkan boleh dimanfaatkan oleh institut-institut agama di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pihak jabatan-jabatan agama Islam negeri bagi menangani fahaman Syiah yang dilaporkan

³⁸Lihat dalam fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwakebangsaan/syiah-di-malaysia>. Banyak bukti dan keterangan berkenaan Syiah semakin mendapat sambutan sebahagian masyarakat Islam di Malaysia. Antaranya ialah deklarasi yang ditulis oleh Hermanshah bin Sidik bertarikh 14 Mei 2012 ditujukan kepada Perdana Menteri Malaysia, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan membuat pengisytiharan bahawasanya beliau beragama Islam bermazhab *Shi’ah Imamiyyah* (Jaafari) dan menuntut kepada Kerajaan Malaysia atas nama kebebasan beragama untuk mengiktirafnya. Perakuan yang sama juga beliau lakukan dalam satu akuan bersumpah pada 7 Jun 2012 di hadapan Pesuruhjaya Sumpah Malaysia Mahkamah Kuala Lumpur Jalan Duta. Begitu juga dalam deklarasi bertarikh 28 Disember 2012 yang dihantar kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, 15 orang berbangsa Melayu yang beralamat di negeri Perak telah mengisytiharkan diri mereka sebagai penganut Islam bermazhab *Shi’ah Imamiyyah* (Jaafari). Selain itu, beberapa tangkapan juga dilakukan oleh penguatkuasa agama negeri seperti JAIPk, JAIS dan lain-lainnya. Pada 5 Ogos 2013 Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) menyerbu dua premis dan menahan dua individu yang dipercayai mempunyai kaitan dengan ajaran Syiah. Dalam serbuan pertama, JAIPk menahan seorang pengamal perubatan alternatif wanita di sebuah klinik di Medan Kamunting dan turut merampas bahan-bahan serta dokumen berkaitan ajaran Syiah termasuk poster, buku dan cakera padat(CD). Kedua JAIPk menahan seorang lelaki disebuah premis di Kampung Klian Pauh, Jalan Kamunting Lama dan merampas beberapa bahan serta dokumen berkaitan Syiah. Lihat Tuan Haji Mahamad Naser bin Disa, “Sejauh Mana Kebebasan Beramal Menurut Undang-undang” (Kertas kerja, Konvensyen Ilmuan Islam, Hotel Impiana Ipoh, Perak, pada 6 Disember 2013. Begitu juga tangkapan yang dilakukan oleh penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor terhadap 200 pengikut ajaran tersebut di Hauzah al-Rida Gombak. Lihat Berita Harian, 17 Disember 2010. Selain itu Pengikut-pengikut Syiah di Kedah juga telah menyaman Mufti Kerajaan Negeri Kedah yang bertegas dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan berkenaan Syiah khususnya di negeri Kedah. Semua petunjuk-petunjuk tersebut membuktikan kewujudan ajaran tersebut dan ia diterima oleh sebilangan masyarakat.

³⁹ *Ibid*

berkembang dan mendapat sambutan di kalangan sebilangan masyarakat. Masyarakat perlu diberi kesedaran dan pendedahan berkenaan ajaran Syiah agar mereka tidak terpedaya dengan doktrin yang terbukti menyeleweng. Ia boleh dimanfaatkan untuk diterbitkan dalam bentuk buku, risalah dan sebarang bentuk penerbitan bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat.

Kajian tentang Syiah di Institut Pengajian Tinggi setakat ini agak kurang. Kajian yang dilakukan kebiasaannya hanya berkisar topik-topik tertentu sahaja seperti *Imāmah*, *Wilāyah al-Faqīh*, *Ahl al-Bayt* dan lain-lainnya. Ia tidak menyeluruh menyentuh semua perbahasan isu-isu Syiah yang sewajarnya dikaji dan dianalisis secara menyeluruh. Justeru itu kajian ini diharapkan dapat memperluaskan kajian-kajian sedia ada yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Dengan ini semua isu-isu utama merangkumi semua ajaran akidah Syiah dapat dikembangkan dan dimanfaatkan oleh pengkaji dan masyarakat.

Dengan kajian ini juga, ia diharapkan dapat menyumbangkan sebahagian idea bagi menyelesaikan isu-isu Syiah di Malaysia yang mengganggu Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Isu-isu Syiah yang berlaku di Malaysia perlu diselesaikan oleh golongan-golongan tertentu yang mengkaji dan mendalami secara khusus bidang ini bagi menjawab semua isu Syiah dengan mengemukakan penyelesaian yang wajar bagi membentras penyebaran ajaran tersebut. Ia diharapkan dapat membantu menyelesaikan isu tersebut dengan sebaiknya bagi memastikan kelangsungan pegangan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah tidak tergugat.

Selain itu, kajian ini juga akan memberikan manfaat dan faedah kepada masyarakat Islam supaya menyedari tentang kebenaran sesuatu firqah. Masyarakat boleh memanfaatkan kajian ini sebelum membuat sebarang telahan dan penilaian agar sesuatu kenyataan yang dikeluarkan berasaskan penilitian dan kajian yang mendalam.

1.8 Ulasan Penyelidikan Lepas

Sepanjang kajian dan pembacaan penulis, terdapat beberapa kajian dan kitab yang ditulis bagi mengkritik Syiah yang ada kaitannya dengan kajian yang dilakukan oleh penulis. Antaranya kajian peringkat Doktor Falsafah bertajuk *Shaikh Ihsān Ilahī Zāhir: Manhajuhu wa Juhuduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Radd ‘Alā al-Firāq al-Mukhālafah*⁴⁰ oleh Ali bin Mūsā al-Zahrānī di Universiti Umm al-Qūrā, Makkah al-Mukarramah pada tahun 2004. Tesis kedoktoran setebal 880 muka surat itu telah lulus dengan pangkat Mumtaz. Ia merupakan kajian penting yang memaparkan kritikan beliau terhadap firqah-firqah yang menyeleweng khususnya firqah Syiah. Kajian tersebut ada kaitan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis memandangkan kajian yang dilakukan oleh penulis juga adalah kajian kritikan. Ali bin Mūsā al-Zahrānī mendapati Ihsān Ilahī Zāhir sangat bersungguh mempertahankan kesucian agama Islam dengan menggunakan pelbagai manhaj daripada ancaman ajaran-ajaran yang menyeleweng seperti Syiah. Kesucian ajaran Islam harus dipertahankan dan tidak mungkin untuk berdamai dan bertoleransi dengan Syiah disebabkan oleh perselisihan yang bersifat “*usul*”.

Beliau juga mendapati Ihsān Ilahī Zāhir menggunakan pelbagai manhaj sebagai pendekatannya mengkritik firqah Syiah dan firqah-firqah lain seperti berpegang dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, penggunaan hujah yang kuat dalam menolak ajaran Syiah dengan berasaskan pendalilannya yang mantap, kaedah perbandingan dengan firqah dan agama-agama lain yang menyeleweng, bersifat adil dalam berhujah dengan mengemukakan kitab-kitab rujukan Syiah dan ketika mengambil kenyataan dan sebagainya. Dalam kajiannya, beliau banyak mengaitkan isu-isu utama dalam ajaran Syiah seperti *al-Imamah, tanasukh, raj'ah, ahl al-Bayt*, al-Qur'an, al-Sunnah dan sebagainya dengan menggunakan metodologi kritikan sebagaimana yang dinyatakan di

⁴⁰ Al-Zahrānī, *Ihsān Ilahī Zāhir*.

atas. Ini menjadikan kajian beliau kuat dan berkesan dalam perbincangannya berkenaan ajaran Syiah hingga akhirnya beliau dimusuhi oleh Syiah.

Begitu juga karya bertajuk *Salāmah al-Qur’ān min al-Tahrīf wa Tafnīd al-Iftirā’at ‘alā Shī‘ah al-Imāmiyyah*: ‘Ard wa Naqd li Arā’ al-Duktūr Nāṣir bin Alial-Qaffārī, Ihsān Ilahī Zāhir, Muhammad Mal Allāh wa Akhārīn⁴¹ yang dikarang oleh Fath Allāh al-Muhammadī pada tahun 2003. Ia merupakan satu karya yang membincangkan pandangan dan kritikan tiga orang tokoh iaitu Nāṣir bin Alial-Qaffārī, Ihsān Ilahī Zāhir dan Muhammad Mal Allāh berkenaan al-Qur’ān yang telah dituduh oleh Syiah sebagai menyeleweng. Penulis juga melihat ada kaitan antara tajuk tersebut dengan tajuk penulis dari aspek kritikan dan pandangannya tentang al-Quran yang diutarakan oleh ketiga-tiga tokoh tersebut. Penulis akan melihat pandangannya, metodolgi dan kekuatan hujah yang digunakan.

Penulis juga ada menemui satu kajian peringkat Doktor Falsafah pada tahun 2003 dari Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk Syiah dan pengaruhnya dalam bidang politik dan tasawuf falsafah di Alam Melayu zaman Tradisional. Kajian tersebut ditulis oleh Kamis bin Ismail. Kajian ini membincangkan tentang sejauhmana sumbangan Syiah dalam bidang politik dan pemikiran tasawuf falsafah di alam Melayu. Beberapa penemuan diperolehi dalam kajian tersebut antaranya kenyataan tentang Syiah adalah paling awal datang ke alam Melayu berbanding golongan Sunni. Mereka juga telah menujuhkan kerajaan Islam yang pertama serta amat berpengaruh dalam sudut agama, politik dan sosial. Tesis ini juga ada membincangkan berkenaan sejarah Syiah dari sudut epistemologi sehingga ke aliran dan doktrin mereka, sejarah kedatangannya ke alam Melayu dan pengaruh Syiah dalam bidang politik serta tasawuf falsafah di alam melayu seperti *Wahdah al-Wujūd*, *Nūr Muḥammad*, Martabat Tujuh dan sebagainya. Manakala tajuk yang menjadi kajian penulis pula adalah berkaitan

⁴¹ Lihat Fath Allāh Muhammadī, *Salāmah al-Qur’ān min al-Tahrīf wa Tafnīd al-Iftirā’at ‘alā Shī‘ah al-Imāmiyyah*: ‘Ard wa Naqd li Arā’ al-Duktūr Nāṣir bin ‘Alī al-Qaffārī, Ihsān Ilahī Zāhir, Muhammad Mal Allāh wa Akhārīn (Tehran: Dār Masy’ar, 2003).53

kritikan Ihsān Ilahī Zahīr dalam persoalan akidah Syiah. Beberapa isu-isu utama akidah Syiah akan dikaji oleh penulis seperti *tanasukh*, *ahl al-Bayt*, *takfir al-Sahabah* dan sebagainya.

Penulis juga menemui satu kajian tesis Master dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang dikemukakan pada tahun 2004 oleh Rifanto bin Ridwan. Kajian tersebut bertajuk “Syarat Perlantikan Khalifah Menurut Perspektif Syiah dan Ahli Sunnah.” Ia membincangkan berkenaan konsep khilafah merangkumi cara pemilihan, hukum permohonan untuk menjadi khalifah serta gelaran terhadap khalifah. Ia juga turut membandingkan konsep tersebut antara Syiah dan Ahli Sunnah dari sudut yang disebutkan di atas. Tesis tersebut juga memberikan penilaian terhadap syarat perlantikan khalifah menurut perspektif Syiah. Hasil kajian ini mendapat slogan cinta *ahl al-Bayt* yang selalu digembar-gemburkan oleh Syiah adalah hanya semata-mata alat untuk mendapatkan beberapa kepentingan mereka. Malah syarat perlantikan khalifah yang diletakkan oleh mereka adalah bertujuan menghalang khalifah yang lain seperti Abu Bakar, Umar dan Usman dari menjawat jawatan khalifah atas sebab-sebab tertentu. Manakala kajian yang dilakukan oleh penulis juga turut menyentuh persoalan al-Imāmah atau khilafah sebagai salah satu isu utama dalam ajaran Syiah yang perlu dikaji oleh seorang penulis.

Penulis juga ada menemui satu kajian diperingkat Doktor Falsafah yang dilakukan oleh Wan Zailan bin Wan Ali di Universiti Malaya bertajuk Ali bin Abī Ṭālib dan Pemikirannya Menurut Perspektif Syiah. Kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis pandangan Syiah terhadap isu perlantikan Abu Bakar sebagai khalifah. Hasil kajiannya mendapat golongan Syiah menolak sekeras-kerasnya perlantikan Abu Bakar sebagai Khalifah kerana mereka mempercayai dan mempunyai nas yang sahih tentang khalifah yang sepatutnya menjadi khalifah pertama adalah Ali bin Abī Ṭālib. Terdapat beberapa kaitan antara kajian tersebut dengan kajian yang dilakukan oleh

penulis khususnya berkaitan Imamah yang menjadi salah satu topik utama yang akan dikaji oleh penulis.

Penulis juga ada menemui sebuah kitab yang dikarang oleh ‘Abd Sattār al-Tunsawī seorang ulama dari Pakistan, bertajuk *Butlan ‘Aqā’id al-Shī‘ah*. Dalam kitab tersebut beliau telah mendedahkan kebatilan dan kesesatan akidah Syiah yang menyeleweng dari kehendak sebenar akidah Islam iaitu akidah syirik kepada Allah, akidah al-Bada’, akidah kemaksuman para imam, akidah al-Qur’ān yang telah diselewengkan, akidah penghinaan Syiah terhadap Nabi, Aisyah dan para sahabat iaitu Abu Bakar, Umar dan Usman, *taqiyyah*, mut’ah dan sebagainya. Penulis kitab tersebut mendapati ia adalah akidah Syiah yang batil dan bercanggah dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Penulis kitab tersebut telah menggunakan hujah-hujah yang baik dan berkesan berdasarkan penggunaan nas-nas al-Qur’ān dan al-Hadith disamping merujuk kitab-kitab muktabar mereka. Kajian tersebut ada kaitan dengan kajian yang sedang dilakukan oleh penulis dimana penulis cuba memfokuskan kepada kritikan-kritikan Ihsān Ilahī Zāhir terhadap isu-isu utama dalam akidah seperti akidah *takfīr al-ṣahābah*, al-Qur’ān, al-Sunnah, *al-Raj’ah* dan sebagainya. Dalam kajian ini juga penulis telah mengenal pasti beberapa metodologi utama dalam kritikannya terhadap akidah Syiah seperti penggunaan nas-nas al-Qur’ān dan al-Sunnah disamping merujuk kitab-kitab utama Syiah.

Penulis juga menemui buku terjemahan yang dikarang oleh ustaz Sa‘īd Hawwā yang bertajuk *Fahaman Khomaini: Akidah dan Sifat yang Ganjil*. Buku tersebut membincarkan berkenaan fahaman-fahaman Khomeini yang salah dan menyeleweng yang telah difatwakan oleh beliau. Buku tersebut banyak mewarnai pegangan akidah pengikut Syiah dalam semua permasalahan. Beberapa isu utama telah diketengahkan oleh Ustaz Sa‘īd Hawwā seperti persoalan al-Qur’ān, al-Sunnah, *al-Imam*, *al-Sahabah* dan sebagainya. Beliau cuba mengkajinya menurut kacamata Khomaini yang dianggap

sebagai *Nā'ib al-Imām* oleh Syiah hingga faham akidah tersebut dilabelkan dengan faham Khomenisme.

Penulis juga menemui sebuah kitab bertajuk *al-Shī‘ah wa al-Tasyayyū’* yang dikarang oleh Ihsān Ilahī Zahīr. Ia sebuah kitab yang membincangkan berkenaan sejarah perkembangan ajaran Syiah yang dibawa oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ hingga menjadi satu gerakan yang mempunyai akidah dan kepercayaannya yang tersendiri. Perbahasannya juga menyentuh persoalan akidah dan ajaran-ajaran Syiah seperti *al-Ghaybah*, *al-Raj’ah*, *al-Hulūl* dan sebagainya. Penulis mendapati beberapa isu akidah yang sama juga akan dikaji oleh penulis seperti *al-Raj’ah*, *al-Hulūl* dan *al-Tanasukh*. Persamaan ini tidak menghalang penulis untuk lebih memperincikan lagi perbahasannya dengan mengemukakan fakta-fakta tambahan bersumberkan kitab maktabar Syiah dan Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Selain itu, penulis ada menemui satu karya berbahasa Melayu yang ditulis oleh Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh, Mufti Wilayah Persekutuan dan Mahmood Sa’ad Nasih bertajuk mengenal hakikat Syiah yang diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2013. Ia satu karya yang baik memperkenalkan Syiah kepada masyarakat awam. Beberapa topik utama disentuh oleh penulis dalam karyanya seperti sejarah perkembangan Syiah dan perkaitannya dengan *ahl Bayt*, *ahl al-Bayt* menurut pandangan ahl al-Sunnah dan Syiah, akidah Imamah di sisi *Shī‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* dan sebagainya. Penulis karya tersebut juga ada menyentuh perkembangan Syiah kepada Rafidah hingga menimbulkan beberapa ajaran dan akidah baru yang diimani oleh Syiah menurut Ihsān Ilahī Zahīr melalui kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū’*. Isu tersebut juga akan dikaji oleh penulis dengan memperincikan lagi perbahasannya. Beberapa isu lain yang sama juga akan disentuh oleh penulis dalam kajian ini.

Berdasarkan tinjauan kajian terdahulu, tiada pertindihan antara kajian penulis yang memfokuskan kepada kritikan-kritikan yang dilakukan oleh Ihsān Ilahī Zahīr

terhadap isu-isu yang berkaitan persoalan akidah Syiah. Penulis akan mengkaji faktor-faktor yang mendorong Ihsān Ilahī Zahīr untuk mengkritik Syiah. Selain itu, penulis juga akan mengenal pasti isu-isu utama kritikan Ihsān Ilahī Zahīr terhadap pemikiran Syiah disamping menganalisis kekuatan hujah beliau dalam mengkritik. Akhirnya penulis akan menganalisis metodologi yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya berkenaan isu-isu akidah. Kesemua isu tersebut tidak dikaji dan disentuh oleh mana-mana penulis sebagaimana dalam ulasan terdahulu. Ia akan menjadi skop utama penulis dalam menyempurnakan kajian ini.

1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif⁴² yang berbentuk kajian perpustakaan. Dalam hal ini, penulis menggunakan dua metode utama kajian ilmiah iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.

i. Metode pengumpulan data

Kajian yang akan dikaji oleh penulis adalah berbentuk kajian perpustakaan. Di dalam kajian ini, penulis akan menggunakan kaedah dokumentasi.⁴³ Kaedah ini akan digunakan oleh penulis bagi mencapai semua objektif kajian iaitu mengkaji faktor-faktor yang mendorong Ihsān Ilahī Zahīr untuk mengkritik Syiah, mengenal pasti isu-isu utama kritikan Ihsān Ilahī Zahīr terhadap pemikiran Syiah berkaitan dengan akidah, menganalisis kekuatan hujah beliau dalam mengkritik pemikiran Syiah berkaitan akidah dan menganalisis metodologi yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr

⁴² Penyelidikan kualitatif bermaksud penyelidikan yang menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, persepsi, ciri-ciri, simbol, perasaan atau apa sahaja yang boleh menjelaskan suatu fenomena. Sumber bagi data kualitatif adalah dalam bentuk bertulis seperti buku, laporan, fail dan sebagainya. Lihat Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajaran Islam* (Selangor: Kamil & Shakir sdn. Bhd, 2009), 26. Lihat juga Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 9.

⁴³ Ia merupakan satu kaedah pengumpulan data yang dilakukan terhadap bahan-bahan penulisan yang mengandungi maklumat-maklumat tentang fenomena yang hendak dikaji. Lihat Kenneth D. Bailey, *Methods of Social Research* (New York: A Division of Macmillan Inc., 1994), 294.

dalam kritikannya. Rujukan utama kajian adalah dari keseluruhan tulisan asal Ihsān Ilahī Zahīr yang menyentuh perbincangan Syiah. Penulis akan mengenalpasti tajuk-tajuk yang berkaitan persoalan akidah Syiah untuk dikumpul dan dianalisa. Penulis akan merujuk 5 karya beliau dan menganalisa kandungan karya tersebut. Bagi melengkapkan kajian, penulis akan mengumpul dan menganalisa sumber-sumber lain dari tulisan pemikir dan penulis muktabar sama ada teks klasik atau semasa.

Beberapa sumber primer dan sekunder akan digunakan oleh penulis dalam kajian ini. Penulis akan menggunakan rujukan ulama dan pemikir Syiah seperti *al-Kāfi fi al-Uṣūl wa al-Furū'*, karya Muhammad bin Ya'qūb al-Qulaynī (m. 329 H), *Man lā Yāḥḍuruḥu al-Faqīh*, karangan Abū Ja'far Muḥammad bin Ali Ibn Babawayh al-Qummī (m.381 H), *Tahdhīb al-Aḥkām* karangan Abī Ja'far Muḥammad bin al-Hasan al-Ṭūsī (m.460 H), *al-Istibsar fī Ma Ukhtulifa fī min al-Akhbar*, karangan Abī Ja'far Muḥammad bin al-Hasan al-Ṭūsī (m.460 H), *Taḥsil Wasāil al-Shī'ah ilā Taḥsil Masā'il al-Sharī'ah*, karangan Muḥammad bin al-Hasan al-Hurr al-Amīlī (m.1104 H), *Bihar al-Anwār*, karangan Muḥammad Baqīr al-Majlisī (m.1111 H) dan sebagainya. Penulis juga akan menggunakan karya-karya ulama dan pemikir *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* seperti *Ṣaḥīḥ Muslim* karya Muslim bin Ḥajjāj Abū al-Ḥusayn (m.261 H), *al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah*, karangan Abū Ḥasan Al-Ash'arī (m.324 H), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, karangan Abū Ḥasan Ali Ibn Muhamad Ibn Habib al-Mawardi (m.450 H), *al-Iqtisād fī al-Itiqād*, karangan Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzālī (m.505 H), *Fath al-Bārī li Sharḥ al-Bukhārī*, karya Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (m.852 H), dan sebagainya. Keseluruhan kitab tersebut akan dianalisis dan dikaji oleh penulis bagi mencapai empat objektif kajian yang dilakukan oleh penulis.

ii. Metode Analisis Data

Dalam menyusun dan menganalisis data, penulis akan menggunakan tiga metode utama seperti berikut:

i. Metode Induktif (khusus kepada umum)

Melalui metode Induktif⁴⁴ penulis akan menganalisa data melalui pola berfikir yang berasaskan mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum.⁴⁵ Dalam bahasa Arab metode ini dikenali sebagai *al-Manhaj al-Istiqrātī*. Sebagai contoh dalam kajian ini, perbincangan tentang akidah Syiah akan dikaji oleh penulis bagi mengenal pasti isu-isu kritikan Ihsān Ilahī Zāhir terhadap pemikiran Syiah. Dengan ini secara tidak langsung penulis mampu mengetahui metodologi yang digunakan oleh beliau dan menganalisis kekuatan hujah yang dikemukakan. Dengan ini juga, objektif yang ingin dicapai oleh penulis akan dapat dihasilkan dengan menggunakan metode di atas. Begitu juga rumusan yang bersifat umum akan disimpulkan daripada kajian yang dijalankan melalui kitab-kitab tersebut secara khusus.

ii. Metode Deduktif (umum kepada khusus)

Metode deduktif⁴⁶ adalah satu cara yang digunakan oleh penulis untuk menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dan kesimpulan dengan berpandukan dalil-dalil yang umum terhadap hal-hal yang khusus⁴⁷. Metode deduktif juga dikenali sebagai *al-Manhaj al-Istinbātī*. Metode ini digunakan oleh penulis pada keseluruhan

⁴⁴ Metode Induktif merupakan cara penganalisaan data dengan membuat kesimpulan dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada satu kesimpulan yang bersifat umum. Pemikiran tersebut bergerak daripada yang tertentu kepada yang umum, daripada satu set pengamatan khusus kepada penerokaan tentang suatu bentuk yang mewakili sebahagian tahap dan kedudukan sesuatu cara. Lihat Abd Rahman Ḥabanakah, *Dawābit al-Mārifah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 2002), 188. Lihat Earl Babbie, *The Basic of Social Research* (USA: Wadsworth Publishing Company, 1998), 13.

⁴⁵ Earl Babbie, *The Basic of Social Research*, 13.

⁴⁶ Metod deduktif ditafsirkan sebagai bergerak daripada umum kepada khusus. Ianya bergerak daripada bentuk yang mungkin berlaku dari segi logik dan teori kepada pengamatan yang menguji samada bentuk yang dijangka itu benar-benar terjadi. Lihat *Ibid.*, 22.

⁴⁷ *Ibid.*, 22.

kajian ini dan ia adalah bagi mencapai beberapa objektif dalam kajian ini. Isu-isu utama dari ajaran akidah Syiah akan dikaji dengan terperinci sebagai satu objektif kajian ini yang akhirnya satu kesimpulan khusus akan dihasilkan. Begitu juga metodologi kritikan dan kekuatan hujah dalam kritikan akan dianalisis dalam kajian ini bagi membuktikan kebenaran dan keabsahan kritikannya bagi menghasilkan satu rumusan yang tepat.

iii. Metode Komparatif

Di samping dua metode di atas, metode komparatif⁴⁸ pula digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa penelitian dilakukan. Metode ini digunakan untuk menyelesaikan percanggahan tafsiran tentang suatu maksud yang menjadi pertikaian antara Syiah dan Ahli Sunnah. Penulis akan menggunakan metode ini bagi melakukan perbandingan akidah Syiah dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* bagi mencapai beberapa objektif kajian iaitu menganalisis kekuatan hujah dan mengenalpasti isu-isu yang dikemukakan. Bagi menilai kekuatan hujah antara Ihsān Ilahī Zahīr yang mewakili kelompok *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah* dan Syiah dalam isu akidah, adalah dengan melihat aspek pendalilan yang dikemukakan sama ada berdasarkan sumber-sumber yang kukuh atau sebaliknya. Begitu juga isu-isu akidah yang dikemukakan samada ia benar-benar bertepatan dengan Islam atau sebaliknya. Secara umumnya, penggunaan metode-metode yang telah dinyatakan tersebut akan memastikan penghasilan sebuah kajian yang bermutu dan berkualiti.

⁴⁸ Metod komparatif adalah untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara dua entiti (atau lebih) yang diperbandingkan untuk tujuan-tujuan tertentu. Asas penting dalam kajian perbandingan ialah dua entiti itu hendaklah dalam kategori yang sama, pada aras yang sama, berdasarkan pada ciri dan aspek yang sama. Lihat Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*, 30.

1.10 Susunan Penulisan

Penulis akan membahagikan kajian ini kepada enam bab. Bab pertama merupakan pendahuluan yang menjadi pengenalan kepada para pembaca untuk mengikuti kajian dengan sempurna. Setiap bab pula mengandungi beberapa ceraian ataupun fasal yang akan memperincikan perbincangan. Penjelasan setiap bab adalah seperti berikut:

Bab pertama merupakan pendahuluan. Ia merangkumi pengenalan, latar belakang masalah, Pernyataan masalah, objektif, definisi tajuk, skop dan batasan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, ulasan penyelidikan lepas, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan.

Bab kedua pula akan menjelaskan berkenaan latar belakang Ihsān Ilahī Zahīr. Penulis akan menjelaskan berkenaan biodata pengarang, pengenalan kepada kitab-kitab dan karya yang dihasilkan oleh beliau dan faktor-faktor kekuatan Ihsan Ilahi Zahir dalam mengkritik pemikiran akidah Syiah. Biodata pengarang akan disentuh oleh penulis dengan menjelaskan nama sebenar pengarang, kehidupan dan detik kematianya. Penulis juga akan memperkenalkan kitab-kitab karangan beliau sebagai pengenalan merangkumi latar belakang kitab dan kandungan kitab tersebut. Faktor-faktor kekuatan Ihsan Ilahi Zahir pula akan dikaji dari aspek faktor keluarga, faktor pendidikan dan faktor keterlibatannya dengan *Jam'iyyah al-Hadīth*.

Dalam bab ketiga pula akan membincangkan berkenaan isu-isu utama kritikan Ihsān Ilahī Zahīr terhadap akidah Syiah. Perbincangannya akan difokuskan kepada isu ketuhanan dan keadilan Tuhan, *al-Nubuwah* dan *al-Imāmah* dan kedudukan sahabat dan kaitannya dengan akidah lain.

Dalam bab keempat pula penulis akan membincangkan metodologi kritikan Ihsān Ilahī Zahīr dalam persoalan akidah. Antara perkara yang dibincangkan adalah kejelasan terhadap konsep akidah Syiah berdasarkan sumber primer, kemuktamadan nas

al-Qur'an dan al-Sunnah dalam menilai isu akidah, pengukuhan hujah melalui karya-karya ilmiyyah khususnya *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* dan motif dakwah sebagai asas kritikan terhadap Syiah. Ianya merangkumi isu ketuhanan, kenabian dan akidah-akidah lain dalam Syiah. Penulis juga akan menganalisis kekuatan dan kelemahan kritikan beliau berkaitan isu-isu akidah Syiah.

Bab kelima pula penulis akan menganalisis kritikan *Ihsān Ilahī Zahīr* terhadap pemikiran akidah Syiah meangkumi persoalan *al-Tawhīd*, kenabian dan kepercayaan lain dalam akidah Syiah seperti *al-Imāmah*, *al-Bada'*, *al-Hulūl*, *al-Tanāsukh*, *ahl al-Bayt*, *al-Sahabah* dan sebagainya.

Bab Keenam pula merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan daripada keseluruhan kajian yang dilakukan.

1.11 Kesimpulan

Harapan penulis agar kajian ini dapat disempurnakan dengan baik dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam. Bagi menyempurnakan kajian ini, penulis berharap agar ia dapat memenuhi semua objektif yang dirancang bagi memastikan hasil yang dirancang tercapai.

BAB KEDUA

University Of Malaya

BAB 2 : LATAR BELAKANG IHSĀN ILAHĪ ZAHĪR

2.1 Pengenalan

Pemikiran Syiah yang dikaitkan dengan ‘Abd Allāh bin Sabā’ didapati diterima oleh sebilangan masyarakat Islam dewasa kini. Cabaran ulama pula semakin mencabar dalam mendepani pelbagai aliran pemikiran yang cuba mempengaruhi masyarakat Islam. Ramai ulama dan pemikir Islam bangun mempertahankan kesucian agama Islam dan cuba menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan Islam. Tokoh-tokoh utama dalam mempertahankan Islam wajar diketengahkan agar masyarakat mengetahui sumbangan dan komitmen mereka dalam memastikan kesucian agama Islam disinambungkan ke generasi mendatang sama sebagaimana di zaman awal Islam. Ihsān Ilahī Zahīr adalah seorang tokoh yang telah mengorbankan jiwa dan raganya dalam mempertahankan kesucian Islam daripada ancaman ketaksuhan Syiah. Penulis akan mengkaji latar belakang beliau dan faktor-faktor kritikannya yang tegas terhadap Syiah. Dalam pembentangan tentang latar belakang beliau, beberapa subtopik akan disentuh oleh penulis iaitu riwayat hidup Ihsān Ilahī Zahīr, latar belakang pendidikan, sifat-sifat mulia, karya-karya utama beliau dan sebagainya. Mengenai faktor-faktor kritikan terhadap Syiah, antara faktor yang akan dibincangkan ialah faktor keluarga, pendidikan, masyarakat, guru-guru dan desakan masyarakat.

2.2 Riwayat Hidup Ihsān Ilahī Zahīr

Nama sebenar beliau ialah Ihsān Ilahī Zahīr bin Zuhūr Ilahī Ahmad al-Dīn bin Nadham.¹ Beliau dilahirkan pada 31 Mei 1945 di Sialkot,² Punjab Pakistan dari keluarga

¹ ‘Alī bin Mūsā Al-Zahrañī, *Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fi Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Radd ‘ala al-Firāq al-Mukhālafah* (Saudi Arabia: Jāmi‘ah Umm al-Qurā, 1421), 3.

² *Ibid.*, Sialkot, Punjab, Pakistan merupakan sebuah Bandar lama yang terkenal dengan tokoh-tokoh ulama seperti Muḥammad Iqbāl, ‘Abd al-Hakeem al-Siyalkuti, Muḥammad bin Ibrāheem al-Siyalkuti, al-‘Allamah al-Muhaddith, Muḥammad Ibraheem al-Jundalwi dan sebagainya. Sila lihat Ihsan Ilahi Zahīr, *al-Shi‘ah wa al-Tashayyu‘*, (Kaherah : Dar Ibn Hazm, 2000), 17

berketurunan Seethe. Bapanya bernama *Zuhūr Ilāhī Aḥmad al-Dīn bin Nadham*³ seorang peniaga pakaian yang terkenal dengan sifat amanah dan berpegang dengan faham aliran salafi.⁴ Beliau merupakan seorang yang mementingkan ilmu pengetahuan dan dakwah. Beliau sering mendengar ceramah dari ulama-ulama terkenal seperti Muḥammad Ibrāhīm Meer.⁵ Ibu beliau seorang yang kuat berpegang dengan faham aliran salafi walaupun tidak mempunyai pendidikan formal.⁶ Ihsān Ilahī Zahīr mempunyai empat orang adik-beradik. Mereka ialah Fadhl Ilāhī, seorang Profesor di Jabatan Dakwah Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd Riyadh Saudi Arabia,⁷ Maḥmūd Ilāhī Zahīr seorang peniaga di Hyderabad Sind, Shakoor Ilāhī Zahīr merupakan seorang Hafiz al-Qur'an⁸ dan ‘Ābid Ilāhī Zahīr seorang hafiz.⁹

Ihsān Ilahī Zahīr merupakan seorang ilmuwan dan pendakwah yang tegas dalam menangani isu penyelewengan akidah yang dibawa oleh aliran-aliran seperti *Qaḍiānī*, *Baha’iyyah*, *Bābiyyah*, *Ismā’iliyyah* dan Syiah. Kesungguhan beliau mempertahankan kesucian agama Islam khususnya daripada ancaman Syiah, melalui karya-karyanya, pidato, khutbah, seminar dan sebagainya memberi tamparan hebat terhadap Syiah di dunia Islam.¹⁰ Berbagai percubaan untuk membunuh beliau telah dilakukan oleh pelbagai pihak yang akhirnya membawa kepada terbunuhnya beliau pada 20 Mac 1987.¹¹

³ *Ibid.*, 19.

⁴ *Ibid.*, 23.

⁵ *Ibid*

⁶ *Ibid*

⁷ *Ibid.*, 25. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana daripada Universiti Punjab, Pakistan dan Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd, Saudi Arabia dan terus menyambung pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah di Universiti yang sama.

⁸ *Ibid.*, Beliau juga menjalankan perniaggan di Gujranwala, Pakistan.

⁹ *Ibid.*, Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Punjab, Pakistan dan Ijazah Sarjana daripada Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd di Riyadh. Beliau bekerja dalam industri percetakan buku Islam dan tinggal di Riyad.

¹⁰ lihat Ihsan Ilahi Zahir, *al-Shi'ah wa al-Tashaiyyu'*, (Kaherah : Dar Ibn Hazm, 2000), 6

¹¹ *Ibid.*, 41. Sila lihat lihat Ihsan Ilahi Zahir, *al-Tasawwuf*, (Kaherah : Dar Ibn Hazm, 2000), 20

Beliau terbunuhan dalam satu siri letupan ketika beliau sedang menyampaikan ceramah di Lahore, Pakistan.¹² Beberapa cubaan bunuh telah dilakukan sebelum kamatiannya bagi menyekat dakwahnya. Walau bagaimanapun, cubaan bunuh tersebut tidak mengganggu gugat kerja dakwah beliau bagi mempertahankan akidah *Ahl Sunnah wa al-Jama‘ah* dan membetulkan akidah firqah lainnya yang menyeleweng dari landasan yang sebenar. Beliau juga pernah diberi amaran oleh Ayatullah Khomaini agar tidak meneruskan kecamannya terhadap firqah Syiah tetapi beliau tetap meneruskan kerja dakwahnya dan tidak menghiraukan amaran Ayatullah Khomaini.¹³ Dalam satu kenyataan Ayatullah Khomaini pernah mengeluarkan satu tawaran kepada sesiapa yang berjaya membunuhan Ihsān Ilahī Zāhir dan membawa balik kepalanya akan diberikan ganjaran berupa matawang sebanyak USD200,000.00. Mereka yang terbunuhan dalam usahanya membawa kepala Ihsan Ilahi dianggap syahid.¹⁴

Ihsān Ilahī Zāhir dalam dakwahnya mengkritik faham ajaran Syiah banyak membentangkan kertas kerja di seminar-seminar, berkhutbah di masjid-masjid, berceramah dan berdialog dengan ulama-ulama samada dari kalangan Ahl Sunnah wa al-Jama‘ah atau firqah lainnya. Menurut satu catatan beliau pernah berdialog berkenaan isu pertembungan fiqh antara fiqh Mazhab Hanafi dan Mazhab Ja‘fari dengan pendokong fiqh Ja‘fari. Dalam dialog tersebut beliau dilaporkan telah memperlihatkan kehebatannya berhujah dengan penuh kebijaksanaan. Beliau berpendapat bahawa fiqh Mazhab Ja‘fari tidak menepati kehendak al-Quran dan al-Hadith Rasullulah SAW¹⁵ dan ini merupakan dialog terakhir beliau sebelum mati dibunuhan.

Kemarahan musuh-musuh beliau memuncak dan bertekad untuk membunuhan Ihsān Ilāhī Zāhir. Dalam satu ceramah yang disampaikan oleh beliau di seminar yang dianjurkan oleh *Jam‘iyah al-Hadīth* di Lahore pada 23 Mac 1987 jam 11 malam

¹²*Ibid.*, 52.

¹³*Ibid.*, 30.

¹⁴*Ibid.*

¹⁵*Ibid.*, 36.

beliau telah disasarkan untuk dibunuh dalam satu konspirasi jahat musuh-musuh beliau. Konspirasi bunuh tersebut dilakukan dengan cara meletakkan bom di bawah meja berhampiran dengan tempat beliau berucap yang telah mengakibatkan 18 orang terbunuh dan 114 orang tercedera.¹⁶ Walau bagaimanapun beliau terselamat dalam letupan tersebut dengan mengalami kecederaan parah di sebahagian besar tubuhnya. Beliau dikejarkan ke Hospital Lahor Pakistan dan atas permintaan Kerajaan Arab Saudi, beliau dibawa ke Hospital Tentera Riyadh, Arab Saudi untuk dirawat. Ketika rawatan sedang dilakukan, beliau akhirnya mati pada 30 Mac 1987 jam 4.00 pagi di hospital tersebut.¹⁷ Jenazahnya dimandikan di Hospital tersebut dan disembahyangkan buat kali pertama di Masjid Jāmi' al-Kabīr Riyādh. Jenazah beliau kemudiannya di bawa ke Madinah al-Munawwarah melalui pesawat tentera untuk disembahyangkan buat kali kedua di Masjid Nabawi dan disemadikan di Tanah Perkuburan *Baqi'*e di Madinah al-Munawwarah bersama para sahabat nabi dan syuhada'.¹⁸

Para pendokong dan pengikut Ihsān Ilahī Zahīr memohon kepada pemerintah Pakistan agar mencari dan membawa pembunuh tersebut ke muka pengadilan dan mengancam untuk melakukan demonstrasi besar sekiranya tuntutan mereka tidak dipenuhi.¹⁹ Manakala musuh-musuh Ihsān Ilahī Zahīr pula berusaha untuk mencari dan mengumpulkan semua kitab karangan beliau untuk dilupus dan dibakar. Walau bagaimanapun buku-buku karangan beliau telah tersebar luas di seluruh dunia yang menyulitkan usaha mereka untuk menghapus dan membakarnya.²⁰ Walau bagaimanapun tidak terdapat bukti yang sah Syiah terlibat dengan pembunuhan tersebut, walaupun terdapat kenyataan beliau diugut bunuh oleh Syiah berdasarkan kepada beberapa peristiwa-peristiwa yang berlaku.

¹⁶ *Ibid.*, 38.

¹⁷ *Ibid.*, 41.

¹⁸ *Ibid.* Sila lihat Ihsan Ilahi Zahir, *al-Tasawwuf*, 20

¹⁹ *Ibid.*, 42.

²⁰ *Ibid.*, 43.

2.3 Latar belakang Pendidikan

Ihsān Ilahī Zahīr mendapat pendidikan awal ketika beliau berumur 4 tahun di Madrasah al-Sha’biyyah Sialkot Punjab Pakistan.²¹ Beliau juga dihantar untuk mengaji di Masjid Banadi Sialkot dan ketika berumur 9 tahun beliau mampu menghafal al-Qur'an.²²

Pendidikan Ihsān Ilahī Zahīr banyak dipengaruhi oleh keluarga beliau yang banyak menitik beratkan persoalan ilmu dan kemuliaan. Datuk beliau sendiri seorang yang mengambil berat soal ilmu dan akhlak. Datuknya menginginkan keturunannya masyhur dengan ilmu dan akhlak. Justeru itu beliau tidak mahu anak-anaknya memikirkan persoalan lain seperti mencari nafkah dan sebagainya melainkan persoalan ilmu.²³ Dorongan yang tinggi juga turut diberikan oleh bapanya dengan tarbiah Islam dan mendalami ilmu pengetahuan yang cenderung kepada salafi. Bapanya akan menyediakan segala kemudahan yang mencukupi kepada anak-anaknya untuk menuntut ilmu walaupun terpaksa berbelanja besar.²⁴ Bapanya adalah seorang yang cinta kepada ilmu dan ulama. Beliau sering menghadiri majlis-majlis ilmu yang diadakan oleh ulama-ulama terkenal seperti Muḥammad Ibrāhīm Meer, Thanā Allāh al-Amritsarī, Muḥammad Ismā‘īl al-Salafī, ‘Abd Allāh Thānī²⁵ dan sebagainya. Ia banyak mempengaruhinya hingga akhinya beliau kuat berpegang kepada aliran salafi. Justeru pengaruh keluarga inilah yang banyak mencorakkan Ihsān Ilahī Zahīr untuk tekun mendalami ilmu pengetahuan dan berakhlak mulia hingga disegani oleh kawan dan lawan.

²¹ *Ibid.*,45.

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*, 8

²⁴ *Ibid.*, 7

²⁵ *Ibid.*, 9

Pendidikan peringkat tinggi bermula ketika beliau menuntut di Universiti Islam Gujranwala, 40 batu dari Sialkot.²⁶ Beliau mula mendalami ilmu-ilmu Islam secara serius seperti *ilmu hadīth, muṣṭalah al-hadīth, fiqh, uṣūl al-fiqh, nahw, ṣarf, adab, balaghah* dan *manṭiq*.²⁷ Selain itu beliau juga mendalami ilmu dalam bidang lain seperti sains logik dan falsafah dari Muḥammad Sharīf Allāh. Beliau menghambakan diri kepada ilmu selama 8 tahun di Universiti tersebut berguru dengan para sheikh terkenal seperti al-Muḥaddīth Aḥmad Abū Barakāt.²⁸ Setelah menamatkan pengajian di Universiti Islam Gujranwala, beliau meneruskan pengajian di Universiti Salafi di Faisalabad, Pakistan. Beliau berkesempatan mendalami ilmu hadis dan berguru dengan Muḥammad al-Jundalwī dan para ilmuwan lain yang terkemuka.²⁹ Beliau berjaya menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti mantik, bahasa Arab dan kesusasteraan, adab, sejarah di samping telah menguasai *sunan sittah* sebelum menjakkan kaki di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi.

Ekoran dari kecerdikan dan kebijaksanaannya menguasai pelbagai bidang ilmu, beliau telah ditawarkan menyambung pengajian di Universiti Islam Madinah, Saudi Arabia pada tahun 1963.³⁰ Beliau merupakan pelajar yang bersungguh-sungguh dalam pelajarannya dan bijak menggunakan kesempatan tinggal bersama pelajar berbangsa Arab untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi bahasa Arab. Beliau banyak menghabiskan masa berguru dengan para sheikh terkenal dan banyak memanfaatkan pertemuannya dengan melakukan perbincangan ilmiah bagi meningkatkan kemampuan bahasa Arab dan syariah Islamiah. Dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang pelajar yang mempunyai misi besar, beliau sentiasa memastikan dirinya mampu menguasai ilmu dalam pelbagai bidang. Beliau banyak menghafal ribuan hadith dari kitab-kitab

²⁶ *Ibid.*, 46.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.* Sila rujuk Ihsan Ilahi Zahir , *al-Tasawwuf* (Kaherah : Dar Ibn Hazm, 2008), 5

muktabar bagi membantu beliau berdakwah dengan berkesan. Selain itu beliau juga banyak menghafal buku-buku dan karya teks dalam pelbagai bidang seperti *Alfiyyah Ibn Mālik* dalam bidang Nahw, *al-Fawz al-Kabīr* dalam bidang Uṣūl al-Tafsīr, *Nukhbah al-Fikr* dalam bidang Muṣṭalah al-Ḥadīth, *Talhiṣ Uṣūl Miftah* dalam Balaghah³¹ dan sebagainya.

Kesungguhan dan kecekalan hatinya dalam menuntut ilmu membawa hasil yang baik hingga akhirnya beliau berjaya menamatkan pengajian di universiti tersebut dengan pangkat Mumtaz Kelas Pertama (*Mumtaz Syaraf Awal*). Kepintarannya memang telah lama disedari oleh para pensyarah hingga beliau ditawarkan untuk mengajar di universiti tersebut. Walau bagaimanapun beliau terpaksa menolak tawaran tersebut memandangkan semangatnya yang tinggi untuk pulang dan berbakti kepada umat di tanah airnya³².

Beliau memiliki Ijazah sarjana MA dalam pelbagai bidang seperti Sarjana MA dalam bidang bahasa Arab, bahasa Parsi, Sarjana MA bahasa Urdu, bahasa Inggeris, Falsafah, Syariah Islamiyyah dan Sains Sosial. Kesemua Ijazah Sarjana tersebut diperolehi sewaktu beliau menuntut di Universiti Punjab Pakistan.³³ Kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu diteruskan hingga beliau berpeluang menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Punjab dan diselia oleh Sheikh Siddiq Khan Qannawji.³⁴ Walau bagaimanapun tesis beliau tidak dapat diselesaikan akibat percanggahan pendapat beliau dengan penyelia dan Universiti.³⁵

Iḥsān Ilahī Zahīr merupakan seorang pelajar yang giat menuntut ilmu pengetahuan semenjak kecil lagi. Beliau telah berguru dengan para Sheikh dan ulama terkenal di Pakistan dan di Madinah. Beliau mempelajari pelbagai disiplin ilmu

³¹ *Ibid.*, 45-48.

³² *Ibid.*, 48.

³³ *Ibid.*, 51-52.

³⁴ *Ibid.*, 52. Sila lihat Ihsan Ilahi Zahir, *al-Shi'ah wa al-Tashaiyyu'*, 3 Sila lihat Ihsan Ilahi Zahir, *al-Tasawwuf*, 5

³⁵ *Ibid.*, Beliau dianugerahkan Doktor Falsafah sebagaimana yang disebutkan oleh ‘Alī bin Mūsā Al-Zāhrānī.

pengetahuan dalam bidang hadith, tafsir, feqah, akidah, firaq dan sebagainya. Antara guru-gurunya ketika beliau menuntut di Pakistan ialah :

- i. ‘Allamah al-Hāfiẓ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibrāhīm bin Faḍl al-Dīn al-Jundalwi.³⁶
- ii. Abū al-Barakāt Aḥmad bin Ismā‘il.³⁷
- iii. Muḥammad Sharīf Allāh.³⁸
- iv. Al-Hāfiẓ al-Muḥaddīth ‘Abd al-Wahāb al-Barahimalwī.³⁹

Manakala guru-guru beliau ketika menuntut di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi ialah:

- i. ‘Abd al-Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz.⁴⁰
- ii. Muḥammad Nāṣir al-Dīn bin Nūḥ Najātī bin Adām al-Albānī.⁴¹
- iii. ‘Abd Muhsin bin Ḥamad al-‘Ibād al-Badr.⁴²
- iv. Muḥammad al-Āmīn bin Muḥammad al-Mukhtār.⁴³
- v. ‘Atīyyah bin Muḥammad bin Sālim.⁴⁴

³⁶ *Ibid.*, 69-70. Beliau dilahirkan di Kampung Gondalwala, Pakistan pada tahun 1315 hijrah, Beliau merupakan seorang Sheikh ḥadīth di Pakistan. Ihsān Ilāhī Zāhir banyak berguru dan mempelajari hadith dari beliau di Universiti Salafiah di Bandar Faisalabad, Pakistan. Beliau akrab dengan gurunya hingga akhirnya beliau dikahwinkan dengan anak perempuannya. Beliau meninggal pada tahun 1405 hijrah.

³⁷ *Ibid.*, 70-71. Beliau merupakan seorang Sheikh ḥadīth di Universiti Islam Gondrawala, Pakistan yang dilahirkan pada tahun 1926 Masihi.

³⁸ *Ibid.*, 69-71. Ihsān Ilāhī Zāhir banyak mempelajari ilmu-ilmu ‘aqliyyah, falsafah dan mantik dari beliau sehingga Ihsān Ilāhī Zāhir bijak dalam Ilmu Mantik.

³⁹ *Ibid.*, 70. Ihsān Ilāhī belajar dari beliau ketika berada di Universiti Salafiah di Bandar Faisalabad.

⁴⁰ *Ibid.*, 70-71. Beliau merupakan seorang Mufti Am bagi Kerajaan Arab Saudi. Beliau dilahirkan pada tahun 1330 Hijrah. Beliau membesar dalam keluarga ulama yang cintakan ilmu. Beliau telah menghafal al-Qur'an sejak kecil dan tekun mendalami ilmu pengetahuan hingga akhirnya beliau menjadi seorang ulama' yang terkenal. Ihsān Ilāhī Zāhir mempelajari ilmu pengetahuan dari beliau seperti akidah ketika Ihsān Ilāhī Zāhir belajar di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi.

⁴¹ *Ibid.*,73. Beliau dilahirkan di Bandar Usyqudra di Albania dan dibesarkan dalam keluarga yang cintakan ilmu pengetahuan. Beliau telah menghafal al-Qur'an sejak kecil dan mempelajari ilmu bahasa Arab dari para sheikh terkenal seperti Sheikh Sa‘īd al-Burhanī, Sheikh Muḥammad Raghīb al-Ṭibāh dan sebagainya. Beliau juga mendalami ilmu fiqh Ḥanafī dari para ulama terkenal. Ihsān Ilāhī Zāhir belajar dari beliau ketika menuntut di Universiti Salafiah di Bandar Faisalabad.

⁴² *Ibid.*,74. Beliau merupakan seorang fakih dan ahli ḥadīth yang telah belajar dan berguru dari ulama-ulama terkenal seperti Sheikh ‘Abd al-Rahmān al-Afrīqī.

⁴³ *Ibid.*, 75. Beliau dilahirkan pada tahun 1325 H di Syanqiti Kerajaan Muritania. Ihsān Ilāhī Zāhir mempelajari Tafsir dari beliau di Universiti Islam, Madinah.

⁴⁴ *Ibid.*, 76. Beliau dilahirkan di daerah Mahdiyyah Timur Mesir pada tahun 1346 H. Ihsān Ilāhī Zāhir mempelajari Ilmu Fiqh dari beliau ketika beliau menuntut di Universiti Islam Madinah.

vi. Ḥamad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Hannah bin Mokhtar bin Muḥammad al-Bashīr.⁴⁵

Kehebatan beliau menguasai pelbagai bidang ilmu memberi banyak manfaat dan kelebihan kepada umat Islam. Masyarakat banyak mengambil manfaat dari kehebatan beliau melalui kitab-kitabnya yang dikarang khususnya dalam persoalan *fīrāq* Islam. Begitu juga ceramah-ceramah yang diberikan, seminar, dialog, perbincangan, muzakarah dan sebagainya banyak memberi manfaat kepada masyarakat. Selain itu beliau juga aktif dalam bidang penulisan dimajalah-majalah berbentuk esei ilmiah yang membahaskan isu-isu semasa. Antaranya berkaitan akidah dan lain-lain dengan tujuan untuk berdakwah kepada mereka. Ini terbukti apabila pengajian-pengajian yang diadakan oleh beliau mendapat sambutan hangat daripada masyarakat. Beliau juga sering dijemput untuk membuat pembentangan ilmiah berkenaan firqah Islam diseminar-seminar dalam negara dan luar negara. Beliau sering diajak untuk berdialog berkenaan isu-isu semasa khususnya melibatkan akidah. Kepelbagaiannya bidang ilmu yang dikuasai manjadikan beliau sering dirujuk oleh masyarakat dalam semua bidang ilmu khususnya yang berkaitan dengan *fīraq* Islam.

Kegigihan beliau menuntut ilmu dan mendalaminya seawal kecil lagi hingga hal beliau memperolehi sarjana dalam pelbagai bidang ilmu di universiti telah mencambahkan khazanah ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Dorongan Ibu bapa dan keluarganya memainkan peranan besar dalam kejayaannya menjadi pendakwah yang disegani. Para guru dan pensyarah sering memuji ketekunan dan kebijaksanaannya dalam menuntut ilmu. Beliau disenangi oleh keluarga, kawan-kawannya, guru, pensyarah dan masyarakat Islam yang mengenalinya. Walaupun begitu rentetan dari kelantangan dan ketegasannya dalam persoalan penyelewengan akidah telah melahirkan

⁴⁵ *Ibid.*, 78. Beliau dilahirkan pada tahun 1344 H di Mali. Beliau merupakan seorang Sheikh terkemuka di Madinah al-Munawwarah. İhsān İlāhī Zāhir mempelajari ilmu hadith di Universiti Islam Madinah dari beliau.

musuh-musuh yang sentiasa merancang untuk membunuhnya hingga akhirnya beliau mati dibunuh.

2.4 Sifat-sifat Mulia Ihsān Ilāhī Zāhir

Ihsān Ilāhī Zāhir merupakan seorang tokoh yang giat mendalami ilmu pengetahuan dan memiliki akhlak dan sifat yang mulia. Keunggulan sifatnya terhasil dari didikan keluarganya yang mementingkan persoalan akhlak. Ibu bapanya mendidik beliau dan adik beradiknya dengan asuhan Islam dan sering berpesan agar berpegang teguh kepada ajaran Islam. Semenjak kecil beliau diasuh untuk menghafal al-Qur'an dan hadith-hadith nabi sebagai penghias akhlak dengan akhlak yang terpuji. Dorongan ibu bapanya dan iltizam yang berterusan melonjakan dirinya untuk kuat berpegang dengan akhlak Islam. Tingkah lakunya amat disenangi oleh kawan-kawannya, guru, pensyarah dan masyarakat sekeliling.

Beliau seorang yang baik tingkah laku, alim, kuat iman, kuat berpegang teguh kepada agama dalam mempertahankan kebenaran dan sentiasa melindungi agama pada setiap saat dan ketika. Beliau juga terkenal dengan sifatnya yang suka kepada kebenaran dan menentang kemungkaran disamping seorang yang bersungguh dalam percakapan atau penulisan. Beliau banyak menghabiskan masanya berdakwah di jalan Allah, memerangi khurafat di samping mengajak manusia untuk kembali kepada ajaran sebenar Ahl Sunnah wa al-Jama'ah. Ia rentetan dari kepetahan beliau berpidato di pentas-pentas pidato hingga beliau dianggap sebagai pemidato terbaik di kalangan masyarakat⁴⁶. Beliau seorang yang kuat ingatan dan mampu menghafal sebarang dalil dengan cepat bagi memperkuatkan hujahnya

Dalam mengharungi perjalanan hidupnya sebagai seorang pendakwah, beliau tidak takut dan gentar kepada celaan dan ugutan. Semuanya berjaya dilalui dengan

⁴⁶ *Ibid.*,16.

sempurna berbekalkan ilmu dan sentiasa membaca al-Qur'an dan menghafalnya. Ia sebagai benteng utama dalam mengharungi tugasnya sebagai seorang pendakwah.

Keberaniannya dalam menyampaikan dakwah digunakan sebaiknya dalam membetulkan akidah Islam dan mengembalikan manusia ke jalan yang benar. Keberaniannya diserahkan dalam tulisan-tulisannya tanpa selindung. Banyak buku dan karyanya membincang dan mengkritik fahaman dan golongan-golongan yang menyeleweng seperti Syiah, Baha'iyah, Bābiyah dan sebagainya. Beliau akan memberikan satu salinan buku yang dihasilkan kepada golongan Syiah berkenaan pandangan dan kritikannya terhadap Syiah.⁴⁷ Mereka tidak menyanggahi kebenaran tulisan karya beliau kerana Ihsan Ilahi menggunakan rujukan dari kitab asal Syiah itu sendiri. Begitu juga dalam satu program yang dihadiri oleh para ulama' dan pemimpin bagi wilayah Punjab dimana dalam ucapannya pemimpin tersebut telah menyelar dan menghina para ulama yang hadir ketika itu. Selepas pemimpin tersebut berucap, Ihsān Ilahī Zahīr bingkas bangun menegur ucapannya yang menyelar para ulama.⁴⁸ Keberaniannya ini mendapat pujian dan sanjungan daipada hadirin yang hadir ketika itu.

Walaupun Ihsān Ilahī sering dipinta oleh Syiah agar meninggalkan kerja-kerja dakwahnya mengkritik Syiah, beliau tetap dengan pendiriannya untuk menulis, berdialog, berkhutbah dan berpidato bagi memastikan kebenaran ajaran Islam berlangsung dan tidak diselewengkan. Selain itu, beliau juga pernah menegur seorang pemimpin Punjab yang melakukan amalan bid'ah di tanah perkuburan.⁴⁹ Begitu juga perbincangan yang dilakukan oleh beliau di Makkah al-Mukarramah bersama sekumpulan pengikut dan pimpinan firqah Syiah yang tidak berpuas hati dengan kitab karangannya iaitu "*al-Shī'ah wa al-Sunnah*". Menurut Syiah, Ihsān Ilahī Zahīr tidak sewajarnya mengecam, menemplak dan mendedahkan akidah Syiah seumpama itu dan

⁴⁷ *Ibid.*,19.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*

menggesa untuk mengumpul dan membakar kitab terbitannya, disamping tidak mengulang cetak semula. Ihsān Ilahī Zahīr dalam kenyataannya bersetuju dengan syarat semua kitab yang menjadi rujukan dalam kitabnya itu dari kitab-kitab Syiah juga hendaklah dibakar semuanya.⁵⁰ Ia menunjukkan bahawasanya beliau seorang yang berani berhadapan dengan sesiapapun hingga kepada pemimpin tertinggi negara bagi berdakwah dan membentras fahaman akidah yang menyeleweng.

Beliau juga memiliki sifat pemurah untuk mendermakan hartanya dijalan dakwah. Beliau pernah menyumbangkan sejumlah wang yang banyak kepada “*markaz ahl al-Hadīth*” sebanyak 500,000 rupiah dan diikuti pula oleh penyumbang-penyumbang lain hingga terkumpul sejumlah wang sebanyak 7 million rupiah bagi membina bangunan markaz tersebut.⁵¹

Beliau juga adalah seorang yang bersifat tawaduk dan merendah diri dalam semua tindakannya disamping seorang yang kuat beribadah kepada Allah. Beliau sentiasa menjaga waktu solat, qiamullail, sentiasa berdoa, kerap berpuasa sunat dan ibadah lain yang dianjurkan dalam Islam.⁵² Justeru itulah beliau memiliki kekuatan dalaman yang tinggi bagi menghadapi sebarang kemungkinan dari musuh-musuhnya.

Sifat dan keperibadiannya yang mulia terserah semenjak kecil lagi dengan asuhan daripada ibu bapanya yang menitik beratkan persoalan akhlak. Keperibadiannya disenangi oleh semua lapisan masyarakat walaupun beliau kerap dikritik oleh musuh-musuhnya. Beliau sering dipuji oleh guru-gurunya dan amat disenangi oleh mereka. Ia aset penting bagi memudahkan proses pembelajaran beliau disemua peringkat samada diperingkat rendah hingga peringkat tinggi di Universiti hingga akhirnya beliau cemerlang dalam pembelajarannya.

⁵⁰ *Ibid.*, 20.

⁵¹ *Ibid.*, 24.

⁵² *Ibid.*, 27.

2.5 Pujian Ulama kepada Ihsān Ilahī Zāhir

Ihsān Ilahī Zahīr seorang tokoh yang gigih dalam menuntut ilmu dan menyampaikannya kepada masyarakat. Kehebatannya ini mendapat pujian dari rakan taulan beliau dan para ulama tersohor ketika itu. Antaranya ialah:

- i. ‘Abd al-Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz.

Menurut beliau Ihsān Ilahī Zahīr merupakan seorang lelaki yang terbaik, terkenal dengan ilmunya, kemulian dan akidah yang benar. Beliau juga memuji atas kesungguhannya dalam berdakwah kepada Allah Ta’ala, memiliki kitab yang banyak dalam menolak fahaman Syiah, al-Barilawiyah dan firqah yang lainnya. Beliau adalah seorang mujahid yang hebat.⁵³

- ii. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān al-Jibrin

Menurut beliau Ihsān Ilahī Zahīr tekenal dengan akhlaknya dan kuat berpegang dengan sunnah nabawiyyah. Beliau giat mempertahankan akidah Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah melalui kitab-kitabnya dan munaqasyah ilmiah. Beliau banyak menolak ahl al-Bid’ah dan *tashaiyyū’* yang berleluasa di Pakistan yang mencerca sahabat dan mengkufurkan *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*.⁵⁴

- iii. ‘Abd al-Muhsin bin Ḥamad al-‘Ubbād

Ihsān Ilahī Zahīr merupakan graduan Universiti Islam Madinah al-Munawwarah yang bijak berpidato, menulis dan mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam menolak *ahl al-Bida’* dan menjelaskan kebatilan mereka⁵⁵.

⁵³ *Ibid.*, 55.

⁵⁴ *Ibid.*, 57.

⁵⁵ *Ibid.*, 58.

iv. Abū Bakar Jābir al-Jazairī

Ihsān Ilahī Zāhir seorang penuntut ilmu yang soleh, belajar di Universiti Islam Madinah yang selalu hadir dalam pengajian tafsir di Kuliah Syariah. Beliau menulis risalah dan kitab menjelaskan kesesatan Syiah dan menjelaskan kebatilannya dalam mempertahankan akidah Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah.⁵⁶

v. ‘Abd al-Rahmān al-Baraq

Ihsān Ilahī Zāhir terkenal dengan kesungguhannya menolak faham Rafiḍah. Beliau banyak menghasilkan kitab yang menjelaskan kesesatan fahaman mereka. Ia merupakan jihadnya *fī sabillah* menolak fahaman mereka dan semoga diberi balasan yang sebaiknya oleh Allah SWT.⁵⁷

Pujian yang samaa juga turut diberikan oleh ulama-ulama lainnya seperti ‘Abd Allāh al-Ghanīman, Dr Wasi Allāh Muḥammad ‘Abbās, Rābie’ al-Madkhālī, ‘Abd Azīz al-Qārī, Muḥammad bin Nāṣir al-‘Abbūdī, Sheikh Dr ‘Alī bin Muḥammad Nāṣir al-Fāqihī, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Azīz al-Yahyā, Muḥammad al-Muntaṣir al-Kattānī dan sebagainya.⁵⁸

Pujian-pujian yang diberikan menggambarkan bahawa beliau diiktiraf sebagai salah seorang tokoh ulama dan pendakwah yang banyak menghabiskan masa dan waktunya untuk Islam. Kehebatannya terserlah dari pelbagai aspek samada dalam pelajaran, akhlak, dakwah ilmu dan sebagainya.

2.6 Karya-karya Ihsān Ilahī Zāhir

Ihsān Ilahī Zāhir seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia dakwah khususnya dalam mempertahankan kesucian akidah Islam. Dunia penulisan tidak asing

⁵⁶ *Ibid.*, 57.

⁵⁷ *Ibid.*, 61.

⁵⁸ Al-Zāhrānī, *Ihsān Ilahī Zāhir wa Juhūduhu*, 61-68.

lagi bagi beliau yang mampu menguasai pelbagai bahasa. Beliau telah banyak menghasilkan pelbagai karya berkenaan dengan *firāq* Islam. Antara karya-karya utama beliau yang masyhur dalam pelbagai bidang ilmu ialah:

i. *Al-Qadianiyyah*

Ia merupakan kitab terawal yang dikarang oleh beliau ketika belajar di tahun keempat Universiti Islam Madinah. Kitab tersebut mengandungi 320 halaman yang terdiri dari 10 bab. Antara yang dibincangkan dalam kitab tersebut ialah berkenaan kaitan firqah Qadiani dengan penjajah, Qadiani dan umat Islam, *al-Mutanabbi* dalam ajaran Qadiani dan cercaannya terhadap nabi, akidah ajaran Qadiani, akidah al-Masih menurut Qadiani, pimpinan Qadiani dan alirannya, penyudah nabi, penyelewengan Qadiani dan sebagainya. Ia juga membincangkan sejarah Qadiani yang menjadi proksi kepada penjajah Inggeris bagi menyelewengkan agama Islam yang dipelopori oleh Ghulam Ahmad Qadiani dan perancangannya bagi merosakkan Islam dengan memperkenalkan ajaran-ajaran baru.⁵⁹ Kitab tersebut telah dicetak dalam bahasa Arab sebanyak 30 kali, bahasa Inggeris 20 kali dan juga bahasa Urdu.

Banyak sanjungan dan pujian diberikan oleh ulama' dan pemikir kepada kitab tersebut. Luqmān al-Salafī memuji kitab tersebut yang ditulis dalam bahasa Arab dan Urdu yang banyak disebarluaskan di negara-negara Arab, Afrika, Eropah, Amerika dan sebagainya.⁶⁰ Begitu juga al-Mālik Fayṣal⁶¹ telah memberikan dana yang besar untuk mencetak dan menyebar kitab tersebut⁶² agar ia boleh dibaca oleh seluruh umat Islam di pelusuk dunia. Ia jelas menunjukkan dimana kitab tersebut mendapat perhatian yang baik dari semua lapisan masyarakat termasuklah ulama dan pemimpin ketika itu.

⁵⁹ *Ibid.*, 95-105.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Beliau merupakan pemerintahan Kerajaan Arab Saudi ketika itu

⁶² *Ibid.*,95.

ii. *Al-Shi'ah wa al-Sunnah*

Kitab tersebut selesai ditulis pada tahun 1973. Ia ditulis oleh İhsān İlahī Zahīr sebagai peringatan kepada umat Islam berkenaan akidah Syiah yang berbahaya kepada umat Islam. Kitab tersebut mengandungi tiga bab. Bab pertama membincangkan berkenaan Syiah dan Sunnah. Perbahasannya berkisar tentang sejarah kelahiran Syiah yang berasal daripada Yahudi yang dipelopori oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ dan fitnah yang dilakukan oleh mereka terhadap Islam dan cercaan kepada para sahabat yang dijamin syurga oleh Allah SWT. Bab kedua pula membahaskan persoalan Syiah dan al-Qur'an. Perbahasannya berkisar berkenaan kepercayaan Syiah yang tidak mengiktiraf al-Qur'an yang ada pada hari ini. İhsān İlahī juga turut menjelaskan sebab dan punca Syiah menolak al-Qur'an dan jawaban beliau terhadap akidah tersebut. Manakala bab tiga pula membincangkan berkenaan Syiah dan pembohongan mereka dengan berselindung disebalik nama *taqiyyah*. Ia satu ajaran yang diterapkan dalam Syiah yang menjadi dasar dalam agama dan Syariah mereka. Ia dianggap sebagai amalan yang paling baik dan *taqarrub* kepada Allah yang paling agung. Menurut İhsān İlahī Zahīr melalui akidah *taqiyyah* yang diizinkan oleh Syiah maka lahirlah akidah-akidah lain seperti kepercayaan kepada Allah dan rasul, sahabat, isteri nabi, Imamah dan sebagainya⁶³ yang berasaskan kepada pembohongan dan penipuan.

Dalam kitab ini, İhsān İlahī Zahīr cuba membahas dan menjawab persoalan tersebut berasaskan kitab-kitab Syiah dan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Beberapa perkara lain juga akan dibincangkan oleh İhsān İlahī Zahīr yang menyentuh persoalan akidah mereka seperti *al-Bada'*, *al-Raj'ah*, *al-Imāmah* dan sebaginya. Kitab tersebut mampu menyelesaikan persoalan masyarakat yang keliru tentang beberapa akidah dan kepercayaan dalam Syiah. Luqmān al-Salafī menjelaskan penulisan kitab tersebut dan kitab-kitab lainnya yang sarat dengan hujah dan bukti yang kuat dan mampu

⁶³ *Ibid.*,106.

menjelaskan penyelewengan dalam akidah Syiah.⁶⁴ Al-Shaybanī pula menyatakan, buat pertama kalinya dalam sejarah perbandingan agama kitab yang baik dihasilkan seumpama kitab ini yang berasaskan kitab dan karya mereka secara lengkap dengan menyebut ibarat dari kitab mereka, muka surat, jilid dan cetakan.⁶⁵ Justeru itu, kitab ini banyak memberi sumbangan dan manfaat kepada masyarakat khususnya kalangan cendekiawan, ulama, pemikir dan sesiapa sahaja yang ingin mendalami akidah Syiah. Ia juga mampu untuk mencambahkan lagi karya-karya Islam yang ilmiah dan berkualiti bagi memastikan khazanah ilmu Islam yang sahih terus terpelihara dan dapat disambungkan ke generasi akan datang.

iii. *Al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*

Kitab tersebut telah selesai ditulis pada tahun 1982. Kitab setebal 313 halaman itu telah diulang cetak sebanyak 12 kali ke dalam bahasa Arab, Inggeris, Urdu dan Turki. Ia telah selesai ditulis pada 8 Syawal 1402 H. Kitab tersebut dikarang oleh İhsān İlahī Zahīr adalah bagi menjelaskan hakikat sebenar Syiah merangkumi permasalahan akidah dan kepercayaan-kepercayaan lain yang direka oleh mereka bersembunyi disebalik dakwaan kecintaan kepada *ahl al-Bayt*. Kitab tersebut mempunyai empat bab. Bab pertama membincangkan persoalan Syiah dan *ahl al-Bayt* yang hanya merujuk kepada Saidina Ali dan keturunannya yang tertentu sahaja. Manakala keturunan lainnya tidak dianggap sebagai *ahl al-Bayt*. Mereka juga melebihkan kedudukan para imam melebihi kedudukan nabi dan rasul. İhsān İlahī Zahīr turut menolak dakwaan mereka dan menjelaskan fakta sebenar dengan berasaskan kitab-kitab mereka dan kitab-kitab lainnya dari *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Bab kedua pula menjelaskan berkenaan Syiah dan percanggahannya dengan *ahl al-Bayt*. İhsān İlahī Zahīr cuba menerangkan pembohongan-pembohongan Syiah yang mendakwa taat dan mengikut *ahl al-Bayt*

⁶⁴ *Ibid.*, 105.

⁶⁵ *Ibid.*, 107.

sedangkan mereka menginkarinya. Mereka tidak patuh dan mengikut apa yang dibawa oleh *ahl al-Bayt* samada perkataan, perbuatan, pandangan dan sebagainya. Ia dimuatkan dengan terperinci dalam bab tersebut.

Bab ketiga pula menjelaskan berkenaan pembohongan Syiah terhadap *ahl al-Bayt* dengan mencipta pelbagai kepercayaan dan kisah yang dinisbahkan kepada mereka sedangkan mereka tidak melakukannya. Antara pembohongan mereka terhadap Rasulullah dan *ahl al-Bayt* ialah keharusan *mut'ah*, liwat, menyewakan faraj dan sebagainya yang tidak berasal daripada Islam. Melalui bab ketiga ini, Ihsān Ilahī Zahīr menolak dan menyangkal akidah dan kepercayaan tersebut dengan baik berdasarkan kitab mereka dan kitab Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah. Bab keempat pula menjelaskan berkenaan cercaan dan penghinaan Syiah terhadap *ahl al-Bayt*. Menurut Ihsān Ilahī Zahīr Syiah telah melakukan pembohongan dan penghinaan yang keterlaluan terhadap *ahl al-Bayt* secara terang-terangan tanpa sembunyi. Ia dilakukan oleh mereka bagi menunjukkan kebencian mereka kepada sebahagian sahabat dari kalangan *ahl al-Bayt* yang dilihat tidak sependapat dengan mereka. Ihsān Ilahī Zahīr cuba mendedahkan pandangan dan kepercayaan mereka yang salah dengan merujuk kitab-kitab Syiah dan kitab Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah. Ia juga menjelaskan berkenaan sikap Syiah yang telah menghina dan memusuhi para sahabat sedangkan menurut dakwaan mereka, Syiah adalah golongan yang menyintai *ahl al-Bayt*.⁶⁶ Dewasa ini kitab tersebut menjadi rujukan para pengkaji khususnya mereka yang ingin mendalami dan memahami isu-isu berkaitan Syiah.

iv. *Al-Shī‘ah wa al-Qur’ān*

Kitab ini selesai ditulis pada 3 Januari 1983 di Lahore Pakistan. Ia ditulis oleh Ihsān Ilahī Zahīr bagi menjelaskan hakikat sebenar kepercayaan dan pegangan yang diimani oleh Syiah berkenaan al-Qur'an berdasarkan kitab-kitab Syiah dan kitab Ahl

⁶⁶ Ihsān Ilāhī Zāhir, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt* (Pakistan: Idarah Tarjuman al-Sunnah,t.t.), 3-11.

Sunnah wa al-Jamā‘ah. Kitab setebal 352 halaman tersebut telah diulang cetak beberapa kali dan disebarluaskan ke pelusuk negeri.

Kitab tersebut mengandungi empat bab. Bab pertama membahaskan persoalan akidah Syiah berkenaan al-Qur'an pada peringkat awal. Pada peringkat ini mereka dengan jelas tanpa sembunyi beriktihad bawawa al-Qur'an yang ada dewasa ini telah ditahrifkan atau diselewengkan. Ia jelas disebut oleh ulama' mereka dalam kitabnya seperti al-Kulaynī dalam kitabnya *al-Kāfi*, Muḥammaad bin ‘Alī bin Ḥusayn bin Mūsā bin Babawayh al-Qummī dalam kitabnya *Tafsīr al-Qummī*, Muḥammad bin Mas‘ūd bin Muḥammad bin ‘Ayyashī al-Silmī dalam kitabnya *Tafsīr al-‘Ayyashi* dan sebagainya. Bab kedua pula menjelaskan berkenaan akidah dan pegangan Syiah berkenaan al-Qur'an pada peringkat kedua. Pada peringkat ini Syiah dilihat cuba untuk menyembunyikan akidah *tahrīf al-Qur'an* secara *taqiyyah* dan menginkarinya apabila akidah yang dicanangkan pada peringkat pertama dahulu menimbulkan masalah dan menyukarkan penyebaran fahaman Syiah. Ihsān Ilahī Zahīr akan membahaskan persoalan tersebut dan menolaknya berdasarkan kitab-kitab Syiah dan kitab Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah. Bab ketiga pula menjelaskan tentang akidah Syiah berkenaan al-Qur'an pada peringkat ketiga. Pada peringkat ini Syiah melihat kenyataan mereka sebelum ini menafikan akidah *tahrīf al-Qur'an* secara *taqiyyah* memberi kesan kepada mereka untuk memperkuat dan mengembangkan ajarannya seperti *al-Wilāyah*, *al-Imāmah* dan *al-Wasaya* hingga akhirnya memaksa mereka untuk berterus terang tentang akidah tersebut. Ihsān Ilahī Zahīr akan menjelaskan persolaan tersebut sebaik mungkin dan menolaknya berdasarkan kitab-kitab mereka dan kitab Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah. Manakala bab keempat yang merupakan bab terakhir dalam kitab ini pula membahaskan tentang kitab yang menjadi rujukan dan pegangan Syiah berkenaan akidah *tahrif al-Qur'an* iaitu kitab “*Faṣl al-Khiṭab fī Ithbāt Tahrīf Kitāb Rab al-Arbāb*” yang dikarang

oleh Ḥusayn bin Muḥammad al-Nūrī al-Tibrīsī. Kitab tersebut sebagai bukti jelas bahawasanya Syiah beriman dengan akidah *taḥrīf al-Qur’ān*.⁶⁷

v. *Al-Shī‘ah wa al-Tashayyū‘*

Kitab ini selesai ditulis pada 6 November 1983. Ia membicarakan berkenaan Syiah dan sejarah perkembangannya bermula seawal timbulnya istilah Syiah dan firqahnya, sejarah pertumbuhan dan perkembangan *Sabiyyah* yang dipelopori oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ sehingga perubahan Syiah dari pergerakan politik kepada agama dan perubahan politik kepada mazhab.⁶⁸ Beliau banyak membicarakan berkenaan firqah Syiah yang jauh tersasar dari landasan Islam.

Ihsān Ilahī Zahīr membahagikan kitab ini kepada tujuh bab. Bab pertama membahaskan berkenaan pekembangan Syiah dan gerakannya di peringkat awal. Perbincangannya berkisar soal definisi Syiah, fitnah yang berlaku di kalangan sahabat, persoalan Syiah diperingkat awal yang berkisar persoalan politik dan tidak kepada persoalan akidah dan sebagainya. Bab kedua pula membahaskan persoalan gerakan Syiah dan Sabiyyah yang diasaskan oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’. Ia turut membincangkan pemikiran, akidah dan kepercayaan Syiah yang dikaitkan dengan Abdullah bin Saba’ dan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan olehnya dan pengikutnya hingga menimbulkan fitnah dan kebinasaan terhadap agama Islam.

Begitu juga perbincangan berkenaan pandangan sebahagian golongan Syiah *al-mutaākhirīn* yang menafikan kewujudan ‘Abd Allāh bin Sabā’. Ihsān Ilahī Zahīr menjawab persoalan tersebut dengan mengemukakan pandangan tokoh-tokoh ulama’ dan pemikir dari kalangan Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Syiah. Bab ketiga pula membahaskan persoalan tohmah dan cercaan Syiah terhadap sahabat *Dhu al-Nurayn* dan kaitannya dengan Sabiyyah disamping fitnah yang berlaku kepada mereka. Ihsān

⁶⁷ Ihsān Ilāhī Zāhir, *al-Shī‘ah wa al-Qur’ān* (Pakistan: Idārah Tarjuman al-Sunnah, 1995), 13.

⁶⁸ Ihsān Ilāhī Zāhir, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū‘* (Pakistan: Idārah Tarjuman al-Sunnah, 1984), 4-12.

Ilahī Zahīr dalam tulisannya menjawab segala tohmahan dan cercaan yang dilontarkan oleh Syiah dengan baik berdasarkan kitab-kitab mereka dan kitab *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Bab keempat pula membahaskan persoalan perkembangan Syiah dan gerakannya dan peranan Sabiyyah selepas pembunuhan ‘Uthmān dan di zaman khalifah ‘Alī. Perbincangannya membahaskan soal perkembangannya yang berlaku yang merentasi beberapa peristiwa penting seperti pembunuhan Saidina Husayn dan peristiwa lain hingga pemikiran Sabiyyah mendominasi ajaran Syiah hingga bertukar dari gerakan yang bersifat politik kepada gerakan yang bersifat akidah dan agama. Bab kelima pula membahaskan persoalan firqah-firqah Syiah, sejarah dan akidahnya yang merentasi beberapa zaman. Bab keenam pula membahaskan persoalan Syiah *Ithnā ‘Ashariyyah* atau imam dua belas. Perbincangan dalam bab ini difokuskan kepada persoalan Syiah imam dua belas merangkumi permasalahan akidah dan kepercayaan mereka berkenaan Imamah, syarat-syarat imam, ulama dan karya-karyanya dan sebagainya. Ia juga turut membincangkan berkenaan imam ke dua belas yang dikatakan ghaib. Manakala bab ketujuh yang merupakan bab terakhir dalam kitab ini akan membahaskan persoalan Syiah imam dua belas dan akidah-akidah Sabiyyah. Bab ini akan memperincikan persoalan akidah *Shi’ah al-Ithnai ‘Ashariyyah* yang banyak dipengaruhi oleh akidah Sabiyyah. Begitu juga pengaruh Khomaini yang diterapkan dalam akidah Syiah yang dimuatkan dalam karyanya *Kashf al-Asrār* seperti *al-Wilāyah*, *al-Wisāyā*, *al-Ghaybah al-Kubrā wa al-Sughra* kepada imam, al-Mahdi, *al-Hulūl* dan *Tanasukh* dan sebagainya.

Kitab setebal 416 halaman ini telah diulang cetak sebanyak 10 kali ke dalam bahasa Arab, 5 kali dalam bahasa Inggeris dan bahasa lain semasa Ihsān Ilahī Zahīr masih hidup lagi.

vi. *Al-Radd al-Kāfi ‘alā Mughalatāt al-Duktūr ‘Alī ‘Abd Wāhid Wāfi fī Kitābihi bayna al-Shī‘ah wa ahl al-Sunnah.*

Kitab tersebut dikarang oleh Ihsān Ilahī Zāhir bagi menjawab dakwaan ‘Alī Abd Wāhid Wāfi dalam kitabnya *Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah* berkenaan firqah Syiah yang tiada perbezaan dengan Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah dari sudut akidah dan Ibadat. Perselisihan yang berlaku disifatkan oleh ‘Abd Wāhid Wāfi sebagai perselisihan kecil yang tidak membawa kepada perpecahan. Kitab ini juga menjelaskan berkenaan kesilapan dan kesalahan ‘Alī Abd Wāhid Wāfi berkenaan penafian beliau terhadap penggunaan istilah *al-Rāfidah* kepada Syiah dan isu-isu lainnya. Justeru itu, Ihsān Ilahī Zāhir akan menjelas dan menolak pandangannya berkenaan al-Qur’ān, al-Sunnah, wahyu, malaikat dan ajaran-ajaran yang diimani oleh Syiah⁶⁹ yang bercanggah dengan Islam.

Kitab tersebut mengandungi lima bab. Bab pertama menjelaskan tentang kesilapan dan kesalahan ‘Abd Wāhid Wāfi dalam kitabnya *Bayna Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*. Bab kedua membahaskan persoalan *Shi‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* dan al-Qur’ān. Bab ketiga membahaskan persoalan *Shi‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* dan Sunnah. Bab keempat membahaskan persoalan *Shi‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* dan masalah penurunan wahyu, malaikat dan rasul. Bab kelima membahaskan akidah-akidah yang diimani oleh *Shi‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* seperti *raj‘ah, taqiyyah, bāda'* dan sebagainya. Bab keenam membahaskan *Shi‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* dan persoalan Imamah yang dianggap oleh mereka seperti nabi. Bab ketujuh merupakan bab terakhir pula membahaskan *Shi‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* dan cercaannya terhadap Imām Bukhārī dan Imām Muslim. Ihsān Ilahī Zāhir dalam karyanya akan menjelas dan memperincikan serta menjawab semua kesilapan dan salah faham beliau terhadap isu-isu yang

⁶⁹ Al-Zahrānī, *Ihsān Ilahī Zāhir wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 24-129.

dikemukakan dengan mengemukakan jawapan yang berasaskan kitab-kitab Syiah dan Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah.

vii. *Al-Barilawiyah ‘Aqā’id wa Tarīkh*

Kitab ini menjelaskan berkenaan sejarah pertumbuhan dan perkembangan firqah *al-Barilawiyah* dan pengasasnya. Ia juga menjelaskan iktikad dan kepercayaan-kepercayaan firqah tersebut yang menyeleweng seperti kepercayaan memohon pertolongan selain dari Allah, persoalan mengkufurkan orang lain selain *al-Barilawiyah* dan sebagainya. Ihsan Ilahi akan menjawab dan menjelaskan pandangan Islam berkenaan akidah dan kepercayaan mereka.⁷⁰ Ia terbahagi kepada lima bab. Bab pertama menjelaskan tentang sejarah ajaran *al-Barilawiyah* dan pengasasnya. Perbincangannya berkisar soal sejarah perkembangannya, pengasasnya, ajaran yang dibawa, pembatalan jihad, cercaannya terhadap sahabat Rasulullah dan sebagainya. Bab kedua pula membahaskan berkenaan i’itiqad dan kepercayaan firqah *al-Barilawiyah* yang tersebar di India, *al-Istighāthah* atau meminta pertolongan kepada selain Allah dan sebagainya. Ia juga turut membahaskan pandangan mereka bahawa rasul itu pemberi rezeki, Shaykh al-Jaylānī boleh menghidup dan mematikan, para nabi dan *awliyā’* mengetahui perkara ghaib dan sebagainya seperti percanggahan kepercayaan mereka berkenaan al-Qur'an dengan Islam. Bab ketiga pula membahaskan persoalan *ta’ālim al-Barilawiyah* atau pendidikan dan tunjuk ajar *al-Barilawiyah* seperti ketika makan dan minum dengan nama *tabarruk al-A’żam* atau mengambil keberkatan. Begitu juga pandangan mereka berkenaan *karamat al-Awliyā’* dan *tabarruk* dan sebagainya. Mereka juga turut menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan yang dibiayai oleh pengikut-pengikut fahaman tersebut atas nama *tabarruk*. Bab keempat pula membincangkan dakwaan dan pandangan mereka mengkufurkan orang Islam keseluruhannya yang tidak beriman

⁷⁰ *Ibid.*, 130-133.

dengan ajaran firqah tersebut. Manakala bab kelima yang merupakan bab terakhir dalam kitab ini membahaskan persoalan khurafat-khurafat *al-Barilawiyah* bagi memperkuuhkan ajaran mereka. Justeru itu, khurafat tersebut sengaja diadakan oleh mereka dengan tujuan manusia mempercayai kebenaran dakwaannya. Sehubungan dengan itu Ihsān Ilahī Zahīr akan menjawab semua dakwaan fahaman mereka hingga terbukti kesesatannya.

Kitab setebal 254 halaman itu telah diulang cetak sebanyak 10 kali dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan diulang cetak sebanyak 7 kali. Selain dua bahasa tersebut, ia juga diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain dengan tujuan untuk menjelaskan penyelewengan fahaman ajaran tersebut.

viii. *Al-Isma 'iliyyah Tarīkh wa 'Aqā'id*

Kitab tersebut dikarang dua tahun sebelum kematian beliau. Ia antara kitab terbesar yang dihasilkan oleh beliau setelah bersusah payah mengumpulkan maklumat melalui kitab-kitab mereka. Hasil kesabaran dan kecekalan beliau, akhirnya kitab tersebut dapat disempurnakan. Kitab ini menjelaskan berkenaan pertumbuhan dan perkembangan firqah *al-Isma 'iliyyah*, imam-imam firqah tersebut, akidah-akidah yang diimani oleh mereka seperti akidah ketuhanan, kenabian, wasiat, Imamah dan kebangkitan. Ia juga menjelaskan persoalan penasakhan syariat Muhammad, *ta'wīl batīnī* dan percanggahan-percanggahan lain yang bertentangan dengan pegangan akidah Islam.⁷¹ Kitab tersebut mengandungi dua bahagian utama iaitu bahagian yang berkaitan sejarah dan bahagian yang berkaitan akidah. Bahagian sejarah terbahagi kepada empat bab manakala bahagian akidah pula terbahagi kepada lima bab. Bab pertama dari bahagian sejarah membincangkan berkenaan sejarah perkembangan *al-Isma 'iliyyah* termasuk pengasas dan pelopornya seperti Ismail bin Jaafar, anaknya Muḥammad bin

⁷¹ *Ibid.*, 134-140.

Ismā‘īl dan sebagainya. Bab kedua pula membahaskan berkenaan tokoh-tokoh para imam *al-Isma’iliyyah* yang muncul merentasi beberapa zaman dan waktu beserta *i’tiqad* dan kepercayaannya, wasilah penyebaran dan suasana semasa yang melakari penyebarannya. Bab ketiga akan memperincikan lagi berkenaan para imam *al-Isma’iliyyah* dengan terperinci merangkumi semua aspek berasaskan bukti dan dalil-dalil yang pasti. Bab keempat pula membahaskan berkenaan akidah-akidah *al-Isma’iliyyah* seperti akidah ketuhanan, kenabian, wasiat, Imamah dan kebangkitan. Bab ini akan memperincikan lagi perbahasan akidah aliran tersebut disamping jawapan yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr bagi menolak dakwaannya. Bab kelima pula membincangkan berkenaan *al-Isma’iliyyah* dan penasakan syariat Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang didakwa oleh mereka.

Ihsān Ilahī Zahīr akan menjawab dan menolak semua dakwaan tersebut bagi membersihkan akidah Islam daripada penyelewengan-penyelewangan tersebut. Bab keenam pula membahaskan berkaitan *al-Isma’iliyyah* dan *ta’wīl baṭīnī*. Ia satu akidah yang menyeleweng dalam mentafsirkan persoalan asas dalam Islam seperti kalimah syahadah, salat, zakat, puasa, haji dan sebagainya dengan berasaskan *takwil batini*. Begitu juga persoalan-persoalan lainnya berkaitan hukum-hakam yang ditafsirkan oleh mereka dengan satu takwilan yang menyeleweng. Bab ketujuh pula membahaskan persoalan *al-Isma’iliyyah*, dakwah dan peraturannya. Perbahasannya berkisar persoalan *uslub* dakwah, peringkat dakwah, program-program dakwah dan sebagainya. Melalui kitab ini Ihsān Ilahī Zahīr akan mendedahkannya dan menolak semua dakwaan yang dikemukakan oleh mereka. Bab kelapan pula membincangkan berkenaan percanggahan dan perselisihan yang berlaku dalam ajaran *al-Isma’iliyyah* walaupun mereka mendakwa ia diasaskan oleh pengasas yang *ma’sum*. Manakala bab kesembilan yang merupakan bab terakhir dalam kitab ini akan memperincikan persoalan sejarah *al-Isma’iliyyah* yang telah diulas dalam bab sebelumnya. Beberapa kesimpulan juga akan

diketengahkan dalam bab ini sebagai rumusan keseluruhan isi yang dibincangkan. Ia antara kitab beliau yang tebal sehingga 757 halamam dan telah diulang cetak beberapa kali dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

ix. *Al-Bābiyah ‘Ard wa Naqd*

Kitab ini menjelaskan berkenaan sejarah pertumbuhan dan perkembangan firqah *al-Babiyyah* serta pengasasnya, akidah dan syariat *al-Babiyyah*, firqah-firqah *al-Babiyyah* dan ajarannya. Pengarang kitab ini akan menjawab dan menjelaskan pandangan Islam berkenaan fahaman dan ajaran yang diimani oleh mereka⁷². Kitab ini mengandungi empat bab. Bab pertama membahaskan persoalan *al-Babiyyah*, sejarah dan pertumbuhannya. Sejarah pertumbuhannya bermula di Iran yang diasaskan oleh ‘Alī Muḥammad al-Shīrāzī. Ia turut membahaskan peranan yang dimainkan oleh beliau dalam menyebar ajaran tersebut hingga diterima oleh sebahagian individu ketika itu. Beliau juga turut memainkan peranan memansuhkan Syariat Islam dan menukar ganti dengan Syariat yang dicipta oleh beliau sendiri. Bab kedua pula membahaskan persoalan al-Shīrāzī dan dakwaannya. Ia memperincikan berkenaan dakwaan al-Syirazi dalam masalah akidah *uluhīyyah* dan *rububiyyah* dan persoalan akidah lainnya. Bab ketiga membahaskan permasalahan Syariah *al-Babiyyah* dan pengajarannya. Ia akan memperincikan persoalan syariat *al-Babiyyah* yang telah menasakhkan syariat Islam, kepercayaan mereka berkenaan al-Shīrāzī yang menjadikan dan bukannya Allah, pengutusan nabi yang diutuskan oleh al-Shīrāzī, *ta’wīl batīnī* al-Shīrāzī berkenaan permasalahan barzakh, kebangkitan, *al-Širāṭ*, *al-Mīzan*, *al-Hisāb* dan sebagainya. Ihsān Ilahī Zahīr akan menjawab dan menolak semua persoalan yang dibangkitkan dengan baik bagi membetulkan fahaman yang menyeleweng. Manakala bab keempat yang merupakan bab terakhir akan membincangkan berkenaan pimpinan *al-Bābiyah* dan alirannya seperti al-Shīrāzī, Qurrah al-‘ain, al-Mazindrani, Subh al-Azali dan

⁷² *Ibid.*, 141-145.

sebagainya. Ihsān Ilahī Zāhir akan membincangkan pimpinan tersebut dan ideologinya disamping menolak dakwaan-dakwaannya yang bercanggah dengan Islam. Kitab setebal 296 halaman ini telah dicetak beberapa kali ke dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Arab dan bahasa Inggeris dan mendapat sambutan dikalangan masyarakat Islam.

x. *Al-Bahaiyyah Naqd wa Tahlil*

Topik yang dibincangkan dalam kitab ini berkisar tentang sejarah pertumbuhan dan perkembangan ajaran *al-Bahaiyyah* yang diasaskan oleh al-Mazindrani beserta dakwaannya, ajaran dan fahamannya, syariat, pembohongan dan khurafat dalam firqah *al-Bahaiyyah* serta aliran-aliran dalam firqah tersebut.⁷³ Kitab tersebut terbahagi kepada lapan bab. Bab pertama membincangkan tentang *al-Bahaiyyah* sejarah dan pertumbuhannya. Bab kedua membahaskan berkenaan dakwaan-dakwaan al-Mazindrani. Bab ketiga membahaskan tentang al-Mazindrani dan fahamannya. Bab keempat pula membincangkan persoalan Syariat *al-Bahaiyyah*. Bab kelima membincangkan berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh al-Mazindrani dari aspek bahasa dan *nahw*, *uslub*, ibarat dan sebagainya. Bab keenam membahaskan berkaitan *al-Bahaiyyah* dan dakwaannya sebagai nabi. Bab ketujuh berkenaan *al-Bahaiyyah* dan pembohongannya dan bab kelapan yang merupakan bab terakhir menerangkan tentang pimpinan *al-Bahaiyyah* dan alirannya.

xi. *Al-Taṣawwuf al-Mansya' wa al-Maṣādir*

Antara topik yang dibincangkan dalam kitab ini ialah sejarah pertumbuhan dan perkembangan *tasawwuf*, definisi dan sumber *tasawwuf*, asal usul kalimah *tasawwuf*, hubungan antara *tasawwuf*, dan firqah Syiah, kepercayaan *tasawwuf*, yang

⁷³ Al-Zahrani, *Ihsān Ilāhī Zāhir wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Radd ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 146-150.

menyeleweng dari Islam dan sebagainya. Ihsān Ilāhī juga akan menjelaskan pendiriannya berkenaan *tasawwuf*, dan isu-isu yang berkaitan dengannya.⁷⁴ Kitab setebal 296 halaman ini terbahagi kepada tiga bab. Bab pertama membincangkan berkenaan asal usul kalimah *tasawwuf*, dan sejarahnya, definisi *tasawwuf*, dan sebagainya. Bab kedua pula membincangkan berkenaan sumber *tasawwuf*, menurut Ihsān Ilahī Zahīr yang bersumber dari agama Hindu, Parsi, Masihi dan fahaman New Platonisme. Manakala bab ketiga membahaskan berkenaan *al-Tashayyū'* dan *tasawwuf* dengan mengaitkan hubungan antara keduanya sebagai punca timbulnya *tasawwuf*. Perbahasannya juga merangkumi persoalan wali, nabi, *'ismah, Imāmah, wilāyah, hulūl, tanāsukh, taqiyah*, zahir, batin dan sebagainya. Ihsān Ilahī Zahīr akan menolak pandangan-pandangan tersebut yang dianggap oleh beliau terkeluar dari kehendak Islam.

xii. *Dirāsāt fī al-Taṣawwūf*

Kitab ini membincangkan berkenaan *tasawwuf* yang dianggap melampau oleh Ihsān Ilahī Zahīr yang tidak berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Ia padat dengan kepercayaan yang tersasar dari kehendak Islam dan *bid'ah* yang merugikan umat. Kitab ini mengandungi enam bab. Bab pertama membahaskan persoalan perkara-perkara yang melampau dalam *tasawwuf* yang tidak terdapat dalam ajaran Islam. Bab kedua membahaskan berkenaan *tasawwuf* dan percanggahannya dengan syara' yang tidak menepati al-Qur'an dan al-Sunnah. Bab ketiga membincangkan berkenaan *tasawwuf* dan perancangannya melawan Islam. Bab keempat membincangkan *tasawwuf* dan amalan *bid'ah* serta ciri-cirinya. Bab kelima membahaskan berkenaan *turuq tasawwuf* seperti *al-Shaziliyyah, al-Rifa'iyyah, al-Qadiriyyah, al-Tijaniyyah, al-Naqshabandiyyah* dan sebagainya yang dipegang dan diamalkan oleh pengamal *tasawwuf*. Bab keenam yang merupakan bab terakhir pula membincangkan istilah-istilah yang digunakan

⁷⁴ *Ibid.*, 151-154.

dalam ilmu *tasawwuf*. Kitab yang mempunyai ketebalan 329 halaman ini mendapat sambutan dikalangan pengkaji dan penganalisis *tasawwuf* dan telah diulang cetak beberapa kali dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Keseluruhan karya-karya yang dihasilkan oleh Ihsān Ilahī Zāhīr memperlihatkan kesungguhan beliau dalam menyanggah aliran dan pemikiran yang beliau percaya tersasar dari landasan Islam. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau sarat dengan hujah yang bernas bersumberkan kitab-kitab mereka dan Ahl Sunnah wa al-Jama'ah menjadikan ia tidak mudah untuk disangkal kecuali dengan dalil-dalil yang lebih kuat. Penguasaannya dalam pelbagai disiplin ilmu dan minatnya yang mendalam menjadi asas penulisan kitab-kitab beliau hingga terhasilnya pelbagai karya dalam bidang akidah, *tasawwuf*, *fīraq* dan sebagainya.

2.7 Faktor-faktor kekuatan Ihsan Ilahi Zahir dalam Kritikannya Terhadap pemikiran akidah Syiah

Ihsān Ilahī Zāhīr seorang tokoh yang berpengaruh dalam dunia dakwah menguasai pelbagai bahasa seperti bahasa Urdu, Parsi, Arab dan Inggeris. Pendiriannya yang tegas dalam berhadapan isu-isu berkaitan akidah dan kelantangannya berpidato menggerunkan musuh-musuh beliau. Kewibawaannya terserlah semenjak beliau menuntut di Universiti Gujranwala dan Universiti Salafi Faisalabad Pakistan. Beliau cenderung kepada pemikiran aliran salafi dalam memberikan pandangan dan menyelesaikan isu-isu akidah.⁷⁵ Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi pemikirannya.

Beliau dibesarkan dalam keluarga yang kuat berpegang dengan aliran salafi. Bapanya sering mendengar ceramah yang disampaikan oleh ulama-ulama salafi seperti Sheikh Muḥammad Ibrāhīm Meer seorang ulama terkemuka di Pakistan yang beraliran

⁷⁵ Alī bin Mūsā Al-Zāhrānī, *The Life of Shaykh Ihsan Ilahi Thahir 'Abdul Haq ibn Kofi ibn Kwesi al-Ashanti*, terj. Abd Haq ibn Kofi bin Kwesi al-Ashanti (t.p.: t.p., 2008), 68.

salafi dan menyebarkannya kepada masyarakat Islam. Ibunya juga seorang yang kuat berpegang dengan aliran salafi dan sering mendengar pengajian dari ulama salafi sebagaimana bapanya. Kitab-kitab yang dipelajari oleh ibu bapanya berorientasikan salafi yang dipelajarinya di masjid-masjid dan pusat-pusat pengajian. Mereka adalah orang yang kuat berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah dan bersemangat dalam berdakwah kepada akidah salafiah. Mereka juga kuat berpegang teguh kepada tuntutan agama seperti puasa, sembahyang dan ibadah-ibadah sunat lainnya. Ibumenekannya amat menekankan persoalan ilmu dan tarbiah kepada anak-anaknya dan sanggup mengeluarkan wang yang banyak untuk kepentingan ilmu dan dakwah. Mereka akan menyediakan makanan dan minuman yang berkhasiat dan kemudahan pembelajaran lainnya seperti kitab-kitab rujukan bagi memastikan kesempurnaan dan keselesaan pembelajaran anak-anaknya menuntut ilmu.⁷⁶ Mereka juga seorang yang tegas dalam persoalan tarbiah dan pendidikan Islam. Justeru itu tidak menghairankan apabila anak-anaknya termasuk İhsān İlahī Zahīr menjadi ulama' yang hebat dan berjasa kepada umat. Ia antara faktor penting menjadikan beliau mempunyai ketegasan dalam membentras gejala songsang dalam akidah termasuk akidah Syiah.

Aspek pendidikan juga memainkan peranan sebagai faktor kritikan beliau terhadap akidah Syiah. Di peringkat pengajian tinggi, İhsān İlahī Zahīr pernah belajar di Universiti Salafi Faisalabad Pakistan. Ia sebuah Universiti terkemuka di Pakistan yang menawarkan pelbagai program kepada umat Islam. Ia sebuah Universiti yang menekankan pemikiran salafi dengan berpegang kepada apa yang dibawa oleh baginda Rasullullah SAW.⁷⁷ Selain itu, beliau juga ditawarkan untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana di Universiti Islam Madinah Arab Saudi dalam bidang Syariah Islamiyyah.⁷⁸ Ia antara universiti terkenal di dunia yang beraliran salafi. İhsān İlahī

⁷⁶ ‘Alī bin Mūsā Al-Zahrānī, *The Life of Shaykh Ihsan Ilahi Thahir ‘Abdul Haq*, 68.

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ *Ibid.*

mendapat tempat yang baik di Universiti tersebut. Keputusan peperiksaannya memberangsangkan dan hubungannya baik dengan para pensyarah di Universiti tersebut. Beliau sering menghabiskan masanya berguru dengan ulama-ulama terkemuka di Universiti tersebut dan ulama lainnya yang beraliran salafi.⁷⁹ Keadaan ini telah mempengaruhinya untuk berpegang dengan aliran salafi sekaligus menyuntik disiplin yang tinggi dan tegas dalam memberikan pandangan dan mempertahankan kesucian agama Islam. Justeru itu, beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang berwibawa, tegas dan berani mengemukakan idea dan pandangan disamping bersemangat mempertahankan ajaran Islam yang sebenar.

Beliau seorang yang tekun mendalamai ilmu pengetahuan dan beguru dengan ulama-ulama terkenal seperti ‘Abd al-‘Azīz bin Bāz, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Muḥammad Ibrāhīm al-Jundalwī, Ḥammad al-Anṣārī, Muḥammad Āmīn al-Shinqīṭī, Abū Bakar al-Jazā’irī dan sebagainya.⁸⁰ Banyak ilmu dipelajari darinya dalam pelbagai bidang disiplin ilmu bagi memantapkan lagi ilmunya. Keadaan ini banyak mempengaruhi pemikirannya untuk berpegang kepada manhaj salafi. Oleh itu banyak kajian dan rumusan yang dibuat oleh beliau diambil dan dipelajari dari ulama-ulama salafi kesan daripada pengaruhnya yang besar dalam pembentukan pemikirannya. Ia akhirnya akan memberi kesan terhadap ketegasannya dalam menangani isu-isu yang berkaitan akidah dan sering mendapat pujian dari para ulama dan ilmuan terkenal rentetan komitmennya yang berterusan dengan manhaj salafi.

Beliau juga aktif berkecimpung dalam *Jam’iyah al-Hadīth* yang beraliran salafi yang banyak mengadakan program dan aktiviti dalam ceramah dan penulisan.⁸¹ Beliau banyak menyumbangkan ideanya melalui penulisan-penulisan dalam majalah-

⁷⁹ Beliau telah berguru dengan ulama beraliran salafi seperti ‘Abd al-‘Azīz bin Bāz, Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Muḥammad Ibrāhīm al-Jundalwī (Ghondalwi), Ḥammad al-Anṣārī, Muḥammad Āmīn al-Shinqīṭī, Abū Bakar al-Jazā’irī dan sebagainya.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid*

majalah yang diterbitkan samada bulanan atau tahunan disamping menerbitkan karya-karya ilmiah. Kebanyakan penulisannya di majalah dan karya-karya ilmiah adalah beroreintasikan salafi kesan daripada pendidikannya terdahulu disamping keaktifannya berkecimpung dalam *Jam'iyyah al-Hadīth*. Peluang ini digunakan sebaik mungkin oleh beliau bagi memperhebatkan kritikannya terhadap ajaran Syiah melalui penulisan beliau.

Ihsān Ilahī Zahīr merupakan seorang pendakwah yang tegas dan berani dalam memberikan pandangan dan kritikan. Keupayaannya menguasai pelbagai disiplin ilmu dan penguasaannya dalam pelbagai bahasa menjadikan dakwahnya lebih berkesan dan digeruni oleh kawan dan lawan. Kepetahannya dalam berpidato, kecerdikannya dalam berhujah dan semangatnya yang kuat melonjakkan dirinya ke peringkat antarabangsa hingga beliau beberapa kali dijemput oleh badan-badan dakwah di Amerika untuk menyampaikan ceramah dan pembentangan kertas kerja di seminar-seminar. Percubaan bunuh dilakukan beberapa kali hingga akhirnya beliau meninggal dunia kesan kecederaan parah dalam konspirasi jahat membunuh beliau. Kematiannya telah meninggalkan ribuan fikrah dan pandangan yang dimuatkan dalam karya-karya beliau khususnya yang berkaitan dengan Syiah.

2.8 Penutup

Daripada perbahasan di atas ianya dapatlah disimpulkan dimana Ihsān Ilahī Zahīr merupakan seorang tokoh yang memiliki keistimewaan yang tersendiri merangkumi aspek keluarga, pendidikan, kecerdasan, ketokohan, keberanian dan sebagainya yang mengugat golongan Syiah ketika itu. Beliau memiliki kesungguhan yang tinggi dalam berdakwah membentras ajaran dan fahaman syirik yang menyeleweng dari ajaran Islam. Justeru itu tidak hairanlah kiranya beliau digeruni oleh golongan Syiah yang mengakibatkan akhirnya beliau menghadapi kesudahan hidup yang menakutkan.

University Of Malaya

BAB 3 : ISU-ISU UTAMA KRITIKAN İHSĀN İLAHĪ ZAHĪR TERHADAP AKIDAH SYIAH

3.1 Pengenalan

Syiah merupakan satu firqah yang mempunyai pegangan akidah yang berbeza dengan apa yang diimani oleh jumhur muslimin dari kalangan *Ahl Sunnah wa al-Jama‘ah*. Mereka telah mengemukakan beberapa doktrin akidah yang dibawa masuk oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ hingga muncul beberapa akidah baru yang bercanggah dengan Islam. Akidah tersebut kemudiannya diimani dan melakari sebahagian besar pegangan Syiah hingga hari ini. İhsān İlahī Zahīr merupakan seorang pendakwah yang kuat menentang Syiah dan mengkritik akidah dan ajarannya dalam pelbagai aspek. Kesungguhannya terserlah dengan melakukan pelbagai kritikan melalui tulisan, ceramah, dialog dan sebagainya. Dalam bab ini penulis akan menganalisis isu-isu utama kritikan İhsān İlahī Zahīr berdasarkan kepada isu ketuhanan dan keadilan Tuhan, isu kenabian dan Imāmah dan isu kedudukan sahabat serta kaitannya dengan isu akidah lain.

3.2 Isu Ketuhanan dan Keadilan Tuhan

Perbahasan ketuhanan merupakan persoalan utama yang dibincangkan dalam akidah Syiah. Allah SWT diperlihatkan oleh Syiah sebagai Tuhan yang bersifat sempurna dan adil terhadap makhluknya hingga terciptanya beberapa doktrin dan kepercayaan tertentu dalam akidah mereka. Sewajarnya manusia mengetahui tuhannya dalam kerangka yang betul agar Tuhan itu dilihat bersifat sempurna dan adil kepada semua makhluk.

Kewajipan mengenal Allah menurut *Shī‘ah Imāmiyyah* adalah berasaskan kepada akal dan bukannya syara'.¹ Ia membawa pengertian bahawa mengenal Allah merupakan kewajipan yang mesti dilakukan oleh setiap orang mukallaf semata-mata berdasarkan hukum akal. Ini bererti penentuan hukum atau perintah terhadap setiap orang mukallaf supaya berfikir mengenai sifat-sifat Allah SWT adalah berdasarkan hukum akal. Disamping itu, akal juga memandu setiap mukallaf mengenal sifat-sifat Allah secara wajib dan pasti.²

Menurut Ibn Babawaih al-Qummi semua sifat-sifat Allah menurut Syiah adalah sempurna dan tiada kekurangan seperti mengetahui, berkuasa, hidup dan sebagainya.³ Begitu juga pandangan Nasiruddin al-Tusi yang menyatakan Allah mempunyai sifat kesempurnaan dan mustahil bersifat dengan sifat kekurangan seperti *syirik*, tersusun, *hulul*, *ittihad* dan sebagainya⁴. Pandangan yang sama juga turut dinyatakan oleh al-Majlisi dalam kitabnya *al-‘Aqaid*. Menurut *Shī‘ah Imāmiyyah*, pada asalnya Allah Ta’ala tidak mempunyai sebarang sifat yang tertentu, tetapi nama-nama yang menjadi pecahan kepada sifat itu telah diletakkan kepada Allah Ta’ala kemudiannya. Oleh yang demikian, Allah Ta’ala boleh disebut sebagai hidup, mendengar, melihat, berkuasa, kuat dan sebagainya. Menurut al-Majlisī Allah itu berkata-kata atau *al-Mutakallim* yang menempati pada zat Allah Ta’ala. Manakala sifat berkata atau *al-Kalam* adalah sifat baharu yang dijadikan oleh Allah kemudiannya⁵ dengan mengadakan suara mengikut yang dikehendakinya seperti melalui malaikat atau lidah nabinya. Allah pada hakikatnya tidak berkata dengan sifat kalam itu kerana ia

¹ ‘Abd Azīz al-Imām Walī Allāh Aḥmad ‘Abd Rahīm al-Dahlawī, *Mukhtaṣar al-Tuhfah al-Ithnā ‘Ashariyyah* (Riyadh: al-Riāsah al-‘Āmmah li al-Idārat wa al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irshād, 1985), 70.

² *Ibid.*

³ Abi Ja’afar Muhammad bin Ali bin al-Husain Babawaih al-Qummi, *al-Tawhid* (Beirut : Dar al-Maarifah, tt), 31-32. Lihat juga Muḥammad Bāqir al-Majlisī, *Al-‘Aqā’id* (Iran: Muassasah al-Hudā wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1998), 36.

⁴ *Ibid.*, 118-120

⁵ Muḥammad Bāqir al-Majlisī, *Al-‘Aqā’id*, 36

adalah baharu⁶ bahkan Allah memang zatnya sedia ada berkata-kata. Berdasarkan pengertian tersebut semua sifat Allah itu sebatilengkannya sebagaimana sebatinya nama-nama kepada satu zat.⁷

Shī‘ah Imāmiyyah juga berpandangan sama dimana sifat-sifat Allah adalah baharu bukannya qadim. Ia bermaksud Allah Ta’ala tidak bersifat dengan ilmu sejak azali. Allah juga tidak bersifat dengan *samā’* dan *bāṣar* sehingga Allah Ta’ala menciptakan sifat tersebut untuk dirinya sendiri seperti yang diciptanya kepada makhluk. Akhirnya Allah Ta’ala bersifat dengan Maha Mengetahui, Maha Mendengar dan Maha Melihat.⁸

Selain itu beberapa kepercayaan lain juga diimani oleh Syiah seperti Allah Ta’ala tidak boleh mengubah sesuatu perkara yang telah ditakdirkan ke atas hambanya.⁹ Allah Ta’ala juga tidak tahu tentang sesuatu perkara secara terperinci sebelum ia terjadi,¹⁰ irādat Allah Ta’ala adalah suatu perkara baru dan ia tidak merangkumi dan meliputi semua kejadian atau *kā’inat*,¹¹ manusia dan hamba Allah itu sendiri yang mencipta amal perbuatannya dan tidak ada sebarang campurtangan dengan Allah¹² dan sebagainya.

Dari aspek pembahagian pula, menurut Nasiruddin al-Tusi sifat Allah terbahagi kepada dua iaitu *sifat zat* atau *Sifat al-Thubutiyyah al-Haqiqiyah* yang dinisbahkan kepada zat Allah dan *sifat af’al* atau *Sifat al-Thubutiyyah al-Idafiyah* yang dinisbahkan kepada perbuatan Allah.¹³ Sementara menurut ‘Abd Allāh Shibr dalam kitabnya *Haq al-Yaqīn*, sifat-sifat Allah dalam akidah Syiah terbahagi kepada dua sifat iaitu *Sifat*

⁶ Abi Ja’afar Muhammad bin Ali bin al-Husain Babawaih al-Qummi, *al-Tawhid*, 139

⁷ *Ibid.*

⁸ Al-Majlisī, *Al-‘Aqā’id*, 80

⁹ *Ibid.*, 81.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*, 94.

¹² *Ibid.*, 81.

¹³ Nasiruddin al-Tusi, *Tajrid al-‘Aqaid*, (Iskandariah : Dar al-Makrifah al-Jami’ah, 1996), 119

Thubūtiyyah atau *Sifāt Jamāliyyah* dan *Sifāt Salbiyyah*.¹⁴ *Sifāt Thubūtiyyah* sebagaimana yang dinyatakan oleh *Shī‘ah Imāmiyyah* ialah sebagaimana berikut:

i. ***Wahdaniyah* yang bererti Esa**

Menurut *Shī‘ah Imāmiyyah*, Allah Ta’ala bersifat Esa pada zat, sifat dan *af’āl*. Sementara Muḥammad Riḍā al-Muzaffar pula menyatakan *wahdaniyah* Allah atau mengesakan Allah dalam Syiah berlaku pada zat, sifat dan Ibadah. *Wahdaniyah* pada zat bermaksud kewajipan mengimani kewujudan Allah yang tunggal pada zatnya, manakala *wahdaniyah* pada sifat bermaksud mengimani sifatnya adalah tunggal dan ia adalah ‘ayn zat dan bukannya *zā’idah ‘alā zat* atau tambahan ke atas zat. Ia bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Muḥammad Bāqir al-Majlisī, iaitu salah seorang ulama tersohor Syiah.¹⁵ Sementara *wahdaniyah* pada ibadah pula bermaksud kewajipan melaksanakan ibadah seperti solat dan sebagainya hanyalah kerana Allah dan bukan kerana selainnya.¹⁶

ii. ***Al-Qudrah* yang Bererti Berkusa**

Menururt ‘Abd Allāh Shibr, Syiah mengimani Allah Ta’ala Maha Berkusa dengan melihat kepada ciptaannya yang agung¹⁷ sebagaimana yang diimani juga oleh ulama kalam lainnya. Kekuasaan tersebut disaksikan dengan terciptanya alam ini dan isi kandungannya sebagai bukti kekuasaan Allah. Ia diperkuuhkan dengan firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

وَلُوْ شَاءَ رِبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً

¹⁴ ‘Abd Allāh Shibr, *Haq al-Yaqīn* (Beirut: Muassasah al-‘Ala li al-Matbū’āt), 41. Lihat juga Sattār Jābir Ḥammūd al-‘Arajī, *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ al-Qur’ānī* (Iraq: Bayt al-Hikmah, 2008), 190.

¹⁵ Al-Majlisī, *al-‘Aqā’id*, 36.

¹⁶ Muḥammad Riḍā al-Muzaffar, ‘*Aqā’id al-Imāmiyyah* (Iran: Muassasah Ansarian, t.t.), 37.

¹⁷ ‘Abd Allāh Shibr, *Haq al-Yaqīn*, 43. Lihat juga Sattār Jābir Ḥammūd al-‘Arajī, *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ al-Qur’ānī*, 193.

Terjemahan: Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentulah Dia menjadikan manusia umat yang satu.

Menurut al-Ṭūsī, ayat tersebut mengandungi makna *al-Qudrah* atau berkuasa ke atas Allah SWT untuk menjadikan semua manusia atas satu agama sahaja dengan dikurniakan ilmu pada hati-hati manusia.¹⁸ Kemampuan tersebut sebagai bukti kekuasaannya yang hanya dimiliki oleh Allah Ta’ala sahaja.

iii. *Al-Sama’* dan *al-Baṣar* yang Bererti Mendengar dan Melihat.

Menurut Sheikh al-Mufid dan al-Hullī mendengar dan melihat Allah Ta’ala itu sebagaimana yang disebut dalam al-Qur'an adalah dengan makna *al-‘Ilm* atau mengetahui¹⁹ sebagaimana dalam contoh ayat di bawah:

وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعاً بَصِيرَاً

al-Nisā' 4:134

Terjemahan: Dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Allah Ta’ala yang bersifat dengan mendengar dan melihat itu juga bermaksud Allah Ta’ala mengetahui, kerana sekiranya tidak mengetahui nescaya tidak bermakna apa yang didengar dan dilihat. Al-Ṭūsī pula berpandangan, mendengar dan melihat bermaksud *Idrāk*²⁰ yang bererti meliputi pengetahuan mengenai penglihatan. Ini bererti Allah sifatnya mendengar dan mengetahui itu adalah dengan tanggapan dan pengetahuan yang sempurna. Ia wajib mendengar dan melihat apa yang didengar dan apa yang dilihat.

¹⁸ Ahmad Habib Qasir al-‘Amili, *Al-Tibyan fi Tafsir al-Quran*, (Najaf : Matba’ah al-Nu’mān, 1964), 6 : 83. Lihat Al-‘Arajī, *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ al-Qur’ānī*, 193.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*, 194.

iv. **Kalam yang Bererti Berkata-kata**

Shī‘ah Imāmiyyah percaya dan beriman bahawa kalam Allah adalah *ḥadīth*²¹ iaitu baharu, bukannya *qadīm* atau kekal. Oleh itu, mereka berpandangan al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah juga adalah baharu. Ia diperkuuhkan oleh pandangan Imam al-Sadiq yang menegaskan kalam Allah adalah baharu.²²

Selain dari *Ṣifat Thubūtiyyah* sebagaimana di atas, Allah Ta'ala juga bersifat dengan *Ṣifat Salbiyyah* iaitu sifat yang mensucikan Allah Ta'ala dari segala sifat kekurangan. Mereka membahagikan kepada beberapa perkara iaitu:

- i. Maha Suci Allah dari sifat menyerupai, berjisim, mengambil ruang penjuru, bertempat, *hulūl*, *ittiḥād*, ruang dan sebagainya yang wajib dinafikannya.²³ Dalam memahami ayat-ayat *Ṣifat Khabariyyah* seperti *al-Wajh* yang bererti wajah, *al-‘Ayn* yang bererti mata, *al-Yad* yang bererti tangan, *al-Saq* yang bererti betis, *al-Harakah* dan *al-Intiqāl* yang bererti bergerak dan berpindah dengan mentakwilkannya kepada makna dan maksud lain yang bersesuaian dengan kesempurnaan Allah SWT.²⁴
- ii. Maha Suci Allah Ta'ala daripada boleh dilihat dengan mata di dunia dan di akhirat. Mereka berpegang dengan firman Allah SWT لَنْ تَرَىٰ
yang membawa maksud tidak boleh dilihat selama-lamanya. Penggunaan kalimah *nafī* dalam ayat tersebut adalah untuk selamanya. Ini membawa maksud Allah Ta'ala tidak boleh dilihat dengan mata selama-lamanya samada di dunia atau di akhirat.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*, 190 dan 195.

²⁴ *Ibid.*, 195

Menurut al-Muzaffar, Allah bersifat tunggal, *qadīm*, terawal dan terakhir, mengetahui, bijaksana, adil, hidup, berkuasa, kaya, mendengar dan melihat. Ia tidak bersifat dengan sifat makhluk, tidak berjisim, tidak berbentuk, bukan *jawhar* dan bukannya ‘*arad*. Ia juga tidak bersifat dengan ringan dan berat, tidak bergerak dan tidak diam, tidak bertempat dan tiada mengisi masa, tiada sekutu, tidak menyerupai, tiada teman, tiada anak dan tidak ada sesuatupun yang menyerupainya.²⁵ Ia juga turut diperakui dan ditegaskan oleh al-Majlisī,²⁶ Sheikh al-Mufid Muḥammad bin Muḥammad al-Nu’mān²⁷ dan ulama-ulama Syiah lainnya.

Menurut beliau juga Tauhid dalam Syiah berlaku dalam pelbagai aspek iaitu Tauhid pada zat, Tauhid pada sifat dan Tauhid pada Ibadah. Tauhid pada zat bermaksud kewajipan mengimani kewujudan Allah yang tunggal pada zatnya, manakala tauhid pada sifat bermaksud mengimani sifatnya adalah ‘*ayn al-dhāt*²⁸ dan tauhid pada ibadah pula bermaksud kewajipan melaksanakan ibadah seperti solat dan sebagainya hanyalah kerana Allah dan bukan kerana selainnya.²⁹ *Sifat Thubūtiyyah* dan *Sifat Jamāliyyah* sebagaimana di atas memperlihatkan kepada kita bahawa Allah itu bersifat dengan sifat kesempurnaan dan jauh dari sifat kekurangan.

Selain itu, Allah Ta’ala disifatkan sebagai Tuhan yang adil kepada makhluknya. Menurut al-Majlisī, Allah tidak bersifat zalim dan buruk³⁰ dengan meninggalkan manusia tanpa sebarang pedoman dan peraturan. Keadilan Tuhan diperlihatkan oleh Syiah dengan adanya imam yang akan memimpin manusia ke jalan yang direndai oleh Allah. Ia satu jawatan yang telah dinaskan dan disinambungkan secara warisan sebagaimana yang berlaku dalam ajaran Syiah. Imam akan bertindak menjaga dan mengamalkan syariat dan memimpin manusia ke jalan yang benar. Akidah Imamah

²⁵ *Ibid.*, 36.

²⁶ Al-Majlisī, *al-‘Aqā’id*, 37.

²⁷ Al-Mufid Muḥammad bin Muḥammad bin Nu’mān, *Awā’il al-Maqālāt*, 52.

²⁸ Al-Majlisī, *al-‘Aqā’id*, 36.

²⁹ *Ibid.*, 37.

³⁰ *Ibid.*, 34.

yang diimani oleh mereka menggambarkan dimana Allah tidak bersifat zalim dan meninggalkan manusia tanpa panduan dan pimpinan setelah menjadikan manusia. Dengan ini perbuatan Allah dengan mengutuskan imam dilihat tidak sia-sia, bahkan memberikan manfaat dan maslahah kepada manusia bahkan ia merupakan kewajipan Allah kepada manusia. Justeru itu mereka mengimaninya sebagai dasar agama yang penting dalam ajaran Syiah yang wajib diimani.

3.2.1 Konsep *al-Bada'* Menurut Syiah

Akidah *al-Bada'* merupakan antara akidah utama yang diimani oleh Syiah. Ia antara aspek Tauhid ketuhanan yang sewajarnya dibincangkan bagi melihat hubungkait antara konsep Tauhid Ketuhanan dan konsep akidah *al-Bada'* itu sendiri. Golongan Syiah telah memertabatkan akidah *al-Bada'* menjadi dasar agama dalam ajaran mereka. Para ulama' Syiah banyak memberikan pandangan berkenaan akidah tersebut dan ia dianggap sebagai akidah utama yang diimani oleh Syiah.

Secara umumnya terdapat tiga aliran dan pandangan berkaitan persoalan *al-Bada'* menurut Syiah Imamiah. Aliran pertama adalah aliran yang memaksudkan perubahan pada yang diketahui bukan pada pengetahuan. Ilmu Ilahi bersifat tetap, azali dan abadi. Perubahan diketahui secara azali. Antara yang berpandangan seperti ini ialah Sheikh al-Saduq (w381H), Sheikh al-Mufid (w413H) dan al-Syarif al-Murtada (w436H). Mereka memiliki pendapat bahawa *al-Bada'* sama dengan nasakh. Kenyataan ini diperkuuhkan dengan firman Allah Ta'ala dalam firmanya :

يَحْوِي اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ أَمُّ الْكِتَابِ

Terjemahan : Allah menghapuskan apa yang dia kehendaki dan menetapkan (apa yang dia kehendaki), dan disisinyaalah terdapat ummu al-Kitab (Lauh Mahfuz).

Menurut beliau al-Bada' bukanlah penyesalan Allah terhadap perkara yang dihapuskan itu tetapi Allah melakukan al-Bada' yang bermaksud Allah mula mencipta sesuatu pada makhluknya sebelum menciptakan yang lain. Kemudian Allah hapuskan objek tersebut dan ia mulai dengan menciptakan yang lainnya atau memerintah sesuatu perkara. Kemudian melarang perintah dan perkara tersebut kemudian Allah perintahkan seperti perkara yang dilarang sebelumnya. Ini seperti perkara nasakh syariat seperti memindahkan arah kiblat. Allah memerintahkan suatu perkara kepada hambanya pada suatu waktu kerana dia mengatahui bahawa perkara tersebut baik untuk mereka pada waktu tersebut dan dia juga mengetahui bahawa perkara yang baik bagi mereka diwaktu yang lain adalah dia larang mereka untuk melakukan perkara tersebut. Maka orang yang mengakui bahawa Allah boleh melakukan apa yang dia kehendaki, meniadakan, mencipta, mendahulukan, mengakhirkan, memerintahkan apa yang dikehendaki dengan cara yang dia kehendaki, maka bererti dia telah mengakui prinsip al-Bada'.³¹

Aliran kedua pula berpendapat bahawa perubahan terjadi pada zat pengetahuan bukan pada zat objek dengan menggunakan takwil secara zahir pada pengetahuan itu sendiri. Ia adalah pandangan al-Majlisi (w1110H). Beliau berpendapat bahawa ilmu Allah terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu yang dicatat di *Lawh al-Mahfuz* dimana ilmu ini tidak berubah dan tidak berganti dan ilmu dicatat di *Lawh al-Mahw wa al-Ithbat*. Jenis ilmu ini adalah yang mengandungi unsur perubahan. Ia dinisbahkan kepada al-Bada'.³²

Al-Bada' menurut 'Abd Sattār al-Tunsāwī ialah menimbulkan pandangan baru yang tidak pernah ada sebelumnya.³³ Manakala menurut al-Kulaynī, *al-Bada'*

³¹ Al-Saduq, *al-Tawhid* (Beirut : Dar al-Ma'arif, tt), 335

³² Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar* (Beirut : Muassasah al-Wafa', 1983) 4 : 130

³³ Muhammad 'Abd Sattār al-Tunsāwī, *Butlān 'Aqā'id al-Shī'ah* (Kaherah: Dār al-'Ulūm li al-Ṭibā'ah, 1986), 20.

bermaksud lahirnya setiap perbuatan yang sebelum ini adalah tersembunyi.³⁴ Ia sebagaimana yang disebutkan oleh al-Tabatabāī ketika menjelaskan maksud *al-Bada'* sebagaimana dalam kitab *Usul al-Kāfī* oleh al-Kulaynī.

Al-Bada' ialah zahir perbuatan yang tersembunyi disebabkan ternyata tersembunyi ilmu kerana adanya maslahah. Kemudian diluaskan penggunaannya, maka kami maksudkan dengan *al-Bada'* itu ialah lahirnya setiap perbuatan yang sebelumnya itu adalah tersembunyi (daripada Allah SWT).³⁵

Ini bererti kepercayaan *al-Bada'* menurut akidah Syiah, bertujuan dimana ilmu Tuhan yang sifatnya berubah adalah bersesuaian dengan fenomena baru. Tuhan akan berubah kehendak-Nya terhadap sesuatu perkara sesuai dengan keadaan yang berlaku.³⁶ Menurut Ihsān Ilahī Zahīr pula *al-Bada'* bermaksud lupa dan Jahil.³⁷ Ini bermaksud Allah Ta'ala tidak mengetahui sesuatu perkara sebelum berlakunya perkara tersebut. Allah Ta'ala akan mengetahuinya setelah berlaku peristiwa berkenaan yang sebelum ini dianggap tersembunyi daripadanya.

Akidah tersebut dianggap sebagai satu akidah yang suci dan murni. Ia merupakan satu bentuk ibadah yang mulia dan utama kepada manusia yang beriman dengan akidah *al-Bada'*. Al-Kulaynī mejelaskan kelebihannya sebagaimana di bawah:

Muhammad bin Yahyā daripada Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Īsā, daripada al-Hajjal daripada Abū Ishāq Tha‘labah daripada Zararah bin ‘Ayūn daripada salah seorang daripada keduanya a.s. katanya, “Tidak ada ibadat yang paling utama seperti *al-Bada'*.”³⁸

Dalam riwayat lain beliau menyatakan:

Daripada Ibn Abū ‘Umayr daripada Hishām bin Sālim daripada ‘Abd Allāh a.s., “Tidak ada perkara yang paling agung di sisi Allah seperti *al-Bada'*.”³⁹

³⁴ Abī Ja’far Muhammad bin Ya‘qub al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfī*, (Beirut : Dar al-Adwa’, 1992), 1:202.

³⁵ Al-Tabatabai menjelaskannya dalam kitab karangan al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfī*, 1:200.

³⁶ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfī*, 1: 200-203.

³⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah* (Lahor: Matba’ah Ma’rif, 1974), 63.

³⁸ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfī*, 1:200. Lihat al-‘Arajī, *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ, al-Qur’ānī*, 200.

³⁹ *Ibid.*, 1: 201.

Pengikut-pengikut Syiah mempercayai bahawa *al-Bada'* juga berlaku kepada imam-imam mereka. Ini bermakna apabila sesuatu berita yang disandarkan kepada imam, kemudian berita tersebut tidak berlaku, maka mereka akan mendakwa inilah *al-Bada'* yang berlaku kepada para imam mereka. Al-Nubakhti menyebutkan bahawa Ja'far bin Muḥammad al-Baqīr telah menentukan anaknya Ismaill sebagai imam sesudahnya dan beliau telah mengisyiharkan kepadanya semasa hidup lagi, tiba-tiba Ismail mati ketika beliau masih hidup. Maka Ja'afar pun berkata: "Tidak pernah berlaku kepada Allah (*al-Bada'*) berhubung dengan sesuatu seperti mana berlaku kepadanya berhubung dengan Ismail anakku."⁴⁰

Ulama-ulama Syiah juga telah memberi harapan kepada pengikut-pengikut mereka, bahawa Imamah atau kepimpinan akan kembali kepada mereka dan *dawlah* akan jadi hak mereka dalam tempoh 70 tahun. Riwayat ini disandarkan kepada Abī Ja'far imam mereka yang keenam. Setelah berlaku tempoh 70 tahun apa yang dijanjikan tidak berlaku, lalu menyebabkan pengikut-pengikut mereka memprotes. Ulama-ulama Syiah berusaha mencari jalan penyelesaian terhadap isu ini, lalu mereka berkata sesungguhnya telah berlaku *al-Bada'* kepada Allah sehingga berlaku perubahan pada tempoh yang telah dijanjikan.⁴¹

Bagi memperkuuhkan lagi kepercayaan akidah *al-Bada'*, mereka telah mengemukakan satu riwayat yang berasal daripada Muḥammad bin al-Baqīr bahawa Nabi Luth a.s. juga bimbang akan berlaku *al-Bada'* pada Allah sehingga baginda tidak sabar-sabar lagi meminta para malaikat yang diutuskan untuk menyiksa kaumnya supaya menyegerakan penyiksaan terhadap mereka sebelum berlaku perubahan pada kehendak Allah kerana sesuatu sebab yang tersembunyi kepadanya sebelum itu dan

⁴⁰ Al-Ḥasan bin Mūsā al-Nubakhti, *Firāq al-Shī'ah* (Beirut: Dār al-Adwā', 1984), 64.

⁴¹ Abī Ja'far Muḥammad bin al-Hasan al-Ṭūsī, *Kitāb al-Ghaybah* (Beirut: Muassasah al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah, 1998), 428.

baru nyata kemudian setelah berlaku sebab itu.⁴² Ianya jelas dinyatakan sebagaimana berikut:

Luth berkata kepada mereka: Wahai utusan-utusan Tuhanmu, apakah perintah Tuhanmu kepada kamu terhadap mereka? Para malaikat menjawab: Ia memerintah kami supaya menimpakan azab ke atas mereka pada dinihari nanti. Nabi Luth berkata: "Aku ada hajat dengan kamu". Mereka bertanya: "Apakah hajatmu itu Nabi Luth berkata: "Kamu timpakanlah azab ke atas mereka sekarang juga kerana aku bimbang akan berlaku *Bada* kepada Tuhanmu tentang mereka". Para malaikat berkata: "Wahai Luth! Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpakan azab itu ialah subuh, bukankah subuh itu sudah hampir."⁴³

Dari perbincangan di atas, penulis melihat Syiah bersungguh-sungguh memertabatkan akidah *al-Bada'* sebagai perkara asas dalam agama mereka adalah untuk memenuhi tuntutan para imam yang dikatakan sifatnya maha mengetahui semua perkara samada yang nyata atau tersembunyi. Walau bagaimanapun para imam sebagai manusia sifatnya tidak mengetahui segalanya dan seringkali kenyataannya bercanggah dengan apa yang berlaku. Justeru untuk menjaga kehebatan para imam mereka menyatakan telah berlaku *al-Bada'* kepada para imam dan ianya bersesuaian dengan suasana semasa. Begitu juga *al-Bada'* yang berlaku kepada Allah yang dilihat maha mengetahui dan telah menjanjikan sesuatu kepada pengikut Syiah. Apabila perkara tersebut tidak berlaku, maka ia disifatkan telah berlaku *al-Bada'* kepada Allah.

Menurut Muḥammad Ridā al-Muzaffar, *al-Bada'* pada manusia ialah apabila manusia mengemukakan pandangan yang tidak diutarakan sebelumnya dengan menukar keazaman pada melakukan suatu kerja yang akan dilakukannya, dimana berlaku sesuatu yang boleh mengubah pandangan dan pengetahuannya, maka ia mula meninggalkan selepas menghendaki melakukannya kerana jahil dengan kepentingan yang terdahulu. *Al-Bada'* seumpama ini menurut beliau adalah mustahil bagi Allah Ta'ala kerana

⁴² Abī Ja'far Muḥammad bin Ya'qūb al-Kulaynī, *Furu' al-Kāfi* (Beirut: Dār al-Adwā, 1992), 543.

⁴³ *Ibid.*

mengandungi sifat jahil dan kurang bagi Allah Ta’ala.⁴⁴ Begitu juga pandangan Imam Ja’far al-Ṣādiq menegaskan dimana sesiapa yang mendakwa Allah Ta’ala itu menzahirkan sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya adalah kafir.⁴⁵ Ia juga turut disepakati oleh Abū al-Qāsim al-Musawī al-Khui,⁴⁶ Muḥammad Rīdā al-Muzaffar,⁴⁷ al-Mufid Muḥammad bin Muḥammad al-Nu‘mān,⁴⁸ ‘Abd Allāh Shibr⁴⁹ dan sebagainya.

Shī‘ah Ghulāt pula mengharuskan *al-Bada’* kepada Allah Ta’ala. Mereka mendakwa dimana suatu ilmu itu berlaku daripada suatu keadaan sama ada melalui wahyu yang diwahyukan kepadanya atau melalui risalah daripada para imam. Jika sekiranya seseorang berjanji suatu perkara dan berlakulah perkara tersebut dan bertepatan dengan perkataannya maka ia sebagai dalil di atas kebenaran dakwaannya dan jika tidak bertepatan maka dikatakan telah berlaku *al-Bada’* bagi Tuhan kamu.⁵⁰ Menurut Kāmil Muṣṭafā al-Shaybī, golongan Syiah pertengahan telah mengambil konsep *al-Bada* dari pegangan akidah *Shī‘ah Ghulāt*. Mereka telah memurnikan semula faham *al-Bada’* yang melampau dan diperkuuhkan dengan logik akal.⁵¹

Menurut al-Shahrustānī dalam kitabnya *al-Milal wa al-Nihāl*, manusia yang bertanggungjawab mencetuskan pemikiran *al-Bada’* ialah al-Mukhtār bin Abī ‘Ubayd yang telah mengharuskan *al-Bada’* kepada Allah Ta’ala. *Al-Bada’* menurut beliau itu membawa maksud berubah kehendak Tuhan. Ia adalah faham *al-Bada’* yang diambil dari *Shī‘ah Ghulāt* yang dipelopori oleh Mazhab Hishām bin al-Hakam. Ia juga menyatakan dimana Ilmu Allah itu tidak berkait melainkan dengan sesuatu yang

⁴⁴ Muḥammad Rīdā al-Muzaffar, ‘Aqā’id al-Imāmiyyah, 40.

⁴⁵ Ibid., Lihat al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Ta’aththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 423.

⁴⁶ Abū al-Qāsim al-Musawī al-Khui, *al-Bayān fī Tafsīr al-Qur’ān* (Iran: Mansyurat li Anwār al-Hudā, 1981), 385-394.

⁴⁷ Al-Muzaffar, ‘Aqā’id al-Imāmiyyah, 40-41.

⁴⁸ Al-Mufid Muḥammad bin Muḥammad al-Nu‘mān, *Awā’il al-Maqālāt*, 48-49.

⁴⁹ ‘Abd Allāh Shibr, *Hāq al-Yaqīn*, 110-11.

⁵⁰ Pandangan ini diambil dari kitab Fathi Muhamad al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Ta’aththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 424 . Lihat juga dalam al-Shahrustānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, (Beirut : Dar Maktabah al-Mutanabbi, 1992), 74.

⁵¹ Al-Shahrustānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, 74.

mawjūd, Allah Ta’ala tidak mengetahui sesuatu perkara kecuali perkara itu telah berlaku.⁵²

Kenyataan ini akan membawa kepada maksud Allah itu bersifat jahil dengan sesuatu, sebelum berlakunya perkara tersebut. Ia akan membuka ruang kepada satu tafsiran dan tanggapan salah dimana ilmu Allah Ta’ala itu boleh memberi kesan dengan berlakunya suatu perkara yang baharu dan Allah Ta’ala itu akan berubah kehendaknya buat kali kedua.⁵³ Ia juga bermaksud kehendak Allah Ta’ala itu berubah dan perubahan ini membawa maksud Allah Ta’ala itu jahil.

Konsep *al-Bada’* yang menyatakan ilmu Allah berubah-rubah mengikut peristiwa yang berlaku kepada manusia sebagaimana di atas bertentangan dengan nas al-Qur’ān al-Karīm. Allah Ta’ala menyatakan dalam firmanya sebagaimana berikut:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَى عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ

Āli-Imran 3:5

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatupun yang ada di bumi dan juga yang ada di langit.

Dalam ayat lain Allah Ta’ala berfirman:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنْ
وَرْقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ
مُّبِينٍ

Al-An‘ām 6:59

Terjemahan: Dan pada sisi Allah jualah anak kunci pertendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut dan tidak gugur sehelai daunpun melainkan ia mengetahuinya dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (*Lawh Maḥfūz*) yang terang nyata.

⁵² Al-Zaghbī, *Għul-āt al-Shī‘ah wa Taathħaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām* ,423.
⁵³ *Ibid.*, 425.

Begitu juga dalam firmannya:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِنَا السَّاعَةُ قُلْ بَلَى وَرَبِّي لَتَأْتِنَّكُمْ عَالِمُ الْغَيْبِ لَا يَعْزُبُ
عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا
فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Surah Sabā' 34:3

Terjemahan: Dan orang-orang kafir berkata, hari kiamat itu tidak akan datang kepada kami. Katakanlah, pasti datang, demi TuhanKu yang mengetahui segala perkara yang ghaib, hari kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu. Tidak tersembunyi dari pengetahuan-Nya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi dan tidak ada yang lebih kecil dari itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang terang nyata.

Dalam ayat lain Allah Ta'ala menyatakan:

وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Al-Nisā' 4:176

Terjemahan: Dan Allah amat mengetahui atas tiap-tiap sesuatu.

Konsep *al-Bada'* seumpama ini mendapat kritikan dari ulama-ulama Syiah sendiri. Antaranya ialah Imam Ja'far al-Ṣādiq menegaskan dimana sesiapa yang mendakwa Allah Ta'ala itu menzahirkan sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya adalah kafir.⁵⁴ Menurut Syeikh al-Mufid konsep *al-Bada'* dalam Syiah sekiranya difahamkan sebagaimana yang difahami oleh orang Islam yang lain yang membawa maksud *nasakh*⁵⁵ seperti faqir selepas kaya dan sakit selepas sihat⁵⁶ maka ia dibolehkan. Tetapi sekiranya ia membawa maksud berpindah atau bertukar dari suatu keadaan

⁵⁴ Muḥammad Ridā al-Muzaffar, ‘Aqā’id al-Imāmiyyah, 40. Lihat al-Zaghbī, Ghulāt al-Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughayyarah li al-Islām, 423.

⁵⁵ Sebahagian kalangan Syiah seperti Syeikh al-Mufid berpandangan dimana *al-Bada'* itu sama sebagaimana *nasakh*. Nasakh berlaku dengan penurunan sesuatu ayat al-Qur'an dan memansuhkan hukum hakam, ayat, bacaan dengan ayat yang telah diturunkan sebelumnya.

⁵⁶ Al-Mufid, Awail al-Maqalat (Iran : tp, 1363H), 94. Lihat juga Al-Zaghbī, Ghulāt al-Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughayyarah li al-Islām, 422.

kepada suatu keadaan sebagaimana yang difahami oleh golongan *al-Mubṭilūn* maka ia suatu kesalahan.⁵⁷

Ini bererti *al-Bada'* yang difahami dengan maksud Ilmu Allah yang tersembunyi atau yang didahului dengan jahil atau ilmunya yang berubah-rubah yang dipegang oleh *Shi'ah Ghulat* adalah tafsiran yang melampau dan terpesong dari maksud sebenar. Mereka mengimaninya sebagai dasar utama dalam akidah yang sewajarnya dipegang oleh semua pengikut Syiah.

Perselisihan pandangan dalam memahamkan konsep *al-Bada'* sebagaimana perbahasan di atas menggambarkan kepincangan yang berlaku dalam akidah tersebut sedangkan ia merupakan akidah utama dalam Syiah sehingga apabila persoalan tersebut dipersoalkan mereka tidak dapat menjawabnya. Mūsā al-Musāwī seorang cendekiawan *Shī'ah Imāmiyyah* yang natural dan moderat⁵⁸ memberi komentar peralihan Imāmah sewajarnya berlaku dari bapa kepada anak yang tertua tetapi ini tidak berlaku. Imāmah setelah imam al-Hasan berpindah kepada imam Ḥusayn dan keturunannya dan ia tidak berpindah kepada anak al-Hasan sedangkan beliau adalah anak tertua.⁵⁹ Ini juga berlaku kepada Ismail anak tertua kepada Ja'far al-Ṣādiq iaitu Imam keenam. Ismail telah wafat sebelum bapanya dan jawatan Imāmah telah berpindah kepada Mūsā bin Ja'far al-Ṣādiq. Perubahan dalam penentuan Imamah sebagai jawatan dari Tuhan seumpama ini tidak mengikut cara yang biasa iaitu daripada bapa kepada anak yang tertua. Sedangkan Imāmah adalah ketetapan dari Allah yang tidak terikat dengan adanya pilihanraya dan penentuan Imamah itu tidak berubah dengan matinya seorang imam, dengan ini Imāmah akan berpindah mengikut peraturan Allah yang tidak berubah daripada bapa kepada anak. Dengan ini juga, Imāmah adalah satu ketentuan yang tidak tunduk dengan

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ Kamaluddin Nurdin Marjuni, "Beza Akidah Ahli Sunnah Waljama'ah dan Shi'ah," *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah*, no. 2 (Januari-Jun 2012), 32.

⁵⁹ Mūsā al-Musāwī, *al-Shī'ah wa al-Taṣḥīh*, terj. Udah bin Mohsin, Zawawi bin Abdullah dan Mudasir bin Rosdar (Batu Caves: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998), 215.

perubahan masa dan tempat. Ini bererti bahawa imam bapa tidak boleh menentukan siapa yang akan mengantikannya kerana itu adalah penentuan dari Allah.⁶⁰

Ja'far al-Ṣādiq tidak berhak menentukan anaknya Musa (anaknya yang kecil) mengantikannya bahkan Imāmah itu sewajarnya berpindah kepada anaknya yang tua iaitu dari keturunan Ismail. Oleh kerana Syiah telah mengasaskan konsep Imamah dengan konsep seumpama itu, maka jalan keluar daripada keadaan yang berlaku itu ialah dengan mengadakan teori baru yang dinamakan *al-Bada'* untuk membolehkan Imāmah berpindah dari Ismail kepada Musa sedangkan konsep asal Imamah penentuan itu dari Allah kepada anak yang tua dan tidak boleh pindah kepada anak yang muda.

Mereka cuba mencari jalan keluar bagi menyelesaikan masalah ini dengan membezakan antara *nasakh tashrī'i* dengan *nasakh takwīnī*. Mereka mengatakan *al-Bada'* adalah *nasakh takwīnī* (perubahan kejadian).⁶¹ Sedangkan Allah Ta'ala jelas menyatakan dimana Allah berhak untuk menghapuskan apa yang dikehendaki dan menetapkannya. Tidak timbul persoalan *al-Bada'* yang akhirnya akan mencela kekuasaan Allah dengan mengatakan bahawa Allah menghendaki sesuatu kemudian pula sesuatu yang lain pula.

Manakala aliran ketiga yang dipelopori oleh Sheikh al-Tusi (w460H) berpendapat bahawa *al-Bada'* adalah perubahan pada ilmu tanpa melakukan takwil tabiat terhadap ilmu. Ilmu yang berubah ini adalah ilmu makhluk bukan ilmu khaliq. Oleh itu, mereka memberikan maksud *al-Bada'* sebagai kemunculan suatu perkara yang tidak dijangka oleh manusia.

Pemahaman *al-Bada'* sebagaimana dalam aliran pertama dan ketiga dilihat sebagai satu usaha bagi menyucikan ilmu Allah daripada pembaharuan, perubahan dan penggantian. Manakala pandangan aliran yang kedua dilihat menyeleweng kerana aliran ini berpandangan bahawa pembaharuan, perubahan dan penggantian terjadi pada ilmu

⁶⁰ *Ibid.*, 216.

⁶¹ *Ibid.*, 218. Lihat juga dalam 'Abd Allāh Shibr, *Haq al-Yaqīn*, 110.

Allah ta’ala iaitu memiliki maksud muncul selepas tersembunyi atau kemunculan pendapat baru yang tidak ada sebelumnya.

Mūsā al-Musāwī dilihat sebagai tokoh yang ingin melakukan pembaharuan melihat kaedah dan teori *al-Bada'* dengan apa sahaja tafsiran samada bermaksud *nasakh* atau *jahil* adalah hasil dari pemikiran yang direka, ungkapannya juga direka dan disandarkan kepada imam dan dimasukkan di dalamnya kata-kata imam yang kesepuluh dan imam yang ke sebelas. Ini semuanya direka pada zaman pertentangan antara Syiah dengan *Tashaiyyū*'. Ia satu akidah yang boleh mengurangkan kekuasaan Allah, megurangkan hak rasul dan Imam Syiah disamping bercanggah dengan Islam.⁶² Justeru itu menurut penulis, apa sahaja maksud yang menjelaskan tentang konsep *al-Bada'* maka ia adalah perkara baru yang diadakan dalam Syiah yang tidak ada dalam Islam. Ia juga tidak ada dalam Syiah peringkat awal terdahulu di zaman Saidina ‘Alī, Hasan dan Hussayn. Ia sengaja diadakan dengan tujuan untuk memertabatkan doktrin Imamah sebagai rukun dalam ajaran agama mereka. Ia juga tidak diperakui oleh sunni kerana ajaran Islam tidak pernah mengajarkan keyakinan-keyakina seumpama ini.

3.2.2 Perbuatan Allah (*Af’al Allāh*) dan Kaitannya dengan Keadilan Tuhan

Keadilan Tuhan dalam Syiah bermaksud Allah SWT tidak zalim dalam semua urusannya kepada makhluk. Hamba yang melakukan ketaatan akan diberikan pahala dan yang melakukan maksiat akan dibalas dengan balasan yang setimpal dengannya. Allah tidak akan memberatkan hambanya dengan sesuatu yang ia tidak mampu melaksanakannya. Sebaliknya Allah Ta’ala Maha mengetahui atas kemampuan hambanya itu.⁶³ Allah Ta’ala Maha mengetahui untuk menetapkan sama ada ia baik atau buruk. Begitu juga ia berkuasa untuk melakukan sesuatu yang baik pada perkara yang baik dan buruk pada perkara yang buruk sehingga tiada hambanya yang teraniaya.

⁶² *Ibid.*, 219.

⁶³ Muhammad Ridā al-Muzaffar, ‘*Aqā’id al-Imāmiyyah*, 40.

Allah tidak melakukan sesuatu yang dianggap buruk atau memasukkan ke syurga dari kalangan hambanya yang melakukan maksiat kerana ia tidak adil. Sekiranya Allah tidak adil maka ini bermakna Allah itu jahil terhadap sesuatu perkara kerana ia tidak mengetahui ia buruk. Maha suci Allah dari memiliki sifat jahil.⁶⁴ Ia turut disepakati oleh ‘Abd Sattar al-Shibr,⁶⁵ al-Majlisī,⁶⁶ Sheikh al-Mufid⁶⁷ dan sebagainya.

Keadilan Allah Ta’ala dalam *Shi’ah Imamiyyah* adalah bersifat *al-Wast* atau pertengahan antara pemikiran *ifraq al-Jabr*⁶⁸ atau terpaksa dalam *firqah Jabariyyah* dan tafsir *al-Qadariyyah*⁶⁹ dalam pemikiran firqah Qadariyah yang menafikan ada hubungan dan kaitan dengan Allah.⁷⁰ *Firqah Jabariyyah* beriktihad, manusia melakukan sesuatu perbuatan dengan terpaksa seperti sehelai bulu yang terbang di udara. Anginlah yang menentukan ke arah mana ia bergerak. Manusia tidak mempunyai sebarang kuasa, kehendak dan pilihan sendiri. Hanya Allah sahajalah yang melakukan sesuatu kepada manusia sebagaimana yang dilakukan kepada benda yang tidak bernyawa. Menyandarkan sesuatu perbuatan kepada manusia, seperti ‘Alī berpuasa adalah sama sahaja seperti menyandarkan perbuatan kepada benda yang tidak hidup seperti batu telah bergerak. Kedua jenis sandaran ini tidak merupakan hakikat yang sebenarnya, kerana yang sebenar melakukannya ialah Allah.⁷¹ Mereka menyanggah pemikiran Jabariyyah berdasarkan kepada nas syara’ dengan menafsirkan kepada makna lain sebagaimana dalam contoh di bawah:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

⁶⁴ *Ibid.*,36.

⁶⁵ ‘Abd Sattar al-Shibr, *Haq al-Yaqīn*, 83-89.

⁶⁶ Al-Majlisī, *al-‘Aqā’id*, 34.

⁶⁷ Al-Mufid, *Awā’il al-Maqālāt*, 60-61.

⁶⁸ Firqah Jabariyyah mengimani dimana Allah mempunyai kuasa mutlak terhadap perbuatan hamba. Perbuatan yang ada pada hamba hakikatnya adalah perbuatan Allah dan bukannya perbuatan hamba. Manusia terpaksa mengikuti kehendak Allah.

⁶⁹ Firqah Qadariyyah mengimani dimana manusia mempunyai kuasa mutlak dalam melaksanakan suatu perbuatan dan tidak ada sebarang ikatan dengan Allah.

⁷⁰ Al-‘Arajī, *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ al-Qur’ānī*, 207.

⁷¹ Mubārak Ḥasan Ḫusayn, ‘Ilm al-Tawḥīd fī Daw’ al-‘Aql wa al-Naql (Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah, 1995), 71-72.

Terjemahan: Padahal Allahlah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu.

Menurut al-Murtada ayat tersebut adalah perkhabaran Nabi Ibrahim ke atas kaumnya yang menyembah berhala yang dibuat oleh tangan-tangan mereka sendiri. Ia mempunyai kaitan ayat yang perlu ditafsirkan bersama dengan ayat sebelumnya iaitu “apakah kamu menyembah patung-patung yang kamu pahat itu.” Ertinya Allah Ta’ala sahajalah yang menciptakan kami dari kalangan manusia dan juga patung-patung yang dipahat oleh kaum Nabi Allah Ibrahim.⁷² Secara tidak langsung terbatallah kenyataan Jabariyah yang memahamkan ayat tersebut dengan makna Allah yang mencipta manusia dan perbuatan manusia yang terikat dengan Allah sebagaimana dalam faham Jabariyah. Ia juga tidak bersifat sebagaimana faham Qadariyah yang memutuskan hubungan dan kaitan antara usaha hamba dengan Allah. Firqah Qadariyah beriktiqad dimana seseorang hamba berkuasa penuh menjayakan segala urusan dan pekerjaannya tanpa disertai dengan qudrat Allah, malah dengan kesan usaha dan ikhtiar hamba itu sendiri berhasil segala apa yang dikehendaki dengan tidak bergantung kepada kekuasaan Allah.⁷³ Bagi mendepani pemikiran tersebut yang dilihat tidak benar, maka firqah Syiah tampil mengemukakan pemikirannya yang dilihat bersifat *tawassut* atau pertengahan antara dua pemikiran tersebut hingga akhirnya lahirlah satu pemikiran keadilan Tuhan sebagaimana di atas.

Keadilan Tuhan memperlihatkan bahawa Tuhan memperlakukan segala sesuatu sebagaimana selayaknya dan meletakkan sesuai dengan kedudukannya serta memberikan kepada yang berhak hak-hak yang sepatutnya dia dapatkan. Justeru itu keadilan Tuhan berlaku kepada beberapa perkara iaitu keadilan *takwīnī* (berkaitan

⁷² Al-‘Arajī, *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ al-Qur’ānī*, 109 dan 207.

⁷³ Mubārak Ḥasan Husayn, ‘Ilm al-Tawḥīd fī Daw‘ al-‘Aql wa al-Naql, 73-75.

dengan penciptaan), keadilan *tashrī'ī* (berkaitan dengan petunjuk dan hukum agama) dan keadilan dalam hukum. Keadilan *takwīnī* bermaksud Tuhan memberikan nikmat kepada seluruh makhluk bersesuaian dengan keadaannya dan semua makhluk akan mencapainya dengan sempurna. Keadilan *tashrī'ī* pula bermaksud Tuhan tidak mengabaikan dan tidak lalai dalam menetapkan kewajipan dan membuat hukum yang menjadi dasar utama untuk mencapai kesempurnaan manusia dan kebahagiaan abadi. Tidak ada satupun manusia yang diberikan beban dan tanggungjawab melebihi kemampuan mereka dalam melaksanakan kewajipan agama. Manakala keadilan dalam hukum pula bermaksud Tuhan dalam memberikan pahala dan siksa kepada hambanya bersesuaian dengan amal perbuatan hambanya. Tuhan akan memberikan pahala kepada orang yang melakukan perbuatan baik kerana perbuatan baiknya dan Tuhan akan menyiksa orang yang melakukan perbuatan buruk kerana perbuatan buruknya itu.⁷⁴ Justeru itu, mustahil bagi Allah mengabaikan tugasnya membimbing manusia sekalipun para nabi telah wafat. Tugas kenabian akan dilangsungkan pula oleh para imam yang telah ditentukan oleh Allah bagi mengurus hal ehwal agama dan kedunian kepada manusia.

3.3 *Al-Nubūwwah* dan *al-Imāmah*

Al-Nubūwwah merupakan salah satu rukun iman yang terdapat dalam firqah Syiah dengan bentuk fahaman dan kepercayaannya yang tersendiri. Mereka beriman bahawa jawatan kenabian yang dianugerahkan oleh Allah adalah bertujuan memberi petunjuk kepada manusia dan melorongkan kebaikan dan maslahat manusia di dunia dan akhirat. Menurut al-Majlisī, ia merupakan jawatan yang wajib diimani oleh setiap individu muslim yang tidak boleh diengkari oleh sesiapapun.⁷⁵ Ia bertujuan untuk menyelamatkan manusia dari kancah maksiat, keruntuhan akhlak dan rosaknya adat

⁷⁴ Muḥammad Riḍā al-Muzaffar, ‘*Aqā’id al-Imāmiyyah*, 33-35.

⁷⁵ Al-Majlisi, *Al-‘Aqā’id*, 44.

disamping mengajar manusia hikmah dan makrifah dan menjelaskan jalan-jalan kebahagiaan dan kebaikan demi mencapai darjat yang tinggi di dunia dan akhirat. Menurut Muḥammad Riḍā al-Muzaffar, *Shī‘ah Imāmiyyah* menamakan konsep kenabian sebagaimana di atas dengan kaedah *al-Lutf*.⁷⁶ Ia adalah satu kaedah yang wajib diimani yang dimiliki oleh para nabi dan rasul. Tuntutan krisis akhlak manusia dan fenomena negatif yang berlaku sepanjang zaman, sebenarnya menunjukkan perlunya manusia berhajat kepada para nabi dan rasul bagi memberi petunjuk dan pedoman jalan bahagia di dunia dan akhirat. Justeru itu, bagi Syiah wajib bagi Allah mengutuskan nabi dan rasul kepada manusia memberi rahmat kepada sekalian alam dan bagi melaksanakan kaedah *al-Lutf* disamping membimbing jalan kebaikan dunia dan akhirat.⁷⁷ Konsep *al-Lutf* adalah wajib ke atas Allah kerana *al-Lutf* kepada hamba merupakan kesempurnaan mutlak Allah. Sekiranya tidak berlaku, maka Allah akan bersifat bakhil. Mustahil bagi Allah bersifat dengan sifat kekurangan seumpama itu.

Begitu juga dalam faham Syiah, mereka membezakan antara nabi dan rasul dimana semua rasul adalah nabi dan tidaklah semua nabi itu rasul. Ia berdasarkan firman Allah sebagaimana di bawah.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ وَّلَا نَبِيٌّ

al-Haj 22:52

Terjemahan: Dan Kami tidak mengutuskan sebelum kamu seorang Rasulpun dan tidak pula seorang nabi.

Berdasarkan ayat di atas al-Murtada berpandangan beza antara nabi dan rasul ialah dari aspek wahyu dan perintah menyampaikan. Nabi menerima perintah ketuhanan melalui mimpi dengan tidak melihat malaikat dan tidak diperintahkan untuk

⁷⁶ *Ibid.*, 48-49.

⁷⁷ *Ibid.* ,51. Lihat juga al-Dahlawī, *Mukhtaṣar al-Tukhfah al-Ithnai Ash’ariyyah*, 99.

menyampaikan, manakala rasul lebih tinggi kedudukannya dari nabi dengan perintah untuk menyampaikan.⁷⁸

Mereka juga beriktiqad para nabi dan rasul adalah maksum, tidak melakukan maksiat, dosa kecil dan besar sebelum diangkat menjadi rasul dan selepasnya. Mereka mensucikan para nabi dan rasul dari bersifat dengan sifat yang tidak layak baginya. Mereka akan mentakwilkan ayat-ayat dalam al-Qur'an yang terdapat makna dan maksud seolah-olah nabi dan rasul melakukan dosa dan maksiat dengan tujuan membersihkan diri mereka dan mengagungkannya.⁷⁹ Mereka mentafsir, mentakwilkan dan membersihkan para nabi dan rasul dari bersifat dengan sifat yang boleh menjatuhkan kedudukannya sebagai nabi dan rasul. Walau bagaimanapun terdapat dikalangan ulama mereka seperti al-Kulayni mengatakan ada beberapa orang nabi melakukan perbuatan dosa dan maksiat. Al-Kulayni meriwayatkan daripada Abī Ya‘fūr dengan berkata:

Saya telah mendengar Abū ‘Abd Allāh berdoa sambil menadah tangannya ke langit sambil berkata: Wahai Tuhan, janganlah serahkan daku kepada diriku sendiri walaupun sekadar sekelip mata, bahkan kurang lagi daripada sekelip mata itu.” Alangkah cepatnya air mata beliau mengalir membasahi janggutnya. Kemudian beliau datang kepadaku sambil berkata, wahai Ibn Ya‘fūr, Sesungguhnya (Nabi)Yūnus bin Matta telah diserahkan oleh Allah kepadanya urusan dirinya sendiri kurang daripada sekelip mata”. Beliau lalu menceritakan hal itu, lalu saya pun bertanya: Adakah beliau telah sampai ke peringkat melakukan kufur wahai Tuhan yang selalu memohon semoga Allah memelihara dan memperbaiki hal anda. Maka beliau menjawab, Mati di dalam keadaan seperti ini (dalam keadaan tiada dipelihara Allah) adalah suatu kebinasaan.....⁸⁰

Shah ‘Abd al-Azīz al-Imām Walī Allāh Aḥmad ‘Abd Rahīm al-Dahlawī menjelaskan dimana Nabi Yunus telah keluar meninggalkan kaumnya tanpa mendapat

⁷⁸ Al-‘Arajī, *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ al-Qur’ānī*, 212-213.

⁷⁹ *Ibid.*, 213.

⁸⁰ Shah ‘Abd al-Azīz al-Imām Wali Allāh Aḥmad ‘Abd Rahīm al-Dahlawī dalam kitabnya *Mukhtaṣar al-Tukhfah al-Ithnai Ash’ariyyah*, 106-107. Kenyataan tersebut diriwayatkan oleh al-Kulaynī dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi* yang dimuatkan oleh al-Dahlawī dalam kitabnya *Mukhtaṣar al-Tukhfah al-Ithnai Ash’ariyyah*.

izin daripada Allah terlebih dahulu. Beliau lalu dicela (oleh Allah) kerana berbuat demikian disamping terlalu gopoh dia memohon kepada Tuhan supaya membinasakan kaumnya. Malah beliau tidak tahan menanggung derita akibat daripada perbuatan jahat dan sikap mereka mendustainya serta tidak mempunyai sifat sabar seperti yang sepatutnya dimiliki oleh nabi *Ulul Azmi*.⁸¹

Selain itu, persoalan *al-Imamah* juga dilihat mempunyai kaitan dengan *al-Nubuwwah*. Ia menjadi teras kepada kewujudan Syiah dan berlangsung hingga ke hari ini.⁸² Ia satu akidah yang dianut oleh aliran *Shī‘ah Ithna ‘Ashariyyah*⁸³ dan *Isma‘iliyyah*. Mereka telah menjadikannya sebagai salah satu rukun penting dalam ajaran Syiah. Keingkarannya boleh menyebabkan terbatal iman seseorang bahkan boleh jadi kafir. Kewujudan akidah tersebut adalah bagi memperjuangkan hak khilafah yang telah dirampas oleh Abu Bakar, Umar dan Usman agar dikembalikan kepada Saidina Ali dan keturunannya yang telah dinaskan oleh Rasulullah. Sebarang usaha yang dilakukan oleh mereka bagi mengembalikan hak tersebut dikira sebagai ibadah dan jihad tertinggi bagi memastikan mereka yang dizalimi terbela. Justeru itu, mereka telah memertabatkan akidah tersebut hingga menjadi salah satu rukun agama dalam kepercayaan mereka. Kefarduannya dinyatakan dalam al-Qur’ān al-Karīm sebagaimana berikut:

أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَنْهَاكُمْ

al-Nisā’ 4:59

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Menurut Ibrāhīm al-Musāwī al-Zanjanī dalam kitabnya ‘Aqā’id al-Imāmiyah al-Ithnā ’ī Ash’ariyyah’, Imāmah ialah ketua dalam agama dan dunia dan mempunyai kedudukan ketuhanan yang dipilih oleh Allah Ta’ala dengan ilmunya. Ibn Khaldūn dalam kitabnya Muqaddimah Ibn Khaldūn menjelaskan Imāmah ialah satu tanggungan menyeluruh mengikut pandangan syara’ bagi menjamin maslahat manusia di dunia dan akhirat, dimana hal ehwal dunia akan dipandu berasaskan syara’ dengan mengambil kira kemaslahatan akhirat, maka ia pada hakikatnya ialah khilafah daripada Allah bagi menjaga agama dan mentadbir dunia dengan syara’. Oleh itu, ia membawa maksud ketua atau kepimpinan yang memimpin satu kaum atau kelompok tertentu dalam persoalan yang ada kaitannya dengan dunia dan memandunya berdasarkan kepada agama bagi melangsungkan kebaikan di dunia dan akhirat. Lihat juga dalam Amīr Najjar, *Al-Shī‘ah wa Imāmah ’Alī* (Kaherah: Dār al-Manar, 2004), 33. Lihat juga ‘Abd Allāh bin ‘Umar bin Sulaymān al-Damījī, *Al-Imāmah al’Uzma’ ‘inda Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah* (Riyadh: Dār Ṭayyibah, 1409), 29.

⁸³ *Shī‘ah Ithnai ‘Ash’ariyyah* juga dikenali dengan *Shī‘ah Imāmiyyah* dan *Ja’fariyyah*.

Terjemahan: Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada rasul dan orang yang berkuasa dari kalangan kamu.

Firqah Syiah mentakwilkan ayat tersebut dengan maksud sesiapa yang taat kepada kami iaitu para imam, maka ia taat kepada Allah, dan barangsiapa yang menderhakai kami, maka ia telah menderhakai Allah. Sesiapa yang tidak mengimaninya maka amalannya tidak diterima dan tidak dirahmati.⁸⁴ Dalam ayat lain Allah menegaskan sebagaimana berikut:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَمْنًا يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

al-Mā''idah 5:55

Terjemahan: Sesungguhnya pemimpin (wali) kamu hanyalah Allah dan Rasulnya serta orang-orang yang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat serta mereka ruku'.

Mereka menamakan ayat ini sebagai ayat *al-Wilayah* yang menunjukkan bahawa sepeninggalan Nabi Muhammad SAW yang akan menjadi pemimpin kaum muslimin adalah ‘Alī. Kalimah “*innamā*” dalam ayat di atas memberi maksud hanyalah kepada ‘Alī yang akan mengatur segala urusan yang wajib ditaati.⁸⁵ Begitu juga dalam ayat lain melalui firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

وَإِذْ ابْتَلَى إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمَنْ ذُرِّيَّنِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ

al-Baqarah 1:124

Terjemahan: Allah berfirman, sesungguhnya aku menjadikan kamu sebagaimam bagi seluruh manusia, Ibrahim berkata, (dan saya mohon

⁸⁴ Kenyataan tersebut diriwayatkan dari Ja’far al-Ṣādiq yang dimuatkan dalam kitab Bihār al-Anwār yang dikarang oleh al-Majlisī. Sila lihat dalam Ahmad bin Ibrāhīm al-Naysābūrī, *Ithbāt al-Imāmah* (Beirut: Dār al-Andalus, 1984), 8. Lihat juga dalam Ṣābir Ta’imah, *al-Uṣūl al-‘Aqā’idiyyah li al-Imāmiyyah* (Kaherah: Maktabah Mad Buli, 2004), 9: 69.

⁸⁵ al-Naysābūrī, *Ithbāt al-Imāmah*, 11.

juga) dari keturunanku, Allah berfirman: janjiku tidak untuk orang-orang yang berbuat zalim.

Melalui ayat ini mereka menyingkirkan semua pemimpin yang zalim dan khianat, sehingga yang layak diangkat menjadi imam mereka adalah yang suci hatinya.⁸⁶ Barangsiapa yang menyembah selain Allah maka ia termasuk orang yang zalim. Khalifah-khalifah selain ‘Alī adalah termasuk orang-orang yang zalim. Oleh sebab itu orang-orang zalim tidak berhak memangku jawatan khalifah. Al-Qur'an telah mengisyaratkan dengan jelas bahawa ‘Alī telah ditentukan akan menjadi imam dan bukannya orang lain. Oleh itu mereka berkeyakinan bahawasanya Allah SWT memerintahkan nabinya untuk mengangkat ‘Alī menjadi imam kepada umat selepasnya. Menurut Syiah, sebanyak 300 ayat-ayat dalam al-Qur'an yang menegaskan berkenaan kewajipan Imāmah secara nas yang sewajarnya disandang oleh ‘Alī dan keturunannya sahaja selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW.⁸⁷

Mereka juga berpegang dengan peristiwa *Ghadir Khum*⁸⁸ yang menjadi asas dan dalil Imamah. Mereka berpendapat bahawa Rasulullah SAW ketika berada di Ghadir Khum, setelah kembalinya dari Haji Wada' menjelaskan kepada kaum muslimin bahawa orang yang mendapat wasiat dan bakal menjadi khalifahnya setelah beliau adalah ‘Alī bin Abī Ṭālib. Dalam peristiwa tersebut Rasulullah SAW menyampaikan beberapa wasiat penting agar berpegang dengan *Kitāb Allāh* dan *Ahl al-Bayt* yang tidak akan terputus hingga hari kiamat sambil mengangkat tangan Ali bin Abi Talib sambil bersabda :

⁸⁶ Kenyataan tersebut dinyatakan oleh ‘Alī Akbar al-Ghifārī ketika menukilkan kata-kata Ibn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *Kamāl al-Dīn wa Tamām al-Ni'mah*. Sila lihat dalam Anwār al-Bāz, *Iṣmāh al-A'imma 'inda al-Shī'ah* (Madinah: Dār al-Wafā', 1406), 102. Lihat juga dalam Muḥammad al-Huṣayn ‘Alī Kashif al-Ghita, *Asl al-Shī'ah wa Uṣūlihā* (Beirut: Dār al-Adwā', 1990), 68.

⁸⁷ Ṣābir Ta'imah, *al-Uṣūl al-'Aqdiyyah li al-Imāmiyyah* (Kaherah: Maktabah Ma Buli, 2004), 72.

⁸⁸ Ghadir Khum adalah nama suatu tempat di mana Nabi SAW mengucapkan pidatonya, iaitu dalam perjalanan dari Haji Wada' ke Madinah pada 18 Zulhijjah tahun 10 H yang dihadiri oleh 100,000 orang sahabat.

Siapa yang pernah berwali kepadaku, maka seterusnya (setelah aku wafat) maka Alilah walinya (pemimpinnya), Ya Allah, kasihanilah orang yang mengasihinya dan musuhilah orang yang memusuhiyanya, Ya Allah, jadikanlah yang hak bersama dia (Ali) di manapun dia berada.

Pada peristiwa inilah menurut *Shi'ah Ja'fariyah* atau *Imāmiyyah* Saidina Ali diangkat sebagai imam.⁸⁹

Mereka juga berhujah dengan ayat *Tathir* daripada surah al-Ahzāb sebagaimana berikut:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ وَآتِيَنَا الزَّكَةَ وَأَطْعُنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرُكُمْ تَطْهِيرًا

Al-Ahzāb 33 :33

Terjemahan: Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyah yang dahulu dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan rasulnya, sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu wahai Ahl al-Bayt dan membersihkan kamu sebersih bersihnya.

Mereka juga berpegang dengan Hadis *Kisa'* sebagaimana di bawah

وعن عمر بن أبي سلمة ربيب النبي صلى الله عليه وسلم قال : لما نزلت هذه الآية على النبي صلى الله عليه وسلم ،(إنما يريد الله ليذهب عنكم الرجس أهل البيت ويطهركم تطهيرا) في بيت أم سلمة فدعا فاطمة وحسنا وحسينا فجللهم بكاء وعلي خلف ظهره فجللهم بكاء ثم قال اللهم هؤلاء أهل بيتي فأذهب عنهم الرجس وطهرهم تطهيرا قالت أم سلمة وأنا معهم يا نبي الله ؟ قالت أنت على مكانك وأنت على خير

Terjemahan: Diriwayatkan dari 'Umar bin Abū Salamah berkata, Apabila ayat ini turun kepada Nabi Muhammad SAW (Sesungguhnya

⁸⁹ Al-Ghita, *Aṣl al-Shī'ah*, 146.

Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu wahai *Ahl al-Bayt* dan menyucikanmu sesuci-sucinya) di rumah Umm Salamah, Nabi Muhammad SAW memanggil Siti Fatimah, Hasan dan Husayn, lalu Rasulullah SAW menutupi mereka dengan selimut sedang Ali bin Abi Talib ada di belakang Nabi SAW. Nabi SAW pun menutupinya dengan selimut, kemudian baginda bersabda “*Allahumma* (ya Allah) mereka itu *Ahli Bayt*ku, maka hilangkanlah dosa dari mereka dan sucikanlah mereka sesuci-sucinya, Ummu Salamah berkata, “Dan apakah aku berserta mereka wahai Rasulullah SAW? Beliau bersabda “*Tetapkanlah kamu ditempat engkau dan engkau berada dalam kebaikan.*⁹⁰

Syiah menggunakan ayat ini untuk membuktikan bahawa ‘Alī bin Abī Ṭālib, Saidatina Fātimah, Saidina Ḥasan dan Saidina Ḥusayn dan para imam mereka sebagai maksum dari sebarang dosa dan kesalahan bahkan tersilap atau telupa. Hadis *Kisa’* merupakan bukti benarnya dakwaan mereka dan pada mereka isteri-isteri nabi tidak termasuk dalam pengertian ayat ini kerana ganti nama dalam ayat di atas adalah *muzakkir* dan ini menunjukkan isteri nabi terkeluar dari maksud *taṭhir* yang dikehendaki oleh Allah Ta’ala. Penggunaan ﴿ع﴾ dalam ayat tersebut mempertegaskan hujah mereka bahawa isteri-isteri Nabi SAW tidak termasuk dalam *Ahl al-Bayt* yang dimaksudkan dalam ayat *taṭhir*.

Justeru itu, seluruh ulama Syiah yang beraliran *Imāmiyyah* sepakat menyatakan kewajipan mengimani akidah tersebut. Mereka yang menolaknya walaupun seorang imam adalah kafir, sesat dan kekal di dalam neraka.⁹¹ Mereka juga sepakat imam yang mengantikan Rasulullah selepas kewafatan baginda ialah Saidina ‘Alī dan diwarisi kepada anaknya Ḥasan dan Ḥusayn dan keturunannya dari Ḥusayn hinggalah kepada imam yang ke dua belas Abū al-Qāsim Muḥammad bin Ḥasan al-‘Askarī.⁹² Rasulullah

⁹⁰ Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-Manāqib, Bāb Manāqib Ahl Bayt al-Nabī Ṣalla Allāh ‘Alayh wa Sallam, no. Hadith 3719. Lihat Muhammād bin ‘Īsa bin Thawrah al-Tirmidhī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 12:153.

⁹¹ Ia adalah pandangan al-Mufid Muḥammad bin al-Nu‘mān al-Akbarī dalam kitabnya Kitab *al-Masā’il*. Sila lihat dalam İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 200.

⁹² Al-Mufid Muḥammad bin Muḥammad al-Nu‘mān, *Awā'il al-Maqālāt fī al-Madhāhib al-Mukhtārāt* (Beirut: Dār al-Kitāb al-Islāmī, 1983), 44. Lihat dalam İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 200.

telah pun menjelaskan dalam hadithnya menentukan Saidina ‘Alī sebagai penggantinya sebagaimana jelas dalam peristiwa Ghadir Khum. Ibn Babawaih al-Qummī menegaskan seseorang yang mengingkari kewajipan beriman dengan imam seumpama mengingkari persoalan kenabian, dan mengingkari seorang imam seperti mengingkari seorang nabi bahkan mengingkari semua nabi termasuk Nabi Muhammad.⁹³

Muhammad Bāqir al-Majlisī dalam kitabnya *Bihār al-Anwār* menjelaskan berkenaan kesepakatan *Shī‘ah Imāmiyyah* terhadap mereka yang mengingkari Imāmah dan menolaknya sebagaimana yang diwajibkan oleh Allah Ta’ala adalah kafir, sesat dan kekal dalam neraka.⁹⁴ Ibn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *al-I’tiqādāt* menghukumkan kafir kepada mereka yang menolak Imāmah ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai imam sebagaimana mereka menolak kenabian. Umat Islam yang menolak salah satu imam diumpamakan menolak Nabi Muhammad dan menerima para nabi yang lain.⁹⁵ Mengingkarinya juga dianggap sebagai kufur yang paling besar melebihi kufurnya Yahudi dan Nasrani.⁹⁶

Kewajipan mengimannya juga disepakati oleh al-Murtadā bahkan mengetahuinya adalah wajib seumpama mengetahui Allah SWT. Beliau telah meletakkannya sebagai salah satu rukun iman dalam akidah mereka.⁹⁷ Al-Kulaynī dengan sanad dari Abī Ja’far telah menjadikan Imamah sebagai rukun Islam selepas sembahyang, zakat, puasa, haji dan kelima ialah wilayah.⁹⁸ Ketaatan kepada mereka

⁹³ Abī Ja’far Muhammad bin ‘Alī bin al-Hussayn bin Babawaih al-Qummī, “*Al-I’tiqādāt al-Ṣādūq*,” dalam *Muṣannafat al-Shaykh al-Ṣāduq* (Iran: Maktabah Nyarsa, 2008), 98. lihat dalam İhsān İlahi Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 201.

⁹⁴ Muhammad Bāqir al-Majlisī, *Bihār al-Anwār* (Beirut: Muassasah al-Wafā’, 1983.), 25:112-113. Lihat dalam ‘Amīr al-Najjar, *al-Shī‘ah wa Imāmah ‘Alī* (Kaherah: Dār al-Manār, 2004), 39. Lihat Şābir Ta’imah, *al-Uṣūl al-‘Aqdīyyah li al-Imāmiyyah* (Kaherah: Maktabah Mad Buli, 2004), 69.

⁹⁵ Lihat ‘Alī Muhammad Muhammad al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah* (Iskandariah: Dār al-Īmān, 2005), 99.

⁹⁶ Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 99.

⁹⁷ Lihat İhsān İlahi Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 201.

⁹⁸ Abī Ja’far Muhammad bin Ya‘kub al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfī*, 2:21. Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 98.

adalah ketaatan kepada Allah, perintah mereka adalah perintah Allah, larangan mereka adalah larangan Allah.

Kesungguhan mereka memertabatkan Imāmah jelas apabila al-Kulaynī telah membincangkan dengan panjang lebar hadith-hadith berkenaan Wilayah atau Imamah dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi*. Beliau telah memuatkan banyak hadith yang dikumpulkan dalam bahagian *Kitāb al-Hujjah*.⁹⁹ Pandangan yang sama juga turut dikongsi oleh al-Muzaffar salah seorang tokoh semasa Syiah dalam kitabnya ‘Aqā’id al-Imamiyyah dimana keimanan seseorang itu tidak sempurna melainkan setelah beriktiad dengannya.¹⁰⁰ Begitu juga pandangan al-Majlisī dimana Wilayah dan Imāmah para imam merupakan usul agama yang wajib diimani dan amalan *badaniyyah* yang paling utama kerana ia adalah kuncinya.¹⁰¹ Oleh itu sewajarnya pada setiap zaman terdapat imam yang memberi petunjuk kepada mereka kerana kedudukan mereka adalah menempati kedudukan nabi.¹⁰²

Selain itu mereka juga percaya dan mengimani dimana kedudukan kesemua imam seperti kedudukan nabi dan rasul bahkan melebihi mereka.¹⁰³ Mereka bersifat maksum, tidak melakukan sebarang kesalahan, kesilapan, dosa kecil dan dosa besar atau sebarang maksiat bahkan segala apa yang dilakukannya adalah berbentuk kebaikan dan bukan kejahanan.¹⁰⁴ Para ulama dan pemikir Syiah seperti al-Mufid,¹⁰⁵ Ibn al-Muthir al-Hulli,¹⁰⁶ al-Majlisī,¹⁰⁷ al-Kulaynī,¹⁰⁸ dan sebagainya sepakat mengiktiraf kemaksuman para imam. Mereka menyamakan para imam sebagaimana nabi yang bersifat maksum

⁹⁹ *Ibid.*,1:223-505.

¹⁰⁰ Muḥammad Riḍā al-Mazfar, ‘Aqā’id al-Imāmiyyah (Iran: Markaz al-Abhath al-‘Aqa’idiyyah, 2001), 85. Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 98.

¹⁰¹ Muḥammad Bāqir al-Majlisī, *Mirāt al-‘Uqūl* (Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 2001), 7:102. Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 98.

¹⁰² ‘Amīr al-Najjar, *al-Shī‘ah wa Imāmah ‘Alī* (Kaherah: Dār al-Manar, 2004), 39. Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 97.

¹⁰³ Ia adalah pandangan Sayyid Ni’matullah al-Jazayrī dalam kitabnya *al-Anwār al-Nu‘māniyah*. Lihat kitab İhsān İlahī Zāhīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 66.

¹⁰⁴ Al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 107.

¹⁰⁵ *Ibid.*

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Lihat al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:223-505.

dari melakukan sebarang kesilapan, kesalahan dan dosa bahkan kemaksuman para imam lebih utama dari kemaksuman nabi.¹⁰⁹ Muḥammad Riḍā al-Muzaffar seorang ulama Syiah menjelaskan dimana kedudukan imam adalah sama sebagaimana kedudukan para nabi yang wajib bersifat maksum dari semua keburukan dan kejahatan samada yang zahir atau batin semenjak kecil hingga mati, samada secara sengaja atau terlupa.¹¹⁰

Kepercayaan mereka berkenaan maksumnya para imam berdasarkan firman Allah Ta’ala sebagaimana di bawah:

وَإِذْ ابْتَلَى إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمَنْ ذُرَّتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ

al-Baqarah 2:124

Terjemahan: Sesungguhnya Aku menjadikanmu pemimpin (imam) bagi manusia. Kata Ibrahim: Dan keturunanku? Allah berfirman: Tidak termasuk dalam janjiku orang-orang yang zalim.

Syiah berpendapat ayat ini menunjukkan bahawa imam itu harus maksum dari segala keburukan kerana Allah menafikan janji Imamah bagi orang yang zalim. Sesiapa yang tidak maksum maka dia itu zalim baik terhadap dirinya sendiri atau kepada orang lain.¹¹¹ Begitu juga dalam ayat lain Allah menyatakan:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى وَأَقِنْ الصَّلَاةَ وَآتِنَ الزَّكَةَ وَأَطْعِنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرُكُمْ تَطْهِيرًا

al-Aḥzāb 33:33

Terejemahan: Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) Hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dari kamu wahai *Ahl al-Bayt* dan hendaklah membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).

¹⁰⁹ Anwār Albāz, ‘*Iṣmāh al-Anbiyā*’ (Madinah: Dār al-Wafā’, 1406), 71.

¹¹⁰ Muḥammad Ridā al-Mazaffar, *Aqā’id al-Imāmiyyah*, 51. Anwār Albaz ,‘*Iṣmāh al-Anbiyā*’, 71- 72.

¹¹¹ Al-Ghīṭa, *Aṣl al-Shī’ah*, 146. Rujuk Anwār al-Bāz ‘*Iṣmāh al-A’immah ‘inda al-Shī’ah*, 106.

Melalui ayat ini Syiah berpandangan dimana Allah ingin membersihkan *Ahl al-Bayt* dari sebarang dosa. Mereka semua adalah maksum dari sebarang kesalahan, kesilapan dan dosa kecil atau besar. Ia merupakan sifat yang wajib dimiliki oleh para imam sebagaimana para nabi dan rasul.¹¹²

Selain itu mereka menggantungkan keampunan dan keredaan Allah bergantung kepada keimanan dan kepercayaan terhadap para imam, begitu juga amalan dan ibadah lainnya bergantung kepada keimanan terhadap para imam. Ia menjadi asas penerimaan amalan seorang muslim. Begitu juga kemurkaan Allah bergantung kepada keimanan dan kepercayaan kepada para imam. Dalam satu riwayat Syiah mereka menyatakan barangsiapa yang mengakui wilayah kami kemudian mati maka diterima sembahyangnya, puasanya, zakatnya dan hajinya dan sesiapa yang tidak mengaku wilayah kami dari Allah, Allah tidak menerima sesuatu pun dari amalannya.¹¹³ Sehingga dalam riwayat lain mereka menyatakan sekiranya seorang hamba itu sujud hingga terputus tengkuknya, Allah Ta’ala tidak menerima ibadahnya kecuali dengan mengimani wilayah *Ahl al-Bayt*.¹¹⁴ Mereka juga mendakwa dimana baginda Rasulullah bersabda kalau sekiranya datang seseorang dari kami di hari kiamat dengan membawa amalan sebanyak gunung dan bukit tetapi tidak membawanya berserta wilayah ‘Alī bin Abī Ṭālib, nescaya Allah akan mencampakkannya ke dalam neraka.¹¹⁵ Dalil di atas merupakan penegasan Syiah terhadap penerimaan amalan seorang muslim bergantung kepada kepercayaan dan keimanan terhadap para imam.

Firqah Syiah juga beriman dimana para imam mengetahui perkara ghaib yang tidak dapat diketahui oleh manusia. Mereka mengetahui persoalan ajal dan kematian, malaikat, alam barzakh dan sebagainya. Al-Kulaynī menyatakan para imam boleh

¹¹² Anwār al-Bāz ‘Iṣmāh al-A’immah ‘inda al-Shī‘ah, 106. Lihat Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfī*, 223-505.

¹¹³ Dr Nāṣir bin ‘Abd Allāh bin ‘Alī al-Ghifārī, *Uṣūl Madhahib al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnai ‘Ashariyyah* (Madinah: Universiti Islam Madinah, t.t.), 1:437.

¹¹⁴ Al-Ghifārī, *Uṣūl Madhahib al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnai ‘Ashariyyah*, 1: 438.

¹¹⁵ *Ibid.*, 1: 438.

mengetahui jika mereka ingin mengetahui dan para imam mengetahui ajal kematian dan tidak mati melainkan dengan kehendak mereka.¹¹⁶ Begitu juga persoalan ketauhidan kepada Allah Ta’ala dimana tidak akan diterima *Tawhīd* seorang itu kecuali setelah mengakui *al-Wilāyah*. Dalam satu riwayat Rasulullah bersabda:

Barangsiapa yang menyatakan tiada tuhan yang disembah melainkan Allah akan masuk syurga. Maka berkata dua orang lelaki kepada sahabatnya, kami menyatakan tiada tuhan yang disembah melainkan Allah. Rasulullah bersabda sesungguhnya akan diterima penyaksian bahawasanya tiada tuhan yang disembah melainkan Allah daripada ini dan Syiahnya. Rasulullah meletakkan tangannya di atas kepala ‘Alī dan berkata kepada keduannya diantara tanda-tanda itu ialah janganlah kamu duduk di majlisnya dan janganlah kamu membohongi keduanya.¹¹⁷

Hadis ini memberi maksud dimana wilayah atau Imāmah adalah muqaddimah syahadah seorang muslim. Syahadah seseorang itu tidak diterima melainkan daripada Syiah Ali. Begitu juga Syiah mendakwa kepercayaan kepada Imāmah atau wilayah dua belas imam lebih agung dan utama daripada solat dan rukun Islam¹¹⁸ lainnya.

Syiah juga beriman dan percaya para imam merupakan perantara antara Allah dan makhluk kerana mereka menerima daripada Allah. Doa seorang mukmin tidak diterima oleh Allah melainkan dengan menyebut namanya. Ia merupakan bentuk amalan syirik yang ada dalam akidah mereka dengan menyandarkan segalanya kepada para imam. Mereka juga mengimani melaksanakan ibadah haji di makam mereka lebih *afdal* dari melaksanakan haji di Baitullah. Mereka akan bertawaf mengelilingi kawasan perkuburan tersebut dan melakukan Ibadah lain. Begitu juga kepercayaan Karbala’ lebih mulia dari Ka’abah¹¹⁹, menziarahi kubur Saidina Husin adalah amalan yang paling *afdal* dan kepercayaan lainnya telah melakari pemikiran Imamah dalam Syiah dan menjadi teras utama dalam ajaran mereka.

¹¹⁶ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:258. Lihat İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 66.

¹¹⁷ Al-Ghfārī, *Uṣūl Madhahib al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnā’ī Asharī*, 1: 438.

¹¹⁸ *Ibid*

¹¹⁹ *Ibid.*, 1:441-442.

3.3.1 Akidah *al-Raj'ah* Menurut Syiah

Akidah al-Raj'ah merupakan akidah yang menyusup masuk ke dalam firqah Syiah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah melalui beberapa agama kaum Parsi seperti Zoroastrianisme. Ia merupakan satu akidah penting dan dianggap sebagai salah satu prinsip Syiah yang terkenal yang dijelaskan oleh para ulama mereka dalam kitab klasik dan moden yang berjumlah sekitar lima puluh buah karya. Ia berkait rapat dengan imam al-Mahdial-Muntazar. Kepercayaan kepada akidah tersebut diasaskan kepada beberapa buah kitab Syiah seperti *al-Iqazh min al-Haj'ah fi ithbat al-Raj'ah* yang dikarang oleh al-Hur al-Amili yang telah mengumpulkan lebih dari 620 penjelasan ayat dan hadith berkenaan al-Raj'ah.

Pengertian raj'ah secara linguistik adalah kembali kepada kehidupan dunia setelah kematian. Maksudnya kembali ke dunia setelah kematian mereka. Al-Jawhari berkata si fulan mempercayai raj'ah, ertiya kembali ke dunia setelah kematian.¹²⁰ Pengertian tersebut diperkuuhkan oleh Fairuzabadi dengan mentakrifkan kembalinya ke dunia setelah kematian¹²¹. Ini bermaksud kembalinya orang-orang yang telah mati ke dalam kehidupan dunia seakan-akan mereka keluar dari dunia dan kembali lagi kepadanya.

Justeru itu, *raj'ah* bolehlah didefinisikan sebagai kebangkitan semula Ali dan para imam sebelum kiamat untuk menjatuhkan hukuman ke atas orang-orang yang menyelewengkan ajaran agama yang sebenar di permulaan Islam. Ia ditakrifkan sebagai kembalinya seseorang diwaktu lain selepas kematiannya atau ketika ghaibnya.¹²² Dalam definisi yang lain ia bermaksud kembalinya orang-orang yang telah mati ke dunia sebelum kiamat dan kembalinya mereka kepada kehidupan selepas mati dalam bentuk

¹²⁰ Ismail bin Hammad al-Jawhari, *al-Sihhah Taj al-Lughah wa Sihhah al-'Arabiyyah* (Beirut : Dar al-'Ilm li al-Malayiin, 1984), 3 : 1216.

¹²¹ Muhammad bin Yaakub al-Fairuzabadi, *al-Qamus al-Muhit* (Beirut : Muassasah al-Risalah, 2005), 720

¹²² Al-Za'bī, *Ghulāt al-Shī'ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 88.

sebagaimana sebelumnya.¹²³ Ia juga boleh di definisikan sebagai kembalinya Rasulullah dan para imam-imam sebelum kiamat bagi mengerjakan kebaikan dan melaksanakan hukumam ke atas orang-orang yang kufur dan yang bermaksiat.¹²⁴ Pengertian di atas jelas menunjukkan dimana penghakiman akan berlaku di dunia sebelum kiamat dan bukannya di padang Mahsyar.

Al-Raj'ah merupakan satu akidah yang diimani oleh firqah Syiah bagi mengadili mereka yang telah melakukan kesalahan dan maksiat di dunia ini sebelum berlaku kiamat. Pengadilan ini hanya boleh dilakukan oleh Saidina ‘Alī dan imam-imam dua belas iaitu ‘Alī bin Abī Ṭālib, Ḥasan bin ‘Alī, Husin bin ‘Alī, ‘Alī Zaynal ‘Ābidīn bin Ḥusīn, Muḥammad al-Baqīr bin ‘Alī Zaynal ‘Ābidīn, Ja’far al-Ṣādiq bin Muḥammad al-Baqīr, Mūsā al-Kazīm bin Ja’far al-Ṣādiq, ‘Alī al-Riḍā bin Mūsā Kazīm, Muḥammad al-Jawwad bin ‘Alī al-Riḍā, ‘Alī bin Muḥammad al-Jawwad, Ḥasan bin ‘Alī al-‘Askarī dan Muḥammad bin Ḥasan al-‘Askarī al-Mahdī. Mereka akan kembali semula ke dunia sebelum kiamat bagi mengadili kesalahan manusia di dunia ini. Akidah *Raj'ah* yang diimani oleh syiah berasaskan kepada firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

وَحَرَامٌ عَلَى قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا أَنَّهُمْ لَا يَرْجِعُونَ

al-Anbiyā’ 21:95

Terjemahan: Dan tidak mungkin (penduduk) suatu negeri yang telah kami binasakan, bahawa mereka tidak akan kembali (kepada kami).

Dalam ayat lain mereka juga berpegang dengan firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

¹²³ Al -Salabī, *Fikr al-Khwārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 248.

¹²⁴ Al-Tunsawī, *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī‘ah*, 95.

أَلَمْ تَرِ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَهُمُ الْوُفُّ حَذَرَ الْمَوْتِ فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُؤْتُوا
ثُمَّ أَحْيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ

al-Baqarah 2:243

Terejemahan: Tidakkah kamu memperhatikan orang-orang yang keluar dari kampung halamannya, sedang jumlahnya ribuan kerana takut mati? Lalu Allah berfirman kepada mereka. Sesungguhnya Allah memberikan kurnia kepada manusia, tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur.

Dalam ayat lain Allah menyatakan dalam firmanya:

أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَى قَرْبَةِ وَهِيَ حَاوِيَةٌ عَلَى عُرُوشَهَا قَالَ أَنَّى يُحْيِي هَذِهِ اللَّهُ بَعْدَ
مَوْتَهَا فَأَمَاتَهُ اللَّهُ مِائَةً عَامٍ ثُمَّ بَعَثَهُ قَالَ كَمْ لَيْسَتْ قَالَ لَيْسَتْ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ
قَالَ بَلْ لَيْسَتْ مِائَةً عَامٍ فَانظُرْ إِلَى طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ يَتَسَنَّهُ وَانظُرْ إِلَى حِمَارِكَ
وَلَا نَجْعَلُكَ آيَةً لِلنَّاسِ وَانظُرْ إِلَى الْعِظَامِ كَيْفَ نُنْشِزُهَا ثُمَّ نَكْسُوْهَا لَحْمًا فَلَمَّا تَبَيَّنَ
لَهُ قَالَ أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

al-Baqarah 2:259

Terjemahan: Atau seperti orang yang melewati suatu negeri yang (Bangunan-bangunannya) telah roboh hingga menutupi atap-atapnya, dia berkata “Bagaimana Allah menghidupkan kembali(negeri) ini setelah hancur?” Lalu Allah mematikannya (orang itu) selama seratus tahun, kemudian bangkitkannya (menghidupkannya) kembali.

Selain dalil al-Qur'an, mereka juga menggunakan dalil-dalil dari hadis Syiah sebagaimana berikut:

Terjemahan: Al-Fadhl bin Syaadzan telah meriwayatkan daripada Muhammad bin 'Alī al-Kūfī dari Wahāb bin Hafs daripada 'Abī Baṣīr, katanya: Abū 'Abd Allāh (Jaafar al-Ṣādiq) telah berkata: “Hendaklah diseru nama imam yang kedua belas (yang mereka dakwa telah lahir ke dunia sejak lebih daripada sebelas abad yang lalu dan belum mati hingga sekarang dan bangkit semula untuk memerintah dunia ini). Hendaklah diseru nama imam itu pada tiap-tiap malam dua puluh tiga haribulan sebab akan bangkit semula dari peraduannya pada hari 'Asyura, kerana pada tiap-tiap hari seluruh bulan Muharram Imam Mahdi itu berdiri di tepi rukun yamani dan disisi Maqam Ibrahim (di

tepi Kaabar di Mekah) dengan diiringi oleh Malaikat Jibril di sebelah kanannya sambil berseru “Berbai’lah kerana Allah”.....¹²⁵

Sheikh al-Mufid juga menyebutkan:

Jaabir al-Ja’fi telah meriwayatkan daripada Abi Abdillah (Jaafar al-Sadiq), katanya : Apabila pembela keluarga Nabi Muhammad (Imam Mahdi) bangkit semula maka dia akan mendirikan khemah-khemah tempat beliau mengajar al-Qur'an mengikut bagaimana ia telah diturunkan pada asalnya. Maka alangkah sukarlah orang yang belajar seperti sekarang ini menghadapi pelajaran yang sebenar itu.¹²⁶

Pandangan yang sama juga dipegang oleh al-Nawbakhti dalam kitabnya *Firaq al-Shī‘ah* dimana Saidina Ali tidak mati dan tidak dibunuh. Beliau akan kembali ke dunia bagi melaksanakan keadilan.¹²⁷ Begitu juga pandangan al-Muqrīzī dalam kitabnya *Huṭāṭ al-Muqrīzī* menyatakan berkenaan kembalinya Ali ke dunia selepas kembalinya Rasulullah SAW.¹²⁸ Begitu juga ulama-ulama lain dalam Syiah telah sepakat berkenaan berlakunya *al-Raj’ah* seperti Abū ‘Alī al-Tabrāsī,¹²⁹ al-Sharīf al-Murtadā,¹³⁰ al-Hūr al-‘Amīlī,¹³¹ Ibn Babawaih al-Qummī,¹³² al-Mūlā Baqīr al-Majlisī,¹³³ Jamāl al-Khawansarī,¹³⁴ Hasan al-Hullī,¹³⁵ Muḥammad ‘Abbād al-Tasattūrī al-Hindi¹³⁶, Ahmad Bayan al-Asfahani¹³⁷, Ahmad al-Bahrānī¹³⁸ dan sebagainya. Ia merupakan dalil-dalil

¹²⁵ Ia merupakan tulisan seorang tokoh terkemuka Syiah iaitu Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin al-Nu‘mān yang lebih terkenal dikalangan Syiah sebagai *al-Shaykh al-Mufid* di dalam kitabnya “*Li Irshād fī Tārikh Ḥujāj Allāh ‘alā al-‘Ibād*,” 398 – 402. Pendapat tersebut penulis temui dalam kitab yang dikarang oleh Muhib al-Dīn al-Khāṭib, *Asas-asas Mazhab Syiah Imam Dua Belas*, terj. Salauddin Abdullah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 25.

¹²⁶ *Ibid*.

¹²⁷ Al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Taathharuhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 88. Lihat al-Ḥasan bin Mūsā al-Nawbakhtī, *Firāq al-Shī‘ah*, 3.

¹²⁸ *Ibid* ,88. Lihat al-Muqrīzī, *Huṭāṭ al-Muqrīzī*, 3:303.

¹²⁹ Al-Tabrāsī, *Tafsīr Majma’ al-Bayān*, 54. Lihat İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhiḍ Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 144.

¹³⁰ Al-Sharīf al-Murtadā, *A‘yān al-Shī‘ah*, 75. Lihat İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhiḍ Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 144.

¹³¹ İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhiḍ Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 144.

¹³² *Ibid*.

¹³³ *Ibid*.

¹³⁴ *Ibid.*, 152.

¹³⁵ *Ibid*.

¹³⁶ *Ibid*.

¹³⁷ *Ibid*.

¹³⁸ *Ibid*.

yang dipegang oleh syiah bagi membuktikan kebenaran kepercayaan syiah berkaitan akidah *al-Raj'ah*.¹³⁹

Menurut Dr Mūsā al-Musawī,¹⁴⁰ para imam bermula dari Saidina 'Alī hingga lahir imam kesebelas iaitu Ḥasan al-'Askarī akan kembali ke dunia untuk menjadi hakim kepada masyarakat dengan adil dan saksama. Imam Mahdi yang akan lahir sebelum imam-imam itu kembali akan memenuhi bumi dengan keadilan yang saksama adalah sebagai persediaan untuk imam itu kembali dan menyerahkan pemerintahan itu kepada mereka. Setiap seorang dari imam itu akan mengambil alih kuasa secara bergilir mengikut susunan yang terdahulu dan diakhiri oleh imam al-'Askarī. Setelah itu berlakulah hari kiamat. Semuanya itu adalah bagi menggantikan hak mereka di dalam pemerintahan yang tidak dapat dilaksanakan semasa mereka hidup dahulu sebelum kembali semula.¹⁴¹ Dr Mūsā al-Musawī juga menyatakan akidah *al-Raj'ah* ini bukan hanya berlaku kepada para imam-imam syiah tetapi juga merangkumi orang lain dari kalangan sahabat Rasulullah. Mereka mendakwa bahawa mereka adalah musuh imam-imam Syiah kerana mereka telah menghalang imam-imam itu daripada mendapatkan hak mereka dalam pemerintahan yang mana semuanya itu tidak akan dilupakan oleh imam-imam untuk membala dendam mereka.¹⁴² Rasa dendam terhadap sahabat Rasulullah dapat terbalas dengan kebangkitan imam-imam itu.

Sheikh al-Muzaffar menjelaskan bahawa pendapat yang diambil oleh Imamiah berdasarkan riwayat dari ahl al-Bayt bahawa Allah ta'ala mengembalikan satu kaum dari kematian kepada kehidupan dunia dalam bentuk asal mereka. Maka dia muliakan satu kaum dan dia hinakan kaum yang lain. Dia menangkan orang-orang yang benar

¹³⁹ Abī al-Hasan Ibrāhīm al-Qummī, *Tafsīr al-Qummī* (Iraq: Maṭba'ah Najaf, 1387), 2:76.

¹⁴⁰ Beliau merupakan seorang ilmuan Syiah yang dilahirkan dan dibesarkan di rumah pemimpin Syiah iaitu Abū Ḥasan al-Musawī. Beliau berfahaman sederhana dan cuba ingin membetulkan beberapa kesilapan yang berlaku dalam Syiah bagi mencapai hasratnya mendamaikan antara Syiah dan Sunni. lihat dalam Mūsā al-Musawī, *Dedah Fahaman Syiah*, terj. Dr. Udah bin Mohsin (Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998), vii-x.

¹⁴¹ Dr Mūsā al-Musawī, *Dedah Fahaman Syiah*, 207.

¹⁴² *Ibid.*, 208.

dari orang-orang yang batil dan orang-orang yang dizalimi dari orang-orang yang menzalimi. Hal ini terjadi manakala al-Mahdi muncul dan yang kembali kepada kehidupan dunia kemudian setelah itu mereka kembali kepada kematian. Setelah itu mereka menjalani fasa kebangkitan untuk menerima ganjaran atas pahala mereka dan menerima balasan atas perbuatan dosa mereka. Sebahagian kecil dari mereka pula mentakwilkan sebagai kembalinya kekuasaan negara serta amar makruf dan nahi munkar kepada ahl al-Bayt dengan kemunculan Imam Mahdi al-Muntazar tanpa mengembalikan orang-orang tertentu dan menghidupkan kembali orang-orang yang telah mati.¹⁴³

Menurut Aal Kasyif al-Ghita akidah raj'ah tidak dianggap sebagai salah satu prinsip dasar agama. Ia tidak dianggap sebagai kepercayaan yang wajib diimani dan mengingkarinya tidak dianggap sebagai sesuatu yang buruk meskipun perkara ini dianggap sebagai suatu yang penting bagi mereka¹⁴⁴. Walau bagaimanapun kenyataan ini bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh para imam *Ithna 'Ashariyyah* yang lainnya. Beliau menyatakan aliran Imamiyyah telah sepakat atas kewajipan kembalinya banyak orang mati kepada kehidupan dunia sebelum hari kiamat meskipun ada perselisihan pendapat diantara mereka mengenai makna raj'ah.¹⁴⁵ Menurut Sheikh Abu Zuhrah persoalan raj'ah bukanlah satu perkara yang disepakati oleh saudara-saudara kita dari Imamiyyah bahkan di antara mereka ada sekelompok orang yang tidak meyakininya.¹⁴⁶

Menurut Dr Musa al-Musawi juga akidah tersebut tidak diimani oleh *Shī'ah Imāmiyyah*¹⁴⁷ sebaliknya ia diimani oleh *Shi'ah Ghulūw*. Sementara Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin al-Nu'mān yang lebih dikenali dikalangan Syiah

¹⁴³ Muhammad Rida al-Muzaffar, *Aqaid al-Imamiyyah*, 80-81

¹⁴⁴ Aal Kasyif al-Ghita, *Asl Shi'ah wa usuliha* (ttp : al- Maktabah al-Haidariyyah, 1996), 1969

¹⁴⁵ Al-Mufid, *Awail al-Maqalat*, 47

¹⁴⁶ Muhammad Abu Zuhah, *al-Imam al-Sadiq*, 240

¹⁴⁷ Dr Mūsā al-Musawī, *Dedah Fahaman Syiah*, 210.

sebagai al-Sheikh al-Mufid menegaskan dimana ia akidah yang telah disepakati oleh *Shī‘ah Imāmiyyah* yang wajib diimani.¹⁴⁸ Begitu juga pandangan al-Ṭabrāsī dan al-Ḥur al-‘Amilī berpandangan dimana akidah tersebut telah diijma’ dan disepakati oleh *Shī‘ah Imāmiyyah* dan ia adalah sebahagian daripada perkara yang penting dalam ajaran agama mereka.¹⁴⁹ Sehubungan dengan itu penulis berpandangan akidah *al-Raj’ah* merupakan akidah utama yang wajib diimani oleh *Shī‘ah Imāmiyyah*. Ia diperkuuhkan dengan pandangan dan kenyataan dari ulama-ulama mereka yang muktabar berkenaan dengan akidah tersebut sebagaimana di atas.

3.3.2 *Al-Hulūl* dan *al-Tanasukh*

Al-Hulul dalam Syiah bermaksud jelmaan Allah dalam diri seseorang.¹⁵⁰ Manakala *al-Tanasukh* pula bermaksud suatu kepercayaan bahawa roh-roh akan memasuki jasad (binatang atau manusia) yang lain¹⁵¹. Akidah *al-Tanasukh* berperanan bagi melihat dan menilai amalan manusia ketika di dunia dan menghukumnya dengan memenjarakan roh-roh manusia yang bermaksiat dalam diri manusia yang tidak baik atau binatang. Begitu juga peranan akidah *al-Hulul* bagi mengangkat martabat para imam yang mempunyai kaitan dan hubungan secara langsung dengan roh Allah. Akidah tersebut terpengaruh dengan faham kelahiran semula sebagaimana yang terdapat dalam agama hindu dan agama-agama lain.

Proses *al-Hulul* ini berlaku dalam tubuh Nabi Muhammad SAW berpindah ke diri Imam ‘Alī dan berterusan ke diri Ḥasan, Ḥusayn, ‘Alī bin Ḥusayn, Muḥammad bin ‘Alī, Ja’far bin Muḥammad bin ‘Alī, Mūsā bin Ja’far, ‘Alī bin Mūsā bin Ja’far, Muḥammad bin ‘Alī bin Mūsā, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī bin Mūsā, Ḥasan bin ‘Alī

¹⁴⁸ Al-Mufid, *Awā’il Maqālāt fī al-Madhbāh al-Mukhtārāt*, 89. Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 247.

¹⁴⁹ Al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 248.

¹⁵⁰ Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ismā‘il al-Ash‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn* (Kaherah: Dār al-Nasr Press, 1963), 13.

¹⁵¹ *Ibid*

bin Muḥammad bin ‘Alī bin Mūsā, Muḥammad bin al-Hasan bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī.¹⁵² Menurut al-Syahrustānī dalam kitabnya *al-Milal wa al-Nihāl*, beliau menyatakan bahawa dimana roh-roh akan memasuki jasad dari seseorang ke diri seseorang, begitu juga dengan roh Allah akan masuk dan menjelma dalam diri seseorang¹⁵³ dan ketika itulah proses *al-Hulul* berlaku dengan sempurna. Justeru itu kita melihat dimana Syiah mengangkat Imamah dalam ajaran mereka dan meletakkannya sebagai jawatan yang suci rentetan dari doktrin *al-Hulul* yang ada pada setiap diri imam.

Manakala *al-Tanāsukh* pula mempercayai berpindahnya roh dari satu jasad ke satu jasad sebagai satu ujian terhadap ibadah dan keimanan mereka kepada para imam yang berlaku kepada manusia dan binatang. Al-Nawbakhtī dalam kitabnya *Firāq al-Shī‘ah* menjelaskan para ḥāfiẓ ‘Abd Allāh bin Mu‘āwiyah mendakwa dimana ketika proses perpindahan roh berlaku dalam setiap jasad, mereka saling kenal mengenal dan roh-roh tersebut ada pada diri-diri mereka.¹⁵⁴ Bagi kaum muslimin perpindahan roh ini berlaku dalam tempoh yang tertentu dalam badan manusia dan jasad binatang seperti kuda dan sebagainya berdasarkan kepada pegangan agama dan ketaatan mereka kepada para imam semasa di dunia. Roh tersebut akan mendiami jasad binatang selama seribu tahun dan bertukar ke badan manusia selama sepuluh ribu tahun.¹⁵⁵

Proses perpindahan yang lama ini adalah bagi menguji dan memastikan ketaatan mereka kepada para imam tidak hilang. Adapun orang kafir, musyrikin, munafiqin dan ahli maksiat akan berpindah ke jasad yang tidak baik selama sepuluh ribu tahun bermula dalam jasad kuda hingga ke jasad unta dan jasad yang lebih kecil lagi.¹⁵⁶ Proses pertukaran dan perpindahan dari jasad yang besar seperti kuda dan gajah ke jasad yang

¹⁵² *Ibid.*, 14.

¹⁵³ Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrustānī, *al-Milal wa al-Nihāl* (Beirut: Dār Maktabah al-Mutanabbi, 1992), 75. Lihat al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Ta’aththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 141.

¹⁵⁴ Al-Nubakhtī, *Firāq al-Shī‘ah*, 39. Lihat al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Ta’aththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 143.

¹⁵⁵ Al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Ta’aththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah*, 143

¹⁵⁶ *Ibid.*, lihat dalam Muḥammad al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Ta’aththaruhum bi al-Adyān al-Mughayarah li al-Islām*, 143.

lebih kecil ini berdasarkan kepada tafsiran Syiah dalam firman Allah Ta’ala sebagaimana dalam ayat berikut:

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا تُفَتَّحْ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ
الْجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلْجُ الْجَهَنَّمُ فِي سَمْ الْخِيَاطِ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِينَ

al-A’raf 7:40

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang mendustakan ayat-ayat kami dan menyombongkan diri terhadapnya tidak akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak masuk syurga hingga unta masuk ke dalam lubang jarum. Demikianlah kami memberi pembalasan kepada orang yang berbuat kejahatan.

Syiah berpendapat mustahil unta mampu masuk ke dalam lubang jarum tanpa berlaku perubahan fizikal yang lebih kecil. Oleh itu, proses perpindahan roh yang berlaku bermula dari binatang yang besar ke binatang yang kecil boleh memasukkan binatang tersebut ke dalam lubang jarum yang kecil. Apabila binatang tersebut keluar melalui lubang jarum tersebut, maka ia akan bertukar pula ke jasad manusia yang memakan masa selama seribu tahun dan akan dipertanggung jawabkan dengan pelbagai pentaklifan. Manusia akan diuji dengan pelbagai ujian, kesusahan dan keimanan kepada para imam, rasul dan nabi tetapi mereka tidak mengimaninya. Mereka akhirnya akan diberikan balasan azab oleh Allah Ta’ala selama sepuluh ribu tahun.¹⁵⁷

3.4 Isu Kedudukan Sahabat dan Kaitannya dengan Isu Akidah Lain

Persoalan sahabat merupakan perbahasan yang penting dalam ajaran Syiah. Ia dilihat telah melakari kemunculan sebahagian besar doktrin dan akidah lain dalam Syiah. Dalam perbahasan ini, penulis akan cuba mengaitkan persoalan sahabat dan melihat kaitannya dengan akidah-akidah lain.

¹⁵⁷ Al-Nawbakhtī, *Firāq al-Shī‘ah*, 39.

3.4.1 Sahabat Menurut Syiah

Sahabat menurut Imam Muhammad bin al-Hadi adalah para sahabat Rasulullah s.a.w yang melaksanakan agama. Mereka berada dalam keimanan yang hakiki dan mereka ikut Nabi s.a.w dengan penuh keikhlasan dan ihsan¹⁵⁸. Manakala al-Qasim bin Muhammad salah seorang ulama Syiah Zaidiyyah menyatakan sahabat adalah orang yang menemani Nabi s.a.w dalam tempoh yang lama.¹⁵⁹ Sementara itu Syiah Zaidiyyah pula membatasi sahabat hanya kepada golongan Muhajirin dan Ansar sahaja.¹⁶⁰ Sedangkan Syiah Imamiyyah dan Syiah Ismailiyyah Batiniyyah menyempitkan pemahaman sahabat hanya kepada orang-orang yang mendokong perjuangan Imam Ali bin Abi Talib sahaja.¹⁶¹

Firqah Syiah mendakwa mereka mempunyai pandangan yang sederhana berkenaan sahabat, tidak melampau sebagaimana yang dilakukan oleh pelampau-pelampau yang mengkafirkhan semua sahabat. Begitu juga tidak melampaui jumhur yang mempercayai semua sahabat dan mereka adalah adil secara mutlak. Menurut Asad Haidar, para sahabat mempunyai kelebihan tetapi mereka bukannya maksum seperti nabi dan rasul. Mereka seperti orang lain ada yang adil, ada yang tidak adil, ada yang fasiq dan ada yang melakukan maksiat kerana mereka dinilai berdasarkan perbuatan mereka.¹⁶² Oleh itu yang baik akan diberikan ganjaran kerana kebaikan mereka dan yang jahat akan dibalas kerana kejahatan mereka.

Beliau juga menegaskan, para sahabat termasuk orang munafik, orang yang melakukan fitnah dan orang yang menukar perkara-perkara tententu berkenaan

¹⁵⁸ Salih al-Wardani, ‘Aqaid al-Sunnah wa ‘aqaid al-Shi’ah (Kaherah : Madbuli al-Saghir, 1995), 200

¹⁵⁹ Subhi, Ahmad Mahmud, *Nahwa ‘ilm Kalam al-Jadid*, (Cairo: Markaz al-Kitab li al-Nasyr, 1992), 46-47

¹⁶⁰ *Ibid*

¹⁶¹ *Ibid*

¹⁶² Asad Haydar, *Al-Šaḥābah Menurut Perspektif Islam*, ter. Haji Khalid Kasban (Singapura: Pustaka al-Ikhwan, 1987), 4.

Rasulullah SAW. Mereka melakukan penipuan sehingga datangnya kebenaran.¹⁶³ Terdapat di kalangan mereka yang menyakiti Rasulullah sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah dalam firmannya:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذِنَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ لَعْنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَأَعْدَ اللَّهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا

al-Ahzāb 33:57

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang menyakiti Allah dan Rasulnya, Allah akan melaknatinya di dunia dan di akhirat dan menyediakan baginya seksa yang menghinakan.

Terdapat juga di kalangan para sahabat dari kalangan penipu dan orang yang menzahirkan keimanan¹⁶⁴ sebagaimana dalam firman Allah SWT:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ يُخَادِعُونَ اللَّهَ
وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

al-Baqarah 2:8-9

Terjemahan: Di antara manusia ada yang mengatakan: Kami beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, padahal mereka itu sesungguhnya bukan orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka banyak menipu dirinya sendiri sedang mereka tidak sadar.

Oleh itu sahabat bagi Syiah tidak maksum samada pada hayat Nabi SAW atau selepasnya. Walau bagaimanapun Syiah menghormati dan menyanjungi para sahabat yang diuji dengan ujian yang pelbagai di dalam membantu agama Islam dan berjuang jiwa dan raga dan harta benda mereka.

Menurut Muḥammad Riḍā al-Muzaffar, Syiah merupakan firqah yang mendukung *Ahl al-Bayt* (keluarga) Nabi SAW, mereka mencintai *Ahl al-Bayt*, mazhab dan pegangan mereka berdasarkan perkataan dan perbuatan *Ahl al-Bayt*, dan mereka

¹⁶³ *Ibid.*, 9.

¹⁶⁴ *Ibid.*

meneladani *Ahl al-Bayt* dan berjuang kerananya.¹⁶⁵ Bagi Syiah, *Ahl al-Bayt* hanya dibatasi kepada empat orang sahaja iaitu ‘Alī dan isterinya Fātimah serta anaknya Ḥasan dan Ḥusayn dan keturunan dari zuriat mereka sahaja. Mereka telah menyisihkan anak-anak ‘Alī selain dari Ḥasan dan Ḥusayn daripada *Ahl al-Bayt* seperti Muḥammad Ibn al-Ḥanafiah. Begitu juga Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān bin ‘Affān, ‘Abbās, Ja‘far, ‘Abd Allāh, ‘Ubayd Allāh dan Yaḥyā. Bahkan mereka mengeluarkan anak kandung Rasulullah sendiri iaitu Zainab dan Ummu Kalthum serta anak-anak mereka daripada dikatagorikan sebagai *Ahl al-Bayt*. Bahkan anak Ḥasan bin ‘Alī sendiri tidak mereka masukkan sebagai *Ahl al-Bayt* kerana mereka tidak disenangi.¹⁶⁶ Ia bercanggah dengan pandangan Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah yang mengkatagorikan *Ahl al-Bayt* adalah keturunan dari kalangan isteri-isteri beliau dan anak-anaknya termasuk menantu-menantunya, pakcik-pakcik baginda dan anak-anaknya dan juga termasuk semua keturunan yang ada hubungan darah dengan baginda umumnya.¹⁶⁷

Sikap pilih kasih Syiah dalam mengkatagorikan kelompok *Ahl al-Bayt* menimbulkan beberapa persepsi buruk mereka kepada para sahabat dan kritikan yang melampau. Mereka menuduh para sahabat besar seperti Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān dan sahabat lainnya dengan pelbagai tuduhan termasuk Aisyah isteri baginda Rasulullah SAW.¹⁶⁸ Muḥammad al-Baqīr al-Majlisī menyatakan

Sesungguhnya kita berkecuali daripada berhala yang empat iaitu Abū Bakar, ‘Umar, Uthmān, Muā‘wiyah dan perempuan yang empat iaitu ‘Aishah, Ḥafsah, Hindūn, ‘Umm al- Ḥakam dan semua pengikut-pengikutnya, mereka semua adalah sejahat-jahat makhluk Allah di atas muka bumi, tidak akan sempurna keimanan kepada Allah, Rasulnya dan para imam kecuali selepas berlepas diri daripada musuh-musuh mereka.¹⁶⁹

¹⁶⁵ Al-Muzaffar, ‘*Aqā’id al-Imāmiyyah*, 83.

¹⁶⁶ İhsān İlahi Zahīr, *al-Shī’ah wa Ahl al-Bayt*, 15-29.

¹⁶⁷ *Ibid.*, 21.

¹⁶⁸ Al-Tunsawī, *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī’ah*, 48.

¹⁶⁹ Ia adalah kenyataan Muḥammad al-Baqīr al-Majlisī dalam kitabnya *Haq al-Yaqīn*. Penulis temui pendapat ini dalam kitab yang dikarang oleh Muḥammad ‘Abd Sattar al-Tunsawī, *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī’ah*, 48.

Ibn Babawaih al-Qummī pula mengatakan

Kata ‘Umar ketika hampir hendak mati, Aku bertaubat kepada Allah daripada tiga perkata: Aku dan Abū Bakar telah merampas kedudukan Khalifah tanpa persetujuan manusia. Aku telah mengangkat Abū Bakar menjadi khalifah dan melebihkan sebahagian Muslimin terhadap sebahagian yang lain.¹⁷⁰

Menurut Muḥammad al-Tijānī al-Samawī, Syiah menghina para sahabat dan menganggapnya sebagai manusia yang paling buruk akhlaknya, hina keturunannya, perampas kuasa, gilakan dunia dan sebagainya.¹⁷¹ Ia turut diperakui oleh al-Khomainī¹⁷² dan al-Kulaynī¹⁷³ dan juga ulama-ulama lain. Banyak riwayat-riwayat yang ditulis oleh ulama’ mereka mengkafirkhan sahabat, memurtadkan, melaknat, memaki hamun, menghina dan melakukan *tabarra’* iaitu memutuskan hubungan kasih sayang dengan para sahabat. Mencela, melaknat dan mengkafirkhan para sahabat Muhammad SAW adalah ibadah yang sangat mulia disisi Syiah. Mereka menuduh dengan pelbagai tuduhan yang tidak berasas dan ia jelas dimuatkan dalam kitab-kitab mereka seperti Abī Ḥasan ‘Alī bin Ibrāhīm al-Qummī dalam kitabnya *Tafsīr al-Qummī*, Abī Maṇṣūr Ahmad bin ‘Alī bin Abi T’Alīb dalam kitabnya *al-Iḥtijāj*, Muhammad Baqir al-Majlisī dalam kitabnya *Hayāh al-Qulūb*, Abī Ja‘far Muḥammad bin ‘Alī bin Ḫusayn dalam kitabnya *Kitāb al-Hiṣāl*, Neamatullah al-Musawī al-Jazairī dalam kitabnya *al-Anwār al-Nu’maniyyah* dan sebagainya.

Sebenarnya, banyak hadith-hadith Syiah yang menghina para sahabat nabi sebagaimana di atas termasuklah ‘Alī bin Abī Ṭālib yang diagungkan oleh mereka. Begitu juga penghinaan mereka terhadap Fāṭimah binti Muḥammad, isteri Saidina ‘Alī bin Abū Ṭālib, penghinaan terhadap Hasan bin ‘Alī, Husain bin ‘Alī bahkan penghinaan terhadap *Ahl al-Bayt* Rasulullah dan juga putera-puteri nabi.¹⁷⁴ Mereka mendakwa

¹⁷⁰ İhsān İlahī Zahīr, *Syiah Berbohong Atas Nama Ahlul Bait*, 21.

¹⁷¹ Al-Samawī, *al-Shī‘ah Hum Ahl al-Sunnah* (London: Muassasah al-Fajr, t.t.), 29-30.

¹⁷² Khomainī, *Kashf al-Asrār* (Amman: Dār Ammar li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 414.

¹⁷³ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 418.

¹⁷⁴ Antara kitab yang membincarkan berkenaan penghinaan Syiah terhadap para sahabat ialah kitab yang dikarang oleh Ibn ‘Amr Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī, *Rijāl al-Kashī* (Beirut:

seolah-olah mereka adalah dari kalangan *Ahl al-Bayt* atau yang menyanjung tinggi *Ahl al-Bayt* tetapi sebenarnya mereka mempunyai persepsi yang tidak baik terhadap sahabat sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab-kitab mereka.

Pemikiran ini ditimbulkan dalam ajaran Syiah oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ *al-Yahudi al-Khabith* dengan tujuan untuk memporak perandakan Islam, menyelewengkannya dan memasukkan ajaran lain ke dalam agama Islam. ‘Abd Allāh bin Sabā’ telah memperkenalkan pelbagai ajaran baru dalam Islam dengan menjadikan ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai pemimpin yang sah dan memperlihatkan rasa kasih dan setia terhadapnya. Begitu juga mereka cuba menghasut orang Islam agar memusuhi sahabat lain seperti Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān dan lainnya.¹⁷⁵ Ia turut diperakui oleh al-Kashi seorang tokoh besar dalam firqah Syiah. Menurut beliau, sesungguhnya umat telah menzalimi ‘Alī, telah merampas haknya, iaitu hak khilafah dan wilayah, Maka wajiblah ke atas seluruh umat kini membantu dan menolongnya. Seterusnya hendaklah mereka menarik balik bai’ah dan ketaatan mereka kepada Usman.¹⁷⁶

Hakikatnya Saidina ‘Alī tidak pernah memperkenalkan akidah memuja beliau dan meninggikannya, begitu juga akidah mengkafirkan dan menghina para sahabat. Beliau berkecuali dari semua dakwaan tersebut yang disandarkan kepada beliau oleh Syiah. Ia sengaja diada-adakan bagi tujuan menghina bahkan mengkafirkan para sahabat.

Syiah juga berpandangan Abu Bakar telah merampas jawatan khalifah daripada Saidina ‘Alī selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW. Dalam peristiwa perlantikan Saidina Abū Bakar sebagai khalifah di Balai Bani Saqifah, para sahabat termasuk

Muassasah al-A’ala li al-Maṭbū‘at), 78-80. Niematullah al-Jazayrī, *al-Anwār al-Nu’māniyyah* (Beirut: Dār al-Kūfah, 2008), 1:61, Muhammad Yaakub al-Kulaynī, *Al-Rauḍah min al-Kāfi*, 8:245 dan sebagainya.

¹⁷⁵ Saiyyid Neamatullah al-Musawi al-Jazairi, *al-Anwār al-Nu’māniyyah*, 2: 234. Lihat juga Abi Ja’afar bin Muhammad bin al-Hasan bin Ali al-Tusi, *Ikhtiyar Ma’rifah al-Rijal*, (tt : Markaz Tahqiqat wa Mutala’at, tt), 2 :107, 108. Lihat juga Ihsān Ilahī Zahīr, *Shī’ah dan Sahabat*, 2-3.

¹⁷⁶ Ia merupakan kenyataan al-Kashī yang dipetik oleh penulis dalam kitab Ihsān Ilahī Zahīr, *Syiah dan Sahabat*, 2-3.

keluarga Rasulullah berbaiah dengan Abu Bakar sebagai khalifah yang pertama sedangkan sebenarnya mereka inginkan dari kalangan *Ahl al-Bayt* mereka sendiri. Mereka telah mencalonkan al-Abbas bapa saudara nabi dari Bani Hasyim sebagai khalifah, tetapi akhirnya Abū Bakar dari golongan muhajirin terlantik sebagai khalifah yang pertama.¹⁷⁷ Perlantikan Abū Bakar sebagai khalifah dikatakan telah merampas jawatan tersebut dari Saidina ‘Alī. Selepas kewafatan Abu Bakar, ‘Umar al-Khaṭṭāb dilantik sebagai khalifah menggantikan Abu Bakar.¹⁷⁸ Umar kelihatan lebih agresif dengan meluaskan pengaruh Islam dan melaksanakan dasar yang tidak dapat disempurnakan oleh Abū Bakar. Islam semakin terserlah dan digeruni oleh negara-negara asing dan menempa nama baik ketika itu. Selepas Khalifah ‘Umar mati terbunuh, ‘Uthmān bin ‘Affān pula dilantik sebagai khalifah. Pada zaman inilah, fitnah menular dan api permusuhan semakin menjadi. Beberapa gerakan wujud dengan tujuan untuk menimbulkan kacau bilau seperti gerakan Syiah.¹⁷⁹

Menurut Muḥammad al-Tijānī al-Samawī, Syiah mengkafirkan para sahabat disebabkan mereka menolak ajaran yang dipegang oleh Syiah yang dikatakan berasaskan kepada al-Sunnah sebagaimana dakwaan mereka.¹⁸⁰ Mereka juga menolak al-Qur'an kerana ia disusun oleh para sahabat yang murtad disamping menolak hadith nabi kerana diriwayatkan oleh para sahabat yang murtad. Bahkan mereka menuduh Allah SWT tidak bijak kerana memilih para sahabat semuanya murtad kecuali beberapa orang sahabat sahaja yang tidak murtad.¹⁸¹ Justeru itu mereka menolak para sahabat besar bahkan mengkafirkan mereka. Ini jelas bercanggah dengan ajaran Islam yang

¹⁷⁷ Ihsān Ilahī Zāhīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*’ (Pakistan: Idārah Tarjūman al-Sunnah, 1984), 19-29. Lihat al-Ash’arī, *Maqālāt Islāmiyyīn*, 1-5.

¹⁷⁸ Ibid., Lihat al-‘Asy’arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn*, 1-5. Muḥammad Yūsuf al-Kandahlawī, *Hayāh al-Šāhābah* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabiyyah, 1995), 10 dan 17. Lihat juga ‘Izz al-Dīn Abī al-Hasan ‘Alī bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad ‘Abd al-Karīm bin ‘Abd al-Wāhid al-Shaybānī al-Maruf bin Ibn Athir, *al-Kāmil fī al-Tārīkh* (Beirut: Dār Sādir, 1995), 325.

¹⁷⁹ Al-Ash’arī, *Maqālāt Islāmiyyīn*, 1-5. Lihat Izzuddin Abī al-Ḥasan ‘Alī, *Al-Kāmil fī al-Tārīkh*, 35.

¹⁸⁰ Muḥammad al-Tijānī al-Samawī, *al-Shī‘ah hum Ahl al-Sunnah*, 23-26.

¹⁸¹ Mohamad bin Haji Ismail, “Sejarah, Konsep dan Doktrin Syiah” (kertas kerja, Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-5, Seminar Mendepani Virus Syi’ah, Dewan Muktamar, Pusat Islam Kuala Lumpur, 8 september 2013).

memerintahkan hambanya untuk mencintai para sahabat dan menjadikan mereka sebagai contoh tauladan.

Sejarah menyaksikan khalifah-khalifah yang terlantik bukan dari kalangan *Ahl al-Bayt* sedangkan mereka berharap agar ianya dari kalangan mereka. Rentetan dari itu telah menimbulkan beberapa peristiwa tidak baik sepanjang mereka menjadi khalifah bagi menggambarkan perasaan tidak puas hati terhadap ketiga-tiga khalifah tersebut. Walau bagaimanapun Saidina ‘Alī akhirnya terlantik sebagai khalifah keempat setelah didesak oleh para sahabat bagi mengurangkan keadaan tegang yang berlaku ketika itu. Di zaman pemerintahan Saidina ‘Alī sebagai khalifah, telah berlaku peperangan Jamal dan Şiffin. Ia adalah menefestasi tersurat kesan daripada kekecewaan memuncak sesama mereka. Peperangan Şiffin berkesudahan dengan termeterainya Perjanjian Tahkim. Dalam perjanjian tersebut Saidina ‘Alī didakwa teraniaya dengan perjanjian berat sebelah, ditipu oleh Mu’awiyah hingga akhirnya memaksa beliau menyerahkan jawatan khalifah kepada Mu’awiyah bin Abī Sufiān. Beliau telah melantik anaknya Yazid sebagai putera Mahkota dan ianya dianggap melanggar perjanjian.¹⁸² Suasana tidak harmoni ini akhirnya mengundang persepsi tidak baik firqah Syiah mendakwa kononnya mereka telah dizalimi dan menuntut jawatan tersebut dikembalikan kepada mereka. Oleh kerana itulah mereka mula mencipta beberapa doktrin akidah seperti *al-Wilāyah wa al-Imāmah*, *al-Raj’ah*, *al-Mahdi* dan sebagainya bagi mengembalikan jawatan khalifah kepada mereka. Justeru itu, mereka menjadikannya sebagai usul akidah penting dalam ajaran Syiah yang perlu diperjuangkan hingga akhirnya matlamat mengembalikan jawatan khalifah atau Imamah kepada mereka tercapai.

¹⁸² Lihat Suhana Haji Muhamed, “Konsep Ahl al-Bayt: Satu Perbandingan antara Ahli Sunnah wa al-Jama’ah dan Syiah Imamiah” (latihan ilmiah, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM, 1996).

3.4.2 *Ahl al-Bayt*

Firqah Syiah mempunyai pandangan yang berbeza dengan Ahli Sunnah berkenaan *Ahl al-Bayt*. *Ahl al-Bayt* menurut Syiah hanya terbatas kepada empat orang sahaja iaitu ‘Alī, Fātimah, Ḥasan dan Husayn. Selain dari empat orang tersebut mereka tidak memasukkannya sebagai *Ahl al-Bayt*.

Mereka berpegang dengan firman Allah SWT dalam al-Qur'an sebagaimana berikut:

وَقُرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى وَأَقِنْ الصَّلَاةَ وَآتِنَ الزَّكَةَ
وَأَطْعُنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُظْهِرَكُمْ
تَطْهِيرًا

al-Aḥzāb 33:33

Terjemahan: Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyyah yang dahulu dan dirikanlah salat, tunaikan zakat dan taatilah Allah dan rasulnya, Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, wahai *Ahl al-Bayt* dan membersihkan kamu sebersih bersihnya.

Menurut Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ibrāhīm al-Qummī dalam *Tafsīr al-Qummī*, kalimah *Ahl al-Bayt* dalam ayat di atas dikhususkan untuk orang tertentu sahaja iaitu ‘Alī, Fātimah, Ḥasan dan Husayn.¹⁸³ Ia turut disepakati oleh Mula Muhsin Faid Kashani dalam *Tafsīr al-Ṣāfi*¹⁸⁴ dan Hāshīm al-Bahrānī dalam kitab *al-Burhān fī al-Tafsīr*.¹⁸⁵ Bagi memperkuuhkan lagi dakwaannya mereka telah mengemukakan hadith-hadith yang dipegang oleh ahli sunnah dalam kitab-kitab hadith seperti yang diriwayatkan dalam Sunan al-Tirmidhī yang disebut dengan Hadith *ahl al-Kisā’*.

¹⁸³ Abī al-Ḥasan bin Ibrāhīm al-Qummī, *Tafsīr al-Qummī* (Najaf: Maṭba‘āh Najaf, 1966), 193.

¹⁸⁴ Mula Muhsin Faid Kashani, *Tafsīr al-Ṣāfi* (Najaf: Maṭba‘āh Najaf, 1972), 81.

¹⁸⁵ Hāshīm al-Bahrānī, *al-Burhān fī al-Tafsīr* (Beirut: Muassasah al-A’ala li al-Matbu’at, 2006), 253.

Terjemahan: Aisyah berkata, “Pada suatu pagi, Rasulullah SAW keluar rumah berpakaian jubah (kisa) yang dibuat dari bulu. Hasan datang dan kemudian Rasulullah memasukkannya di bawah kisa’ tersebut. Kemudian Husayn datang dan masuk ke dalamnya. Kemudian Fatimah dimasukkannya oleh Rasulullah di sana. Kemudian ‘Alī datang dan Rasulullah mengajaknya di bawah kisa’ dan membaca ayat 33 surah al-Ahzāb, “Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu wahai Ahl al-Bayt dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.¹⁸⁶

Syiah telah membataskan *Ahl al-Bayt* dalam hadith tersebut kepada ‘Alī, Fātimah, Hasan dan Husayn sahaja. Adapun selain dari itu mereka tidak memasukkan sebagai *Ahl al-Bayt*. Ia sebagai bukti dan sandaran Syiah dimana mereka hanya membataskannya kepada empat orang sahaja. Mereka amat benci kepada ‘Āishah dan Ḥafṣah kerana mereka menyangkal keduanya sebagai *Ahl al-Bayt* dan menuduh kedua-duanya telah meracuni baginda Rasulullah hingga wafat.¹⁸⁷ Menurut ahli sunnah bahawa maksud sebenar ayat ini ditujukan secara khusus kepada isteri-isteri nabi, Saidina ‘Alī, Saidatina Fatimah, Hasan dan Hussain juga termasuk dalam pengertian ayat ini dengan pengertian *Hadis Kisā'* bukan seperti pendapat Syiah yang mengeluarkan isteri-isteri nabi dan menggantikannya dengan ‘Alī, Fātimah, Hasan dan Husayn sahaja.

Walau bagaimanapun, Syiah telah mengeluarkan anak-anak ‘Alī sendiri yang bukan anak Fātimah dari lingkungan *Ahl al-Bayt*. Selain Hasan dan Husayn, anak-anak ‘Alī yang lain, mereka keluarkan dari *Ahl al-Bayt* seperti Muḥammad Ibn Ḥanafiyyah. Begitu juga Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān bin ‘Affān, ‘Abbās, Ja‘far, ‘Abd Allāh, ‘Ubayd Allāh dan Yaḥyā dan juga anak-anak mereka seramai 12 orang lelaki dan wanita seramai 18 orang. Anak kandung Rasulullah sendiri iaitu Zainab dan Umm Kalthūm serta anak-anak dari keduanya tidak mereka masukkan sebagai *Ahl al-Bayt*. Begitu juga anak Hasan bin ‘Alī sendiri mereka tidak masukkan ke dalam *Ahl al-Bayt*.

¹⁸⁶ Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitab Manāqib, Bab Manāqib Ahl al-Bayt al-Nabiy (SAW), no. hadith 3719. Lihat Muḥammad bin ‘Isā bin Thawrah al-Tirmidhī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 12:153.

¹⁸⁷ Al-Jalīl al-Nadr Muḥammad bin Mas‘ūd bin ‘Ayyash al-Salām al-Samarqand, *al-Tafsīr al-‘Ayyāshī* (Tehran: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah al-Islāmiyyah, t.t.), 200.

Begitu juga anak dari Ḥusayn bin ‘Alī sendiri yang mereka tidak senangi juga mereka keluarkan dari *Ahl al-Bayt*. Begitu juga anak-anak bapa saudara Rasulullah sendiri. Mereka juga mengeluarkan anak perempuan Rasulullah selain Fatimah serta suaminya dan anak-anak mereka. Mereka semua tidak dianggap sebagai *Ahl al-Bayt*.¹⁸⁸ Selain itu, mereka juga memasukkan para imam yang dianggap maksum oleh mereka sebagai sebagai *Ahl al-Bayt*. Ia sesuatu yang tidak benar dan bercanggah dengan Islam.

Mereka mendakwa adalah golongan yang cintakan *Ahl al-Bayt* tetapi mempunyai fahaman yang berbeza dengan ahli sunnah. Mereka mengatakan bahawa keselamatan di negeri akhirat itu akan dapat dicapai hanya dengan menumpukan sepenuhnya taat setia kepada *Ahl al-Bayt* dengan cara mengikuti pimpinan imam-imam Syiah yang dua belas dan dengan cara melepaskan diri daripada semua musuh mereka iaitu Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān dan seluruh orang yang mengikuti mazhab dan aliran yang lain daripada Syiah Imam dua belas, baik sebagai orang yang berkuasa maupun sebagai rakyat biasa.¹⁸⁹ Dengan itu barulah ia diiktiraf sebagai *Ahl al-Bayt*. Oleh kerana itulah mereka menolak sebahagian besar *Ahl al-Bayt* dan sahabat untuk diiktiaf sebagai *Ahl al-Bayt* kerana wujud pertentangan antara mereka.

Menurut İhsān İlahī Zahīr pula, yang dimaksudkan dengan *Ahl al-Bayt* yang sebenarnya ialah isteri-isteri baginda Rasulullah termasuk anak-anaknya, bapa saudara nabi dan anak-anaknya termasuk Abbas dan anak-anaknya. Begitu juga Fātimah, Ḥasan, Ḥusayn dan ‘Alī. Ini bermaksud *Ahl al-Bayt* tidak terbatas hanya kepada inividu dan kelompok tertentu sahaja dan menafikan yang lainnya sebagai *Ahl al-Bayt*.¹⁹⁰ Justeru itu, penulis mendapati lingkungan *Ahl al-Bayt* disisi Syiah sebenarnya bercanggah dengan

¹⁸⁸ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 12.

¹⁸⁹ Muhib al-Dīn al-Khāṭib, *al-Khutut al-‘Ariḍah li al-Usus allatī Qāma ‘alayhā Dīn al-Shī‘ah al-Imāmiyah al-Ithnā’ī ‘Asha’riyyah*, terj. Salahuddin Abdullah (Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 1986), 42.

¹⁹⁰ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 11.

apa yang dikehendaki menurut ahli sunnah. Pengertian *Ahl al-Bayt* disisi Syiah adalah *Ahl al-Bayt* ‘Alī dan anak-anaknya yang tertentu sahaja.

Pemerhatian penulis mendapati Syiah sebenarnya tidak mencintai *Ahl al-Bayt* nabi dan *Ahl al-Bayt* ‘Alī. Mereka tidak mengikut petunjuk, pendapat dan tidak menempuh jalan yang ditempuh oleh mereka, tidak mentaati dan mematuhi perintah dan ajaran mereka, bahkan mereka menentang dan menyalahinya secara terang-terang. Sedangkan dalam al-Qur'an banyak ayat-ayat yang menjelaskan berkenaan pujian dan penghargaan kepada *Ahl al-Bayt*, para sahabat, isteri-isteri nabi dan orang-orang yang beriman yang terdahulu baik Muhibbin, Ansar atau pengikut mereka. Mereka saling berkasihan, tolong menolong dalam menghadapi kesusahan dan kepayahan, berjuang bersama-sama mempertahankan Islam, saling ingat mengingati, bertukar fikiran, tegur menegur dan bersama dalam melakukan amalan kebaikan.

Sehubungan dengan itu, *Ahl al-Bayt* adalah golongan yang baik, suci dan tidak melakukan dosa dan maksiat. Mereka tidak maksum tetapi ia dimuliakan dengan banyak kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah kepada mereka. Walau bagaimanapun penulis tidak berhasrat untuk memperincikan perbahasan tersebut. Penulis sekadar mendedahkan beberapa konsep asas *Ahl al-Bayt* disisi Syiah. Penulis akan menganalisis tajuk tersebut dalam bab keempat berkaitan kritikan Ihsān Ilahī Zahīr secara khusus.

3.4.3 Akidah *Tahrif al-Qur'an* Menurut Syiah

Al-Qur'an merupakan sumber hukum yang mempunyai autoriti tertinggi dalam memberikan tafsiran berkenaan agama Islam. Tafsiran yang tepat dan benar hanya mampu dilakukan oleh ulama yang mahir dan mendalam pengetahuan agamanya agar ia tidak tersasar dari kehendak sebenar. Kepelbagai tafsiran dan tidak percaya terhadap kesempurnaan al-Qur'an memberikan implikasi tidak baik terhadap al-Qur'an dan tasawwur agama Islam itu sendiri. Pelbagai pihak muncul dengan tafsirannya yang

tersendiri bahkan meragui kebenarannya dengan mengemukakan pelbagai hujah yang diragui. Firqah Syiah antara sekian banyak firqah yang meragui kebenaran al-Qur'an dan menafsirkannya dengan pelbagai tafsiran yang mengelirukan hingga akhirnya kerangka hukum hakam Islam telah berubah.

Al-Qur'an merupakan sumber perundangan utama dalam membina hukum hakam samada dalam firqah *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* atau Syiah. Keutamaannya tidak boleh diragui dan sebarang keraguan akan mengakibatkan implikasi krisis akidah yang buruk. Allah Ta'ala memperingatkan dalam al-Qur'an agar yakin dengan sepenuhnya segala apa yang dinaskan dalam al-Qur'an.

Syiah menganggap al-Qur'an yang ada dewasa ini tidak lengkap, disembunyikan, digantikan dan ayatnya telah diubah yang diberi nama akidah "*Tahrīf al-Qur'ān*." Al-Kulaynī, salah seorang ulama' tersohor dalam firqah Syiah dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi* meriwayatkan:

Daripada 'Alī bin al-Hakam, daripada Hishām bin Sālim, daripada Abī 'Abd Allāh a.s berkata: Sesungguhnya al-Qur'an yang didatangkan oleh Jibril a.s kepada Muhammad SAW berjumlah tujuh belas ribu ayat.¹⁹¹

Beliau seterusnya menyatakan al-Qur'an yang ada dewasa ini tidak lengkap dimana satu perempat al-Qur'an disembunyikan oleh musuh-musuh mereka. Beliau menyatakan dalam kitabnya al-Kāfi dengan katanya:

Daripada Abū 'Alī al-Ash'arī, daripada Muḥammad bin 'Abd al-Jabbar, daripada Ṣafwan, daripada Ishāq bin 'Ammār, daripada Abī Jaafar a.s: Diturunkan al-Qur'an itu sebanyak empat bahagian. Satu perempat ada pada kita, satu perempat pada musuh kita, satu perempat adalah sunnah dan perumpamaan, satu perempat ialah fardu dan hukum.¹⁹²

¹⁹¹ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:605.

¹⁹² *Ibid.*, 599.

Syiah juga turut mendakwa dimana mereka memiliki satu surah lain tambahan dari surah-surah yang sedia ada iaitu surah Fatimah yang disembunyikan oleh *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*.¹⁹³

Kepercayaan mereka berkenaan al-Qur'an telah diubah, ditokok tambah dan dikurangkan telah diperakui oleh sebahagian besar ulama Syiah.¹⁹⁴ Al-Kulaynī dalam kitabnya menjelaskan al-Qur'an yang ada pada hari ini telah diselewengkan.¹⁹⁵ Begitu juga pandangan ulama mereka Muḥammad bin Mas‘ūd al-‘Ayyāshī Furāt bin Ibrāhīm al-Kūftī, Muḥammad bin al-‘Abbād al-Mahiyar dan sebagainya menyatakan dimana al-Qur'an yang ada pada hari ini bukanlah al-Qur'an keseluruhannya.¹⁹⁶

Syiah juga beriktikad dimana para sahabat dan khalifah selepasnya telah mengubah, mengurang dan menggugurkan ayat-ayat dalam al-Qur'an al-Karīm. Mereka sengaja menyelewengkan al-Qur'an dalam perkara yang berkaitan dengan persoalan *al-Wilāyah*, *al-Waṣyāyah* dan *al-Imāmah*. Para sahabat dan khalifah sengaja menggugurkan ayat-ayat berkaitan persoalan di atas dengan tujuan untuk menafikan hak mereka dalam persoalan Imamah.¹⁹⁷ Oleh kerana itu Syiah telah membahagikan al-Qur'an itu kepada beberapa bahagian iaitu bahagian yang diketahui oleh mereka yang alim dan jahil, bahagian yang hanya diketahui oleh mereka yang suci akalnya dan bahagian yang tidak dapat diketahui melainkan Allah dan ahlinya sahaja. Al-Qur'an

¹⁹³ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qurān*, 32.

¹⁹⁴ Abu Hasan Ali Nadwi, *Islam Pada Awal Abad dan Kelahiran*, terj. Elias Ismail (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1989), 51. Hanya 4 orang sahaja Sarjana Syiah iaitu Sādūq, Sharīf Murtaza, Abū Ja’afar Tūsī dan Abū ‘Alī Ṭabarsī yang terkecuali dari pandangan ulama Syiah. Lihat juga dalam Muḥammad ‘Abd al-Sattār al-Tunsawī, *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī’ah*, 34. Menurut Saiyyid Murtada al-Ridawi dalam kitabnya *al-Burhan ‘ala ‘adama tahrif al-Quran* menyenaikan 10 orang ulama Syiah yang tidak mempercayai Tahrif al-Quran iaitu Syeikh Al-Suduq, Al-Syarif al-Murtadza, Syeikh al-Tusi, Imam al-Tabrasi, Sayyid Muhsin al-Amin, Syeikh Kasyif al-Ghita, Imam al-Khu'i, As-Sayyid Husain Makki, Al-Sayyid Muhammad Hussain at-Thabathaba'i dan Syeikh Muhammad Jawwad Mughniyah. Lihat Saiyyid Murtada al-Ridawi, *Al-Burhan ‘ala ‘adama tahrif al-Quran*, (Beirut : Al-Amiraah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzie, 2005), 239

¹⁹⁵ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:571-598.

¹⁹⁶ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qurān*, 44-45.

¹⁹⁷ *Ibid.*, 52.

yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah dalam katagori bahagian yang diketahui oleh mereka yang alim.¹⁹⁸

Penulis melihat pertikaian Syiah terhadap sahabat boleh membawa kepada pertikaian sumber asasi agama itu sendiri iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Kedua-duanya dipertikaikan dari beberapa aspek seperti soal tafsiran, jumlah ayat, kandungan dan sebagainya yang berpunca dari asas pengumpulan al-Qur'an itu sendiri. Para sahabat besar seperti Abū Bakar, 'Umar, 'Uthmān dan sahabat lainnya bertungkus lumus mengumpul al-Qur'an hingga menjadi satu *mushaf* yang sempurna. Walau bagaimanapun kredibiliti mereka dipersoalkan dengan pelbagai tuduhan kepada mereka.

Mereka percaya para sahabat agung iaitu Abū Bakar, 'Umar dan 'Uthmān telah meminda dan menyelewengkan kandungan kitab suci al-Qur'an. Para sahabat telah menggugurkan banyak ayat dan surah yang menyebut berkenaan kelebihan dan keutamaan kaum keluarga Nabi Muhammad SAW. Mereka juga telah menggugurkan ayat perintah berkenaan arahan Allah SWT supaya mengikuti kaum keluarga nabi serta larangan menentang mereka.¹⁹⁹ Mereka juga telah menuduh Abū Bakar, 'Umar dan 'Uthmān menggugurkan surah *al-Wilāyah*. Ia merupakan satu surah yang panjang yang menjelaskan berkenaan kelebihan dan keutamaan *Ahl al-Bayt* (kaum keluarga Rasullullah SAW).²⁰⁰ Husayn bin Muḥammad al-Taqī al-Nūrī al-Tabarsī seorang tokoh besar Syiah membuktikan kewujudan surah ini dengan penemuannya dalam naskhah kitab berbahasa Farsi (Dibstan Mazahib) karangan Fatnī al-Kashmirī yang telah dicetak di Iran beberapa kali.²⁰¹ Mereka juga menuduh 'Uthmān bin 'Affān membakar mushaf dan surah yang membincangkan kelebihan Saidina 'Alī dan *Ahl al-Bayt*²⁰². Mereka juga menambah ayat-ayat dalam al-Qur'an sebagaimana contoh di bawah.

¹⁹⁸ *Ibid.*, 54.

¹⁹⁹ Al-Dahlawī, *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*, 43.

²⁰⁰ *Ibid.*

²⁰¹ *Ibid.*, 44.

²⁰² Al-Tunsawī, *Buṭlān 'Aqā'id al-Shī'ah*, 31.

Terjemahan : Wahai orang yang telah diturunkan al-Kitab berimanlah dengan apa yang telah kami turunkan kepada ‘Alī akan cahaya yang jelas.²⁰³

Begitu juga dalam contoh yang lain sebagaimana berikut:

Dan jika kamu ragu terhadap apa yang telah diturunkan kepada hamba kami (Saidina ‘Alī), maka datangkanlah satu surah sepertinya.²⁰⁴

Seorang ulama Syiah, Syeikh Ḥusayn membuktikan penyelewengan dalam al-Qur'an dengan mengarang kitab "Faṣl al-Khiṭāb fī Ithbat Taḥrīf Kitāb Rab al-‘Ālamīn."²⁰⁵ Beliau telah mengemukakan lebih seribu riwayat Syiah dari kitab mereka yang menyatakan bahawa al-Qur'an yang ada pada hari ini telah diubah dan dikurangkan dan tidak boleh diimani.²⁰⁶ Tidak ada satu riwayatpun dijumpai dalam mana-mana kitab mereka berkenaan al-Qur'an yang wujud dewasa ini sempurna dan tidak berlaku sebarang penyelewengan. Ianya telah disepakati oleh ulama Syiah dengan berasaskan riwayat yang banyak tentang pengubahan terhadap al-Qur'an samada dari segi kalam, asal kalimah dan *i'rabnya*.²⁰⁷

Al-Kulaynī juga menegaskan dimana *Muṣḥaf* yang diiktiraf oleh mereka ialah *Muṣḥaf Fātimah* dan bukannya *Muṣḥaf Rasm ‘Uthmānī* yang diimani oleh majoriti umat Islam dewasa ini. Ianya jelas dinyatakan dalam kitabnya *al-Kāfi* sebagaimana berikut:

Sesungguhnya mushaf disisi kami ini ialah Muṣḥaf Fātimah a.s, Apakah yang mereka tahu tentang Muṣḥaf Fātimah itu? Iaitu mushaf yang didalamnya sebanyak tiga kali ganda dengan Muṣḥaf al-Qur'ān yang ada disisi mereka, demi Allah, dalam Mushaf Fatimah ini tidak ada satu huruf pun daripada Qur'an mereka.²⁰⁸

²⁰³ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:481.

²⁰⁴ *Ibid.*

²⁰⁵ Ia merupakan sebuah kitab yang membincangkan khusus masalah penyelewengan al-Qur'an yang mengandungi 4000 halaman. Beratus-ratus nas dan pendapat dimuatkan dalam kitab ini mendakwa kandungan al-Qur'an itu telah diselewengkan. Lihat al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 43.

²⁰⁶ Said Hawa, *Fahaman al-Khomeini Akidah dan Sikap yang Ganjil*, 25. Lihat Muḥammad Abd Sattār al-Tunsawī, *Buṭlān 'Aqā'id al-Shī'ah*, 29.

²⁰⁷ *Ibid.*

²⁰⁸ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:297.

Dalam hal ini, Muḥammad Bāqir al-Majlīsī, seorang Ahli Hadith Syiah berkata dimana al-Qur'an yang ada pada hari ini telah diubah dan dikurang dengan mengemukakan beberapa riwayat yang jelas pada lafaznya dan mutawir pada maknanya.²⁰⁹ Kenyataan-kenyataan di atas jelas menunjukkan kesepakatan para ulama Syiah berkenaan perkara tersebut. Walaupun mereka menafikan persoalan tersebut, tetapi pengakuan para ulama muktabar mereka menunjukkan dimana ia adalah kepercayaan yang mesti diimani oleh semua pengikut Syiah bahkan menjadi dasar utama dalam firqah Syiah.

3.4.4 Al-Sunnah Menurut Syiah

Al-Sunnah adalah sumber kedua selepas al-Qur'an. Ia berperanan untuk menjelaskan konsep-konsep asas dalam al-Qur'an dan memperincikannya agar ia dapat dilaksanakan oleh umat Islam dengan betul. Sifatnya juga sebagai pengukuh apa yang dinyatakan dalam al-Qur'an bagi memperkuatkan lagi pentabitannya. Disiplin periwayatnya yang baik dalam semua aspek menjadikan ia dihormati sebagai sumber hukum kedua selepas al-Qur'an. Sebarang keraguan terhadap al-Sunnah setelah dibuktikan kesahihannya boleh menyebabkan terbatal imam dan Islam seseorang itu terutamanya dalam persoalan akidah. Walau bagaimanapun Syiah mempunyai pandangannya yang tersendiri dan mempercayainya apabila ia bertepatan dengan prinsip-prinsip akidah dan hukum sebagaimana yang diimani oleh mereka.

Panafsiran hadith dan sunnah disisi Syiah berbeza dengan apa yang difahami oleh oleh Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah. Hadith atau sunnah menurut Syiah sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Mamiqani adalah merujuk setiap sesuatu daripada Nabi Muhammad s.a.w dan para imam 12 samada perkataan, perbuatan atau persetujuan.²¹⁰

²⁰⁹ *Ibid.*,23.

²¹⁰ Sheikh Abdullah al-Mamiqani, *Miqbas al-Hidayah fi Ilmi al-Dirayah*, (Iran : Matba'ah Nikarsh, 2003),1 : 55

Selain itu Syiah yakin bahawa hadith-hadith yang bersumber daripada para imam adalah sahih tanpa perlu bersambung sanad (*Ittisal al-Sanad*) dengan Rasulullah s.a.w. Pandangan ini dipegang oleh semua golongan Syiah samada yang ekstrem ataupun Syiah yang sederhana. Para imam bukannya perawi atau penyampai hadis dari Rasulullah SAW tetapi mereka adalah sebagai sumber syariat dan hukum. Percakapan, perbuatan dan pengakuan mereka adalah hadith dan bukan berita tentang hadis. Mereka diangkat oleh Allah melalui Nabi SAW untuk menyampaikan hukum-hukum dan persoalan lainnya dalam ajaran mereka melalui jalan ilham yang sebanding dengan wahyu atau dengan cara menerima dari imam sebelumnya.²¹¹ Ini bermaksud mereka menjadikan seorang imam itu sebagai orang yang maksum seperti nabi yang diutus oleh Allah. Mereka boleh menetapkan sebarang hukum hakam, menjelaskan al-Qur'an, membataskan kemutlakan al-Qur'an, mengkhususkan keumumannya dan sebagainya.

Mereka tidak beriman dengan al-Sunnah atau hadis-hadis nabi yang diriwayatkan oleh para sahabat besar seperti Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān dan sebagainya. Mereka mendakwa para sahabat telah murtad dan kafir kecuali Miqdad al-Aswadī, Abū Dhār al-Ghfārī dan Salmān al-Fārisī. Segala hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat adalah bohong dan *mawdū‘*. Mereka sengaja mereka-reka hadith yang kemudiannya disandarkan kepada Rasulullah SAW. Justeru itu mereka tidak mengiktiraf segala hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh para sahabat nabi melainkan melalui tiga orang sahabat sahaja sebagaimana di atas²¹² dan juga melalui jalan *Ahl al-Bayt*. Sekiranya terdapat sebarang hadith atau khabar yang diambil dari para sahabat, maka secara tidak langsung ia terbatal dengan sendirinya. Muḥammad al-Hussayn ‘Alī Kashīf Ghiṭā menegaskan

Sesungguhnya mereka iaitu Syiah tidak mengambil kira sesuatupun dari sunnah iaitu hadith-hadith nabi melainkan yang sah diambil

²¹¹ *Ibid.*

²¹² İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 105.

daripada jalan periyawatan Ahl al-Bayt daripada datuk mereka iaitu apa-apa yang diriwayatkan daripada al-Šādiq daripada bapanya al-Bāqir daripada bapanya Zaynal ‘Ābidīn daripada Husayn bin ‘Alī daripada Rasulullah SAW. Manakala apa-apa yang diriwayatkan daripada Abū Hurayrah, Samrah bin Jundub, Marwan bin al-Hakam, Umran bin al-Hittan, ‘Umar bin al-‘As, maka ia tidak boleh diambil iktibar disisi Imamiah.²¹³

Husayn bin ‘Abd al-Šāmad al-‘Amilī seorang tokoh ulama Syiah dalam bidang *Muṣṭalah al-Hadīth* berpandangan para sahabat yang meriwayatkan hadith daripada Rasulullah adalah kalangan sahabat yang banyak melakukan fitnah, penuh keraguan dan kesangsian, munafik, meminum arak, membunuh, melakukan kefasikan dan sebagainya.²¹⁴ Beliau seterusnya berkata dimana seluruh hadith-hadith sahih yang umum dan seluruh apa yang diriwayatkan oleh mereka adalah tidak benar.²¹⁵

Mereka membahagikan sahabat kepada tiga bahagian iaitu sahabat yang dikenali keadaannya seperti Salmān al-Fārisī, Miqdad al-Aswadī dan Abū Dhār al-Ghifārī, sahabat yang memusuhi bahkan mereka telah munafiq selepas kewafatan baginda Rasulullah dan sahabat yang tidak dikenali keadaannya.²¹⁶ Mereka menghukum Abū Bakar, ‘Umar, Mu’awiyyah dan isteri baginda Rasulullah Aisyah kafir.²¹⁷ Seorang yang kafir dan mempunyai sifat munafiq dan melakukan maksiat tidak diterima sebarang periyawatan dalam apa juu hadis yang diambil dari Rasulullah SAW. Oleh itu, mereka mengingkari semua hadith sahih yang dipegang oleh Ahli Sunnah samada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *al-Tirmidhī*, *al-Nasā'ī*, *Abū Dāwūd*, *Ibn Majah* dan sebagainya kecuali hadith-hadith yang bertepatan dengan ajaran mereka. Sehubungan

²¹³ Muḥammad Ḥussayn ‘Alī Kashīf Ghīṭā, *Aṣl al-Shī‘ah*, 79. Lihat İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa ahl al-Sunnah*, 105.

²¹⁴ Penulis nukilkann kenyataan Ḥussayn al-Amili melalui kitab İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa ahl al-Sunnah*, 105.

²¹⁵ Ia adalah kenyataan Ḥussayn al-Amili dalam kitabnya *Aṣl al-Shī‘ah wa Uṣuluha* yang dinukilkann oleh penulis melalui kitab Sa‘id Hawwā, *Khomenisme Menyingkap Tabir Ideologi dan Kepalsuan Aqidahnya*, 26.

²¹⁶ Penulis nukilkann kenyataan Hussain al-Amili melalui kitab İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa ahl al-Sunnah*, 106

²¹⁷ *Ibid.*

dengan itu, mereka telah menolak sumber kedua dalam perundangan Islam iaitu al-Sunnah sebagaimana mereka meragui sumber pertama iaitu al-Qur'an. Hadis-hadis yang bertepatan dengan ajaran mereka akan diambil bagi memperkuuhkan lagi ajaran Syiah. Mereka mentafsir dan mentakwilkannya dengan pelbagai takwilan yang memberi kesan timbulnya pelbagai bentuk akidah dalam Syiah yang akhirnya memberikan tasawur salah tentang Islam.

Mereka memiliki banyak kitab yang mengandungi riwayat dari Rasulullah dan imam-imam mereka. Kitab-kitab utama yang menjadi pedoman *Shī'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah* ialah *Al-Kāfi* karya Abū Ja'afar Muḥammad bin Yaakub al-Kulaynī, *Man la Yaḥduruhu al-Fāqih* karya Muḥammad Babawaih al-Qummī, *Al-Tahdhīb* karya Muḥammad bin Ḥasan al-Ṭūsī dan *al-Istibṣār* karya Muḥammad bin Ḥasan al-Ṭūsī. Ia antara kitab-kitab utama dan muktabar yang menjadi rujukan Syiah dalam mengeluarkan sebarang ketetapan dan hukum. Semuanya berasaskan empat kitab tersebut.

Dari sudut tingakatan hadith pula, mereka membahagikan kepada empat bahagian iaitu *Hadith Ṣaḥīḥ*, *Hadith Ḥasan*, *Hadith Muwaththaq* dan *Hadith Dā'iif*. *Hadith Ṣaḥīḥ* ialah hadith yang bersambung sanadnya kepada imam yang maksum dengan penukilan orang yang adil dalam kelompok Imamiah dari orang yang sepertinya dalam semua tingkatan dan jumlahnya berbilang.²¹⁸ Ini bermaksud mereka sepakat dimana syarat-syarat *Hadith Sahih* adalah bersambung sanad kepada imam yang maksum tanpa putus, para parawinya dari kelompok *Imamiyyah* dalam semua tingkatan dan para perawinya mestilah adil dan kuat hafalan. *Hadith Hasan* ialah hadith yang bersambung sanadnya kepada imam yang maksum dengan perawi dari kelompok *Imamiyyah* yang terpuji dengan pujian yang diterima dan diakui, tiada kecaman dari

²¹⁸ Sheikh Abdullah al-Mamiqani, *Miqbas al-Hidayah fi Ilmi al-Dirayah*, 123

selain nas atas keadilannya serta sesuai dalam semua tingkatan para perawi sanadnya atau sebahagiannya.²¹⁹

Dari pengertian tersebut dapat disimpulkan syarat-syarat *Hadith Hasan* ialah bertemu sanandnya kepada imam yang maksum tanpa terputus, semua perawinya dari kelompok Imamiyah, semua perawinya terpuji dengan pujian yang diterima dan diakui tanpa ada kecaman, tidak disyaratkan perawinya adil dan sesuai dalam semua tingkatan perawi sanadnya atau sebahagiannya. *Hadith Muwaththaq* ialah hadith yang bersambung sanadnya kepada imam yang maksum dengan orang yang dinyatakan *thiqah* oleh para pengikut *Shī‘ah Imāmiyyah*, namun ia rosak akidahnya seperti dia termasuk salah satu firqa yang berbeza dengan *Imamiyyah* meskipun dia masih seorang Syiah serta sepadan dalam semua atau sebahagian perawi sanadnya dan yang selainnya termasuk perawi yang sahih.²²⁰ Ia juga menggariskan beberapa syarat iaitu bersambung sanadnya kepada imam yang maksum, para perawinya bukan dari kelompok *Imamiyyah*. tetapi mereka dinyatakan *thiqah* secara khusus atau sebahagian mereka demikian, sedang yang lainnya dari para perawi sahih hingga tidak masuk padanya kelemahan yang lain, maka cukup bila masuk dalam sanad orang yang bukan dari *Imamiyyah*. Manakala *Hadith Daif* ialah hadith yang tidak memenuhi salah satu dari tiga bahagian yang lalu seperti apabila terdapat dalam sanadnya orang yang cacat sebab fasiq atau orang yang tidak diketahui keadaannya atau yang lebih rendah dari itu seperti orang yang memalsukan hadith.²²¹

Justeri itu Syiah hanya akan menerima hadith-hadith yang diriwayatkan oleh *Ahl al-Bayt* yang ditentukan oleh mereka sahaja dan menolak hadith yang diriwayatkan oleh sahabat besar sebagaimana yang diimani Ahli Sunnah. Mereka akan mengambil hadith-hadith berkaitan sekiranya menepati akidah mereka dengan tujuan untuk

²¹⁹ *Ibid.*, 132

²²⁰ *Ibid.*, 138

²²¹ *Ibid.*, 146-147

memperkuatkan kenyataan mereka dan menolak segala pandangan yang bercanggah dengan akidah mereka.

3.5 Penutup

Keseluruhan perbincangan yang dibahaskan dalam bab ini adalah berkaitan isu akidah yang dibahaskan oleh Ihsān Ilahī Zahīr. Dalam beberapa aspek yang dibincangkan terdapat beberapa perkara berkaitan dengan persoalan ketuhanan bercanggah dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* seperti konsep *al-Bada'* dan *al-Raj'ah*. Begitu juga persoalan Imāmah yang menyamakan mereka setaraf dengan nabi dan mempunyai sifat maksum sebagaimana nabi. Dalam persoalan *Ahl al-Bayt*, mereka mengklasifikasikan orang tertentu sahaja sebagai *Ahl al-Bayt* dan menafikan selainnya termasuk bapa saudara nabi dan orang-orang yang terhampir dengan nabi sebagai *Ahl al-Bayt*. Persoalan al-Qur'an dan al-Sunnah juga dibahaskan oleh beliau dalam karya-karyanya. Keseluruhan isu akidah Syiah yang dibahaskan adalah rekaan baru dalam ajaran mereka dan amat bertentangan dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Rentetan dari itu, ia telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam yang perlu diselesaikan. Kekeliruan itu wajar dijelaskan dengan sebaiknya agar hakikat sebenar akidah *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* dan Syiah dapat difahami dengan sebaiknya.

BAB 4 : METODOLOGI KRITIKAN İHSĀN İLAHĪ ZAHĪR TERHADAP PEMIKIRAN AKIDAH SYIAH

4.1 Pendahuluan

Kajian kritikan merupakan antara bentuk kajian penting dalam menganalisis suatu pandangan dan fikrah seorang tokoh. Kajian kritikan pemikiran seumpama ini mampu mengesan keaslian fikrah sebenar yang dipegang oleh seorang tokoh dan menganalisis segala khazanah ilmu dari pelbagai sudut dan dimensi. Penulis akan menganalisis metodologi kritikan pemikiran akidah İhsān İlahī Zahīr bagi melihat kaedah penghujahan dan kekuatan hujah yang digunakan di samping melihat pandangan sebenar tokoh tersebut berkenaan akidah Syiah. Analisis metodologi kritikan penting sebagai kerangka awal bagi melihat pandangan beliau dengan lebih berkesan. Hubungan antara metodologi kritikan dan isu yang dibincangkan ialah untuk menilai kekuatan hujah yang digunakan dan keberkesanannya. Ia juga bagi menentukan ketepatan pandangan dan kritikan beliau terhadap kenyataan yang akan diutarakan.

4.2 Metodologi Kritikan İhsān İlahī Zahīr Terhadap Pemikiran Akidah Syiah

İhsān İlahī Zahīr adalah seorang pendakwah dan pengkritik dalam bidang *fīraq* telah mengkritik pelbagai fahaman dan aliran pemikiran seperti Syiah, *al-Baha'iyyah* dan *al-Qadianiyyah* melalui karyanya seperti *al-Shī'ah wa al-Qurān*, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, *Shī'ah wa Ahl al-Bayt* dan sebagainya. Penulis membahagikan perbahasan dalam bab ini kepada empat bahagian iaitu kejelasan terhadap konsep akidah Syiah berdasarkan sumber primer, kemuktamadan nas al-Qur'an dan al-Sunnah dalam menilai akidah Syiah, pengukuhan hujah melalui karya-

karya ilmiyyah khusunya *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* dan motif dakwah sebagai asas kritikan terhadap Syiah.

4.2.1 Kejelasan Terhadap Konsep Akidah Syiah Berdasarkan Sumber Primer

Antara kekuatan kritikan yang dikemukakan oleh İhsān İlahī Zahīr ialah berasaskan data-data yang diambil dari sumber Syiah itu sendiri. Beliau telah menyelidiki pelbagai karya dan kitab utama Syiah dalam bidang *tafsir*, *hadith*, *fiqh*, *sirah* dan sebagainya bagi menghuraikan persoalan akidah Syiah dan juga bagi menjawab dan menolak akidah mereka. Ianya jelas dinyatakan oleh beliau sebagaimana berikut:

Terjemahan: Kami cantumkan semua ini, dan kami sudah berjanji bahawa apa yang kami kemukakan ini adalah diambil dari kitab-kitab mereka sendiri, agar perkara yang hak dapat dizahirkan, kebenaran dapat diserahkan, kebatilan dapat dihilangkan, melainkan sedikit yang kami ambil bukan dari kitab mereka untuk menambah kuat dan sebagai bukti, bukan sebagai pokok dan pendalilan, dan tidaklah mematahkan hujah musuh melainkan dari kitab-kitab mereka dan ibarat mereka sendiri, daripada mulut-mulut mereka sendiri, yang mereka dakwakan dari kata imam-imam mereka sedangkan mereka berkecuali dan tidak pernah berkata seumpama itu.¹

Beliau akan mengkritik akidah Syiah dengan berasaskan pandangan dan *aqwāl* yang diambil dari kitab-kitab mereka yang muktamad. Beliau akan merujuk kitab-kitab mereka bagi memastikan kenyataan yang dikeluarkan adalah benar dan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh mereka. Ini jelas dinyatakan oleh beliau ketika menolak akidah Syiah berkenaan al-Qur'an.

Setiap orang yang ingin mengetahui akidah Syiah berkenaan al-Qur'an, mendalami dan membahaskannya, hendaklah merujuk kitab-kitab utama mereka dan rujukan asal dalam hadith, *tafsir* hinggalah ia bertepatan dan adil pada mengeluarkan hukum.²

¹ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt* (Kaherah: Dār al-'Itiṣām, t.t.), 35. Ia merupakan antara karya utama İhsān İlahī Zahīr yang menjelaskan pandangan dan kritikannya berkenaan *ahl al-Bayt* menurut Syi'ah.

² İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qur'ān* (Lahor: Idārah Turjuman al-Sunah, 1995), 27.

Beliau juga menegaskan dalam kitab *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt* sebagaimana berikut:

Kami mengemukakan iktiqad Syiah yang terpenting, diambil dari kitab-kitab mereka yang dipercayai dan sumber-sumber mereka yang muktamad dengan menyebut lafaz kalam-kalam mereka tanpa sedikitpun berlaku penukaran, perubahan, pembuangan dan pengurangan.³

Rujukan terhadap kitab-kitab Syiah sebagaimana di atas adalah bagi memastikan sesuatu isu yang dibincangkan adalah tepat dan adil sebelum beliau meletakkan suatu hukuman kepada firqah Syiah. Ia perlu agar tiada mana-mana pihak yang tersilap hukum dan teraniaya menjatuhkan hukuman yang tidak sewajarnya kepada mereka. Rujukan beliau terhadap sumber utama firqah Syiah merupakan landasan utama *Iḥsān Ilahī Zahīr* dalam berhujah bagi menolak kepercayaan Syiah sebagaimana dalam klasifikasi berikut:

4.2.1.1 Ketuhanan

Persoalan-persoalan yang menyentuh bab ketuhanan dapat dilihat dengan jelas ketika membincangkan persoalan *Imāmah* yang dikaitkan dengan sifat ketuhanan. Ketika membincangkan persoalan tersebut beliau telah mengemukakan sumber-sumber Syiah berupa kitab-kitab dan karya-karya bertulis yang dihasilkan oleh ulama-ulama Syiah. Beliau telah mengemukakan sumber dari kitab Syiah bagi menerangkan akidah Syiah dan menolak kepercayaan akidah ketuhanan menurut Syiah sebagaimana berikut:

³ *Iḥsān Ilahī Zahīr, al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah* (Lahor: Idārah Turjuman al-Hadīth, t.t.), 15.

- a. Para imam mengetahui perkara-perkara ghaib.

Syiah berpegang dengan kepercayaan di mana para imam mampu mengetahui perkara-perkara ghaib yang sewajarnya hanya diketahui oleh Allah sebagaimana berikut:

- i. Para Imam mengetahui takdir Tuhan, bala bencana, nasab keturunan dan memahami percakapan. Ia dijelas dan dibuktikan oleh İhsān İlahī Zahīr berasaskan sumber dari kitab Syiah iaitu *Uṣūl al-Kāfi* karangan al-Kulaynī sebagaimana di bawah:

Terjemahan: Sesungguhnya aku diberi beberapa sifat keistimewaan yang belum pernah diberikannya kepada sesiapapun sebelumku sehingga nabi pun, iaitu aku boleh mengetahui takdir Tuhan, bala bencana, nasab keturunan dan memahami percakapan, maka tidak ada fatwa yang mendahului fatwaku, dan tidak ada sesuatu pun yang aku tidak ketahui.⁴

- ii. Para imam mengetahui apa yang ada di langit, bumi, syurga, neraka, apa yang berlaku dan akan berlaku. Ianya dibuktikan oleh İhsān İlahī Zahīr melalui kitab *Uṣūl al-Kāfi* karangan al-Kulayni sebagaimana berikut:

Daripada Ja'afar al-Sadiq – bahwasanya berkata: Sesungguhnya aku mengetahui apa yang ada di langit, bumi dan mengetahui apa yang ada di syurga, neraka dan mengetahui apa yang telah berlaku dan akan berlaku.⁵

- iii. Para imam mengetahui ajal kematian seseorang dan kematian adalah dengan pilihannya sendiri. Kehebatan pengetahuan para imam menjangkau ke tahap hingga kematian manusia dapat diketahui oleh para imam. İhsān İlahī Zahīr mengemukakan bukti dari kitab mereka iaitu *Rijāl al-Kashī* karangan al-Kashī sebagaimana berikut:

⁴ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 221. Ia merupakan kenyataan al-Kulaynī dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi* yang dinukilkan oleh İhsān İlahī Zahīr bagi menjelaskan konsep ketuhanan menurut Syiah. Lihat juga al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, (Beirut : Dar al-Adwa', 1992), 9:197.

⁵ Ibid., 222. Ia merupakan kenyataan al-Kulaynī dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi* yang dinukilkan oleh İhsān İlahī Zahīr bagi menjelaskan konsep ketuhanan menurut Syiah. Lihat Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, Kitab *al-Hujjah*, 1: 261.

Pada suatu ketika Abu Hasan duduk dan disampingnya ialah Ishak bin Ammar. Maka masuklah seorang lelaki Syiah, maka berkatalah (Abū Ḥasan) kepada lelaki tersebut:

Terjemahan: Wahai Fulan! Perbaharuilah taubatmu dan segeralah beribadat, maka sesungguhnya tidaklah ada umur kamu melainkan sebulan. Kata Ishak: lalu aku berkata dalam hatiku: hairan seolah-olah dia memberitahu kami bahawa dia mengetahui ajal golongan Syiah atau ia mengatakan ajal kita. Kata Ishak: lalu dia menoleh ke arah aku dengan marah – kerana Abū Ḥasan mengetahui perasaan Ishak dalam hatinya – dan berkata: Wahai Ishak, apa yang kamu mungkiri dari hal seumpama itu wahai Ishak, ketahuilah keluarga rumah kamu akan bergaduh dan keluargamu akan muflis.⁶

Dalam masalah ini juga, İhsān İlahī Zahīr menukilkan kenyataan dalam kitab *Uṣūl al-Kāfi* karangan al-Kulaynī sebagaimana berikut:

Bahawasanya para imam mengetahui bila akan mati, dan bahawasanya para imam akan mati dengan pilihan kemahuan mereka sendiri.⁷

Syiah juga telah menyandarkan kekuasaan Allah kepada para imam. İhsān İlahī Zahīr menukilkan kenyataan tersebut melalui kitab *Kamāl al-Dīn wa Tamām al-Ni‘mah* oleh Ibn Babawaih al-Qummī sebagaimana di bawah:

Kamilah yang dengannya (dengan sebab kami), Allah memegang langit dari jatuh ke bumi melainkan dengan izinnya, dan dengannya memegang bumi, dan dengannya menurunkan hujan, dan menyebarkan rahmat, dan keluar keberkatan bumi, dan kalau tiada kami di muka bumi nescaya akan⁸

⁶ *Ibid.*, 221. Ia merupakan kenyataan al-Kashī dalam kitabnya *Rijāl al-Kāshī* yang dinukilkan oleh İhsān İlahī Zahīr bagi menjelaskan konsep ketuhanan menurut Syiah. Lihat juga Ibn ‘Amru Muhammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī, *Rijāl al-Kāshī* (Beirut: Muassasah al-A’la li al-Maṭbā‘āt, 2009), 384.

⁷ Umar bin Abd al-Azīz al-Kashī, *Rijāl al-Kāshī*, 384. Lihat Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:227.

⁸ İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 194. Lihat Abī Ja‘far Muhammad bin ‘Alī bin al-Ḥussayn bin Babawaih al-Qummī, *Kamāl al-Dīn wa Tamām al-Ni‘mah*, 1: 209.

- iv. Tauhid yang diterima bergantung kepada keimanan terhadap imam. Ihsān Ilahī Zahīr memperkuuhkan pandangannya dengan mengemukakan kenyataan dari kitab *al-Burhān* karangan al-Bahrānī sebagaimana berikut:

Sesungguhnya kesempurnaan Islam itu dengan mempercayai wilayah Ali a.s, dan tidak bermanfaat pengakuan kenabian dengan mengingkari Imamah Ali sebagaimana tidak bermanfaat pengakuan tauhid dengan menolak kenabian.⁹

- v. Menziarahi kubur Saidina ‘Alī, sesungguhnya ia telah menziarahi Allah. Ia merupakan kepercayaan *ghulūw* Syiah mengagung dan memuja Saidina Ali dengan berlebihan hingga menyamakan martabat Saidina Ali dengan Allah. Ia jelas dinyatakan dalam kitab *‘Uyūn akhbar al-Riḍā* karangan Ibn Babawaih al-Qummī sebagaimana berikut:

Diriwayatkan oleh ‘Alī bin Mūsā al-Riḍā daripada Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa menziarahiku semasa hidupku atau selepas kematianku, maka sesungguhnya ia telah menziarahi Allah Ta’ala.¹⁰

- vi. Wajib ke atas Allah Ta’ala Melantik Imam. Kewajipan tersebut berlaku dalam bentuk kemestian yang perlu disempurnakan sebagaimana dinyatakan dalam kitab *Minhāj al-Karāmah* karangan al-Hillī dan lain-lainnya sebagaimana berikut:

Wajib ke atas Allah Ta’ala melantik imam sebagaimana melantik nabi.¹¹

Syiah telah mewajibkan kepada Allah Ta’ala untuk melantik imam sebagaimana kewajipan Allah Ta’ala melantik para nabi. Ia merupakan kepercayaan yang terpesong dari Islam. Manusia sebagai hamba Allah tidak boleh mewajibkan sesuatupun kepada Allah untuk melakukannya. Mewajibkan sesuatu seumpama ini

⁹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qur’ān*, 51. Lihat Hāshīm al-Bahrānī, *al-Burhān fī Tafsīr al-Qurān* (Beirut: Muassasah al-‘Alā li al-Maṭbū‘āt, 2006), 24.

¹⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 44. Ia merupakan kenyataan Ibn Babawaih al-Qummī melalui karyanya *‘Uyūn akhbār al-Riḍā* yang telah dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr.

¹¹ *Ibid.*, 195. Ia merupakan kenyataan al-Hullī dalam karyanya *Minhāj al-Karamah* yang telah dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr.

membawa maksud Allah itu lemah kerana menerima pentaklifan yang mesti disempurnakan.

4.2.1.2 Kenabian

Syiah percaya kedudukan Rasulullah menyamai kedudukan para imam dengan sifat-sifat dan perilaku yang tidak diberikan kepada lainnya. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan sumber dari kitab Syiah iaitu *Uṣūl min al-Kāfi* karangan al-Kulaynī bagi menjelaskan persoalan tersebut untuk dimuatkan dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt* sebagaimana berikut:

Aku adalah pembahagi Allah (orang yang ditunjuk Allah untuk membahagi) antara syurga dan neraka. Aku adalah al-Fārūq al-Akbar (seorang pemisah yang besar). Aku juga adalah pemilik tongkat dan tanda (kehormatan). Semua malaikat dan rasul telah mengakui aku, sebagaimana mereka telah mengakui Muhammad SAW aku diberi beban seperti binatang pengangkut beban Tuhan. Rasulullah SAW diundang lalu diberikan pakaian, dan aku juga diundang lalu aku diberikan pakaian, Rasulullah diajar berbicara dan aku juga diajar berbicara.¹²

Syiah tidak hanya menyamakan Saidina ‘Alī dengan Rasulullah bahkan melebihi Rasulullah, para nabi dan semua umat manusia sebagaimana kenyataan al-Kashi dalam kitabnya *Rijāl al-Kāshī*.

Aku adalah wajah Allah, aku adalah lambung Allah, akulah yang pertama, akulah yang akhir, akulah yang zahir, akulah batin, akulah pewaris bumi ini, akulah jalan Allah dan di jalan inilah aku berazam atasnya.¹³

Beliau juga menukilkhan dari kitab *al-Amālī* yang dimuatkan oleh al-Huwayzī dalam kitab tafsir *Nūr al-Thaqālayn* sebagaimana berikut:

Al-Ṣadūq meriwayatkan dalam kitab *al-Amālī*, bahawa Rasulullah SAW mengatakan kepada Ali: Seandainya aku tidak

¹² *Ibid.*, 238. Ia merupakan kenyataan al-Kulaynī dalam karyanya *Uṣūl al-Kāfi* yang telah dinukilkhan oleh İhsān İlahī Zahīr.

¹³ *Ibid.*, 239. Ia merupakan kenyataan Ibn ‘Amru Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī dalam karyanya *Rijāl al-Kāshī* yang telah dinukilkhan oleh İhsān İlahī Zahīr. Lihat al-Kāshī, *Rijāl al-Kāshī* (Beirut: Muassasah al-A’ala li al-Maṭbū‘at, 2008), 184.

menyampaikan apa yang aku perintahkan iaitu tentang kekuasaanmu, nescaya amalku akan sia-sia.¹⁴

Selain dari kitab-kitab di atas, Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan kitab-kitab Syiah lainnya seperti *al-Burhān fī Tafsīr al-Qur'ān* karangan Hāshīm al-Bahrānī, *Kashf al-Gummah* karangan Abī al-Hasan ‘Alī bin ‘Isā Ibni Abī al-Fath al-Arbilī, *‘Ayān al-Shī‘ah* karangan Muḥsin al-Āmīn, *Tafsīr al-Qummī* karangan Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Ibrāhīm al-Qummī dan sebagainya.

4.2.1.3 Akidah dan kepercayaan dalam Firqah Syiah

i. Al-Qur'an

Perbincangan berkenaan al-Qur'an juga merupakan perbahasan utama yang dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr sehingga beliau telah mengarang kitab *al-Shī‘ah wa al-Qur'ān*. Dalam perbincangan berkenaan al-Qur'an, beliau telah merujuk kitab utama karya ulama Syiah iaitu kitab *Fasl al-Khitāb fī Ithbāt Taḥrīf Kitāb Rab al-Arbab* karangan al-Tabrasī bagi mendedahkan kepercayaan Syiah berkenaan akidah *Taḥrīf al-Qur'ān*. Selain itu beliau juga merujuk kitab *al-Kāfi* karangan al-Kulaynī bagi menjelaskan kepercayaan Syiah berkenaan jumlah bilangan ayat-ayat al-Qur'an sebanyak tujuh belas ribu ayat.¹⁵ Beliau juga menukilkan kenyataan dari kitab *Tafsīr al-Qummī* karangan al-Qummī bagi menjelaskan kandungan al-Qur'an yang mempunyai makna dan maksud yang sukar untuk difahami melainkan dengan pertolongan para Imam.¹⁶ Selain itu, beliau juga menukilkan kenyataan al-Bahrānī dalam kitabnya *al-Burhān* berkenaan perubahan, pengurangan, dan penambahan

¹⁴ *Ibid.*, ia merupakan kenyataan ‘Abd Alī bin Jum‘ah al-‘Arusī al-Huwayzī dalam karyanya *Tafsīr Nūr al-Thaqālāyin* yang telah dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr. Lihat ‘Abd ‘Alī bin Jum‘ah al-‘Arusī al-Huwayzī, *Tafsīr Nūr al-Thaqālāyin* (Qum: Matba’ah al-‘Ilmiyyah, t.t.), 654.

¹⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qur'ān*, 31. Lihat al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, Kitab Faḍl al-Qur'ān, 2: 634.

¹⁶ *Ibid.*, 36. Lihat al-Qummi, *Tafsīr al-Qummī* (Qum: Maṭba‘ah Najaf, 1966), 1: 5 .

dalam al-Qur'an yang ada pada hari ini.¹⁷ Begitu juga kitab *al-Itiqādāt* karangan Abī Ja'afar Muḥammad bin 'Alī bin al-Ḥussayn bin Babawaih al-Qummī bagi menjelaskan bilangan surah dalam al-Qur'an melebihi seratus empat belas surah.¹⁸ Beliau juga telah merujuk kitab-kitab lain sebagaimana berikut:

- i. *Ithbāt al-Hudā* karangan al-Ḥur al-‘Āmilī
- ii. *Al-Iḥtijāj* karangan al-Ṭabrasī
- iii. *Aḥsan al-Wādi’ah* karangan al-Asfahānī
- iv. *Al-Anwār al-Nu’māniyyah* karangan Ni‘mat Allāh al-Jazā’irī
- v. *Bihār al-Anwār* karangan Muḥammad Baqīr al-Majlisī
- vi. *Hayāt al-Qulūb* karangan Muḥammad Baqīr al-Majlisī
- vii. *Asl al-Shi’ah wa usulihā* karangan Muhammad Husayn Ali Kashif Ghita
- viii. *Al-Itiqadat* karangan Ibn Babawaih al-Qummi
- ix. *‘Aqaid al-Shi’ah* karangan Barwajardi
- x. *Mutashabih al-Quran wa Mukhtalifuhu* karangan Ibn Shahar Ashub
- xi. *Tanqīh al-Maqal* karangan al-Mamaqani
- xii. *Raudat al-Jannat* karangan al-Khawanasari

Dari kenyataan di atas jelas menunjukkan Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan sumber-sumber rujukan dari kitab-kitab Syiah bagi menghurai dan menjelaskan akidah dan kepercayaan mereka berkenaan al-Qur'an.

ii. Al-Sunnah

Kesungguhan Ihsān Ilahī Zahīr membincangkan persoalan al-Sunnah menurut Syiah tampak jelas hingga beliau mengarang kitab *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*. Beberapa isu dikemukakan oleh beliau berkenaan al-Sunnah bermula dengan

¹⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qur’ān*, 59. Lihat Hāshīm al-Baḥrānī, *al-Burhān fī Tafsīr al-Qur’ān*, 36.

¹⁸ *Ibid.*, 62. Ihsān Ilahī menukilkan pandangan Abī Ja'afar Muḥammad bin 'Alī bin al-Ḥussayn bin Babawaih al-Qummī dalam kitab *al-Itiqādāt*.

individu yahudi bernama ‘Abd Allāh bin Sabā’ yang bertanggungjawab merosakkan akidah Islam dan memberi pandangan salah terhadap para sahabat seperti Saidina Abū Bakar, Saidina ‘Umar, Saidina ‘Uthmān, Saidina ‘Alī, Saidatina ‘Āishah, Khālid al-Wālid, ‘Abd Allāh bin ‘Umar, Anas bin Mālik, kedudukan sunnah dan sebagainya.

Semua isu-isu sunnah yang dibincangkan oleh İhsān İlahī Zahīr, akan dirujuk kepada kitab-kitab yang dikarang oleh ulama-ulama Syiah seperti kitab *Rijāl al-Kashī* karangan Ibn ‘Amru Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī, *Firaq al-Shī‘ah* karangan al-Ḥassan bin Mūsā al-Nawbakhtī, *al-Kāfi* karangan Abī Ja’afar al-Kulaynī, *al-Anwār al-Nu‘maniyyah* karangan Ni‘mat Allāh al-Jazā’irī, *Bihār al-Anwār* karangan Muḥammad Baqīr al-Majlisī, *al-Amālī* karangan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad al-Nu‘mān yang digelar dengan gelaran Syeikh al-Mufīd dan sebagainya.¹⁹

Persoalan sunah juga dibincangkan oleh İhsān İlahī Zahīr dalam kitabnya *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Abd al-Wāhid Wāftī fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*. Perbicaraan yang disentuh berkisar persoalan kedudukan sunah menurut Syiah. Mereka menolak sunnah²⁰ sebagai sumber kedua dalam perundangan Islam kerana ia diriwayatkan dari kalangan para sahabat yang dihukum kafir oleh mereka. Menurut Ahli Sunnah, mereka merupakan para sahabat yang hampir dengan Rasulullah dan banyak meriwayatkan hadith. Sehubungan dengan itu mereka menolak dan tidak mengiktiraf sunah sebagai perundangan kedua dalam Islam. Dalam hal ini İhsān İlahī Zahīr merujuk kitab-kitab Syiah bagi menjelaskan fahaman dan kepercayaan Syiah berkenaan sunah seperti kitab *Aṣl al-Shī‘ah* karangan

¹⁹ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 5-76. Penulis mendapati semua perbahasan Sunnah menurut pandangan Syiah sebagaimana dalam kitab tersebut berasaskan sumber-sumber dari kitab Syiah sebagaimana yang dinyatakan di atas.

²⁰ Sunnah yang ditolak oleh mereka ialah sunnah yang diimani dan dipegang oleh Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Muhammad al-Hussayn ‘Alī Kashīf al-Gita,²¹ *Wuṣūl al-Akhyār ilā Uṣūl al-Akhbar* karangan Ḥussayn al-Amīlī,²² *Awā’il li Maqālāt fī al-‘Aqā’id wa al-Mukhtārāt* karangan Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Muhammad bin al-Nu‘mān dengan gelarannya al-Mufīd,²³ *‘Uyūn akhbār al-Riḍā* karangan Abī Ja’afar Muhammad bin ‘Alī bin Ḥussayn bin Babawaih al-Qummī,²⁴ *al-Fuṣūl al-Muhimmah fī Uṣūl al-A’imah* karangan al-Ḥur al-Amīlī²⁵ dan sebagainya.

Sumber kitab Syiah yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr sebagaimana di atas mampu menjelas dan mengurai isu berkenaan sunnah dengan tepat sebagaimana yang difahami oleh Syiah.

iii. *Al-Raj’ah*

Perbahasan berkenaan akidah *al-Raj’ah* dibincangkan dalam pelbagai karyanya seperti kitab *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyu*'. Dalam kitab tersebut, Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan data dan maklumat dari sumber kitab Syiah bagi menjelaskan konsep akidah *al-Raj’ah* menurut Syiah seperti kitab *Bihār al-Anwār* karangan al-Majlisī sebagaimana di bawah:

Diriwayatkan oleh al-Majlisī dari Ja’afar bahwasanya ia berkata: Imam pertama yang untuknya di bumi mereka, sehingga ia dapat keluar dan kembali ke dunia, ialah Ḥusayn bin ‘Alī, dan bahwasanya kembali ke dunia itu bukanlah bagi semua manusia secara umum, melainkan sifatnya khas, iaitu tidak kembali lagi ke dunia kecuali orang-orang yang memurnikan imannya atau murni kekafirannya.²⁶

²¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 105.

²² *Ibid.*, 106.

²³ *Ibid.*, 109.

²⁴ *Ibid.*, 123.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*, 283. Lihat Muhammad Baqīr al-Majlisī, *Bihār al-Anwār* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1983), 13: 210.

Beliau juga menukilkan kenyataan dari kitab *Tafsīr al-Ayyāshī* karangan al-Nadr Muḥammad bin Mas‘ūd bin Ayyāshī al-Salam al-Samarqandī sebagaimana berikut:

Bukan Ḥusayn sahaja yang akan kembali, melainkan tujuh puluh orang yang mati bersama dengan dia (dalam peristiwa Karbala) akan kembali juga.²⁷

Selain itu, beliau juga mengemukakan pandangan dari kitab *al-Anwār al-Nu‘māniyyah* karangan Ni‘mat Allāh al-Jazā’irī sebagaimana berikut:

Sesungguhnya Ḥusayn akan kembali ke dunia bersama tujuh puluh lima ribu orang.²⁸

Beliau juga menukilkan pandangan dari kitab *Tafsīr Majma’ al-Bayān* karangan Abū Manṣūr Aḥmad bin ‘Alī bin Abī Ṭālib al-Ṭabrasī²⁹ dan kitab *Awā'il Maqālāt* karangan al-Mufid Muḥammad bin Muḥammad al-Nu‘man³⁰ bagi menjelaskan pandangan Syiah berkenaan akidah *al-Raj’ah*.

Kitab-kitab yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr merupakan kitab-kitab Muktabar aliran Syiah yang sering menjadi rujukan utama mereka dalam persoalan akidah. Ia antara kitab yang disepakati oleh mereka yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr bagi menjelaskan pandangan Syiah berkenaan akidah *Raj’ah*.

iv. *Al-Bada'*

Perbahasan mengenai *al-Bada'* dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab-kitab beliau iaitu *al-Shī'ah wa al-Sunnah* dan *al-Rad 'alā Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl al-Sunnah*. Beliau telah menjelaskan

²⁷ *Ibid.*, 283. Ia merupakan pandangan al-Nadr Muḥammad bin Mas‘ūd bin ‘Ayyāshī al-Salam al-Samarqandī dalam kitabnya *Tafsīr al-Ayyāshī* yang telah dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr.

²⁸ *Ibid.*, 283. Ni‘mat Allāh al-Jazā’irī, *al-Anwār al-Nu‘māniyyah*, 2: 98-99.

²⁹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl al-Sunnah*, 145. Lihat al-Ṭabrasī, *Tafsīr Majma’ al-Bayān*, 4:234.

³⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl al-Sunnah*, 145. Lihat al-Nu‘man, *Awā'il al-Maqālāt*, 52.

konsep akidah *al-Bada'* berasaskan kitab Syiah seperti *Uṣūl al-Kāfi* karangan al-Kulaynī untuk dimuatkan dalam kitab-kitab beliau sebagaimana berikut:

Daripada al-Rayyan bin al-Salt berkata, kami mendengar al-Rida (Ali bin Musa – Imam kelapan di sisi Syiah) berkata: Tidaklah Allah Ta’ala mengutuskan nabi melainkan dengan pengharaman arak, dan mengakui kepercayaan *al-Bada'* terhadap Allah.³¹

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan kenyataan dalam kitab *Kamāl al-Dīn wa Tamām al-Ni'mah* karangan Abī Ja’afar Muḥammad bin ‘Alī bin al-Ḥussayn bin Babawaih al-Qummī,³² *Kitāb al-Maqālāt wa al-Firāq* karangan Sa‘ad bin ‘Abd Allāh al-Qamī,³³ *al-Anwār al-Nu'māniyyah* karangan Ni’mat Allāh al-Jazā’irī³⁴ bagi menjelaskan kepercayaan akidah *al-Bada'*. Al-Nawbakhtī pula menjelaskan dalam kitabnya *Firaq al-Shī'ah* tentang konsep dan kepercayaan akidah *al-Bada'* menurut Syiah sebagaimana di bawah:

Bahwasanya Ja’far bin Muḥammad al-Baqīr telah menyatakan dengan nas atas Imāmah Ismā’īl anak lelakinya dan telah mengisyaratkannya ketika hidupnya, kemudian Ismail pun mati sedangkan dia hidup, maka berkatalah ia: Tidak pernah berlaku *Bada'* Allah Ta’ala pada suatu perkara sebagaimana berlaku *Bada'* pada Ismail anakku.³⁵

Kenyataan di atas dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dari sumber firqah Syiah bagi menjelaskan maksud dan pengertian berkenaan kepercayaan akidah *al-Bada'*.

v. Mengkafirkan Sahabat

Perbahasan akidah mengkafirkan sahabat dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt* dan *al-Rad 'alā*

³¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 63. Lihat al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, Kitab al-Tawḥīd, Bab al-Bada’, 1:148.

³² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl al-Sunnah*, 176. Lihat al-Qummī, *Kamāl al-Dīn wa Tamām al-Ni'mah*, 1: 69.

³³ *Ibid.*, 176. Ihsān Ilahī Zahīr menukilkan kenyataan Sa‘ad bin ‘Abd Allāh al-Qummī dalam *Kitāb al-Maqālāt wa al-Firāq*.

³⁴ *Ibid.*, Lihat Ne’amatullah al-Jazā’irī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah*, 1:359.

³⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 64. Lihat al-Ḥassan bin Mūsā al-Nawbakhtī, *Firāq al-Shī'ah*, 84.

Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihi Bayna al-Shī‘ah. Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan kitab *Rijāl al-Kashī* karangan al-Kashī bagi menjelaskan pendirian dan pandangan Syiah berkenaan akidah tersebut sebagaimana di bawah:

Daripada Abī Ja’afar bahawasanya dia berkata: Adalah manusia menjadi murtad selepas Nabi melainkan tiga orang maka aku kata, siapakah tiga orang tersebut? Maka berkatalah ia, iaitu al-Miqdad bin al-Aswād, Abū Dhār al-Ghfārī dan Salmān al-Fārisī.....³⁶

Perkara di atas juga dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr melalui kitab *al-Rawdah min al-Kāfi* karangan Abī Ja’afar Muhammad bin Yaakub al-Kulaynī³⁷ dan *Hayāt al-Qulūb* karangan Muhammad Baqīr al-Majlisī.³⁸ Mereka bukan hanya mengkufur, menghina dan mencerca para sahabat, bahkan isteri nabi Saidatina ‘Āisyah yang dijamin oleh Allah dengan syurga juga dihina mereka. Dalam hal ini, Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan kitab *al-Ihtijāj* karangan Abī Mansūr Ahmad bin ‘Alī bin Abī Ṭālib al-Ṭabarsī bahawasanya Rasulallah SAW menyebutkan: Ya Ali, urusan semua isteriku selepas kewafatanku nanti adalah di tangan engkau.” Kata al-Baqir: “Maka menangislah Aisyah ketika itu hingga mereka semua mendengar tangisannya.³⁹ Ia antara bentuk-bentuk penghinaan Syiah terhadap Saidatina Aisyah dengan menyandarkan kata-kata tersebut kepada baginda Rasulullah SAW.

Selain dari itu, Ihsān Ilahī Zahīr juga merujuk kitab *Sharḥ Nahj al-Balāghah* karangan Ibn Maitham al-Baḥrānī bagi menjelaskan pendiriannya membantah mereka yang mencela Mu’awiyah dan bala tenteranya sebagaimana berikut:

Kata Ali: Aku sangat benci dengan kamu yang hanya pandai mencela cerca. Akan tetapi kalaularah kamu mengambil pelajaran daripada amalan mereka dan kamu ambil ingatan tentang keadaan

³⁶ *Ibid.*, 49. Lihat al-Kashī, *Rijāl al-Kashī*, 12-13.

³⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 47. Lihat Abi Ja’afar Muhammad bin Ya’akub al-Kulayni, *a-Rawdah min al-Kāfi*, 8:254.

³⁸ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*. Lihat Muhammad Baqīr al-Majlisī, *Hayāt al-Qulūb*, 2:640. Lihat al-Kashī, *Rijāl al-Kashī*, 12-13.

³⁹ Al-Kashī, *Rijāl al-Kashī*. Lihat al-Kulayni, *al-Rawdah min al-Kāfi*, 8:254.

mereka, tentulah lebih baik dan patut. Gantikanlah di tempat kamu mencaci maki mereka dengan berdoa: “Ya Allah, hindarkanlah pertumpahan darah di antara kami dan mereka. Damaikanlah di antara kami dan mereka.⁴⁰

Kitab-kitab yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya merupakan kitab-kitab muktabar dalam Syiah. Mereka menjadikannya sebagai rujukan dan pegangan utama dalam Syiah. Ia merupakan antara kekuatan kritikan Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan kritikan berdasarkan sumber asas kitab-kitab muktabar dalam firqah Syiah.

vi. *Tanāsukh*

Perbahasan berkenaan akidah *Tanāsukh* dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū*. Beliau telah menghuraikan konsep akidah *Tanāsukh* Syiah dengan merujuk kitab Syiah yang muktabar iaitu *al-Anwār al-Nu’māniyyah* karangan al-Jazā’irī. Beliau menyebutkan dalam kitabnya melalui satu riwayat dari Muḥammad al-Baqīr bahwasanya ia berkata:

Amirul Mukminin a.s pada suatu hari berkhutbah, ia memuji Allah dan menyanjungnya dengan ketauhidan. Kemudian ia berkata: Sesungguhnya Allah SWT telah menfirmankan satu kalimat, dan kalimat itu menjelma satu cahaya. Dari cahaya itu, dia menciptakan nur cahaya nabi SAW, nur cahayaku dan nur cahaya para imam. Dia lalu menfirmankan satu kalimat yang lain, dan kalimat itu menjelma menjadi roh, lalu roh itu Allah masukkan ke dalam cahaya tersebut, kemudian dia menempatkan nur bersama roh itu di dalam tubuh-tubuh kami, para imam. Maka kamilah roh yang terpilih dan kamilah kalimat-kalimat yang sempurna serta kamilah hujah Allah yang sempurna terhadap makhluknya. Kami pada mulanya adalah cahaya berwarna hijau di waktu masih belum ada matahari dan bulan, belum ada malam dan siang dan belum ada makhluk apa pun. Kami ketika itu bertasbih mensucikan asma Allah, sebelum ada makhluk apa pun yang diciptakan. Kemudian

⁴⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 51. Ihsān Ilahī Zahīr menukikan pandangan tersebut melalui kitab *Sharh Nahj al-Balāghah* karangan Ibn Maitham al-Baḥrānī.

Allah mengambil untuk kami janji dari roh para nabi, untuk beriman kepada kami dan membela kami.⁴¹

Dalam keterangan lain, Ali menegaskan di mana para nabi akan dibangkitkan bagi membantu Ali. Pada waktu itu, akan wujud sebuah kerajaan yang luasnya antara *masyr īq* dan *maghrīb* dan Allah akan membangkitkan untuk menolongku, para nabi dari Adam hingga Muhammad. Mereka akan berjihad bersamaku dan dengan pedang mereka, akan membunuh orang-orang kafir yang masih hidup dan orang-orang kafir yang telah mati.⁴² Dua contoh di atas dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dari kitab utama Syiah sebagaimana dinyatakan di atas untuk dimuatkan dalam kitab beliau bagi menjelaskan konsep *Tanāsukh* menurut Syiah.

vii. *Al-Imāmah*

Persoalan *Imamah* dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*. Beliau juga telah merujuk kitab-kitab Syiah dalam menjelaskan dan memperincikan akidah dan kepercayaan Syiah berkenaan *al-Imamah*. Dalam hal ini Ihsān Ilahī Zahīr merujuk kitab-kitab Syiah seperti *Uṣūl al-Kāfi* karangan al-Kulaynī,⁴³ *Baṣā’ir al-Darājāt* karangan al-Safa,⁴⁴ *Firāq al-Shī‘ah* karangan al-Hasan bin Mūsā al-Nawbakhtī,⁴⁵ *Rijāl al-Kāshī* karangan Abī ‘Amru Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī,⁴⁶ *Kamāl al-Dīn wa Tamām al-Ni’mah* karangan Abī Ja’afar Muḥammad bin ‘Alī bin al-Hussayn Babawaih al-Qummī,⁴⁷ *Al-Anwār al-Nu’māniyyah* karangan Ni’matullah al-Jazā’irī,⁴⁸ *Bihār al-*

⁴¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*, 289-290. Lihat al-Jazā’irī, *al-Anwār al-Nu’māniyyah*, 2: 99.

⁴² *Ibid.*, Ihsān Ilahī Zahīr menukilkan pandangan al-Jazā’irī dalam kitab *al-Anwār al-Nu’māniyyah*.

⁴³ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 221-224.

⁴⁴ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 60.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Lihat dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 195.

⁴⁸ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*, 284.

Anwār karangan Muḥammad Baqīr al-Majlīsī,⁴⁹ *Al-Amālī* karangan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad al-Nu‘mān yang digelar dengan gelaran Sheikh Mufid⁵⁰ dan sebagainya.

4.2.2 Kemuktamadan Nas al-Qur'an dan al-Sunnah dalam Menilai Akidah Syiah

4.2.2.1 Dalil al-Qur'an

Dalam keseluruhan perbincangan yang disentuh, Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan dalil-dalil dari al-Qur'an. Penggunaan dalil-dalil berasaskan al-Qur'an merupakan antara metodologi utama Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab-kitab beliau. Penghujahan berasaskan dalil al-Qur'an adalah bagi menyokong pandangannya dan mempertahankan kesucian agama Islam dari diselewengkan oleh mana-mana pihak. Penulis membahagikan kepada beberapa bahagian sebagaimana berikut:-

i. Ketuhanan

Penulis akan menganalisis penggunaan dalil-dalil al-Qur'an dalam bab ketuhanan sebagaimana yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam karyakaryanya.⁵¹ Melalui kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*,⁵² Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan ayat al-Qur'an bagi menolak kepercayaan Syiah berkenaan para imam mengetahui perkara-perkara ghaib⁵³ yang sewajarnya hanya diketahui oleh Allah Ta'ala sahaja. Menurut kepercayaan Syiah, para imam mengetahui perkara-

⁴⁹ *Ibid.*,285.

⁵⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 73.

⁵¹ Penulis akan merujuk karya-karya beliau seperti Kitab *Al-Qadiāniyyah*, *Al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, *Al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, *Al-Shī‘ah wa al-Qur’ān*, *Al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*, *Al-Rad al-Kāfi ‘alā Mughālaṭat al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah* dan sebagainya.

⁵² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 66-69.

⁵³ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:281, 316, 317, 317, 319.

perkara ghaib yang tersembunyi dan nyata. Mereka juga mengetahui ajal kematian dan ilmu para imam mengatasi ilmu para malaikat dan nabi. Ia jelas telah menyamakan sifat imam dengan sifat Allah. Beliau telah mengemukakan ayat al-Qur'an sebagaimana berikut:

فُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبِ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعْثُرُونَ

al-Naml 27 : 6

Terjemahan: Katakanlah (Muhammad), Tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang dapat mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah

Dalam ayat lain Allah Ta'ala berfirman:

وَعِنْدَهُ مَقَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ
مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي طُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٌ وَلَا يَابِسٌ إِلَّا فِي
كِتَابٍ مُّبِينٍ

Al-An'ām 6:59

Terjemahannya: Dan kunci-kunci semua yang ghaib ada padanya (Allah), tidak ada yang mengetahui selain Dia.

Dalam ayat lain Allah Ta'ala menyatakan:

وَمِمَّنْ حَوْلَكُمْ مِّنَ الْأَعْرَابِ مُنَافِقُونَ وَمِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ مَرْدُواً عَلَى النِّفَاقِ لَا
تَعْلَمُهُمْ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ سَنُعَذِّبُهُمْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرْدُونَ إِلَى عَذَابٍ عَظِيمٍ

Al-Tawbah 9:101

Terjemahan: Dan di antara orang-orang Arab Badwi yang tinggal di sekitarmu, ada yang munafik, dan ada di antara penduduk Madinah mereka keterlaluan dalam kemunafikan. Engkau

(Muhammad), tidak mengetahui mereka, tetapi Kami mengetahuinya. Nanti mereka akan kami siksa dua kali, kemudian mereka akan dikembalikan kepada azab yang besar.

Begitu juga dalam kitab *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*⁵⁴ Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan pendalilan berdasarkan al-Qur'an bagi menolak kepercayaan Syiah berkenaan para imam yang mengetahui perkara-perkara ghaib yang bercanggah dengan sifat Rububiyyah Allah sebagaimana ayat berikut:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدُهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغِيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ

مَاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Luqmān 31:34

Terjemahan: Dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui (dengan pasti), apa yang akan dikerjakannya besok, dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Meliputi Pengetahuannya.

Ayat di atas menerangkan dengan jelas dimana Allah Ta'ala sahaja yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tersembunyi atau nyata. Allah sahaja yang mengetahui ajal kematian seseorang dan ilmuNya meliputi segala makhluk. Para imam dari kalangan manusia biasa tiada kelebihan untuk mengetahui perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah.

Beliau juga menyangkal pandangan Syiah berkenaan akidah *al-Bada'*⁵⁵ dalam kitabnya *al-Shī'ah wa al-Sunnah* melalui firman Allah Ta'ala dalam al-Qur'an sebagaimana berikut :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالَمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

⁵⁴ Ihsān Ilahī Zahīr ,*al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 221-224.

⁵⁵ Akidah *al-Bada'* bermaksud Allah Ta'ala tidak mengetahui sesuatu perkara sebelum berlakunya perkara tersebut. Ini bererti sifat mengetahui Allah Ta'ala dimulai dengan jahil atau tidak mengetahui. Mensifatkan Allah Ta'ala dengan sifat seumpama itu terkeluar daripada kehendak Islam yang sebenar. *Ibid.*, 64 .

Terjemahan: Dia Allah, tiada tuhan selain Dia, yang maha mengetahui yang ghaib dan yang nyata.

Beliau juga menyanggah akidah *al-Bada* sebagaimana dalam kitab *al-Rad 'alā al-Duktur 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāftī Kitābihi Bayna al-Shī'ah wa Ahl Sunnah* dengan mengemukakan ayat al-Qur'an sebagaimana berikut:

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطًا

al-Nisā' 4:126

Terjemahannya: Dan (pengetahuan) Allah meliputi segala sesuatu

Ayat yang dikemukakan oleh İhsān İlahī Zāhir sebagaimana di atas adalah bagi menyangkal fahaman Syiah menyamakan ilmu para imam dengan ilmu Allah Ta'ala. Penggunaan nas al-Qur'an sebagaimana di atas tepat, bersesuaian dan relevan dengan isu dan maksud sebenar yang dikehendaki oleh Syiah.⁵⁶

ii. Kenabian.

Isu berkaitan persoalan kenabian dibincangkan oleh İhsān İlahī Zāhir dalam kitabnya *al-Shī'ah wa ahl al-Bayt*, *al-Shī'ah wa al-Tashaiyyū'* dan *al-Taṣawwuf*. Melalui kitabnya *al-Shī'ah wa ahl al-Bayt*, İhsān İlahī Zāhir telah mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an bagi menolak kepercayaan Syiah berkenaan kenabian. Syiah beriman dan percaya kedudukan para imam lebih tinggi dan utama dari kedudukan nabi. Ini bererti para nabi kedudukannya terkebawah dari para imam sedangkan para nabi dan rasul mempunyai kelebihan melebihi para imam Syiah dengan

⁵⁶ Sila rujuk bab keempat bagi memahami dengan lebih mendalam isu akidah yang dibincangkan oleh Syiah.

dianugerahkan wahyu.⁵⁷ İhsān İlahī Zahīr menyangkal kepercayaan tersebut dengan mengemukakan firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

فُلٌ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مُّثْلُكٌ مُّوْحِي

Al-Kahf 18:110

Terjemahan: Aku adalah manusia seperti kalian, yang diberikan kepadaku wahyu.

Wahyu hanya diturunkan kepada para nabi dan rasul sahaja sebagaimana dalam ayat di atas dan tidak diturunkan kepada manusia lainnya. Ini antara perkara yang membezakan antara nabi dan Saidina Ali serta para imam dan ia membantalkan kepercayaan Syiah yang menyamakan bahkan melebihkan Saidina Ali dengan para nabi yang lain. Kepercayaan mereka berkenaan Saidina Ali melebihi para nabi hingga Saidina Ali dan para imam mengetahui perkara yang ghaib disanggah oleh Islam sebagaimana dalam nas yang dinukilkan oleh İhsān İlahī Zahīr sebagaimana di bawah:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي
نَفْسٌ مَّا ذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ
خَبِيرٌ

Luqman 31 :34

Terjemahannya: Sesungguhnya hanya di sisi Allah ilmu tentang hari kiamat dan Dia yang menurunkan hujan dan mengetahui apa yang di dalam rahim, dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui apa yang akan dikerjakannya besok, dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sungguh Allah Maha Mengetahui lagi Maha Meliputi pengetahuanNya.

⁵⁷ İhsān İlahī Zahīr ,al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt, 238-239.

Begitu juga dalam ayat lain Allah Ta'ala menyatakan dalam firmanNya:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبِ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُرُونَ

al-Naml 27 : 65

Terjemahan: Tidak ada sesuatupun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah

Perbincangan berkenaan kenabian dalam karya-karya beliau agak terbatas dan ia hanya disebut dalam tiga kitab tersebut sahaja dengan tidak menyebutkan penggunaan ayat-ayat al-Qur'an secara terperinci

iii. Akidah dan Kepercayaan Syiah

Bagi membincangkan tajuk ini, penulis akan menyentuh akidah dan kepercayaan yang diimani oleh Syiah bagi menjelaskan metodologi Ihsān Ilahī Zahīr berasaskan dalil-dalil al-Qur'an.

a. Akidah *Tahrīf al-Qur'an*

Persoalan *Tahrīf al-Qur'an* menurut Syiah disentuh oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam karya-karyanya⁵⁸ dengan panjang lebar. Beliau telah mengemukakan hujah dengan mengemukakan dalil-dalil nas al-Qur'an bagi menyangkal pandangan Syiah berkenaan akidah *Tahrīf al-Qur'an*⁵⁹ sebagaimana berikut:⁶⁰

⁵⁸ Antara karya-karya beliau yang menyentuh persoalan ini ialah *al-Shī'ah wa al-Qur'an*, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'* dan *al-Rad 'alā Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfti*.

⁵⁹ *Tahrīf al-Qur'an* bermaksud al-Qur'an yang ada pada hari ini telah diselewengkan dari sudut bilangan ayat, surah dan maksud ayat. Syiah menuduh Saidina Abū Bakar, Saidina 'Umar dan Saidina 'Uthmān yang bertanggungjawab mengubah, menambah dan mengurangkan kandungan al-Qur'an. Ia merupakan kepercayaan yang wajib diimani oleh pengikut Syiah. Sila lihat dalam Abī Ja'afar Muhammad bin Ya'akub al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 1:286 dan 298. Lihat juga Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qur'an*, 5-26. Lihat Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'alā Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfti*, 69.

⁶⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 93-94.

الْمَ . ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Al-Baqarah 1:1-2

Terjemahan: Alif Lam Mim, Inilah kitab (al-Qur'an) yang tiada keraguan di dalamnya.

Dalam ayat lain Allah Ta'ala berfirman:

إِنَّا نَحْنُ نَرَأْنَا الدُّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Al-Hijr 15:9

Terjemahan: Sesungguhnya Kamilah (Allah) yang menurunkan al-Qur'an dan Kamilah yang memeliharanya.

Dalam ayat lain⁶¹ Allah berfirman:

لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ

Al-Fuṣṣilat 41:42

Terjemahan: Tidak akan didatangi oleh kebatilan baik dari hadapan mahupun dari belakang (pada masa lalu dan akan datang), yang diturunkan dari Tuhan yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji.

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan ayat lain bagi menyangkal pegangan akidah *Tahrīf al-Qur'ān* yang diimani oleh mereka sebagaimana berikut.⁶²

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْآنِ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْآنِ وَالْيَتَامَى
وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّيِّلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَعْنَيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَكُمُ
الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Al-Hashr 59:7

⁶¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'ala Duktur 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi*, 92.

⁶² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 93-94. Menurut Syiah, sahabat yang diiktiraf oleh mereka hanya tiga orang sahabat sahaja iaitu Miqdad, Abū Zar al-Ghfārī dan Salmān al-Fārisī. Para sahabat lain seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman dan sebagainya adalah kafir.

Terjemahan: Apa-apa yang diberikan rasul kepadamu maka terimalah, dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah dan bertaqwalah kepada Allah, sungguh Allah sangat keras hukumNya.

Dalam ayat lain Allah Ta'ala berfirman

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَوَلُّوْا عَنْهُ وَأَنْتُمْ تَسْمَعُونَ

Al-Anfāl 8:20

Terjemahan: Taatlah kepada Allah dan rasul dan janganlah kamu berpaling darinya padahal kamu mendengar.

Penggunaan ayat-ayat al-Qur'an oleh Ihsān Ilahī Zāhir dalam hujah beliau menafi dan menolak pandangan Syiah berkaitan *Tahrif al-Qur'an* adalah bertepatan dengan maksud dan kefahaman sebenar sebagaimana yang difahami oleh firqah Syiah.⁶³

b. Al-Sunnah

Selain dalil-dalil nas al-Qur'an, *al-Sunnah* atau *al-Hadith* juga merupakan sumber utama dalam firqah Syiah selepas al-Qur'an. Banyak persoalan akidah firqah Syiah disabitkan melalui al-Sunnah dalam kitab-kitab hadis mereka seperti *al-Kāfi* karangan al-Kulayni.⁶⁴ Ahli Sunnah tidak menerima pensabitan dalam persoalan akidah dan sebagainya dengan berdasarkan kitab hadith Syiah. Firqah Syiah tidak mengiktiraf hadith-hadith yang diriwayatkan oleh para sahabat seperti Saidina Abu Bakar, Saidina 'Umar dan Saidina 'Uthman. Bagitu juga yang diriwayatkan oleh

⁶³ Bagi memperincikan lagi berkenaan akidah-akidah yang diimani oleh Syiah, sila rujuk dalam bab empat dan bab lima.

⁶⁴ Ia merupakan kitab hadis Syiah yang muktabar dan dipegang oleh semua aliran dalam firqah Syiah.

Saidatina ‘Aisyah, isteri Rasulullah. Syiah menghukum mereka yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan Islam dengan kafir. Sehubungan dengan itu, mereka hanya menerima hadith yang diriwayatkan oleh para sahabat yang diiktiraf oleh mereka sahaja seperti Miqdad, Abū Dhar al-Ghfārī dan Salmān al-Fārisī. Ihsān Ilahī Zahīr mengecam fahaman tersebut sebagaimana di atas⁶⁵ dengan mengemukakan dalil-dalil al-Qur’ān sebagaimana berikut:⁶⁶

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْبَى فَلِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى
وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَكُمْ
رَسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Al-Hashr 59:7

Terjemahan: Apa yang diberikan rasul kepadamu maka terimalah, dan apa yang dilarang bagimu, maka tinggalkanlah, dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat keras hukumannya.

Begitu juga dalam ayat lain Allah Ta’ala menegaskan:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى وَيَتَّبَعُ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ
نُولِهِ مَا تَوَلَّى وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Al-Nisā’ 4:115

Terjemahan: Dan barangsiapa menetang Rasul (Muhammad) setelah jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mukmin, Kami biarkan dia dalam kesesatan yang telah dilakukannya itu, dan akan Kami masukkan dia ke dalam neraka jahannam, dan itu seburuk-buruk tempat kembali.

⁶⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘ala Duktur ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi*, 104.

⁶⁶ Contoh ayat yang dikemukakan oleh penulis sebagaimana di atas diambil dari salah satu kitab Ihsān Ilahī Zahīr, Lihat *Ibid.*, 103.

Dalil di atas dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr berkaitan kepercayaan firqah Syiah berkenaan al-Sunnah. Allah Ta’ala mengugut golongan menolak hadith-hadith yang disabdarkan oleh Rasulullah melalui riwayat muktabar dari kalangan sahabat besar dengan ancaman neraka jahannam.

c. *Al-Raj’ah*

Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya terhadap akidah *al-Raj’ah* mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an bagi menolak kepercayaan *al-Raj’ah* yang diimani oleh Syiah.⁶⁷ Menurut Ihsān Ilahī Zahīr pemberian pahala dan pembalasan dosa serta hisab hanya akan berlaku pada hari kiamat, selepas dibangkitkan dari kubur dan tidak berlaku di dunia sebagaimana yang diimani oleh Syiah. Ihsān Ilahī Zahīr menyangkal kepercayaan Syiah dengan mengemukakan firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَّةٌ لَا رَيْبٌ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنِ فِي الْقُبُوْرِ

Al-Hāj 22:7

Terjemahan: Dan sungguh hari kiamat itu pasti datang, tidak ada keraguan padanya, dan sungguh Allah akan membangkitkan sesiapapun yang di dalam kubur.⁶⁸

Ayat di atas merupakan antara nas-nas al-Qur'an yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab beliau bagi menolak kepercayaan Syiah berkenaan *al-Raj’ah*. Dalam kitab beliau, penulis hanya menemui dalil-dalil al-Qur'an dalam

⁶⁷ Al-Raj’ah merupakan satu akidah yang wajib diimani dalam firqah Syiah bagi mengadili mereka yang telah melakukan kesalahan dan maksiat di dunia ini sebelum berlaku kiamat. Pengadilan ini hanya boleh dilakukan oleh Saidina Ali dan imam-imam dua belas iaitu ‘Alī bin Abī Tālib, Hasan bin ‘Alī, Husin bin ‘Alī, ‘Alī Zaynāl ‘Ābidīn bin Husin, Muḥammad al-Baqīr bin ‘Alī Zaynāl ‘Ābidīn, Jaafar al-Ṣādiq bin Muḥammad al-Baqīr, Mūsā al-Kazim bin Jaafar al-Ṣādiq, ‘Alī al-Riḍā bin Mūsā Kazim, Muḥammad al-Jawwad bin ‘Alī al-Riḍā, ‘Alī bin Muḥammad al-Jawwad, Ḥasan bin ‘Alī al-‘Askarī dan Muḥammad bin Ḥasan al-‘Askarī al-Mahdī. Mereka akan kembali semula ke dunia sebelum kiamat bagi mengadili kesalahan manusia di dunia ini. Rujuk Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 65. Lihat juga Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 292-293. Lihat Nāṣir bin ‘Abd Allāh bin ‘Alī al-Hifārī, *Uṣūl Madhhāb al-Shī'ah al-Imāmiyyah al-Ithnai‘Ashariyyah*, 1: 440.

⁶⁸ *Ibid.*, 150

masalah *al-Raj'ah* yang dimuatkan dalam kitab *al-Rad 'ala Duktur 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi* sahaja. Manakala kitab-kitab lain penulis tidak menemui pendalilan berasaskan nas al-Qur'an.

d. *Al-Bada*

Al-Bada dalam akidah Syiah dianggap sebagai salah satu akidah yang suci dan murni. Ia merupakan ibadah yang mulia dan utama kepada manusia yang beriman dengan akidah *al-Bada*.⁶⁹ Konsep *al-Bada* sebagaimana yang diimani oleh Syiah merupakan satu akidah salah, batil dan terkeluar dari akidah Islam yang sebenar. Ia bercanggah dengan sifat kesempurnaan Allah SWT sebagaimana yang dirakamkan dalam al-Qur'an. Konsep *al-Bada* yang menjelaskan dimana ilmu Allah berubah-ubah mengikut peristiwa yang berlaku kepada manusia, adalah bertentangan dengan nas al-Qur'an al-Karīm. Bagi menolak kepercayaan tersebut Ihsān Ilahī Zahīr merakamkan firman Allah Ta'ala dalam kitabnya sebagaimana berikut:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفِي عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ

Āli-'Imrān 3:5

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak tersembunyi kepada-Nya sesuatu pun yang ada di bumi dan juga yang ada di langit.⁷⁰

Dalam ayat lain Allah Ta'ala berfirman:

وَعِنْهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ
مِنْ وَرْقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٌ وَلَا يَابِسٌ إِلَّا فِي
كِتَابٍ مُّبِينٍ

⁶⁹ Al-Bada menurut 'Abd Sattār al-Tunsawī ialah menimbulkan pandangan baru yang tidak pernah ada sebelumnya. Ia juga bermaksud timbul fikiran baru tentang sesuatu setelah melihat keadaan yang berlainan dari apa yang ada dalam pengetahuan seseorang. Ini bermaksud Allah Ta'ala itu bersifat jahil tidak mempunyai ilmu yang meliputi dan ilmunya sentiasa berubah-ubah. Lihat Muḥammad 'Abd Sattār al-Tunsawī, *Buṭlān 'Aqā'id al-Shī'ah*, 20.

⁷⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'ala Duktur 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi*, 182.

Terjemahan: Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut dang tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lawh Mahfuz) yang terang nyata.⁷¹

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالَمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Al-Hashr 59:22

Terjemahan: Dialah Allah, tidak ada tuhan selain Dia, mengetahui yang ghaib dan yang nyata⁷²

Ihsān Ilahī Zahīr dalam hujahnya mengemukakan nas al-Qur'an bagi menolak akidah *al-Bada* yang diimani oleh Syiah. Ia antara kekuatan pendalilan beliau dalam membincangkan isu-isu berkenaan akidah hingga akhirnya terbukti kebenaran hujah yang dikemukakannya.

e. Mengkufurkan Sahabat

Akidah mengkufurkan sahabat merupakan antara akidah dan kepercayaan yang diimani oleh firqah Syiah. Menurut al-Kashi, semua sahabat adalah kafir melainkan tiga orang sahabat sahaja yang masih lagi dalam Islam iaitu al-Miqdad bin al-Aswād, Abū Dhār al-Ghfīrī dan Salmān al-Fārisī.⁷³ Para sahabat besar seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Umar dan Saidina ‘Uthman dituduh merampas jawatan khalifah yang sepatutnya di sandang oleh Saidina ‘Alī. Rentetan dari itu, mereka menghukum kafir kepada tiga orang sahabat tersebut sedangkan mereka dan para

⁷¹ *Ibid.*

⁷² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 64.

⁷³ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘ala Duktur ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi*, 182. Lihat Ibn ‘Amrū Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī, *Rijāl al-Kashī*, 12 dan 13.

sahabat adalah manusia yang banyak berjasa kepada Rasulullah, mengorbankan diri, jiwa dan raga untuk Islam. Ihsān Ilahī Zahīr menukilkan firman Allah Ta'ala memuji kehebatan para sahabat sebagaimana berikut:

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيقُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مَنْ ذَكَرَ أَوْ أَنْشَى
بَعْضُكُمْ مَنْ بَعْضٍ فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأَخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَوْدُوا فِي سَيِّلٍ
وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لِأَكْفَرٍ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَا دُخْلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مَنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الشَّوَّابِ

Āli-'Imrān 3:195

Terjemahan: Maka orang-orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halamannya, yang disakiti pada jalanku, yang berperang dan yang terbunuh, pasti akan aku hapuskan kesalahan mereka dan pasti aku masukkan mereka ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, sebagai pahala dari Allah dan di sisi Allah ada pahala yang baik.⁷⁴

Dalam ayat lain Allah Ta'ala menyatakan dalam firmanNya:

وَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْ بَعْدٍ وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ وَأُولُوا الْأَزْخَامِ
بَعْضُهُمْ أُولَئِي بَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

al-Anfāl 8:75

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah, dan orang-orang yang memberi tempat kediaman dan memberi pertolongan (kepada orang Muhibbin), mereka itulah orang yang benar-benar beriman. Mereka memperoleh ampunan dan rezeki (nikmat) yang mulia.⁷⁵

Kedua ayat di atas merupakan pujian Allah SWT terhadap para sahabat yang berjuang sepenuh jiwa mempertahankan agama Allah SWT. Sifat murni para sahabat banyak dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an menyanjungi kehebatan

⁷⁴ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 33.

⁷⁵ *Ibid.*

mereka. Sebaliknya Syiah mengingkari sifat murni para sahabat bahkan melontarkan fitnah yang tidak berasas hingga mengkufurkan mereka.

Peranan para sahabat dalam menyebarluaskan Islam tidak dapat dinafikan lagi apabila al-Qur'an al-Karim menjelaskan peranan yang dimainkan oleh mereka hingga Islam itu tersebar di pelusuk alam. Allah Ta'ala menyatakan dalam firmannya :

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ
كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَ لَهُمْ دِيَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ
وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ حَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ
ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Al-Nūr 24:55

Terjemahan: Allah telah menjanjikan kepada orang-orang di antara kamu yang beriman dan yang mengerjakan kebaikan, bahawa Dia sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelumnya berkuasa dan Dia akan meneguhkan bagi mereka dengan agama yang telah Dia redhai, dan Dia benar-benar mengubah keadaan mereka setelah berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa.⁷⁶

Ayat di atas juga memuji para sahabat yang banyak melakukan kebaikan menyebarluaskan agama Allah SWT hingga akhirnya Islam tersebar luas ke merata tempat hasil perjuangan dakwah mereka. Usaha-usaha mereka dipuji dan disanjung oleh Allah Ta'ala hingga ia dirakamkan dalam al-Qur'an al-Karim. Syiah sebagai satu firqah yang banyak mengemukakan akidah dan kepercayaan yang bercanggah dengan *Ahl Sunah wa al-Jama'ah* telah mengkufurkan para sahabat dan menolak segala hadis yang diriwayatkan melaluiinya. Sedangkan Allah SWT dalam ayat yang dinukilkan di atas jelas menunjukkan pujian Allah SWT terhadap mereka.

⁷⁶ Ihsān Ilahī Zāhīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 51.

f. *Al-Tanāsukh*

Al-Tanāsukh merupakan satu akidah yang wajib diimani oleh Syiah. Ia merupakan satu kepercayaan perpindahan roh dari satu jasad ke satu jasad sebagai satu ujian terhadap ibadah dan keimanan mereka kepada para imam yang berlaku kepada manusia dan binatang.

Al-Nawbakhti dalam kitabnya *Firāq al-Shī‘ah* menjelaskan para *ashāb ‘Abd Allāh* bin Mu‘āwiyah mendakwa dimana ketika proses perpindahan roh berlaku dalam setiap jasad, mereka saling kenal mengenal dan roh-roh tersebut ada pada diri-diri mereka.⁷⁷ Bagi kaum muslimin, perpindahan roh ini berlaku dalam tempoh yang tertentu dalam badan manusia dan jasad binatang seperti kuda dan sebagainya berdasarkan kepada pegangan agama dan ketaatan mereka kepada para imam. Roh tersebut akan mendiami dalam jasad binatang selama seribu tahun dan bertukar ke badan manusia selama sepuluh ribu tahun.⁷⁸ Proses perpindahan yang lama ini adalah bagi menguji dan memastikan ketaatan mereka kepada para imam tidak hilang. Adapun orang kafir, musyrikin, munafiqin dan ahli maksiat akan berpindah ke jasad yang tidak baik selama sepuluh ribu tahun bermula dalam jasad kuda hingga ke jasad unta dan jasad yang lebih kecil lagi.⁷⁹

Konsep *al-Tanāsukh* sebagaimana yang diimani oleh Syiah merupakan satu kepercayaan dan pegangan yang dibawa oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ ke dalam agama Islam bagi merosakkan agama Islam. Keluhuran dan kesucian Islam akhirnya

⁷⁷ Al-Hasan bin Mūsā al-Nawbakhtī, *Firāq al-Shī‘ah* (Beirut: Dār al-Adwa, 1948), 39. Lihat juga Muḥammad al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 143.

⁷⁸ *Ibid.*, 39. Lihat juga Muḥammad al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 143.

⁷⁹ Muḥammad al-Zaghbī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughyyarah li al-Islām*, 143.

terhakis apabila Abdullah bin Saba' berjaya menjadikannya sebagai satu akidah kepercayaan yang wajib diimani oleh semua penganut Syiah.

Perbahasan kepercayaan *Tanāsukh* sebagaimana di atas dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū* sahaja. Pemerhatian penulis terhadap metodologi Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab tersebut mendapati beliau tidak menggunakan dalil al-Qur'an bagi menolak akidah *Tanāsukh*. Beliau banyak mengemukakan pendalilan berasaskan pandangan-pandangan yang diambil dari kalangan ulama-ulama Syiah bagi menyanggah kepercayaan tersebut. Walau bagaimanapun ia masih mampu meyakinkan pembaca berkenaan kesesatan akidah *al-Tanasukh* yang jelas bercanggah dengan Islam.

g. *Imāmah*

Imāmah merupakan salah satu akidah utama yang wajib diimani oleh Syiah. Mereka menjadikannya salah satu rukun agama Islam yang wajib diimani oleh semua pengikut Syiah. Iktiqad dan keimanan mereka tidak sempurna tanpa *Imamah*. Ramai tokoh-tokoh besar dalam Syiah membincangkan persoalan tersebut seperti al-Kulaynī dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi* yang dimuatkan dalam bahagian *Kitab al-Hujjah*⁸⁰, al-Muzaffar dalam kitabnya ‘*Aqā’id al-Imāmiyyah*,⁸¹ al-Majlisī dalam kitabnya *Mirātul ‘Uqūl*,⁸² Muḥammad Baqīr al-Majlisī dalam kitabnya *Bihār al-Anwār*,⁸³ Ibn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *al-I’tiqādāt*⁸⁴ dan sebagainya.

⁸⁰ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, 223-505.

⁸¹ Muḥammad Riḍā al-Muzaffar, ‘*Aqā’id al-Imāmiyyah* (Iran: Markaz al-Abhas al-‘Aqa’idiyyah, 2001), 73. Lihat ‘Alī Muḥammad al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, (Iskandariah: Dār al-Īman, 2005), 98.

⁸² Muḥammad Baqīr al-Majlisī, *Mirāt al-‘Uqūl* (Tehran: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985), 35. Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 98.

⁸³ Al-Majlisī, *Bihār al-Anwār*, 5:112 Lihat ‘Amīr al-Najjar, *al-Shī‘ah wa Imāmah ‘Alī* (Kaherah: Dār al-Manār, 2004), 39. Lihat Ṣābir Ṭā’imah, *al-Uṣūl al-‘Aqdīyah li al-Imāmiyyah* (Kaherah: Maktabah Mad Buli, 2004), 69.

⁸⁴ Abī Jaafar Muḥammad bin ‘Alī bin al-Ḥussayn bin Babawaih al-Qummī, *Kitāb al-I’tiqādāt* (Qum: Maktabah Nyarsa, 1943), 97-98. Lihat al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah*, 99.

Persoalan *Imāmah* dibahaskan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dengan panjang lebar dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū*, *al-Rad ‘alā al-Duktur ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt* dan *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*. Ihsān Ilahī Zahīr menyangkal kepercayaan Syiah berkenaan ilmu para imam yang mampu mengetahui perkara ghaib dan ajal umur kematian seseorang berdasarkan nas-nas al-Qur'an. Ia jelas dinyatakan dalam kitab beliau *al-Shī‘ah wa al-Sunnah* dengan mengemukakan beberapa dalil al-Qur'an sebagaimana berikut:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعَّثُونَ

Al-Naml 27:65

Terjemahan: Katakanlah (Muhammad), “Tidak ada sesuatu pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib kecuali Allah.

Begitu juga dalam ayat lain Allah Ta'ala menegaskan;

وَمَا عَلَى الَّذِينَ يَتَّقُونَ مِنْ حِسَابِهِمْ مَنْ شَيْءٌ وَلَكِنْ ذِكْرَى لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

Al-An‘ām 6:69

Terjemahan: Dan kunci-kunci semua yang ghaib ada padaNya, tidak ada yang mengetahui selain Dia.

Dalam kitab *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, Ihsān Ilahī Zahīr juga menyangkal kepercayaan *Imamah* yang tersasar dari Islam. Beliau telah mengemukakan pendalilan berdasarkan ayat al-Qur'an sebagaimana berikut:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْبَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ
مَاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Luqmān 31:34

Terjemahan: Dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui apa yang akan dikerjakannya besok dan tidak seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi amat meliputi pengetahuannya.

Metodologi perbahasan *Imāmah* menurut Syiah, berdasarkan dalil-dalil nas al-Qur'an hanya terdapat dalam kedua kitab tersebut sahaja dan tidak terdapat dalam kitab lain karangan beliau. Dalil-dalil yang dikemukakan di atas, jelas menunjukkan hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara-perkara ghaib yang tersembunyi dari makhluk. Ia menolak kepercayaan Syiah yang mensifatkan para imam mengetahui semua perkara ghaib, hari kebangkitan, ajal kematian dan sebagainya yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Pendalilan berdasarkan ayat-ayat di atas berkenaan kepercayaan *Imamah* sebagaimana di atas adalah bertepatan dengan maksud sebenar makna *Imamah* menurut Syiah.

4.2.2.2 Dalil al-Sunnah

Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan hadith-hadith Rasulullah yang diambil dari perawi-perawi muktabar *Ahl Sunah wa al-Jama'ah* seperti *al-Bukhārī*, *Muslim*, *al-Tirmidhī*, *al-Nasā'ī*, *Abū Dāwūd* dan *Aḥmad* yang dikumpulkan dalam kitab-kitab mereka. Ia antara bentuk pendalilan Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan hadith-hadith yang berkaitan. Dalam keseluruhan perbincangan berkenaan akidah Syiah, Ihsān Ilahī Zahīr tidak banyak mengemukakan pendalilan berdasarkan hadith baginda Rasulullah SAW melainkan dalam persoalan *Takfir al-Sahābah* dan al-Qur'an melalui kitab beliau *al-Shī'ah wa al-Sunnah*. Syiah mencerca bahkan mengkafirkan para sahabat besar seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Umar dan Saidina Uthman kerana telah merampas jawatan khalifah yang telah dinaskan oleh Rasulullah kepada Saidina Ali. Mereka menghina para nabi dan rasul dan mengagungkan para imam lebih tinggi dari para nabi dan rasul. Ihsān Ilahī Zahīr telah mempertahankan

kesucian para sahabat dan menafikan kepercayaan Syiah yang menyeleweng berdasarkan hadis baginda Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

Terjemahan: Telah bersabda Rasulullah SAW pada mereka: Janganlah kamu mencerca sahabat-sahabatku, maka kalau sekiranya salah seorang dari kamu bersedekah seperti bukit Uhud akan emas nescaya ia tidak akan menyamainya walaupun sebahagiannya.⁸⁵

Hadith tersebut diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam kedua-dua kitab mereka yang masyhur iaitu *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim*. Ianya berkenaan dengan larangan Rasulullah mencerca para sahabat yang menjadi tunggak asas kekuatan Islam di peringkat awal permulaan Islam. Dalam hadis lain baginda memuji dan memuliakan para sahabat sebagaimana contoh berikut:

Terjemahan: Telah bersabda Rasulullah SAW: Tiadalah para sahabat itu mati di bumi melainkan diutuskan ketua dan cahaya bagi mereka di hari akhirat.⁸⁶

Ia sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī yang dimuatkan dalam kitabnya *Sunan al-Tirmidhī*. Ia menjelaskan berkenaan pujian dan penghormatan Rasulullah kepada para sahabat hingga dianugerahkan kepadanya penghormatan di akhirat. Dalam hadith lain pula Rasulullah SAW memuji Khalid bin al-Walid salah seorang sahabat yang banyak menyabung nyawa demi Islam sebagaimana berikut:

Terjemahan: Telah bersabda Rasulallah SAW berkenaan Khālid bin al-Wālid r.a: Khālid merupakan antara pedang-pedang Rasulullah dan sebaik-baik pemuda dalam keluarga.⁸⁷

⁸⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 51. Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab Faḍā'il Aṣḥāb al-Nabī, Bab Qawl al-Nabī, no.hadis 3673. Lihat Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīh al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Fikr, 2000), 7:369 dan hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Manāqib ‘an Rasul Allāh, Bab fī man Sab Aṣḥāb al-Nabī (SAW), no.hadis 3888. Lihat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 5: 462. Lihat juga Wahbah al-Zuhailī, *al-Minhāj fī Sharḥ Muslim bin al-Hajjāj*, Kitab Faḍā'il al-Ṣahābah, Bab Taḥrim Sabb al-Ṣahābah, no.hadis 2541 (Beirut: Dār al-Khayr, 1999), 16:72.

⁸⁶ Hadis riwayat Imam al-Tirmizi, Kitab al-Manaqib ‘an Rasul Allāh, Bab fī man Sab Aṣḥāb al-Nabī (SAW), no.hadis 3888. Lihat *Sunan al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 463.

⁸⁷ *Ibid*, 51. Hadis riwayat al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitab al-Manāqib ‘an Rasul Allāh, Bab fī man Sab Aṣḥāb al-Nabī (SAW), no.hadis 3888, Bab Manāqib Khālid bin al-Wālid, no.hadis 3891,

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan hadith pujian Rasulullah dan sanjungannya terhadap Umar al-Khattab dan menjanjikan balasan syurga sebagaimana berikut :

Terjemahan: Aku bermimpi masuk syurga Aku melihat sebuah istana, di halamannya ada jariah, lalu aku bertanya : Untuk siapa ini? Orang ramai menjawab : Untuk Umar al-Khattab.⁸⁸

Dalam hadith lain baginda bersabda:

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menjadikan kebenaran keatas lidah Umar dan hatinya.⁸⁹

Hadith-hadith yang dinukilkan oleh penulis di atas merupakan antara hadith yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr bagi menyanggah akidah *Takfir al-Sahābah* dan memuji serta menyanjung para sahabat yang dimuatkan dalam kitab *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*⁹⁰ dan *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*.

Penggunaan hadith-hadith baginda Rasulullah dalam kitab-kitab beliau untuk berhujah agak berkurangan. Beliau banyak mengemukakan penghujahan berdasarkan nas al-Qur'an dan melalui kitab Syiah bagi menolak dan menyanggah akidah Syiah yang bercanggah dengan Islam.

Lihat dalam Sunan al-Tirmidhī (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 456. Lihat juga dalam Aḥmad bin Hanbal, *al-Musnad li al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Hadis Khalid bin al-Walid, no.hadis 16821 (Beirut: Dār al-Fikr,1994), 9:9.

⁸⁸ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 91. Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣahīh al-Bukhārī*, Kitab Faḍā'il Aṣḥāb al-Nabī, Bab Maṇāqib ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, no.hadis 3679 (Riyadh: Maktabah Dār al-Salam, 2000), 7:51.

⁸⁹ *Ibid.*,92. Lihat dalam al-Tarmidhī, *Sunan al-Tarmidī*, Kitab al-Manāqib ‘an Rasul Allāh, Bab fī Maṇāqib Abī Hafs ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, no.hadis 3702 (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 5:383 .

⁹⁰ *Ibid.*, 51-55.

4.2.3 Pengukuhan Hujah Melalui Karya-karya Ilmiyyah Khususnya Ahl Sunnah wa al-Jama'ah

Ihsān Ilahī Zahīr seorang tokoh yang mampu menggarap dan menguasai sumber-sumber asas dalam firqah Syiah dan Ahli Sunah. Penguasaan sumber-sumber dari dua firqah ini penting dalam melakukan analisis terhadap isu-isu yang dibincangkan oleh firqah Syiah. Justeru itu, beliau berjaya mengadaptasi kitab-kitab *Ahl Sunah wa al-Jama'ah* sebagai hujah bagi membenarkan dakwaannya dan melakukan perbandingan mencari fakta yang benar dan tepat antara kedua firqah tersebut. Antara kitab Ahli Sunah yang menjadi rujukan beliau ialah:⁹¹

- (i) *Al-Bidayah wa al-Nihayah* karangan Ibn Kathīr
- (ii) *Maqālāt Islāmiyin* karangan Abū Ḥasan al-Ash'arī
- (iii) *Tarīkh Ibn Khaldūn* karangan Ibn Khaldūn
- (iv) *Al-Farq Bayna al-Firaq* karangan Shahrustānī
- (v) *Lisān al-Mīzān* karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī
- (vi) *Minhāj al-Sunnah* karangan Ibn Taymiyyah
- (vii) *Muqaddimah Ibn Khaldūn* karangan Ibn Khaldūn
- (viii) *I'tiqādāt Firāq al-Muslimīn wa al-Musyrikīn* karangan al-Rāzī
- (ix) *Al-Tabṣīr* karangan al-Isfirayinī
- (x) *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Aḥwāl wa al-Niḥāl* karangan Ibn Ḥazm al-Zahīrī
- (xi) *Tafsīr Ibn Jarīr al-Ṭabarī* karangan al-Ṭabarī
- (xii) *Tafsīr Jāmi‘ al-Bayān* karangan al-Qurṭubī
- (xiii) *Tafsīr Ibn Kathīr* karangan Ibn Kathīr
- (xiv) *Al-Itqān* karangan al-Suyūṭī

⁹¹ Semua kitab yang disenaraikan oleh penulis merupakan kitab-kitab muktabar yang dikarang oleh ulama-ulama Ahli Sunah wa al-Jama'ah. Kesemua kitab tersebut menjadi rujukan utama Ihsān Ilahī Zahīr untuk dimuatkan dalam kitab-kitab beliau iaitu *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, *al-Shī‘ah wa al-Qur’ān* dan *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū‘*.

- (xv) *Al-Muwāfaqāt* karangan al-Shāṭibī
- (xvi) *Lisān al-‘Arab* karangan Ibn Manzūr
- (xvii) *Fath al-Qādir* karangan al-Syawkānī
- (xviii) *Asās al-Balāghah* karangan Zamakhsharī
- (xix) *Tarīkh Ibn ‘Asākir* karangan Ibn ‘Asākir

Antara isu-isu akidah yang dibahaskan oleh beliau berasaskan sumber kitab-kitab Ahli Sunah ialah berkenaan al-Qur'an. Perbahasan mengenai al-Qur'an menurut Syiah disentuh oleh Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan kitab *al-Tabṣīr fī al-Dīn* karangan al-Isfirayinī. Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan dakwaan Syiah dimana al-Qur'an yang ada pada hari ini telah diselewengkan dan berlaku penambahan dan pengurangan yang telah dilakukan oleh para sahabat dengan menggugurkan ayat-ayat al-Qur'an seperti ayat berkaitan Imāmah.⁹² Selain itu beliau merujuk kitab *al-Faṣl fī Milāl wa al-Nihāl* karangan Ibn Ḥazm al-Zahīrī menafikan pegangan dan kepercayaan Syiah berkenaan al-Qur'an yang telah dipinda.⁹³ Pandangan yang sama juga diungkapkan dalam kitab *al-Aḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* karangan Ḥāfiẓ Ibn Ḥazm al-Andalūsī berkenaan kewajipan beriman sepenuhnya tanpa ragu terhadap al-Qur'an yang ada pada hari ini.⁹⁴ Selain dari kitab-kitab di atas, beliau juga merujuk kitab *al-Aḥkām* karangan al-Āmidī,⁹⁵ kitab *al-Itqān* karangan al-Suyūṭī,⁹⁶ *Tafsīr al-Khāzin* karangan al-Khāzin⁹⁷ *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* karangan al-Zarkashī,⁹⁸ *Tafsīr Ibn Kathīr* karangan Ibn Kathir⁹⁹ dan sebagainya. Al-Qur'an yang ada pada hari ini sebenarnya dijaga dan diperlihara oleh Allah SWT

⁹² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū‘*, 53-54.

⁹³ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 141.

⁹⁴ *Ibid.*, 142.

⁹⁵ *Ibid.*, 143.

⁹⁶ *Ibid.*, 144.

⁹⁷ *Ibid.*,

⁹⁸ *Ibid.*, 145.

⁹⁹ *Ibid.*, 146.

dengan jaminan ianya tidak berlaku sebarang pindaan. Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan kitab *al-Muwāfaqāt* karangan al-Shaṭibī bagi memperkuuhkan dan menjelaskan pandangannya sebagaimana yang terdapat dalam kitab beliau *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*.¹⁰⁰ Selain itu, Ihsān Ilahī Zahīr juga merujuk kitab *al-Aḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* karangan Ibn Ḥazm al-Andalūsī bagi menjelaskan kesepakatan ulama berkenaan kewajipan mengambil dan merujuk kepada al-Qur'an tanpa ragu dan menjadi kafir mereka yang mengingkarinya.¹⁰¹

Perbahasan mengenai sahabat disentuh oleh Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan kitab-kitab *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Beliau melarang sebarang bentuk kecaman dan penghinaan terhadap para sahabat memandangkan mereka merupakan orang yang terhampir dengan baginda Rasulullah. Ia jelas dinyatakan dalam kitab *Sahīh al-Bukhārī* karangan al-Bukhārī,¹⁰² *Sahīh Muslim* karangan Muslim bin Ḥajjāj,¹⁰³ *Sunan al-Tirmidhī* karangan al-Tirmidhī,¹⁰⁴ *Sunan Abī Dāwūd* karangan Abī Dāwūd¹⁰⁵ dan sebagainya.

Ihsān Ilahī Zahīr juga merujuk kitab-kitab hadis yang masyhur seperti *Sunan al-Tirmidhī* dan *Musnad Imam Ahmad*, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pujian Rasulullah kepada para sahabat seperti Ṭalḥah dan Zubayr dengan janji gembira dikurniakan syurga oleh Allah SWT.¹⁰⁶ Beliau juga telah mengemukakan hadith-hadith dari kitab *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Ibn Majah*, *Imam Ahmad* dan *Abū Dāwūd* melarang mencerca dan menghina para sahabat sebagaimana yang diungkapkan dalam kitab beliau *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*.¹⁰⁷ Beliau juga telah mengemukakan hadis-hadis dari kitab *Sahīh al-Bukhari*, *Sahīh*

¹⁰⁰ *Ibid.*, 123.

¹⁰¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 104.

¹⁰² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 141.

¹⁰³ *Ibid.*, 51.

¹⁰⁴ *Ibid.*, 52.

¹⁰⁵ *Ibid.*, 53.

¹⁰⁶ *Ibid.*, 46.

¹⁰⁷ *Ibid.*, 51, 52, 53 dan 54.

Muslim, Sunan al-Tirmidhī, Ibn Majah, Imam Aḥmad dan *Abū Dāwūd* melarang mencerca dan menghina para sahabat sebagaimana yang diungkapkan dalam kitab beliau *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*.¹⁰⁸

Beliau juga menukilkan pandangan dalam kitab *Tārīkh Ibn Khaldūn* karangan Ibn Khaldūn dalam menjelaskan hubungan Uthman dengan *Ahl al-Bayt* dan keterlibatan *Ahl al-Bayt* dalam perperangan bergabung dengan Uthman.¹⁰⁹ Beliau juga merujuk kitab *Tārīkh al-Tabarī* karangan al-Ṭabarī, *al-Kāmil* karangan Ibn Athīr dan *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*¹¹⁰ dalam membahaskan aspek sejarah yang ada kaitannya dengan Uthman bin Affan dan hubungannya dengan *ahl al-Bayt*.

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan kitab *Ahl Sunah wa al-Jama‘ah* ketika membincangkan persoalan *al-Raj’ah* seperti kitab *Fajr al-Islām* karangan Aḥmad Amīn. Menurut Ahmad Amin fahaman raj’ah merupakan fahaman Yahudi yang dibawa masuk ke dalam Syiah¹¹¹ hingga ianya diterima sebagai ajaran yang diterima oleh mereka. Beliau juga telah mengemukakan kitab *Tārīkh al-Tabarī* karangan al-Ṭabarī bagi memperkuuhkan kenyataannya berkenaan fahaman *raj’ah* yang berasal dari ‘Abd Allah bin Sabā’ seorang Yahudi yang berpura-pura memeluk Islam.¹¹² Selain itu, beliau juga menukilkan pandangan dalam kitab *Maqālāt Islāmiyyīn* karangan Abū Ḥasan al-Ash’arī menjelaskan asal usul kepercayaan ajaran *al-Raj’ah*.¹¹³

Perbahasan berkenaan *al-Taqiyyah* pula dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab beliau *al-Rad ‘alā al-Duktur ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*. Beliau telah mengemukakan kitab *Minhāj al-Sunnah*

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 141.

¹¹⁰ *Ibid.*

¹¹¹ Lihat dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktur ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 153.

¹¹² *Ibid.*

¹¹³ *Ibid.*

karangan Ibn Taymiyyah bagi menjelas dan menolak akidah *al-Taqiyyah* di sisi Syiah¹¹⁴ yang tidak terdapat dalam Islam.

Perbahasan mengenai *al-Imamah* dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab beliau *al-Rad ‘alā al-Duktur ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah* dan kitab-kitab lain. Beliau telah mengemukakan kitab *al-Muntaqī min Minhāj al-Itidāl* karangan al-Dhahabī bagi menafikan para imam yang bersifat maksum.¹¹⁵ Para imam sebenarnya adalah manusia biasa yang lemah dan tidak mempunyai sebarang kuasa dan kekuasaan.

Perbahasan mengenai ‘Abd Allāh bin Sabā’ juga dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab beliau. ‘Abd Allāh bin Sabā’ merupakan seorang Yahudi yang telah berpura-pura memeluk Islam dengan tujuan untuk merosakkan Islam. Pelbagai akidah dan kepercayaan baru dicipta olehnya bagi mencari pengaruh dan menyesatkan umat Islam. Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan pelbagai kitab *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah* bagi menjelaskan individu tersebut dan akidah yang dibawanya. Antaranya ialah kitab *Maqālāt Islāmiyyīn* karangan Abū Hasan al-Ash’arī,¹¹⁶ kitab *al-Tabarī* karangan al-Tabarī,¹¹⁷ *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* karangan Ibn Athīr,¹¹⁸ *Tārīkh Ibn Khaldūn* karangan Ibn Khaldūn,¹¹⁹ *al-Tabṣīr* karangan Abī al-Mazfar al-Isfirayaynī¹²⁰ dan sebagainya.

Pendekatan Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan kitab-kitab karangan ulama *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah* adalah untuk memperkuatkan hujah dan pandangan beliau dalam sesuatu isu akidah yang dibincangkan. Rujukan utama masih lagi kepada

¹¹⁴ *Ibid.*, 165-166.

¹¹⁵ *Ibid.*, 196.

¹¹⁶ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*, 55.

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ *Ibid.*, 56.

¹¹⁹ *Ibid.*

¹²⁰ *Ibid.*, 57.

kitab-kitab karangan ulama Syiah. Penelitian penulis terhadap kitab-kitab¹²¹ İhsān İlahī Zahīr mendapati dimana beliau menggunakan sumber-sumber kitab *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* bagi memperkasakan lagi hujah beliau terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Syiah.

Selain karya-karya *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*, beliau juga mengemukakan buku-buku karangan orientalis barat sebagai rujukan tambahan bagi melengkapkan perbahasannya mengenai ajaran Syiah bagi membuktikan hubungan Syiah dengan ajaran *Sabaiyyah* dan kepercayaan-kepercayaan asing. Beliau telah merujuk kitab *al-Khawārij wa al-Shī'ah* edisi terjemahan karangan Welhausen bagi menjelaskan senario perubahan Syiah peringkat awal yang berorientasikan politik semata-mata kepada keagamaan. Sejarah menyaksikan pendewaan terhadap Saidina Ali dan Ahl al-Bayt mula berlaku hingga akhirnya menjadi satu pendewaan hakiki. Ia satu ajaran yang tidak pernah diajar oleh Saidina Ali bahkan beliau melarang dari melakukan pemujaan seumpama itu.¹²² Dalam kitab yang sama, Welhausen juga menjelaskan dimana fahaman mempertuhankan *ahl al-Bayt* diasaskan atas asas falsafah melalui kepercayaan *al-Raj'ah* dan *Tanāsukh al-Arwāh*.¹²³

İhsān İlahī Zahīr juga merujuk kitab *Maqālāt fī Tarīkh al-Islām* edisi terjemahan karangan Duzy seorang orientalis barat ketika membahaskan sejarah asal usul Syiah. Duzy mengaitkan asal usul Syiah dengan kelompok Parsi yang memiliki sifat tunduk dan patuh tidak sebagaimana golongan arab yang menyintai kebebasan. Sifat tunduk dan patuh inilah akhirnya membawa kepada timbulnya akidah Imamah yang bersifat warisan.¹²⁴ Mereka memuja para imam dan mendewakannya hingga para imam mampu memberikan sebarang tafsiran dan interpretasi atas suatu

¹²¹ Kitab-kitab yang menjadi rujukan penulis dalam tesis ini ialah *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, *al-Shī'ah wa al-Qur'ān* dan *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'* dan lainnya.

¹²² İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 72.

¹²³ *Ibid.*, 294.

¹²⁴ *Ibid.*, 291.

kewajipan sekalipun tafsiran tersebut melampaui dan melanggar batas. Manakala kitab *al-Mustasyriq* karangan Muller seorang orientalis barat mengaitkan pemikiran Parsi itu sendiri terpengaruh dengan pemikiran India sebelum kedatangan Islam yang mempercayai *Syahansyah* sejasad dengan roh Allah yang berpindah dari sulbi para raja kepada keturunan mereka. Ia dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū’*.¹²⁵

Buku-buku orientalis yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam berhujah dan mengkritik akidah Syiah merupakan buku-buku yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh besar orientalis yang boleh diambil kira pandangannya. Ia sebagai pelengkap kritikan Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan kitab-kitab tersebut bagi memperkuuhkan kenyataanya berhadapan dengan golongan Syiah.

4.2.4 Motif Dakwah Sebagai Asas Kritikan Terhadap Akidah Syiah

Antara keistimewaan Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya ialah mengajak golongan Syiah agar kembali kepada kebenaran. Beliau mengkritik dengan baik bertujuan untuk berdakwah dan mengajak mereka kembali kepada jalan kebenaran dan memperingatkan mereka ajaran-ajaran sesat yang telah mereka lakukan. Ini jelas dinyatakan oleh beliau ketika menolak fahaman mereka berkenaan al-Qur'an sebagaimana berikut:

“Terjemahan: Cepatlah wahai kaum (Syiah), buangkanlah perselisihan ini yang tidak diasaskan dan tidak ditanam melainkan oleh tangan-tangan yang berdosa dan mulut-mulut yang mengelirukan, dan lelaki-lelaki yang menjual dunia dengan akhirat. Kembalilah wahai kaum (Syiah) kepada kitab Allah yang terpelihara, diturunkan melalui perantaraan Jibril kepada semua manusia dan dijamin oleh Allah hingga hari kiamat untuk memberi petunjuk dan melorongkan dengan cahayanya. Jika kita tidak beriman dengan terpeliharanya dari pengubahan dan

¹²⁵ *Ibid.*

penyelewengan, maka kitab mana lagi yang boleh memberi petunjuk.”¹²⁶

Beliau juga menjelaskan dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt* sebagaimana berikut:

“Sesungguhnya apa yang kamu tulis adalah satu pembohongan. Maka perjelaskanlah, kamu akan diberi ganjaran, dan jika sahih, kembalilah kepada kebenaran dan tinggalkan apa yang kamu lihat pada zahirnya adalah keburukan dan memalingkan bagi kamu di dunia dan jadilah kamu di akhirat kehidupan yang dahsyat.”¹²⁷

Prinsip dakwah yang diterapkan dalam manhaj kritikan beliau ini jelas menunjukkan dimana Ihsān Ilahī Zahīr adalah seorang yang mementingkan persoalan dakwah, mengajak Syiah agar kembali kepada petunjuk Allah SWT. Ia bukanlah suatu yang janggal, memandangkan beliau sendiri mendapat tarbiah dan pendidikan Islam yang sempurna dari ibubapanya.

4.3 Analisis Terhadap Metodologi Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Pemikiran Akidah Syiah

Ihsān Ilahī Zahīr dianggap sebagai tokoh yang kritis mengkritik pelbagai firqah dan ajaran sesat khususnya firqah Syiah. Penulis akan menganalisis aspek kekuatan dan kelemahan beliau dalam kritikannya bagi menilai ketepatan kritikannya dan melihat kelebihannya.

4.3.1 Kekuatan

- i. Melakukan Kritikan dengan Baik dan Berkesan

Antara kelebihan yang dimiliki oleh Ihsān Ilahī Zahīr ialah kemampuannya dalam melakukan kritikan dengan baik dan berkesan. Ini menunjukkan penguasaan

¹²⁶ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qur’ān*, 110.

¹²⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa ahl al-Bayt*, 5.

ilmu beliau terhadap suatu firqah dan keupayaannya mengemukakan hujah dengan baik dan menolaknya hingga akhirnya terbukti kebenaran pegangan akidah yang diimaninya. Kemampuannya terbukti apabila beliau mampu mengemukakan hujah berasaskan keupayaan akalnya yang tinggi bagi mematahkan pandangan dan dakwaan Syiah. Antaranya ialah kemampuan beliau dalam mengemukakan hujah berkenaan persoalan sahabat. Menurut Syiah para sahabat semuanya murtad kecuali tiga orang sahaja sebagaimana yang didakwa oleh al-Majlisi dalam kitabnya *Hayāt al-Qulūb* sebagaimana berikut:

Terjemahan: Manusia semua binasa selepas kewafatan rasul kecuali tiga orang iaitu Abū Dhar, Miqdad dan Salman.¹²⁸

Ihsān Ilahī Zahīr menolak dan mengkritik kenyataan tersebut dengan mempersoalkan *ahl al-Bayt* nabi yang lainnya seperti al-‘Abbās bapa saudara nabi, Ibn ‘Abbās anak bapa saudara nabi, Uqayl¹²⁹ saudara lelaki Ali, begitu juga keturunan Hasan cucu nabi¹³⁰ dan lainnya. Mereka semua adalah *ahl al-Bayt* nabi yang tidak diiktiraf oleh Syiah sedangkan mereka adalah antara keluarga terhampir nabi.

Begitu juga ketika beliau menolak pandangan ‘Abd al-Wāhid Wāfi¹³¹ salah seorang ulama Syiah yang mempertahankan Syiah dan menafikan Syiah mencerca para sahabat. Menurut ‘Abd al-Wāhid Wāfi, cercaan tersebut dilakukan oleh

¹²⁸ *Ibid.*, 47. Ihsān Ilahī menukilkan dari kitab al-Majlisī, *Hayāt al-Qulūb*.

¹²⁹ Nama sebenar beliau ialah ‘Uqayl bin Abī Tālib bin ‘Abd al-Manaf al-Qurashī al-Hāshimī. Beliau merupakan saudara lelaki Ali.

¹³⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 47.

¹³¹ Nama sebenar beliau ialah ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi. Beliau dilahirkan pada tahun 1319 H di Um Durman, Sudan. Beliau merupakan seorang ahli Psikologi ternama di Mesir. Beliau menuntut di Universiti al-Azhar dan Darul Ulum, dan kemudian menyambung pengajian di peringkat Phd di Universiti Sorbon, Paris. Beliau pernah bertugas sebagai pensyarah di Universiti Kaherah dalam Fakulti Kesusteraan. Banyak karya dihasilkan oleh beliau seperti ‘Ilm al-Ijtima’, *al-Usrah wa al-Mujtama*, *al-Hurriyyah fī al-Islām*, *Bayna al-Shī‘ah wa Ahl Sunnah* dan sebagainya. Melalui karyanya *Bayna al-Shī‘ah wa Ahl Sunnah* telah menimbulkan kritikan hebat Ihsān Ilahī Zahīr yang dimuatkan dalam kitab beliau *al-Rad ‘alā Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*. Lihat ‘Alī bin Mūsā bin Majhud al-Zahrānī, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah* (Arab Saudi: Universiti Umm al-Qurā, 1421), 124 .

golongan awam Syiah dan mereka yang jahil dalam agama.¹³² Ihsān Ilahī Zahīr menolak kenyataan tersebut dengan mempersoalkan hujah Duktur Abd Wahid Wafi dengan mengemukakan kenyataan dan pandangan ulama besar Syiah yang jelas mencerca para sahabat seperti al-Ayyashī,¹³³ al-Bahrānī¹³⁴ dan sebagainya dari kalangan Ahli Tafsir Syiah. Begitu juga kenyataan al-Kulaynī,¹³⁵ Ibn Babawaih al-Qummi,¹³⁶ al-Tūsī,¹³⁷ al-Mufid,¹³⁸ al-Kashī,¹³⁹ al-Nabatī,¹⁴⁰ al-Ardbilī¹⁴¹, Ibn Ṭawus al-

¹³² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 205.

¹³³ Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Mas‘ūd bin Muḥammad bin ‘Iyas al-Silmī al-Samarqandī. Beliau meninggal pada tahun 320 Hijrah. Beliau memiliki karya yang banyak melebihi 200 karya. Antaranya ialah *al-Tafsīr al-Salah*, *Makrifah al-Nāfilin*, *Salah al-Ghadīr* dan sebagainya. Lihat Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Alī bin Aḥmad bin al-‘Abbās al-Najasyī, *Rijāl al-Najasyī* (Qum: Muassasah al-Nashr al-Islāmī, 1997), 350. Lihat ‘Alī bin Mūsā bin Majhūd al-Zahrānī, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 116.

¹³⁴ Nama sebenar beliau ialah Sayyid Hasyim bin Sulaymān bin Ismā’īl al-Bahrānī. Beliau merupakan ahli tafsir Syiah yang telah menghasilkan banyak karya seperti *al-Burhān fī Tafsīr al-Qur’ān*, *Dur al-Nadīd*, *al-Hādī* dan sebagainya. Beliau meninggal pada tahun 1109 Hijrah. Lihat *Lu’lu al-Bahrayn*, 63. Lihat ‘Alī bin Mūsā bin Majhūd al-Zahrānī, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 252.

¹³⁵ Nama sebenar beliau ialah Muḥammad bin Yaakub bin Ishāq, Abū Jaafar al-Kulaynī. Beliau merupakan seorang ulama’ Syiah yang faqih dan dianggap paling *thiqah* dalam hadis di Baghdad. Beliau meninggal pada tahun 338@339 H. Banyak karya dihasilkan oleh beliau seperti *al-Kāfi*, *al-Rad ‘alā Qarāniyah*, *Wasā’il Ā’immah*, *Kitāb fī al-Rijāl* dan sebagainya. Lihat ‘Alī bin Mūsā bin Majhūd al-Zahrānī, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 115.

¹³⁶ Nama sebenar beliau ialah Muḥammad bin ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Mūsā bin Babawaih al-Qummī. Beliau dilahirkan pada tahun 306 Hijrah dan meninggal pada tahun 381 Hijrah. Dalam Syiah, beliau digelar dengan “*al-Ṣādūq*” dan beliau merupakan Muḥaddith Imamiyyah. Beliau memiliki karya yang banyak sehingga 300 buah, antaranya ialah *al-I’tiqādāt*, *al-Tawḥīd*, *al-Hiṣāl* dan sebagainya. Lihat dalam Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Alī bin Ahmad bin al-‘Abbās al-Najashī, *Rijāl al-Najashī*, 261. Lihat al-Zahrani, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 115 .

¹³⁷ Nama sebenarnya ialah Muḥammad bin Hasan bin ‘Alī al-Tūsī, merupakan ahli tafsir dan fuqaha’ Syiah yang dilahirkan pada tahun 385 Hijrah. Antara karya-karya beliau ialah *al-Ghaybah*, *al-Tibyān al-Jāmi’ī li ‘Ulīm al-Qur’ān*, *al-Istibsār*, *Talhis al-Syāfi*, *Tahdhīb al-Ahkām* dan sebagainya. Beliau meninggal pada tahun 460 Hijrah. Lihat dalam Tāqī al-Dīn al-Ḥasan bin ‘Alī bin Dāwūd al-Hullī, *Kitāb al-Rijāl* (Najaf: Matba’ah al-Jadīd, 1972), 169. Lihat juga al-Zahrani, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 273.

¹³⁸ Nama sebenar beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin al-Nū’mān bin ‘Abd al-Salām al-‘Akbarī. Beliau dilahirkan pada tahun 336 Hijrah di Akbara, Baghdad. Antara karya beliau ialah *al-Irshād*, *Iman Abī Tālib* dan sebagainya. Beliau meninggal pada tahun 413 Hijrah. Lihat dalam Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Alī bin Aḥmad bin al-‘Abbās al-Najashī, *Rijāl al-Najashī*, 399. Lihat juga al-Zahrani, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 273.

¹³⁹ Nama sebenar beliau ialah Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Azīz al-Kishī. Beliau merupakan seorang ahli fekah Syiah yang terkenal. Beliau meninggal pada tahun 340 Hijrah. Antara kitab yang dihasilkan olehnya ialah *Ma’rifah Akhbār al-Rijāl*. Lihat dalam *al-‘Ilām*, 6:311. Lihat al-Zahrānī, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rad ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 273 .

¹⁴⁰ Nama sebenar beliau ialah Abū al-Ḥasan bin Muḥammad Tāhir al-Nabatī al-‘Āmilī. Beliau digelar dengan gelaran “al-Hujjah” disisi Syiah. Beliau wafat pada tahun 1138 Hijrah. Antara karya beliau

Ḩasanī¹⁴² al-Majlisī¹⁴³ dan sebagainya dari kalangan *Ahl al-Hadith* dan fuqaha' Syiah. Kesemua ulama yang dinyatakan di atas berpegang dengan akidah mencerca para sahabat tidak sebagaimana yang dinyatakan oleh ‘Abd al-Wāhid Wāfi. Kenyataan di atas adalah contoh kemampuan Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan hujah yang kuat menolak akidah dan kepercayaan Syiah.

Dari aspek yang lain, penulis mendapati beliau berkemampuan mengemukakan dalil syara' dengan terperinci, tepat dan bersesuaian pada isu yang dibincangkan. Ia perlu bagi memastikan isu-isu akidah yang dibincangkan dan penggunaan dalilnya adalah tepat sebagaimana yang difahami oleh Syiah. Ia nampak jelas ketika Ihsān Ilahī Zahīr membincangkan isu *Fadaq* yang menjadi hujah kepada Syiah bagi membenarkan hujah mereka dan mentohmah Saidina Abu Bakar. Selepas kewafatan Rasulullah dan setelah Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah, Fatimah, anak perempuan Rasulullah telah meminta harta warisan dari apa yang diwariskan oleh Rasulullah dari peristiwa *Fadaq*. Abu Bakar tidak memberinya dan menyatakan dengan mengemukakan sabda Rasulullah, Kami tidak mewariskan apa

yang utama ialah *al-Fawā'id al-Fardiah*, *Syariah al-Syariah* dan sebagainya. Sila lihat Lu'lu al-Bahrain, no.40, 107. Lihat al-Zahrani, *al-Sheikh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-'aqīdah wa al-Rād 'ala-Firāq al-Mukhālafah*, 273

¹⁴¹ Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin Muhammad al-Ardibili. Beliau adalah dari kalangan Ahli Fekah Syiah Imamiah yang terkenal. Gelaran al-Ardibili dinisbahkan kepada al-Ardibili di Azbijan. Beliau meninggal pada tahun 993 Hijrah di Karbala. Antara karya beliau ialah *Majma' al-Fa'edah wa al-Burhan fī Syārīk Irsyād al-Azhan*. Sila lihat dalam Lu'lu al-Bahrain, no. 61, h. 148. Lihat juga dalam Ali bin Musa bin Majhud al-Zahrani, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-'Aqīdah wa al-Rād 'ala al-Firāq al-Mukhālafah*, 273.

¹⁴² Nama sebenar beliau ialah ‘Abd al-Karīm bin Ḥāmid bin Ṭawūs al-Ḥasanī dari kalangan fuqaha' Syiah. Beliau dilahirkan pada tahun 648 Hijrah dan wafat pada tahun 693 Hijrah di al-Kazimiah, Iraq. Antara karya beliau ialah *al-Syāmil al-Manzūm fī Muṣannif al-'Ulūm*. Sila lihat Lu'lu al-Bahrain, no.90, 261. Lihat juga al-Zahrani, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-'Aqīdah wa al-Rād 'ala al-Firāq al-Mukhālafah*, 273.

¹⁴³ Nama beliau ialah Muḥammad bin Baqīr bin Muḥammad Tāqī bin Maqsūd ‘Alī al-Majlisī al-Asfahānī. Beliau dilahirkan pada tahun 1037 Hijrah dan meninggal pada tahun 1111 Hijrah. Beliau merupakan Sheikh al-Syi'ah dan imam mereka di Asfahan. Beliau telah menghasilkan banyak karya seperti *Bihār al-Anwār*, *Mirāh al-'Uqūl*, *al-Imāmah*, *Tarīkh Fātimah wa al-Husayn*, *al-Sama wa al-'Alam* dan sebagainya. Sila lihat Lu'lu al-Bahrain, no.16, 55. Lihat juga ‘Alī bin Mūsā bin Majhūd al-Zahrānī, *al-Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-'Aqīdah wa al-Rād 'ala al-Firāq al-Mukhālafah*, 272-273.

yang kami tinggalkan, maka ia adalah sedeqah.¹⁴⁴ Aisyah menerimanya dengan hati yang mulia dan terbuka dan tidak membantah pandangannya hingga hal beliau wafat.¹⁴⁵ Syiah telah menjadikan isu ini sebagai isu besar dengan menuduh Saidina Abu Bakar sengaja ingin menjadikan *Ahl al-Bayt* miskin dan melarat. Mereka telah menyalahkan Saidina Abu Bakar kerana tidak memberikan harta tersebut kepada Aisyah.¹⁴⁶ İhsān İlahī Zahīr menolak hujah Syiah dengan mengemukakan dalil yang tepat berdasarkan hadis-hadis Syiah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ja'afar Abu Abdillah berkata, Sesungguhnya ulama itu pewaris nabi dan nabi tidak mewarisi dirham dan dinar, tetapi mewarisi ilmu.¹⁴⁷ Beliau juga mengemukakan riwayat Syiah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Maithām dalam kitab *Syarḥ Nahj al-Balāghah*,

Bahawa Abu Bakar berkata kepadanya (Fatimah), Bagimu apa yang bagi bapamu, sedang Rasulullah mengambil dari Fadaq hanya sekadar makan kamu, bakinya dibahagi untuk fi Sabilillah. Begitu jugalah yang harus engkau lakukan seperti apa yang dilakukan Rasulullah itu. Maka Fatimah redha dan berjanji akan berbuat demikian juga.¹⁴⁸

Al-Kulaynī dalam kitabnya *al-Kāfi* juga meriwayatkan, para ulama itu adalah pewaris para nabi, mereka tidak mewariskan dinar atau dirham, tetapi mewariskan ilmu. Sesiapa yang mengambil ilmu dari mereka bererti memperoleh bahagian yang besar.¹⁴⁹ Begitu juga dalam kitab *Sharḥ Nahj al-Balāghah* oleh Ibn Abi Hadid menjelaskan, bahawa Abu Bakar membahagikan rampasan perang sekadar yang cukup untuk makan mereka dan bakinya dibahagi-bahagikan, begitu jugalah yang

¹⁴⁴ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Humus, Bab Fard al-Humus, no hadis 1265 dan 1266. Lihat Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār al-Salam, 2006) , 4: 504-505.

¹⁴⁵ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 83. Lihat juga Ibn Maithām al-Bahrānī, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 5:107.

¹⁴⁶ *Ibid.*, 86

¹⁴⁷ Al-Kulaynī, *Uṣūl min al-Kāfi*, 1: 32.

¹⁴⁸ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 83. Lihat juga Ibn Maithām al-Bahrānī, *Sharḥ Nahj al-Balāghah*, 5:107 .

¹⁴⁹ *Ibid.*, 85. Al-Kulaynī, *Uṣūl min al-Kāfi*, 1:34.

dilakukan oleh Umar, Usman dan Ali bin Abi Talib.¹⁵⁰ Jawapan yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan sabda Rasulullah dari kitab-kitab mereka sebagaimana di atas adalah bagi menolak dakwaan Syiah yang tidak berasas. Ia juga sebagai contoh pendalilan Ihsān Ilahī Zahīr yang kuat dengan mengemukakan pendalilan berdasarkan riwayat hadis Rasulullah melalui kitab-kitab Ahl Sunah wa al-Jama'ah dan Syi'ah.

ii. Perbandingan *Qawl* atau Kenyataan dengan Agama atau Firqah Terdahulu yang Sesat

Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya berkemampuan melakukan perbandingan *qawl* atau kenyataan dengan mengemukakan *qawl* dan kenyataan dari firqah, mazhab dan agama lain yang sesat. Ia bertujuan untuk membuktikan kesalahan dan kesesatan firqah Syiah dan menthabitkan kebenaran Islam. Antaranya ialah dengan melakukan perbandingan dengan agama Yahudi. Ia jelas ketika beliau membincangkan persoalan *al-Wilayah* dan *al-Wasayah* yang berasal dari agama Yahudi yang dibawa masuk ke dalam ajaran Syiah dengan tujuan untuk merosakkan agama Islam. Ihsān Ilahī Zahīr menyatakan tujuan sebenar Syiah ialah:

“Menyebarkan akidah Yahudi di kalangan kaum muslimin iaitu akidah *al-Wilayah* dan *al-Wasayah*. Akidah yang tidak pernah diceritakan oleh al-Qur'an dan juga al-Sunnah yang sahih dan thabit. Bahkan akidah tersebut adalah ciptaan Yahudi daripada kepercayaan mereka bahawa Yusa' bin Nun telah menerima wasiat daripada Musa. Kepercayaan karut tersebut terus disebarluaskan di kalangan kaum muslimin dengan pengubahsuaiannya bahawa ‘Ali a.s telah menerima wasiat daripada rasulullah SAW. Semuanya itu adalah karut dan dusta belaka. Tujuan mereka melakukan demikian ialah untuk menanamkan benih-benih kerosakan, meniupkan api persengketaan dan fitnah sesama kaum muslimin hingga kaum muslimin meninggalkan jihad pada jalan Allah, meninggalkan

¹⁵⁰Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Sh'ah wa Ahl al-Bayt*, 89. Lihat Ibn Abi al-Hadīd, *Sharḥ Nahj al-Balaghah*, 4:82.

memerangi kaum kafir dan musyrik, Yahudi dan Majusi kepada berperang sesama sendiri.”¹⁵¹

Para ulama Syiah seperti al-Naubakhtī¹⁵² dan al-Kashī¹⁵³ sepakat menyatakan asal akidah *al-Wilayah* dan *al-Wasayah* adalah dari agama Yahudi yang dibawa masuk oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’. Begitu juga ketika beliau membahaskan persoalan *al-Bada’* yang bermaksud jahil dan lupa dinisbahkan kepada Allah Ta’ala yang berasal dari agama Yahudi, Ihsān Ilahī Zahīr menyatakan:

Ia adalah pemikiran yang disebarluaskan oleh Yahudi dan ‘Abd Allāh bin Sabā’ dimana Allah Ta’ala bersifat *al-Bada* iaitu lupa dan jahil. Mahasuci Allah dari apa yang dikatakan.¹⁵⁴

Dalam melakukan perbandingan, beliau telah mengemukakan nas Taurat bagi membuktikan pengaruh Yahudi dalam ajaran tersebut sebagaimana berikut:

“Ketika Tuhan melihat, bahawa kejahatan manusia banyak di bumi dan bahawa segala kecenderungan hatinya selalu membawa kejahanatan semata-mata, maka menyesalah Tuhan bahawa ia telah menjadikan manusia di bumi dan hal itu memilukan hatinya. Berfirman Tuhan, “Aku akan menghapuskan manusia yang telah kuciptakan itu dari muka bumi, baik manusia mahupun haiwan dan binatang-binatang melata dan burung-burung di udara, sebab aku menyesal bahawa aku telah menjadikan mereka.”¹⁵⁵

Melalui kaedah perbandingan sebagaimana di atas jelas membuktikan dimana ajaran *al-Bada’* sebenarnya berasal dari ajaran Yahudi sebagaimana yang diimani oleh Syiah pada hari ini. Begitu juga akidah *al-Raj’ah* sebagaimana yang diimani oleh Syiah berasal dari agama Yahudi. Ihsān Ilahī Zahīr dalam kenyataannya

¹⁵¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 27.

¹⁵² Ibid., 57-60. Al-Naubakhtī, *Firāq al-Shī‘ah*, 42.

¹⁵³ Al-Kashī, *Rijāl al-Kashī*, 101. Lihat Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 57-60.

¹⁵⁴ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 63.

¹⁵⁵ Sila lihat dalam al-Taurat, Safar Takwin, Ishah 6, ayat 5,6 dan 7.

menyatakan antara akidah yang diselinap masuk oleh yahudi ialah akidah *al-Raj'ah* yang diimani oleh mereka sejak dari nenek moyang mereka lagi¹⁵⁶

Dalam kitab *al-Shī'ah wa al-Tashaiyyū'* beliau menyatakan:

Akidah *al-Raj'ah* merupakan akidah Syiah yang diwarisi daripada Yahudi dan pencetusnya ialah Abdullah bin Saba' dan kumpulannya yang mewarisi generasi ke generasi¹⁵⁷

Aḥmad Amīn dalam kitabnya *Fajr al-Islām* menyatakan Yahudi muncul dalam gerakan Syiah dengan memperkatakan berkenaan *al-Raj'ah*.¹⁵⁸

Pandangan yang sama juga dinyatakan oleh al-Ṭabarī dalam kitabnya *Tarīkh al-Ṭabarī* sebagaimana berikut:

'Abd Allāh bin Sabā' adalah seorang Yahudi daripada San'a yang telah memeluk Islam pada zaman Uthman, kemudian berpindah ke negara umat Islam untuk menyebarkan kesesatan. Maka ia bermula di Hijaz, kemudian Basrah, kemudian Kufah, kemudian Syam. Maka dialah yang meletakkan akidah *raj'ah*, maka memperkatakanlah mereka semua¹⁵⁹

Kaedah perbandingan yang digunakan oleh İhsān İlahī Zahīr dalam kritikannya terhadap persoalan akidah berjaya membuktikan pengaruh ajaran Yahudi dalam akidah Syiah yang berleluasa. Ia antara kesesatan jelas yang berlaku dalam akidah Syiah yang ditolak oleh Islam. Kemampuan beliau melakukan perbandingan

¹⁵⁶ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 65

¹⁵⁷ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashaiyyū'*, 262

¹⁵⁸ İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl al-Sunnah*, 153. Ia merupakan kenyataan Ahmad Amin dalam kitabnya *Fajr al-Islām* yang dinukilkan oleh İhsān İlahī Zahīr.

¹⁵⁹ *Ibid.*, 153. Ia merupakan pandangan al-Ṭabarī dalam kitabnya *Tarīkh al-Ṭabarī* yang dinukilkan oleh İhsān İlahī Zahīr.

dengan agama lain dengan ajarannya yang salah merupakan antara kekuatan kritikan beliau terhadap ajaran Syiah. Ia antara perkara penting bagi membuktikan pengaruh agama lain dalam ajaran Syiah.

iii. Mendalami Firqah Syiah Sebelum Menghukum

Selain dari faktor di atas penulis mendapati beliau begitu bersungguh mendalami firqah Syiah sebelum menghukum. Ia antara ciri kekuatan kritikan beliau yang terserlah dalam karya-karyanya. Beliau akan membaca dan menganalisis semua kitab utama Syiah yang menjadi rujukan mereka sama ada dalam bidang tafsir, hadis, fiqh, tauhid dan sebagainya. Ianya dipelajari dengan sempurna hingga akhirnya beliau menguasai semua disiplin ilmu dalam firqah Syiah. Ia jelas terdapat dalam semua kitab beliau dengan mengambil sumber rujukan dari kitab-kitab mereka disamping kemampuan beliau mengemukakan kritikan dan pendalilan yang kuat. Keadaan ini tidak mungkin dapat dilakukan melainkan dengan pembacaan, kajian dan analisis yang mendalam.

Ihsān Ilahī Zahīr tidak akan menulis tentang firqah Syiah melainkan setelah beliau menghimpunkan semua sumber-sumber rujukan yang dipercayai dan muktamad dalam firqah Syiah. Ia jelas dinyatakan oleh beliau dalam kitabnya *al-Bābiyyah* sebagaimana berikut:

Ketika waktu lapang, maka aku berfikir berkaitan satu tajuk, tetapi aku tidak mengkehendaki untuk menulis kerana tidak terdapat sumber yang dipercayai dan rujukan yang muktamad, kerana keadilan dan keinsafan melarang aku dari menulis, khasnya selepas aku melihat kitab-kitab yang telah ditulis menolak mereka tidak sempurna dan menyeluruh.¹⁶⁰

¹⁶⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Bābiyyah* (Lahor: Matba'ah Jawid, 1981), 25.

Ini menunjukkan dimana Ihsān Ilahī Zahīr bersikap berhati-hati dalam menukilkan sebarang kenyataan yang diambil dari kitab-kitab mereka. Ia antara kekuatan yang terserlah dalam setiap kritikan beliau hingga hujah-hujah beliau tidak mampu untuk dinafikan kebenarannya.

iv. Penggunaan Sumber al-Qur'an dan al-Hadith dan Disokong oleh Kitab-kitab Syiah dan *Ahl Sunah wa al-Jama'ah*.

Dalam semua isu akidah yang dibahaskan oleh beliau, penulis mendapati beliau banyak menyandarkan kepada nas al-Qur'an dan hadith-hadith baginda Rasulullah SAW dalam setiap isu akidah yang dibincangkan. Beliau akan menekuni terlebih dahulu setiap isu dan menolaknya dengan bukti daripada nas al-Qur'an dan hadith baginda Rasulullah SAW. Walaupun tidak menyeluruhan kepada semua isu tetapi sebahagian besarnya bersandarkan nas-nas al-Qur'an dan hadith baginda Rasulullah SAW. Semua perbahasan akidah yang dibahaskan seperti, *al-Bada'*, *al-Imāmah*, *Tahrif al-Qur'an*, *Sab al-Sahabah* dan sebagainya disanggah dan ditolak oleh beliau berdasarkan nas al-Qur'an dan hadith baginda Rasulullah SAW. Ia jelas ditunjukkan oleh beliau ketika menolak kepercayaan para imam mengetahui perkara ghaib sebagaimana contoh di bawah.

إِنَّ اللَّهَ عِنْدُهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ
مَّا ذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Luqmān 31:34

Terjemahan: Dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui (dengan pasti), apa yang akan dikerjakannya besok, dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Meliputi Pengetahuannya.

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan hadith puji Rasulullah dan sanjungannya terhadap Umar al-Khattab dan menjanjikan balasan syurga bagi membuktikan sanjungannya kepada sahabat dan mempertahankannya.

Terjemahan: Aku bermimpi masuk syurga Aku melihat sebuah istana, di halamannya ada jariah, lalu aku bertanya : Untuk siapa ini? Orang ramai menjawab: Untuk Umar al-Khattab.¹⁶¹

Walau bagaimanapun Ihsān Ilahī Zahīr tidak mengemukakan hadith baginda Rasulullah pada semua isu akidah yang dibahaskan. Beliau hanya mengemukakannya pada isu tertentu sahaja seperti isu *Takfir al-Sahabah* dan persoalan al-Qur'an.

Beliau juga banyak merujuk sumber primari dalam setiap pendalilan yang digunakan yang dikarang oleh ulama-ulama Syiah yang muktabar seperti kitab *al-Kāfi* yang dikarang al-Kulayni, *Bihār al-Anwār* yang dikarang oleh al-Majlisī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah* yang dikarang oleh Saiyyid Ne'amatullah al-Jazā'irī dan sebagainya. Penulis mendapati beliau akan merujuk kitab-kitab utama Syiah samada kitab tradisional atau moden dalam membahaskan isu-isu akidah. Ia akan menjadikan kritikan beliau lebih sempurna dan menghasilkan hujah yang jitu dalam semua perbahasan akidah yang dibincangkan oleh beliau.

v. Adil dan amanah

Beliau juga adalah seorang yang adil dan amanah dalam kritikannya. Beliau akan menyampaikan maklumat berkenaan isu akidah Syiah dengan sebaiknya sebagaimana yang difahami oleh Syiah. Beliau tidak akan menokok tambah maklumat-maklumat berkenaan akidah dan kepercayaan Syiah yang diambil dari

¹⁶¹ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il Aṣḥāb al-Nabī, Bab Manāqib 'Umar bin al-Khaṭṭāb, no.hadis 3679. Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Maktabah Dār al-Salam, 2000), 7:51. Lihat juga dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 91.

kitab-kitab mereka dan tidak juga mengurangkannya. Ia jelas dinyatakan oleh beliau sebagaimana berikut:

تعرضنا فيه لبيان أهم معتقدات القوم من كتبهم الموثوقة ، ومصادرهم
المعتمدة، بذكر عباراتهم أنفسهم دون أدنى تغيير أو تبديل، أو حذف
أو نقصان... قاصدين تبيين الحقيقة وتوضيحها في إطار علمي بحث.

Terjemahan: Kami telah kemukakan bagi menjelaskan Iktikad Syiah yang penting yang diambil dari kitab-kitab mereka Yang dipercaya dan sumber-sumber mereka yang muktamad, Dengan menyebutkan ibarat-ibarat mereka dengan tiada Perubahan walaupun sedikit, dibuang atau dikurangkan.... Bertujuan untuk menjelaskan hakikat sebenarnya secara ilmiah.¹⁶²

Dalam isu akidah *al-Bada'* menurut Syiah umpamanya, beliau berpegang dengan apa yang dinyatakan oleh Syiah tanpa berlaku tokok tambah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Kulayni dalam kitab *al-Kāfi* sebagaimana berikut:

عن الریان بن الصلت قال سمعت الرضا علی بن موسی – الإمام الثامن عندهم –
يقول : ما بعث الله نبیا إلا بتحريم الخمر وأن يقر الله بالبداء .

Terjemahan: Daripada al-Rayyan bin al-Salt berkata: Aku mendengar Al-Rida Ali bin Musa – Imam kelapan di sisi mereka – berkata: Tiadalah Allah ta'ala mengutuskan nabi melainkan dengan Pengharaman arak dan mengakui bagi Allah itu memiliki *al-Bada'*.¹⁶³

Ayat di atas menjelaskan dimana akidah *al-Bada'* merupakan satu akidah yang ada pada Allah SWT dan ia suatu yang tidak boleh disangkal lagi. Ia perlu diimani oleh semua pengikut Syiah sebagai salah satu doktrin akidah yang wajar diketahui. Begitu juga terhadap akidah-akidah lain seperti *al-Imāmah*, *Tahrīf al-*

¹⁶² İhsān İlahī Zāhīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 15

¹⁶³ Al-Kulaynī, *Uṣūl al-Kāfi*, Kitab al-Tawḥīd, Bab al-Bada', 148.

Qur'ān, *Sab al-Sahābah* dan sebagainya. Beliau akan menafsirkan dan memahaminya berassaskan apa yang dinyatakan dalam kitab-kitab mereka. Beliau akan meneliti dan menekuni terlebih dahulu sebelum melakukan kritikan agar kritikan yang dilakukan bersifat adil.

Sehubungan dengan itu penulis mendapati beliau tidak sewenangnya menjatuhkan hukuman kafir atau ia bercanggah dengan Islam kepada semua aliran dalam Syiah melainkan dalam kajian dan penelitiannya mendapati ia bercanggah dengan Islam. Sifat amanah dan adil dalam menjatuhkan hukuman inilah yang menjadikan beliau disegani oleh kawan dan lawan dan sebagai satu kelebihan dan kekuatan yang dimiliki oleh beliau.

Selain itu, penulis mendapati beliau akan mengemukakan pandangan-pandangan yang telah disepakati oleh ulama'ulama' Syiah. Beliau tidak mengemukakan pandangan yang dipeselisihkan dikalangan ulama'mereka dan sekiranya terdapat pertindihan dan perselisihan, beliau akan membahaskannya sebaik mungkin dan akan mentarjihkannya sebagaimana yang telah ditarjihkan oleh ulama Syiah. Ia jelas ketika beliau menolak pandangan 'Abd al-Wāhid Wāfi, salah seorang tokoh ulama Syiah yang menafikan kepercayaan Syiah bekenaan al-Qur'an yang ada pada hari ini tidak lengkap sedangkan semua ulama Syiah sepakat menyatakan al-Qur'an itu tidak lengkap dan berlaku pengurangan dan penambahan sebagaimana yang telah dibincangkan terdahulu. Justeru itu, melalui sifat tersebut telah melonjakkan dirinya menjadi pendakwah yang berwibawa dan disegani oleh masyarakat dalam mendepani isu-isu akidah.

vi. Tiada Kepentingan Diri

Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya tidak pernah mengharapkan sebarang jawatan atau balasan daripada sesiapapun. Beliau berkecimpung dalam dunia dakwah

menghabiskan usianya dengan menghasilkan pelbagai karya dalam akidah, firaq Islam dan sebagainya mengajak manusia kembali kepada kebenaran. Beliau berceramah di pelbagai tempat samada di program-program seminar, wacana, dialog dan sebagainya di seluruh dunia seperti di London, Amerika, Kuwait, Iran, Afghanistan, Itali, Ghana, Korea, Jepun Thailand, China dan sebagainya termasuk negara-negara Arab.

Dalam usaha beliau berdakwah ke merata tempat, beliau tidak pernah mengharapkan sebarang bentuk jawatan tinggi, anugerah dan pujian dari sesiapapun. Kerja-kerja dakwahnya adalah ikhlas kerana Allah Ta’ala. Beliau pernah ditawarkan untuk menjadi Duta di mana-mana negara Arab yang disukainya oleh Perdana Menteri Pakistan Zulfeqar Ali Bhuto tetapi beliau menolaknya. Beliau juga pernah ditawarkan untuk menjadi Menteri Hal Ehwal Islam Pakistan oleh Dhia’ al-Haq yang memegang jawatan Perdana Menteri ketika itu tetapi beliau menolaknya. Beliau juga pernah meninggalkan jawatannya sebagai penasihat Dhia al-Haq yang pernah disandangnya kerana tidak bersesuaian dengan dirinya yang gemar bebas berdakwah menolak faham khurafat dan ajaran sesat.¹⁶⁴ Justeru itu beliau dilihat sebagai seorang pendakwah yang bersih dan bebas dari segala bentuk tuntutan dunia. Keikhlasannya menjadikan beliau berjaya dalam kerjayanya sebagai seorang pendakwah yang disegani.

4.3.2 Kelemahan

Ihsān Ilahī Zahīr seorang tokoh berwibawa yang telah menekuni pelbagai bidang ilmu pengetahuan hingga akhirnya menjadi seorang pendakwah yang berjaya. Walaupun begitu, penulis mendapati terdapat beberapa kelemahan ada pada

¹⁶⁴ ‘Alī bin Mūsā bin Majhūd al-Zāḥrānī, *Shaykh Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr al-‘Aqīdah wa al-Rād ‘alā al-Firāq al-Mukhālafah*, 183 .

kritikan-kritikan beliau yang termuat dalam karya-karyanya. Walaupun begitu, ia tidak menjasakan kredibiliti beliau dalam melakukan kritikan terhadap akidah Syiah.

Ihsān Ilahī Zahīr telah mengarang pelbagai kitab dalam pelbagai bidang ilmu seperti akidah, fiqh, firaq, tasawuf dan sebagainya. Karya-karyanya yang ilmiah masih lagi diguna pakai oleh umat Islam dewasa ini dan menjadi rujukan kepada pengkaji yang ingin mendalami bidang-bidang tetentu. Walaupun begitu, penulis mendapati beberapa kelemahan dikenalpasti oleh penulis dalam kritikannya terhadap akidah Syiah. Antaranya penulis mendapati isu-isu yang dibahaskan oleh beliau tidak tersusun dengan sempurna. Beliau tidak membahaskannya mengikut susunan khusus sebagaimana perbahasan-perbahasan akidah yang dibahaskan oleh kitab-kitab akidah lainnya dengan memulai perbahasan ketuhanan, kenabian dan sam'iyyat. Topik-topik kritikan yang dilakukan oleh beliau tidak tersusun yang menyentuh pelbagai isu akidah dalam ajaran Syiah seperti al-Qur'an, al-Sunnah, *al-Imāmah*, *Sab al-Šahābah* dan sebagainya. Beliau tidak mengumpulkan semua topik akidah Syiah dalam satu kitab tertentu bahkan dalam pelbagai kitab. Ini menyebabkan pengkaji yang ingin menganalisis akidah Syiah melalui kitab-kitab beliau terpaksa menekuni pelbagai kitab yang dikarang oleh beliau seperti *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, *al-Shī'ah wa al-Qur'ān* dan sebagainya membaca dan menganalisis hingga akhirnya pandangan tepat pemikiran beliau berkenaan akidah Syiah dapat dikenalpasti.

Selain itu, penulis juga mendapati beliau tidak menentukan jenis aliran syiah yang dikritik oleh beliau dalam karya-karyanya samada aliran *Sabā'iyyah*, *Imāmiyyah*, *Zaidiyyah*, *Batinīyyah* dan sebagainya secara menyeluruh. Dalam perbahasan berkenaan pandirian Syiah berkenaan sahabat umpamanya penulis mendapati beliau tidak menyebut mana-mana aliran dalam Syiah yang beriktikad dengan kepercayaan tiga orang dari kalangan sahabat sahaja yang diiktiraf sebagai

sahabat¹⁶⁵. Begitu juga perbahasan berkenaan kelebihan para imam seperti mengetahui perkara ghaib, mengetahui bila akan mati dan sebagainya dengan tidak menukilkan mana-mana aliran dalam Syiah.¹⁶⁶ Begitu juga dalam perbahasan berkenaan pegangannya berkenaan *Ahl al-Bayt* yang mengkhususkan hanya kepada kelompok tertentu dan penghinaan kepada selainnya dengan tidak menyebutkan aliran-aliran tetentu dalam Syiah.¹⁶⁷

Walau bagaimanapun, dalam beberapa topik lain seperti perbahasan berkenaan al-Sunnah, penulis mendapati Ihsān Ilahī Zahīr telah menentukan kepada aliran *Shi'ah Ithna 'Ashariyyah* yang beriktitikad dimana mereka tidak menerima hadis-hadis kecuali yang diriwayatkan oleh tiga orang sahabat yang diiktiraf oleh mereka sahaja¹⁶⁸. Begitu juga dalam perbahasan berkenaan *al-Raj'ah*,¹⁶⁹ *al-Bada'*,¹⁷⁰ *Imāmah*¹⁷¹ dan *sab al-Sahābah*.¹⁷²

4.4 Penutup

Ihsān Ilahī Zahīr seorang tokoh dalam dakwah yang berkaliber memberi tentangan hebat dalam mempertahankan akidah *Ahl Sunah wa al-Jama'ah*. Kemampuannya dalam akademik menguasai pelbagai bidang dalam agama disamping penguasaannya dalam pelbagai bahasa menjadikan beliau disegani oleh kawan dan lawan. Kewibawaannya dalam berpidato, berhujah dan berdialog menyerlahkan lagi ketokohan beliau. Karya dan tulisannya penuh dengan isi dan pandangan yang bernas dami mempertahankan akidah *Ahl Sunah wa al-Jama'ah*. Kepelbagaiannya metodologi yang digunakan oleh beliau dalam mengkritik merupakan

¹⁶⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 49.

¹⁶⁶ *Ibid.*, 221-224.

¹⁶⁷ *Ibid.*, 237.

¹⁶⁸ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktur 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl al-Sunah*, 103.

¹⁶⁹ *Ibid.*, 143.

¹⁷⁰ *Ibid.*, 175.

¹⁷¹ *Ibid.*, 191.

¹⁷² *Ibid.*, 205.

kelebihan beliau dalam dunia dakwah khususnya bagi mempertahankan akidah *Ahl Sunah wa al-Jama'ah*.

University Of Malaya

BAB 5 : ANALISIS KRITIKAN İHSĀN İLAHĪ ZAHİR TERHADAP PEMIKIRAN AKIDAH SYIAH

5.1 Pendahuluan

Syiah merupakan satu firqah yang mempunyai pegangan akidah yang berbeza dengan apa yang diimani oleh jumhur muslimin dari kalangan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Perbezaannya ketara dalam pelbagai ajaran yang diimaninya hingga menimbulkan kesangsian terhadap kebenaran pegangan ajaran mereka. Pelbagai pandangan dan kritikan dikemukakan oleh ulama' dan pemikir Islam berkenaan ajaran Syiah bagi menjelaskan kedudukan sebenar ajaran mereka. İhsān İlahī Zahır seorang tokoh yang berwibawa dari Pakistan banyak melakukan kritikan terhadap ajaran Syiah berdasarkan sumber-sumber yang berautoriti. Dalam bab ini penulis akan menganalisis kritikan beliau terhadap akidah Syiah berkaitan persoalan tauhid, kenabian dan akidah-akidah lain seperti *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *al-Imamah*, *ahl al-Bayt*, *al-Sahabah*, *al-Raj'ah* dan *al-Hulūl wa al-Tanāsukh*.

5.2 Kritikan İhsān İlahī Zahır Terhadap Persoalan Tauhid

Persoalan tauhid adalah antara yang dibincang dan dikritik oleh İhsān İlahī Zahır dalam karya-karyanya. Beliau banyak membincangkan persoalan tersebut dengan mengaitkan kepada isu-isu akidah yang diimani oleh mereka seperti *al-Bada'*, *al-Raj'ah*, *al-Tanāsukh wal al-Hulūl*, *al-Imamah* dan sebagainya. Ajaran-ajaran akidah yang dikemukakan oleh Syiah menjurus kepada pendewaan terhadap imam-imam mereka yang bersifat maksum.

Dalam persoalan *al-Imāmah* umpamanya, mereka mengagungkan dan mendewakan para imam dengan beberapa doktrin yang pelik yang bercanggah dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Kemuncak dari pendewaan para imam ialah mengakui

bahawa para imam akan dibangkitkan semula sebelum kiamat bagi mengadili kesalahan yang dilakukan oleh para sahabat yang dibenci oleh mereka dan kalangan umat Islam yang tidak sealiran dengan mereka yang dikenali dengan akidah *al-Raj'ah*. Begitu juga taksubnya mereka terhadap para imam hingga mereka percaya bahawa roh Allah akan meresap masuk ke dalam diri para imam yang dikenali dengan akidah *al-Hulūl* dan *al-Tanāsukh*. Ia merupakan satu akidah yang bermaksud roh Allah akan mersap masuk ke dalam diri Saidina Ali dan imam-imam mereka.¹ Pada ketika itu, diri para imam merupakan jelmaan Allah yang ada pada diri imam-imam mereka. Kesemua akidah tersebut diimani oleh *Shī'ah Imāmiyah* dan *Ja'afariyah* yang dianggap sebagai Syiah yang *mu'tadil* atau tidak melampau.²

Mahasuci Allah rohnya yang berpindah dari diri seorang imam kepada seorang imam. Sifat Allah yang agung tidak menyamai dan dikongsi dengan makhluk. Namun begitu, Syiah telah menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Ia jelas apabila para Imam Dua Belas yang diimani oleh mereka dalam aliran *Shī'ah Imāmiyah* memiliki sifat yang menyamai sifat Allah seperti para imam mengetahui perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Menurut Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī'ah wa ahl al-Bayt*, ia adalah pembohongan dan penyelewengan besar Syiah terhadap sifat ketuhanan Allah yang bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Maha suci Allah dari berkongsi sifatnya dengan manusia dan maha suci Allah sifat ketuhanan ada pada diri imam.³ Manusia biasa sekalipun nabi dan rasul tidak mampu mengetahui perkara-perkara ghaib. Mereka tidak boleh memberikan mudarat atau manfaat kepada manusia kecuali dengan izin Allah. Sebaliknya, menurut Ihsān Ilahī Zahīr Syiah telah mengangkat kedudukan Imam Ali dan imam lainnya penentu kepada manusia untuk ke syurga atau neraka, mengangkat kedudukan mereka lebih tinggi dari nabi dan rasul,

¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'* (Kaherah: Dār Ibn Hazm, 2007), 290.

² *Ibid.*, 291.

³ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt* (Kaherah: Dār al-'Itiṣam, t.t.), 221.

mengetahui berlakunya kiamat, menurunkan hujan, mengetahui ajal kematian, mengetahui hakikat iman seseorang dan sebagainya.⁴ Begitu juga sifat-sifat lain seperti para imam mengetahui perkara-perkara ghaib, para imam bersifat maksum terpelihara dari sebarang dosa, mensifatkan Imam Ali dengan sifat ketuhanan,⁵ kembalinya para imam ke dunia bagi mengadili kesalahan manusia,⁶ juga merupakan kepercayaan dan akidah Syiah yang melampau

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, ia merupakan kepercayaan syirik yang bercanggah dengan Islam dengan meletakkan sifat ketuhanan Allah kepada para imam⁷. Ia bercanggah dengan firman Allah ta’ala sebagaimana berikut:⁸

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

Al-An‘ām 6:59

Terjemahan: Dan kunci-kunci semua yang ghaib ada padanya, tidak ada yang mengetahui selain dia.

Ayat di atas menjelaskan dengan tegas kekuasaan mutlak bagi mengetahui sesuatu hanya ada pada Allah Ta’ala sahaja dan tidak ada pada makhluk lainnya. Ia merupakan pembohongan besar Syiah dengan menyandarkan kepada riwayat-riwayat bohong terhadap para imam⁹ dengan melebihkan para imam lebih dari Nabi Haidir, Musa bahkan Nabi Muhammad SAW.¹⁰ Sandaran mereka adalah riwayat-riwayat yang batil yang tidak diterima oleh akal sehingga menyamakan sifat Allah dengan para imam.¹¹

⁴ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah* (Pakistan: Idarah Turjuman al-Sunnah, 1974), 69.

⁵ *Ibid.*, 65-76. Lihat juga Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa ahl al-Sunnah*, (Lahor : Idarah Turjuman al-Hadis,tt), 191

⁶ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū‘*, 262.

⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 221.

⁸ *Ibid.*, 222.

⁹ *Ibid.*, 221-224. Lihat dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 19-20. Lihat Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 65-76

¹⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 70.

¹¹ *Ibid.*, 74.

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr ia adalah kepercayaan syirik yang bercanggah dengan Islam dengan meletakkan sifat ketuhanan Allah kepada para imam.¹² Ia bercanggah dengan firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ
مَّا دَرَأَ تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Luqmān 31:34

Terjemahan: Dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui dengan pasti apa Yang dikerjakannya besok, dan tidak ada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati, sesungguhnya Allah maha mengetahui di bumi Mana dia akan mati, sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi amat meliputi pengetahuannya.

Melalui pemerhatian penulis, kritikan Ihsān Ilahī Zahīr dalam isu ini hanya kepada aliran-aliran yang *ghulūw* atau melampau seperti aliran *Sabā’iyyah*, *Bayāniyyah*, *al-Mughiriyyah* dan juga aliran yang lainnya. Begitu juga, *Shī‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* atau *Imāmiyyah* yang dianggap sebagai Syiah yang *mu’tadil* juga beriktiqad dengan kepercayaan tersebut. Justeru itu, Ihsān Ilahī Zahīr menjatuhkan hukum kufur kepada mereka yang mengengkari akidah Imamah hanya kepada aliran *Shī‘ah Imāmiyyah* dan aliran-aliran lain yang melampau.¹³

Konsep tauhid dalam Syiah juga wajar dikaitkan dengan persoalan *al-Bada*. Penulis menemui perbincangan berkenaan akidah *al-Bada* di dalam kitab beliau bertajuk *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*¹⁴ dan kitab *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāftī fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*.¹⁵ Ihsān Ilahī Zahīr mengkritik akidah *al-Bada* berdasarkan kitab-kitab firqah Syiah seperti *Uṣūl al-Kāfī* karangan al-

¹² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 221.

¹³ Lihat Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāftī fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 198.

¹⁴ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 5-14.

¹⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāftī fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 5-30.

Kulaynī, *Firāq al-Shī‘ah* karangan al-Nawbakhtī dan sebagainya. Beliau juga memuatkan nas-nas al-Qur'an dalam kritikannya bagi menyokong hujah yang dikemukakan oleh beliau dan menyanggah akidah al-Bada sebagaimana yang diimani oleh Syiah.

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, konsep akidah *al-Bada* yang membawa maksud suatu pengetahuan yang Allah tidak tahu sebelumnya adalah bercanggah dengan konsep tauhid yang sebenarnya¹⁶ yang bersandarkan kepada syara'. Ilmu Allah Ta'ala adalah luas dan tidak dibatasi dengan sesuatu batasan. Ia tidak bermula dengan jahil, tidak berkesudahan dan ia mengetahui semua kewujudan.¹⁷ Ia bersifat *inkishāfi* pada semua yang diketahuinya. Tauhid yang sebenar adalah tauhid yang menafikan Allah bertempat, berpihak dan berpenjuru, mengisi ruang, menumpang dan mengisi ruang.¹⁸ Mahasuci Allah Ta'ala bersifat dengan sifat kekurangan sebagaimana sifat makhluk. Allah Ta'ala yang sifatnya tidak menyerupai yang baharu telah diselewengkan tafsirannya oleh Syiah dengan memperkenalkan akidah *al-Tanāsukh* dan *al-Hulūl*. Ini bermaksud roh Allah Ta'ala akan meresap masuk dan berpindah dari seorang imam kepada seorang imam. Ia jelas bercanggah dengan akidah Islam.

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, akidah *al-Bada* dan akidah lainnya, merupakan satu akidah yang cuba untuk disebarluaskan oleh Syiah ke dalam Islam atas nama *taqrīb* (mendekatkan), *weḥdah* (penyatuan) dan *ittihād* (kesatuan) antara kedua firqah tersebut. Mereka menyebarkan kitab-kitab Syiah yang sarat dengan pegangan akidah Syiah ke dalam negara umat Islam. Ihsān Ilahī Zahīr menegaskan kepercayaan kepada akidah tersebut merupakan satu pengkhianatan terhadap Allah dan rasulnya¹⁹ dan ia menyalahi iktiqad dan pegangan Ahl Sunnah wa al-Jama'ah.

¹⁶ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 64.

¹⁷ Abū Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-'Itiqād* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004), 60.

¹⁸ *Ibid.*, 24.

¹⁹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 7.

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr juga, gesaan Syiah untuk bersatu dengan Ahli Sunnah merupakan gesaan yang batil apabila mereka menawarkan akidah yang bercanggah dengan Islam. Mereka mengemukakan akidah *al-Bada* dan kepercayaan lainnya dan memaksa umat Islam untuk menerima akidah dan kepercayaan tersebut.²⁰ Mereka beriktiqad dengan pegangan yang menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah dan majoriti umat Islam yang tidak diasaskan dengan asas-asas yang tidak ditetapkan dalam *al-Qur'an* dan *al-Hadith*.

Bagi memperkuuhkan kritikannya, Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan beberapa pandangan ulama Syiah bagi menjelaskan konsep akidah *al-Bada*. Beliau telah mengambil pandangan al-Kulayni seorang tokoh besar Syiah dalam ilmu hadith menerusi kitab *Uṣūl al-Kāfi* sehingga beliau telah menyusun bab *al-Bada* sebagai salah satu bab terpenting dalam kitabnya. Ihsān Ilahī Zahīr telah menukilkan hadith-hadith yang diambil dari kitab tersebut antaranya ialah:

Daripada al-Rayyan bin al-Salt berkata, aku mendengar al-Rida (Ali bin Musa – Imam kelapan disisi mereka) berkata: Tidaklah Allah Ta’ala itu mengutuskan seorang nabi melainkan dengan pengharaman arak dan menetapkan Allah Ta’ala dengan *al-Bada*.²¹

Ihsān Ilahī Zahīr juga telah mengemukakan satu riwayat dengan lebih jelas bagi menghuraikan maksud *al-Bada*. Beliau mengemukakan riwayat dari al-Kulayni dari Abi Hasyim al-Ja’afari katanya:

Pernah aku berada disamping Abū Ḥassan a.s sepeninggalan anaknya Abū Jaafar. Ketika itu aku berfikir di dalam diriku dan mahu menceritakan kepadanya apa yang terlintas di hatiku. Seolah-olah Abu Ja’afar dan Abu Muhammad dalam keadaan ini seperti Abū Ḥassan bin Mūsā dan Ismā’īl bin Ja’afar bin Muḥammad. Kisah kedua-duanya sama kerana Abū Muḥammad yang diharapkan (menjadi Imam sepeninggalan Abū Ja’afar). Tiba-tiba Abū al-Ḥassan menghadap ke arahku sebelum lagi aku menceritakan isi hatiku kepadanya, terus dia berkata, “Ya, wahai Abū Ḥāshim memang telah berlaku kepada Allah berhubung dengan Abu Muhammad sepeninggalan Abu Ja’afar apa

²⁰ *Ibid.*, 6.

²¹ Ia merupakan hadith Syiah yang dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dari kitab *Uṣūl al-Kāfi* karangan al-Kulaynī yang dimuatkan dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*. Lihat dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 63.

yang ia (Allah) tidak mengetahui sebelumnya seperti mana telah berlaku kepada Allah tentang Mūsā sepeninggalan Ismā‘īl. Perkara ini memang seperti apa yang terlintas di hatimu walaupun tidak disenangi oleh orang-orang yang sesat. Abu Musa adalah anakku yang menjadi pengganti sesudahku kerana padanya ada pengetahuan yang diperlukan dan bersamannya ada alat Imāmah.²²

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan pandangan al-Nubakhtī dalam kitab *Firāq al-Shī‘ah* sebagaimana berikut:

Al-Nawbakhtī menyebutkan: “Bahwasanya Ja’afar bin Muhammad al-Baqīr telah mengemukakan nas, Ismail anaknya sebagai imam, dan telah mengisyaratkan kepadanya semasa hidupnya, kemudian Ismail mati sedangkan dia (Ja’afar bin Muhammad al-Baqir) masih hidup, maka dia berkata: Tiadalah Allah Ta’ala melakukan al-Bada terhadap suatu perkara sebagaimana Allah melakukan al-Bada terhadap Ismail anaknya.²³

Kenyataan-kenyataan di atas membuktikan Allah Ta’ala mengetahui sesuatu yang tidak diketahui sebelumnya. Perubahan ketetapan Ismail untuk menjadi imam dengan dimatikan oleh Allah Ta’ala membawa maksud Allah Ta’ala itu bersifat dengan sifat jahil atau tidak mengetahui. I’tiqad dan kepercayaan *al-Bada* seumpama di atas menjadi teras dan konsep asas dalam Syiah yang diimani oleh mereka. Ia boleh mengurangkan sifat kesempurnaan Allah Ta’ala dan boleh menyebabkan iman seseorang tergelincir. Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, ia merupakan akidah yang tersasar jauh dari kehendak Islam yang asalnya diimani oleh *Shī‘ah Ghulāt* yang dikemukakan oleh al-Mukhtār bin Abī ‘Ubayd. Golongan Syiah pertengahan telah mengambil akidah tersebut dan dimurnikan agar ia tidak lari dari kehendak Islam.²⁴ Banyak hadith-hadith Syiah yang dinukilkkan oleh beliau bagi memperkuatkan kefahaman dan konsep *al-Bada* yang jauh tersasar dari kehendak Islam seperti hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Babawaih al-Qummī Imam Kelapan disisi Syiah menerusi kitabnya ‘Uyūn

²² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 63-64.

²³ *Ibid.*, 64.

²⁴ *Ibid.*, 62.

akhbar al-Ridā, hadith yang diriwayatkan melalui Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Anbārī dalam kitab *Uṣūl al-Kāfi* karangan al-Kulaynī dan sebagainya.²⁵

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, ia juga merupakan ajaran dan kepercayaan yang terpengaruh dengan akidah Yahudi sebagaimana yang terdapat dalam Kitab Taurat menerusi Safar Takwin, aşhah yang keenam ayat 5,6 dan 7.²⁶ Ia suatu perkara yang tidak asing apabila akidah dan kepercayaan Yahudi menebal dalam akidah Syiah seperti *al-Bada* rentetan dari apa yang telah dilakukan oleh Abdullah bin Saba' yang bertanggungjawab membawa ajaran Yahudi ke dalam agama Islam seawal di zaman Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān. Pengaruh akidah Yahudi dilihat sebagaimana dalam keterangan nas di bawah:

Ketika dilihat Tuhan, bahawa kejahatan manusia besar di muka bumi dan segala kecenderungan hatinya selalu membuatkan kejahatan semata-mata, maka menyesallah Tuhan, bahawa ia telah menjadikan manusia di bumi, dan hal itu memilukan hatinya. Berfirmanlah Tuhan, aku akan menghapuskan manusia yang telah kuciptakan itu dari muka bumi, baik manusia maupun haiwan dan binatang-binatang melata dan burung-burung di udara, sebab aku menyesal bahawa aku telah menjadikan mereka.²⁷

Keterangan nas dari Kitab Taurat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT menyesal dan bersedih dengan kejahatan yang dilakukan oleh manusia. Penyesalan tersebut dilihat apabila Allah SWT ingin menghapuskan manusia dan semua binatang yang hidup di muka bumi ini. Penyesalan tersebut juga berlaku kerana Allah telah menjadikan manusia yang banyak melakukan kerosakan di muka bumi. Ia satu tafsiran dan gambaran salah Yahudi kepada Allah Ta’ala meletakkan sifat penyesalan kepada

²⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, 177. Lihat juga dalam Konferensi Waligereja Indonesia, *al-Kitab* (Indonesia: Percetakan Lembaga al-Kitab Indonesia, 1988), 6.

²⁶ *Ibid.*,182

²⁷ Konferensi Waligereja Indonesia, *al-Kitab.*, 6

Allah Ta'ala. Tafsiran seumpama ini dibawa masuk ke dalam agama Islam melalui faham Syiah dengan apa yang dinamakan dengan kepercayaan *al-Bada*.²⁸

Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan kritikannya berkenaan akidah *al-Bada'* dengan baik berdasarkan kitab dan rujukan firqah Syiah. Hal ini penting bagi memastikan konsep dan kepercayaan yang difahami adalah benar sebagaimana yang diimani oleh Syiah. Ia juga bagi memastikan sebarang kenyataan yang dikeluarkan berkaitan Syiah benar-benar tepat agar tiada mana-mana pihak memanipulasikan isu-isu berkaitan akidah yang diimani oleh Syiah.

5.2.1 Ulasan

Ihsān Ilahī Zahīr dalam perbahasan persoalan ketuhanan menurut Syiah telah mengaitkannya dengan ajaran dan akidah batil yang diimani oleh Syiah seperti akidah *al-Bada*, *al-Imāmah*, *al-Hulūl*, *al-Tanāsukh* dan sebagainya. Beberapa kepercayaan yang bercanggah dengan Islam dikenal pasti oleh beliau seperti Allah tidak mengetahui suatu perkara sehingga ianya berlaku, para imam mengetahui perkara-perkara ghaib, para imam boleh menentukan seseorang untuk ke syurga atau neraka, mengangkat kedudukan imam lebih tinggi dari para nabi dan rasul dan sebagainya. Begitu juga kepercayaan perpindahan roh dari satu jasad ke satu jasad, resapan roh Allah dalam diri imam, kembalinya para imam ke dunia sebelum kiamat dan sebagainya. Ia disebabkan oleh perasaan taksub yang melampau, mendewa dan mengagunggkan para imam meletakkan mereka menyamai kedudukan nabi dan rasul malah memiliki sifat sebagaimana sifat tuhan. Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, ia adalah kepercayaan syirik yang bercanggah dengan Islam yang terpengaruh dengan pemikiran agama Yahudi, Nasrani dan Majusi yang dibawa masuk ke dalam agama Islam oleh Abdullah bin Saba. Pandangannya turut diakui oleh Fathī Muḥammad al-Za'bī dalam kitabnya *Għulāt al-*

²⁸ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāḥid Wāfi fi Kitābihi Bayna al-Shī'ah wa Ahl al-Sunnah*, 182.

Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughayarah li al-Islām al-Yahūdiyyah wa al-Masihiyyah wa al-Majūsiyyah dengan kenyataannya bahawa akidah sembahana berhalia telah menguasai firqah-firqah yang dinisbahkan kepada Islam terutamanya Syiah yang melampau dengan dakwaan ia adalah Islam²⁹ dan secara umumnya agama Yahudi, Nasrani dan Majusi ingin mempengaruhi Islam dengan kemunculan Syiah.³⁰ Ibn Taymiyyah juga sepakat dengan pandangan di atas sebagaimana dalam kitabnya *Minhāj al-Sunnah*.³¹

Ihsān Ilahī Zahīr tidak membincang dan mengkritik persoalan tauhid secara tersusun seperti bermula dengan bab ketuhanan, kenabian dan sam’iyat atau bermula dengan *Tawhīd Rububiyyah*, *Tawhid Ulūhiyyah* dan *Tawhid Asmā’ wa al-Sifāt*. Sebaliknya beliau akan terus membahas suatu isu akidah dalam Syiah satu persatu seperti akidah *al-Bada'*, *al-Imāmah* dan akidah-akidah yang lainnya. Walaupun begitu beliau masih mampu mengemukakan kritikan yang baik dan berkesan. Penulis mendapati beliau mampu membuktikan kebenaran dakwaannya dengan berdasarkan dalil al-Qur'an dan al-Hadith. Beliau juga merujuk karya-karya Syiah bagi mengukuhkan lagi kritikannya dan memastikan kefahaman beliau berkenaan persoalan ketuhanan dapat difahami sebagaimana mereka memahaminya. Riwayat-riwayat firqah Syiah juga akan dijadikan asas bagi membuktikan kebenaran dakwaannya melalui kitab-kitab hadith mereka seperti *al-Kāfi* karangan al-Kulaynī. Di samping itu pandangan ulama dan tokoh besar Syiah juga dirujuk oleh beliau seperti Abī Ja’afar Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Alī al-Ṭūsī, Abī Ja’afar Aḥmad bin Muḥammad bin Khālid al-Barqī, ‘Abbās al-Qummī, Ḥussayn bin Muḥammad Tāqī al-Nūrī al-Ṭabarsī, Abī Maṣṣūr Aḥmad bin ‘Alī bin Abī Ṭālib al-Ṭabarsī dan sebagainya. Ternyata dalam kajian dan pemerhatian beliau secara mendalam berjaya membuktikan kewujudan penyelewengan akidah ketuhanan

²⁹ Fathi Muḥammad al-Za’bī, *Ghulāt al-Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughayarah li al-Islām al-Yahūdiyyah wa al-Masihiyyah wa al-Majūsiyyah* (Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah, 1988), 4.

³⁰ *Ibid.*, 15.

³¹ Ibn Taymiyyah, *Minhāj al-Sunnah* (Riyadh: Maktabah al-Kauthar, 1995), 56.

dalam firqah Syiah yang membawa kepada pendewaan, pemujaan dan menyamakan sifat Imam menyamai sifat Allah SWT.

Walau bagaimanapun kritikan İhsān İlahī Zāhīr hanya difokuskan kepada Syiah *ghulūw* atau melampau seperti *Sabā'iyyah*, *al-Bayāniyyah*, *al-Mughīriyyah* dan sebagainya. Begitu juga *Shī'ah Ithnā 'Ashariyyah* atau *Imāmiyyah* yang dianggap sebagai Syiah yang *mu'tadil* juga beriktiqad dengan akidah dan kepercayaaan tersebut. Hukum kufur kepada sesiapa yang mengingkarinya adalah terhadap Syiah yang berkaitan sahaja. Al-Ghazālī dalam kitabnya *Fadā'ih al-Bāṭiniyyah wa Fadā'il al-Mustazhariyyah* mensifatkan kepercayaan dan akidah mereka sebagai akidah mazhab yang merosakkan³² umat manusia.

Selanjutnya İhsān İlahī Zāhīr membandingkan akidah ketuhanan menurut Syiah dengan akidah ketuhanan yang terdapat dalam Islam. Beliau mengemukakan nas al-Qur'an dan hadith nabi sebagai ukuran bagi menganalisis akidah ketuhanan menurut Syiah. Nas al-Qur'an dan al-Hadith yang dikemukakan oleh beliau akan menilai dan memastikan kedudukan ajaran tersebut.

Persoalan *al-Bada'* juga dikritik oleh İhsān İlahī Zāhīr dengan baik. Menurut beliau ia adalah pengkhianatan besar terhadap kesucian akidah Islam sebagaimana yang diijma'kan oleh semua mazhab dalam Islam. Malah beliau dilihat bertegas hingga menjatuhkan hukum kafir terhadap mereka yang berpegang dengan fahaman yang bercanggah dengan Islam.

Beliau juga cuba mengaitkan akidah tersebut yang berasal dari agama Yahudi yang dibawa masuk ke dalam ajaran Islam oleh 'Abd Allāh bin Sabā' seawal di zaman 'Uthmān bin 'Affān. Ia telah diindahkan dengan solekan Islam hingga manusia menyangka ia berasal dari Islam sedangkan ia ajaran luar yang cuba diseludup masuk ke dalam agama Islam. Ia mula diimani sebagai satu akidah oleh golongan *Shī'ah Ghulāt*

³² Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Fadā'ih al-Bāṭiniyyah wa Fadā'il al-Mustazhariyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 2002), 102.

dan diambil oleh golongan pertengahan dan akhirnya diterima pakai oleh Syiah. Asal-usul ajaran tersebut didedahkan oleh İhsān İlahī Zahīr adalah bagi membuktikan dimana ia bukan berasal dari Islam dan tidak dinyatakan dalam nas syara' samada al-Qur'an atau *al-hadith* baginda Rasulullah SAW.

Kritikan İhsān İlahī Zahīr berkenaan akidah tersebut adalah bersumberkan kenyataan dan pandangan ulama mereka seperti al-Kulayni melalui kitabnya *Uṣūl al-Kāfi*, al-Nawbakhti melalui kitabnya *fīrāq al-Shī‘ah* dan Ibn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *‘Uyūn al-Akhbār al-Riḍā* dengan mengemukakan dalil-dalil yang diambil dari kitab-kitab mereka. Beliau juga dilihat adil ketika memberikan kritikan terhadap akidah tersebut dengan tidak menjatuhkan kepada semua aliran dalam Syiah. Konsep *al-Bada'* yang ditolak oleh İhsān İlahī Zahīr adalah *al-Bada'* yang memberi maksud Allah Ta'ala itu jahil. İhsān İlahī Zahīr berpandangan fahaman yang bermaksud jahil seumpama itulah yang diimani oleh Syiah. Walaupun terdapat tafsiran lain terhadap akidah *al-Bada'* yang dikiaskan dengan maksud *nasikh* dan bukan jahil, tetapi beliau menegaskan bahawa maksud yang diterima pakai dan disepakati oleh Syiah sebagaimana yang diimani oleh *Shī‘ah Imāmiyyah* ialah dengan maksud jahil. Ini bermaksud Allah Ta'ala hanya akan mengetahui suatu perkara setelah ianya berlaku. Maha Suci Allah Ta'ala dari memiliki sifat seumpama itu.

Pandangan Syiah berkenaan akidah *al-Bada'* juga dikecam oleh Ja'afar al-Sadiq³³ dan menjatuhkan hukuman kafir bagi sesiapa yang mengimannya. İhsān İlahī Zahīr mengemukakan pandangan beberapa tokoh ulama' Syiah adalah bagi menyokong pandangannya berkenaan kesesatan akidah tersebut. Ia antara metodologi beliau menolak akidah tersebut dan membuktikan ajaran Ahl Sunnah wa al-Jama'ah adalah ajaran yang benar.

³³ Abduzzahar al-Nadr, *Nazariyyah al-Bada'* 'Inda Shadruddin al-Shirazi (Najef : Matba'ah al-Nu'man, 1975), 27

5.3 Kritikan İhsān İlahī Zahīr Terhadap Persoalan Kenabian

Persoalan kenabian tidak dibahaskan oleh İhsān İlahī Zahīr dalam karyanya secara terperinci. Beliau hanya menyentuh dengan ringkas persoalan tersebut melalui karyanya *al-Taṣawwūf* dan kitab *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*. Dalam kitab *al-Taṣawwūf* beliau mengaitkannya dengan persoalan wali. Beliau menjelaskan pandangan Syiah berkenaan kedudukan wali adalah menyamai kedudukan nabi bahkan melebihi kedudukan nabi. Persamaan antara wali dan nabi ini dapat dilihat dalam persoalan ilmu dimana mereka memperolehinya tanpa usaha. Para nabi dianugerahkan ilmu tanpa belajar melalui wahyu yang disampaikan oleh malaikat Jibril, manakala wali memperolehi ilmu tanpa belajar melalui ilham.³⁴ Begitu juga pandangan Syiah berkenaan jawatan nabi adalah berterusan tidak terputus selama-lamanya dengan kedatangan nabi silih berganti selepasnya.³⁵ Jawatan kenabian tersebut diwarisi dan disinambungkan dengan memperkenalkan akidah Imamah yang mempunyai sifat dan martabat yang menyamai nabi bahkan melebihi nabi. Menurut İhsān İlahī Zahīr ia adalah akidah yang diambil dari agama Yahudi dengan tujuan untuk menghancurkan identiti Islam dan membuka ruang kepada golongan dajjal dan pendusta menyebarkan faham kenabian yang menyeleweng dari Islam.³⁶ Beliau menambah, perancangan Yahudi tersebut adalah bertujuan untuk menjauhkan umat Islam dari berpegang dengan agama yang sebenar yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dengan menyebarkan firnah, memecah belah kesatuan umah dengan kepercayaan akidah kenabian yang menyeleweng³⁷. Beliau dalam kritikannya telah mengemukakan bukti dan dalil melalui firman Allah Ta’ala yang bermaksud:

³⁴ İhsān İlahī Zahīr, *al-Taṣawwūf* (Riyadh: Maktabah Bayt al-Salam, 1987), 204.

³⁵ İhsān İlahī Zahīr menukilkan kenyataan tersebut dari kitab *Firāq al-Shī‘ah* yang dikarang oleh al-Nubakhtī. Sila lihat dalam İhsān İlahī Zahīr, *al-Taṣawwūf*, 216.

³⁶ İhsān İlahī Zahīr, *al-Taṣawwūf*, 216.

³⁷ *Ibid.*, 216.

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ

Al-Ahzab 33:40

Terjemahan: “Tiadalah Muhammad itu bapa kepada salah seorang dari kamu, Tetapi dia adalah Rasulullah dan penyudah nabi.”

Dalam ayat lain Allah Ta’ala juga berfirman yang bermaksud:

إِلَيْهِ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Al-Māidah 5:3

Terjemahan : Pada hari ini aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan aku telah sempurnakan ke atas kamu ni'matku, dan aku reda Islam sebagai agama bagi kamu.

Beliau juga memberikan kritikan terhadap Syiah berkenaan para imam yang memiliki sifat maksum sebagaimana maksumnya para nabi. Ini bermaksud kedudukan para nabi adalah menyamai para imam bahkan Saidina Ali sendiri sebagai imam pertama kedudukannya lebih tinggi daripada nabi³⁸ yang mana ia bercanggah dengan Islam.³⁹ Ia merupakan penghinaan ke atas Nabi Muhammad SAW yang melebihikan para imam melebihi para nabi dan rasul dengan sifat-sifat yang tidak layak baginya.⁴⁰ Mereka mengemukakan akidah tersebut adalah untuk mengurangkan martabat dan kedudukan para nabi agar ia tidak melebihi kedudukan para imam mereka.⁴¹ Menurut İhsān İlahī Zahīr ia merupakan satu penghinaan terhadap jawatan kenabian⁴² yang dianugerahkan oleh Allah kepada para nabinya yang terpilih sahaja. Penghinaan tersebut dizahirkan dengan adanya akidah dan kepercayaan-kepercayaan tertentu berkenaan konsep kenabian yang diimani oleh mereka. Ia adalah penghinaan secara langsung Syiah

³⁸ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 239.

³⁹ İhsān İlahī Zahīr, *al-Taṣawwuf*, 221.

⁴⁰ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 238.

⁴¹ *Ibid.*, 240.

⁴² *Ibid.*, 238.

terhadap para nabi yang mempunyai sifat *Khusūsiyyah* yang hanya dimiliki oleh mereka sahaja dan tidak kepada manusia lain.

Justeru itu jawatan kenabian sebenarnya telahpun berakhir pada Nabi Muhammad SAW dan tidak ada nabi lain selepas Nabi Muhammad. Para sahabat hanya mewarisi agama yang dibawa oleh nabi untuk disinambungkan kepada generasi selepasnya hingga lahir para ulama dan cerdik pandai dalam agama. Mereka tidak bersifat maksum sebagaimana nabi dan tiada jaminan untuk mereka melakukan kesalahan dan kesilapan. Kedudukannya tidak setaraf dengan nabi, apalagi melebihi kedudukan nabi. Mereka manusia biasa yang mempunyai sifat manusia sebagaimana manusia lainnya.

5.3.1 Ulasan

Persoalan kenabian diulas oleh İhsān İlahī Zahīr hanya dalam dua kitab sahaja iaitu kitab *al-Taṣawwūf* dan kitab *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*. Beliau tidak mengkritik secara terperinci persoalan tersebut sebagaimana dalam persoalan akidah lainnya. Kritikannya terbatas kepada beberapa isu sahaja dengan mengaitkannya kepada persoalan imam iaitu isu berkenaan para imam itu menyamai bahkan melebihi para nabi dan rasul dari segi kedudukan dan martabatnya, persoalan para imam yang maksum sebagaimana maksumnya para nabi dan rasul dan persoalan jawatan kenabian yang tidak terputus bahkan berterusan.

Kritikan-kritikan yang diutarakan oleh beliau adalah benar dan bertepatan dengan Islam berdasarkan nas syara' sebagaimana di atas. Walau bagaimanapun penulis mengenalpasti kritikan tersebut sebenarnya difokuskan kepada *Shī‘ah Imāmiyyah* atau *Shī‘ah Ithnā ‘Ashariyyah* dan tidak kepada *Shī‘ah Zaydiyyah* yang hampir dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama‘ah*. İhsān İlahī Zahīr dilihat teliti dalam memberikan kritikannya berkenaan isu tersebut dan tidak menyeluruh kepada semuah aliran Syiah. Ketelitiannya

inilah yang menjadikan beliau bersikap adil dan tepat dalam mengemukakan pandangan dan kritikan berkaitan persoalan kenabian.

Penulis melihat pandangan dan kritikan beliau bertepatan dengan pandangan Ahl Sunna wa al-Jama'ah. Menurut Abū Ḥasan al-Ash'arī dalam kitabnya *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilaf al-Muṣallīn* para nabi dan rasul sahaja yang maksum terpelihara dari melakukan sebarang maksiat⁴³ dan tidak kepada para imam. Begitu juga pandangan 'Abd al-Karīm al-Shahrustānī dalam kitabnya *Nihāyah al-Iqdām fī 'Ilm al-Kalām* berkenaan maksumnya para nabi dan rasul dari melakukan maksiat.⁴⁴ Ia juga turut disepakati oleh Abū Ḥāmid al-Ghazālī dalam kitabnya *al-Iqtisād fī al-'Itiqād*.⁴⁵ Begitu juga dalam isu berkaitan kedudukan para imam yang menyamai bahkan melebihi kedudukan para nabi juga bertentangan dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Beliau juga menolak pandangan Syiah yang berpandangan jawatan kenabian adalah berterusan dan tidak terputus. Semua kepercayaan tersebut disanggah oleh Ihsān Ilahī Zahīr dengan baik dan disepakati oleh ulama-ulama *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* sebagaimana di atas.

5.4 Kritikannya Terhadap Akidah dan Kepercayaan dalam Syiah

Firqah Syiah merupakan firqah yang memiliki akidah yang berbeza dengan apa yang dipercayai dan diimani dalam tradisi akidah *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Kelainannya menimbulkan kritikan hebat yang dilakukan oleh ulama dan pemikir Islam. Dalam bahagian ini penulis akan membahaskan kritikan Ihsān Ilahī Zahīr terhadap akidah-akidah utama dalam Syiah iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, *al-Imamah*, *Ahl al-Bayt*, *sahabat*, *al-Raja'h* dan *al-Hulūl wa al-Tanāsukh*.

⁴³ Abī al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'īl al-Ash'arī, *Kitāb Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilaf al-Muṣallīn* (t.t.p.: Dār al-Nashr, 1963), 48.

⁴⁴ 'Abd al-Karīm al-Shahrustānī, *Nihāyah al-Iqdām fī 'Ilm al-Kalām* (Mesir: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, t.t.), 495.

⁴⁵ Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-'Itiqād*, 111-114.

5.4.1 Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Berkaitan Persoalan al-Quran

Ihsān Ilahī Zahīr telah memuatkan kritikannya berkenaan al-Qur'an menurut Syiah dalam kitabnya *al-Shī'ah wa al-Qur'an*, *al-Shī'ah wa ahl al-Sunnah* dan *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd Wāhid Wāfī fī Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa ahl al-Sunnah*. Dalam ketiga-tiga kitab tersebut Ihsān Ilahī Zahīr menyebutkan kenyataan Syiah dimana al-Qur'an yang ada dewasa ini iaitu *Muṣḥaf Rasm 'Uthmānī* telah diselewengkan, dikurang dan ditambah.⁴⁶ Menurut Syiah ia bukannya al-Qur'an sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Ia dinamakan akidah *Tahrīf al-Qur'an*. Walaupun ia dinafikan oleh Dr 'Alī 'Abd Wāhid Wāfī, tetapi Ihsān Ilahī Zahīr telah membuktikan akidah tersebut diimani oleh Syiah. Beliau telah mengemukakan pelbagai bukti dan hujah yang diambil dari kitab-kitab mereka berkenaan akidah tersebut.

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, Syiah ingin menipu daya orang-orang Islam agar mereka menerima ajaran dan akidah yang diimani oleh mereka dengan bertopengkan Islam. Mereka menggunakan pelbagai cara dengan menyembunyikan penipuan mereka bertopengkan *taqiyyah* dengan tujuan untuk menyesatkan orang Islam agar orang Islam berkiblatkan agama mereka, memakan sembelihan mereka, berselawat dengan selawat mereka hingga akhirnya orang Islam meninggalkan al-Qur'an dan ajaran Islam yang sebenar.⁴⁷ Mereka memertabatkan firqah Syiah sebagai satu mazhab yang perlu diiktiraf oleh umat Islam dan menyandarkannya berdasarkan riwayat-riwayat dari imam mereka.

Justeru itu, mereka menuduh para sahabat dari kalangan khalifah yang bertanggungjawab membuang ayat berkenaan *al-Wilayah* dan juga ayat-ayat lain

⁴⁶ Menurut Prof Madya Dr Kamaludin Marjuni terdapat dua faktor atau motif Syiah mendakwa terdapat penyelewengan dalam al-Quran. Pertama disebabkan oleh kekecewaan yang mendalam dalam kalangan ulama Syiah kerana tidak disebut tentang Imamah dalam al-Quran sedangkan Imamah persoalan akidah yang penting dalam Syiah. Kedua. Mereka ingin menghindarkan diri daripada mengaku tentang kemuliaan para sahabat yang dijelaskan dalam al-Quran dimana dalam al-Quran banyak ayat-ayat yang menunjukkan dan menerangkan kebesaran serta keutamaan para sahabat, disamping redha Allah SWT kepada mereka dan janji Allah bagi memasukkan mereka ke syurga. Sila rujuk Kamaluddin Nurdin Marjuni, *Adakah Syiah Kawanku* (Selangor : PTS Millenia, 2014), 95-103

⁴⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qurān*, 61.

dengan tujuan kononnya bagi mempertahankan hak *Ahl al-Bayt*.⁴⁸ Bagi memperkuatkan kenyataannya Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan pelbagai kenyataan ulama Syiah seperti al-Kulayni dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi*,⁴⁹ al-Ṭabrisī dalam kitabnya *Tafsīr Majma’ al-Bayān*,⁵⁰ kitab *al-Iḥtijāj*⁵¹ dan sebagainya.

Ihsān Ilahī Zahīr berpandangan pengurangan dan penambahan dalam al-Qur'an sebagaimana yang diimani oleh Syiah dilakukan oleh golongan munafikin yang sengaja ingin mengubah dan menambah al-Qur'an. Ia menyamai apa yang berlaku dalam agama Nasrani dan Yahudi yang telah mengubah kitab suci mereka iaitu Taurat dan Injil.⁵² Al-Qur'an yang diimani oleh umat Islam pada hari ini merupakan wahyu Allah Ta'ala yang sentiasa dijaga dan dipelihara dan tidak boleh dihapuskan.

Ihsān Ilahī Zahīr juga menjelaskan berkenaan ayat zahir dan batin yang terdapat dalam ajaran Syiah adalah bagi memenuhi tuntutan dan kepentingan mereka dengan memberikan tafsiran salah berkenaan agama. Ia sengaja diada-adakan dengan mengubah ayat-ayat tertentu dan menafsirkannya mengikut kehendak mereka.⁵³ Ayat Batin hanya boleh ditafsirkan dan diketahui oleh mereka yang alim dari kalangan orang-orang yang dalam ilmunya dan diberi kelebihan akal dan pemikiran yang bersih dan suci. Mereka sahaja yang boleh mengetahui dan menafsirkan Ayat Batin sebagaimana tafsiran mereka dalam ayat di bawah:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Al-Aḥzab 33:56

Terjemahan: Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas nabi, wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atas mereka dan berilah kesejahteraan.

⁴⁸ *Ibid.*, 52.

⁴⁹ Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan pelbagai hadis Syiah berkenaan doktrin *Taḥrīf al-Qurān* yang dimuatkan dalam kitab-kitab beliau. Sila lihat dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 79,88.

⁵⁰ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qurān*, 80.

⁵¹ *Ibid.*, 84-86.

⁵² ‘Abd al-Azīz Sayf al-Nāsir, *al-‘Aqā’id al-Naṣraniyyah fī Daw al-Wahy al-Ilāhī wa al-Takthīrat al-Wathaniyyah* (Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah, 1991), 14.

⁵³ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qurān*, 56.

Ayat di atas mengandungi makna zahir dan batin. Makna zahir ialah ﷺ yang bererti berselawatlah ke atasnya dan makna batin ialah وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا yang bererti dan berikanlah kesejahteraan. Berikanlah kesejahteraan dalam ayat di atas menurut Syiah bermaksud kesejahteraan kepada orang yang diwasiatkan untuk diberikan khalifah dan berikan kelebihan ke atas mereka dan dijanjikan ke atas mereka keselamatan.⁵⁴ Mereka yang dianugerahkan Allah kesucian hati, akal dan bersih pemikirannya sahaja yang mampu memahami ayat-ayat yang mengandungi makna batin. Begitu juga dalam menafsirkan firman Allah Ta’ala sebagaimana berikut:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهُهُ

Al-Qaṣāṣ 28:88

Terjemahan: Semua perkara binasa melainkan wajahnya.

Menurut Syiah ayat di atas bermaksud semua perkara akan binasa melainkan agamanya iaitu Syiah.⁵⁵ Ia bermaksud agama yang selamat dan berkekalan hingga kiamat ialah Syiah. Agama Islam yang beraliran *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah* tidak terjamin keselamatannya dan tidak berkekalan sebagaimana Syiah.

Iḥsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan pandangan ulama-ulama Syiah yang mempertikaikan dan tidak sependapat dengan akidah “*Taḥrīf al-Qur’ān*” seperti Abū ‘Alī al-Tabarsī dalam muqaddimah tafsirnya *Majma’ al-Bayān*.⁵⁶ Menurut beliau akidah “*Taḥrīf al-Qur’ān*” merupakan perkara batil yang diambil dari golongan *Hashawiyah* dan *Shī‘ah Imāmiyyah*⁵⁷ yang tidak ada dalam agama Islam. Al-Qur’ān yang ada pada hari ini terpelihara dan dijaga dengan baik dan rapi oleh Allah Ta’ala.

⁵⁴ *Ibid.*, 54.

⁵⁵ *Ibid.*, 55.

⁵⁶ *Ibid.*, 63. Ihsān Ilahī Zahīr menukarkan pandangan Abū ‘Alī al-Tabarsī menerusi karyanya *Majma’ al-Bayān*.

⁵⁷ *Ibid.*, 63.

Ulama-ulama semenjak dahulu bersungguh menjaga kesucian al-Qur'an dari sebarang pengubahan. Pandangan beliau turut disokong oleh Abū Ja'afar al-Ṭusī dalam kitabnya *al-Tibyān*.⁵⁸ Beliau menyatakan penambahan dan pengurangan yang berlaku dalam al-Qur'an adalah perkara yang tidak layak yang boleh membawa kepada pembatalannya.⁵⁹ Begitu juga pandangan Ibn Babawaih al-Qummī yang berpandangan sama sebagaimana mereka.⁶⁰

Mereka telah menambah surah dan ayat dalam al-Qur'an walaupun mereka menafikannya seperti apa yang dinyatakan oleh 'Abd al-Wāḥid Wāfi dalam kitabnya *Bayna al-Shī'ah wa ahl Sunnah*.⁶¹ Pandangannya juga turut disepakati oleh Muhammad bin al-Nu'mān al-'Akbārī al-Baghdādī dan Sayyīd al-Murtadā.⁶² İhsān İlahī Zahīr menolak tipu daya mereka dengan mengemukakan pandangan ulama-ulama lain dalam Syiah yang mengakui kewujudan akidah tersebut seperti Saiyyīd Ne'matullah al-Jazā'irī,⁶³ Saiyyīd Muḥammad al-Laknawī,⁶⁴ Abū Ja'afar Muḥammad bin Ya'akub al-Kulaynī, 'Alī bin Ibrāhīm al-Qummī, Muḥammad bin Mas'ud al-Ayyashī, Muḥammad bin Ḥasan al-Sighar, Furat bin Ibrāhīm al-Kūfī, Muḥammad Ibn Nu'mān, dan sebagainya.⁶⁵

Menurut İhsān İlahī Zahīr lebih seribu hadith dari pelbagai *turuq*, *rāwī* dan kitab menjelaskan berkenaan al-Qur'an telah diubah, diseleweng, ditambah dan dikurangkan. Ulama-ulama Syiah yang mengingkari akidah *Tahrīf al-Qur'ān* seperti Ibn Babawaih al-Qummī, Abū Ja'afar al-Ṭusī, Abū 'Alī al-Ṭabrasī dan sebagainya⁶⁶ sebenarnya bersifat berpura-pura dan menyembunyikan hakikat sebenar pegangan mereka. Ia

⁵⁸ *Ibid.*, İhsān İlahī Zahīr menukilkan pandangan Abū Ja'afar al-Ṭusī menerusi kayanya *al-Tibyān*.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ *Ibid.*, 61.

⁶¹ İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāḥid Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl Sunnah*, 67-102.

⁶² *Ibid.*, 71.

⁶³ *Ibid.*, 72.

⁶⁴ *Ibid.*, 74.

⁶⁵ *Ibid.*, 77-78

⁶⁶ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qurān*, 65.

diizinkan dalam ajaran Syiah yang dinamakan *taqiyyah*. Mereka berniat untuk menipu daya orang Islam⁶⁷ agar tertarik dengan Syiah yang seolah-olah tiada percanggahan dengan Ahl Sunnah wa al-Jama'ah.

Pandangan Ihsān Ilahī Zahīr diperkuuhkan dengan menukilkan pandangan 'Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Musāwī al-Jazā'irī salah seorang ulama besar dalam Syiah yang menegaskan berlakunya *Tahrīf* dalam al-Qur'an samada kalamnya, isi kandungan dan i'rabnya.⁶⁸ Ihsān Ilah Zahīr juga telah mengenalpasti beberapa percanggahan kenyataan Ibn Babawaih al-Qummī berkenaan *Tahrīf al-Qur'ān* dalam kitabnya *Man lā Yaqđuru hū al-Faqīh*. Beliau telah mengemukakan pelbagai riwayat yang menunjukkan berlaku *Tahrīf al-Qur'ān*, pengurangan dan penambahan dalam al-Qur'an.⁶⁹ Ia dibuktikan ketika Ibn Babawaih berpendapat berkenaan penambahan kalimah إلى أجل مسمى .

فَمَا اسْتَمْسَطْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ إِلَى أَجْلِ مَسْمَى أَجْوَرُهُنَّ فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَمِنْ مَسْمَى .
Dua kalimah di atas bukan kalimah asal dalam al-Qur'an⁷⁰ sebagaimana yang diturunkan oleh Allah Ta'ala kepada Nabi Muhammad. Ia adalah penambahan yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Ini menunjukkan dimana Ibn Babawaih al-Qummī bertaqiyyah ketika mengingkari *Tahrīf al-Qur'ān*. Beliau cuba menyembunyikan hakikat sebenar dirinya yang sependapat dengan ulama Syiah lain berkenaan akidah *Tahrīf al-Qur'ān*.⁷¹ Beberapa ulama lain dari kalangan Syiah juga menolak pandangan Ibn Babawaih al-Qummī dan lainnya seperti Muhsin al-Kashāñī,⁷² Hāshim al-Baħrañī,⁷³ Muhammad bin

⁶⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'alā al-Duktūr 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl Sunnah*, 65-66.

⁶⁸ *Ibid.*, 67.

⁶⁹ *Ibid.*, 68.

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ Banyak riwayat-riwayat dari hadis Syiah yang menjelaskan tentang berlakunya *Tahrīf* dalam al-Quran. Sila lihat Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qurān*, 67-68.

⁷² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qurān*, 71.

⁷³ *Ibid.*, 72.

Yakub al-Kulaynī,⁷⁴ ‘Alī bin Ibrāhīm al-Qummi⁷⁵ dan sebagainya. Mereka juga tidak menyandarkan akidah *Tahrīf al-Qur’ān* kepada riwayat yang maksum dari kalangan imam-imam mereka, sebaliknya mereka sendiri yang mengada-adakan kepercayaan dan meletakkan benih-benih kesesatan dalam Syiah. Para imam mereka tidak pernah menyebut dan membincangkan masalah ini. Dengan pandangan ramai yang dikemukakan oleh ulama mereka dan hadis-hadis dari pelbagai turuk dan rawi menjadikan ia satu akidah yang diimani oleh Syiah.

Melalui pengamatan penulis terhadap kritikan dan analisis İhsān İlahī Zahīr berkenaan pandangan Syiah terhadap al-Qur'an pada peringkat kedua pula mendapatkan mereka juga berpegang dengan iktiqad *Tahrīf al-Qur’ān* sebagaimana yang diimani oleh Syiah pada peringkat pertama berdasarkan riwayat-riwayat daripada imam-imam yang maksum dari kalangan mereka. Ulama Syiah yang tidak sependapat dengan pandangan tersebut juga berasaskan *taqiyyah*⁷⁶ dengan menyembunyikan hakikat kebenaran keimanan mereka dengan tujuan untuk menipu daya umat Islam dan menyelamatkan diri dari kritikan dan cercaan umat Islam.⁷⁷

Tahrīf al-Qur’ān berterusan hingga pada peringkat ketiga dengan kemunculan ulama-ulama Syiah yang lantang memperkatakan akidah tersebut seperti al-Jazā’irī,⁷⁸ al-Tabrasī,⁷⁹ Mula Baqīr al-Majlisī,⁸⁰ al-Tahranī,⁸¹ Muḥammad Ḥusayn ‘Alī Kasyif al-Ghita,⁸² al-Baḥrānī,⁸³ dan sebagainya. Kepercayaan kepada akidah *Tahrīf al-Qur’ān* adalah untuk memburukkan imej generasi sahabat yang didakwa berlaku khianat kepada *ahl al-Bayt*. Mereka didakwa merampas takhta khalifah dari Saidina Ali,

⁷⁴ *Ibid.*,73.

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Menurut Ahmad Sultan salah seorang ulama Syiah menegaskan kalangan ulama Syiah yang menafikan Tahrif al-Quran adalah atas dasar taqiyyah. Sila lihat İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qurān*, 91.

⁷⁷ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Qurān*, 87-99

⁷⁸ *Ibid.*, 92

⁷⁹ *Ibid.*,

⁸⁰ *Ibid.*,

⁸¹ *Ibid.*, 93.

⁸² *Ibid.*, 95.

⁸³ *Ibid.*, 96.

meracuni Nabi Muhammad hingga membawa kepada kewafatannya, tidak menghormati dan menjaga hak *Ahl al-Bayt*⁸⁴ dan sebagainya. Rentetan dari itu, mereka cuba menghilangkan kepercayaan umat Islam terhadap para sahabat dengan memburukkan imej mereka yang tidak amanah menyembunyikan dan menyelewengkan al-Qur'an.

Selain itu al-Qur'an juga banyak memberi pujian kepada para sahabat rasul hingga akhirnya ramai orang mukmin mencontohi dan meneladani mereka. Begitu juga al-Qur'an yang terkumpul dewasa ini telah dikumpulkan oleh Khulafa al-Rasyidin khususnya 'Uthmān bin 'Affān yang mampu menghimpunkan manusia dengan bacaan *rasm 'Uthmāni*. Ia adalah perkara yang tidak disenangi oleh mereka hingga akhirnya mereka memperkenalkan akidah *Tahrīf al-Qur'ān*.⁸⁵ Pelbagai kitab hadith telah dikarang bagi memperkuuhkan akidah tersebut. Antara kitab hadith yang membincangkan akidah *Tahrīf al-Qur'ān* ialah *Faṣl al-Khiṭāb fī Ithbat Tahrīf Kitāb Rab al-Arbāb* karangan Ḥusayn bin Muḥammad al-Tāqī al-Nūrī al-Ṭabrasī. Kitab tersebut telah memuatkan seribu hadith Syiah bagi membenarkan dan menthabitkan akidah *Tahrīf al-Qur'ān* yang diimani oleh Syiah. Kitab tersebut menunjukkan akidah *Tahrīf al-Qur'ān* diimani oleh Syiah dan didokong oleh ramai ulama Syiah yang dimuatkan dalam pelbagai kitab mereka. Kitab tersebut sebagai bukti kukuh pegangan akidah mereka berkaitan *Tahrīf al-Qur'ān* sebagaimana yang diimani oleh seluruh pengikut fahaman Syiah.

5.4.1.1 Ulasan

Setelah penulis menjelaskan tentang pandangan Ihsān Ilahī Zahīr berkenaan al-Qur'an, maka di sini penulis akan memberikan ulasan sebagaimana berikut. Ihsān Ilahī Zahīr dalam memahami isu tersebut membahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat

⁸⁴ Muḥammad al-Tijānī al-Samawī, *al-Shī'ah Hum Ahl al-Sunnah* (London: Muassasah al-Fajr, t.t.), 31-36.

⁸⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Qur'ān*, 91-92.

pertama pada empat kurun yang pertama. Peringkat kedua pada kurun keempat hingga kurun keenam hijrah. Peringkat ketiga pula ialah pada kurun ketujuh hingga ke hari ini. Pada peringkat pertama mereka beriktiqad dimana al-Qur'an itu telah diselewengkan, ditokok tambah dan telah diubah. Peringkat kedua pula adalah peringkat dimana terdapat beberapa ulama yang mengengkari berlakunya *Tahrif* dalam al-Qur'an secara *Taqiyyah*. Mereka ialah Abū 'Alī al-Tabarsī, Abū Jaafar al-Ṭūsī dan Ibn Babawaih al-Qummī. Peringkat ketiga pula mereka beriktiqad dimana berlakunya *Tahrif* dalam al-Qur'an dan ia diimani hingga ke hari ini.

Pemerhatian beliau mendapati semua ulama Syiah dalam tiga peringkat tersebut beriktiqad dengan akidah *Tahrif al-Qur'an*. Ia suatu yang tidak boleh disangkal sebagaimana dalam kritikan beliau di atas. Walaupun terdapat dikalangan ulama Syiah pada peringkat kedua seperti Ibn Babawaih al-Qummī, Abū Ja'afar al-Ṭūsī dan Abū 'Alī al-Tabarsī yang menafikan akidah tersebut, tetapi ia merupakan *taqiyyah* yang sengaja dilakukan oleh mereka sedangkan sebenarnya mereka juga beriktiqad dengan akidah tersebut. Walaupun mereka bertopengkan *taqiyyah*, Ihsān Ilahī Zahīr melalui kajiannya berjaya membongkar tipu daya mereka yang ingin menyesatkan umat Islam. Begitu juga kepercayaan Syiah berkenaan penambahan surah *al-Wilayah* dan surah-surah lain dalam al-Qur'an yang terpengaruh dengan agama Nasrani dan Yahudi yang menokok tambah Taurat dan Injil juga disanggah oleh Ihsān Ilahī Zahīr. Walau bagaimanapun penulis mendapati Ihsān Ilahī Zahīr berpandangan kepercayaan akidah tersebut hanya diimani oleh firqah Syiah yang beraliran *Imāmiyyah* sahaja dan aliran-aliran yang melampau. Ia merupakan kesepakatan yang telah diijma'kan oleh mereka dan mengingkarinya boleh menyebabkan terbatal iman.

Ihsān Ilahī Zahīr melalui penelitiannya juga membongkar penyelewengan Syiah yang sengaja memperkenalkan kewujudan ayat zahir dan batin. Ia bertujuan agar tafsiran al-Qur'an boleh ditafsirkan mengikut kehendak dan kepentingan mereka bagi

membuktikan kebenaran ajaran yang dibawa oleh mereka walaupun ia bercanggah dengan maksud sebenar al-Qur'an. Ia juga bercanggah dengan logik akal apabila berlaku pentakwilan dan penafsiran yang terkeluar dari lingkungan akal yang waras.

Begitu juga menurut Ihsān Ilahī Zahīr, kepercayaan kepada akidah *Tahrīf al-Qur'ān* berlaku rentetan dari perasaan iri hati dan sifat dengki Syiah apabila al-Qur'an banyak memberikan pujian kepada para sahabat yang benar-benar berjuang mendaulatkan Islam. ‘Uthmān bin ‘Affān berjaya menyatukan umat Islam dengan pengumpulan al-Qur'an dan membacanya dengan bacaan yang sama dan disepakati oleh para ulama. Rentetan dari itu Syiah telah mencipta akidah tersebut dengan tujuan untuk memberikan kebebasan kepada mereka mentafsirkan al-Qur'an mengikut kehendak mereka.

5.4.2 Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan al-Sunnah

Perbahasan mengenai al-Sunnah dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab beliau iaitu *al-Shī‘ah wa al-Sunnah* dan *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*. Ihsān Ilahī Zahīr berpandangan ‘Abd Allāh bin Sabā’ adalah orang yang berperanan mengelirukan umat Islam berkenaan al-Sunnah. Beliau cuba menghilangkan keyakinan kuat umat Islam yang berpegang teguh kepada hadis-hadis baginda Rasulullah dengan menyebarkan fitnah dan cercaan kepada sahabat-sahabat besar seperti Abū Bakar, ‘Umar, Uthman dan isteri baginda Aisyah. Mereka juga mencerca sahabat-sahabat lainnya seperti Khalid bin al-Walid, Abdullah bin ‘Umar, Talhah, Zubir, Anas bin Malik dan sebagainya.

Tuduhan-tuduhan tidak berasas tersebut dilemparkan dengan tujuan untuk menimbulkan keraguan berkenaan diri para sahabat yang boleh menyebabkan penolakkan semua hadis yang diriwayatkan oleh mereka.⁸⁶ Justeru itu menurut Ihsān

⁸⁶ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 32-51.

Ilahī Zahīr mereka menolak hadis-hadis Nabi SAW yang merupakan sumber kedua dalam syariat Islam sebagaimana mereka meragui dan menolak kebenaran al-Qur'an kerana periwayatannya dari para sahabat yang ditolak oleh mereka. Syiah menerima periwayatan dari jalan *Ahl al-Bayt* dan tiga orang sahabat yang disebutkan dalam hadith mereka sahaja dan menurut Ihsān Ilahī Zahīr ia dikategorikan sebagai *Khabar Ahad* dan bukannya *Khabar Mutawattir*.⁸⁷

Menurut Jumhur Syiah *Khabar Ahad* tidak boleh digunakan untuk beramal dan tidak dianggap sebagai ilmu yang mesti diamalkan. Ia adalah pandangan yang rajih di sisi Syiah.⁸⁸ Pandangan Ihsān Ilahī Zahīr diperkuuhkan oleh kenyataan al-Mufid dimana tidak wajib beramal dengan sesuatu pun dari *Khabar Ahad*, dan ia merupakan pandangan mazhab Jumhur Syiah.⁸⁹ Ini bermakna hadith-hadith berkenaan cercaan dan tohmahan Syiah terhadap para sahabat termasuk Aisyah adalah tertolak kerana ia dikategorikan sebagai *Khabar Ahad*. Pandangannya juga diperkuuhkan oleh kenyataan Sayyīd al-Murtada dan ulama-ulama Syiah lainnya berkenaan larangan beramal kerana ketiadaan dalil yang memerintahkan beramal dengan hadis ahad kerana ia menimbulkan syak.⁹⁰

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengkritik para rawi Syiah yang meragukan rentetan dari pandangannya yang berbeza dari ulama mereka berkenaan kethiqahannya. Para rawi akan dipuji dengan pujian yang tinggi dan dalam masa yang lain mereka dikeji dan dijatuhkan martabat dan maruahnya. Mereka tidak konsisten dan sepakat terhadap kethiqahan para rawi yang berkaitan seperti Zurarah bin 'Ayun, Abū Baṣir al-Layth al-

⁸⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad 'ala al-Duktur 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihī Bayna al-Shī'ah wa Ahl Sunnah*, 108.

⁸⁸ *Ibid.*, 109. Menurut Jumhur Syiah sebagaimana yang disebutkan oleh al-Tusi terdapat 2 kategori berkenaan Khabar Ahad iaitu Khabar Ahad yang tidak disertai dengan qarinah maka ia diragui dan Khabar Ahad yang disertai dengan qarinah, maka ia boleh diterima. Qarinah-qarinah tersebut ialah bertepatan dengan dalil akal, bertepatan dengan maksud zahir al-Quran, bertepatan dengan sunnah yang pasti, bertepatan dengan ijma' muslimun dan bertepatan dengan ijma' firqah yang benar iaitu Shi'ah Imamiyyah. Sila rujuk Abi Ja'afar Muhammad bin al-Hasan al-Tusi, *Muqaddimah al-Istibsar* (Beirut : Dar al-Adwa', 1985), 1:3-4

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ *Ibid.*

Maradī, Muḥammad bin Muslim, dan Barid bin Mu’awiyah al-’Ajalī. Ja’far bin Baqīr, Imam Keenam dalam aliran *Imāmiyyah* memuji mereka dengan pujian yang baik.⁹¹

Beliau menyatakan,

Tidak aku dapati seseorang yang hidup yang telah aku sebutkan dari hadis kecuali Zurarah, Abū Baṣir Layth al-Maradī, Muḥammad bin Muslim dan Barid bin Mu’awiyah al-’Ajalī, dan kalaulah bukan kerana mereka tiada seorangpun yang mengistinbatkan (hukum). Mereka adalah penjaga agama dan orang yang amanah terhadap apa yang dihalal dan diharamkan oleh Allah. Mereka orang yang terdahulu daripada kita di dunia dan yang terdahulu juga daripada kita di akhirat.⁹²

Dalam keterangan yang lain, beliau menyatakan, Allah Ta’ala merahmati Zaharah bin ‘Ayun, kalaulah bukan kerana Zurarah dan pengamatannya nescaya kita tidak mempelajari hadith-hadith.⁹³

Kethiqahan Zurarah juga diakui oleh al-Najashī dengan pujiannya iaitu, Zararah ialah Syeikh pada zamannya dan yang terkehadapan. Beliau adalah seorang *qari*, ahli *feqah*, ahli *Ilmu Kalam*, ahli *Syair Arab* dan *Sastera*. Terkumpul padanya kelebihan dan agama.⁹⁴ Ali Ibn Daud al-Hulli juga memuji beliau dengan katanya, Zurarah adalah orang yang paling benar di zamannya dan yang paling utama⁹⁵. Semua pujian dan sanjungan yang diberikan kepada Zurarah menunjukkan kethiqahan dan kepercayaan beliau dalam meriwayatkan hadith.

Selain dari pujian yang diberikan kepada beliau, Abū Zurarah juga turut dikecam dan dicerca oleh ulama-ulama Syiah seperti al-Kashi. Beliau ada meriwayatkan dalam kitabnya Allah melaknati Zararah, Allah melaknati Zurarah, Allah melaknati Zararah, sebanyak tiga kali.⁹⁶ Dalam riwayat yang lain beliau menyatakan, Tiada suatu yang baru dalam Islam, tiada suatu yang baru dilakukan oleh Zurarah melainkan bid’ah. Laknat

⁹¹ *Ibid.*,110.

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ *Ibid.*,111

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ Ihsān Ilahī Zāhīr, *al-Rad ‘ala al-Duktur ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl Sunnah*, 112.

Allah keatasnya.⁹⁷ Al-Kashī juga meriwayatkan, Zurarah adalah sejahat-jahat Yahudi dan Nasrani yang berkata sesungguhnya Allah itu tiga dan berkata: Jika dia sakit, maka jangan ziarahi dan jika mati, maka jangan dilihat jenazahnya.⁹⁸

Kenyataan di atas jelas menunjukkan kecelaruan mereka dalam meletakkan kedudukan para rawi hadith sama ada ia rawi yang dithiqahi atau tidak dithiqahi. Ia mengakibatkan kedudukan suatu hadith itu diragui dan boleh menyebabkan ia tertolak. Percanggahan dan perselisihan juga berlaku kepada tiga rawi lain sebagaimana yang disebutkan terdahulu dalam menentukan kethiqahan mereka. Mereka dipuji dengan pujian yang menggunung, dithiqahi, dipercayai keadilannya, dijamin kedudukannya sebagai ahli syurga dan sebagainya. Begitu juga dalam masa lain, mereka dikecam dengan pelbagai tohmahan, dituduh sebagai fasik dan kafir bahkan keadaan mereka adalah dari penghuni neraka dan sebagainya.

Rentetan daripada itu, menurut Ihsān Ilahī Zahīr beberapa perkara dipersoalkan oleh beliau seperti pembinaan hukum dan meletakkan istilah-istilah tertentu.⁹⁹ Bagaimana mungkin hukum boleh dibina dengan betul dan tepat sekiranya ia berasaskan hadith yang diragui kethiqahannya dan diragui rawinya. Hukum yang bakal diistinbatkan akhirnya tidak benar dan meragukan yang bercanggah dengan Islam. Dengan itu, umat Islam akhirnya akan menolak al-Qur'an dan hadis-hadis yang saih yang akhirnya membawa kepada perpecahan dikalangan umat Islam. Bagi tujuan tersebut Syiah telah mereka hadith-hadith palsu yang disandarkan kepada imam-imam mereka yang maksum dalam semua perkara.

Mereka akan berpegang dengan hadith-hadith tersebut sahaja dan menolak hadith-hadith lainnya yang disepakati kesahihannya.¹⁰⁰ Ia jelas dituntut dalam ajaran Syiah sebagaimana ditegaskan oleh Ibn Babawaih al-Qummī. Menurut beliau,

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*,113.

⁹⁹ *Ibid.*,122.

¹⁰⁰ *Ibid.*

Sesungguhnya Ali a.s tidak beragama dengan agama Allah melainkan menyalahi ummah dengan menghendaki membatalkan perintahnya.¹⁰¹ Menurut beliau lagi, Apabila Saidina Ali berfatwa, maka ia akan mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan umah bagi menipudaya mereka.¹⁰² Begitu juga kenyataan Ni'matullah al-Jazā'irī, Sesungguhnya kami tidak berhimpun bersama kamu dengan Tuhan yang satu dan tidak dengan nabi dan tidak dengan imam kerana tuhan kamu adalah Tuhan Muhammad sebagai nabi dan khalifah selepasnya iaitu Abū Bakar. Kami tidak menyatakan dengan *Rab* ini dan dengan nabi ini. Sesungguhnya *Rab* yang menjadikan Khalifah Abū Bakar selepas nabinya bukan *Rab* kami dan bukanlah nabi itu, nabi kami.¹⁰³

Ia adalah perancangan teliti mereka dengan tujuan agar umat Islam menolak dan menyanggahi al-Qur'an dan al-Sunnah. Mereka mengkehendaki agar umat Islam meninggalkan agama yang suci ini dan memancing manusia agar mengikut dan meneladani mereka yang dikatakan cinta dan pejuang *Ahl al-Bayt*.

5.4.2.1 Ulasan

Setelah penulis menjelaskan berkenaan kritikan Ihsān Ilahī Zahīr berkaitan pandangan Syiah tentang al-Sunnah, beberapa perkara akan diulas oleh penulis berkaitan masalah tersebut. Ihsān Ilahī Zahīr hanya mengkritik pandangan Syiah yang beraliran *Shī'ah Imāmiyyah* sahaja. Ini kerana aliran tersebut sebagaimana diuraikan di atas menolak semua hadith-hadith yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabat besar sebagaimana di atas. Ia dilihat sebagai satu pandangan adil beliau tidak kepada semua firqah Syiah seperti *Shī'ah Zaidiyyah* yang punya pandangan berbeza dengan *Shī'ah Imāmiyyah*. Ini adalah kerana *Shī'ah Imāmiyyah* adalah aliran yang didominasi sebahagian besar Syiah di dunia yang dianut oleh mereka.

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² *Ibid.*, 125.

¹⁰³ Ne'amatullah al-Jazairi, *Al-Anwar al-Nu'maniyyah*, (Beirut: Dar al-Kufah, 2008), 1:278

Ihsān Ilahī Zahīr juga dilihat cuba mempertahankan kesucian akidah Islam dengan mempertikai kedudukan hadith-hadith *ahad* yang banyak membincangkan permasalahan akidah Syiah. Beliau mengemukakan pandangan jumhur ulama Syiah yang menolak hadith *ahad* untuk dijadikan hujah dan berpegangn serta mengimaninya. Secara tidak langsung hadith-hadith berkenaan akidah Syiah adalah tertolak dengan sendirinya. Pandangan tersebut diperkuuhkan dengan kenyataan ulama mereka seperti Syeikh al-Mufīd dan Saiyyid al-Murtadā sebagaimana terdahulu. Selain itu, Ihsān Ilahī Zahīr juga dilihat membatalkan pandangan Syiah dengan mempersoalkan rawi-rawi Syiah yang jelas dikritik kethiqahannya oleh ulama Syiah. Mereka memuji dengan pujian yang keterlampauan dan pada masa lain mereka mengkritik dengan keterlampauan hingga jatuh maruah mereka sebagai seorang rawi. Ini menyebabkan kethiqahan mereka sebagai rawi diragui yang akhirnya memberi implikasi ditolak hadith-hadith yang diriwayatkan oleh mereka.

Ihsān Ilahī Zahīr cuba berlaku adil dalam kritikannya dengan menukilkan pandangan ulama Syiah yang muktabar melalui kitab-kitab mereka bagi menjelaskan persoalan yang berkaitan dengan al-Sunnah. Beliau mengemukakan pandangan ulama Syiah seperti al-Nubakhtī, al-Kashī, Ibn Babawaih al-Qummī, al-Kulaynī dan sebagainya bagi memperkuuhkan kenyataannya berkenaan cercaan Syiah terhadap para sahabat besar seperti Abū Bakar, ‘Umar dan Uthman. Begitu juga Aisyah isteri baginda Rasulullah dan sahabat-sahabat lainnya yang dikafirkan oleh Syiah. Ini bermaksud apa sahaja hadith yang diriwayatkan oleh mereka adalah ditolak sekaligus menolak sumber kedua dalam perundungan Islam iaitu al-Sunnah. Pendalilan yang dikemukakan oleh beliau baik dan bertepatan dengan dakwaan yang dikemukakan berasaskan dalil dari sumber mereka.

5.4.3 Kritikan İhsān İlahī Zahīr Terhadap Persoalan *al-Imāmah*

Persoalan *Imamah* dibahaskan oleh İhsān İlahī Zahīr dengan panjang lebar dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū*, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāft fī Kitābihi Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Sunnah*, *al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt* dan *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*. Dalam kesemua kitab tersebut, penulis telah menemukan beberapa kritikan dan pandangan beliau berkenaan akidah *Imamah* menurut faham Syiah. Dalam kitab *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū*, İhsān İlahī Zahīr telah mengemukakan beberapa riwayat yang diambil dari kitab karangan ulama Syiah berkenaan perselisihan yang berlaku dalam Syiah bagi membuktikan kewujudan imam kedua belas iaitu Muḥammad bin Ḥassan al-‘Askarī¹⁰⁴ hingga ada yang mengatakan bapanya meninggal tanpa meninggalkan keturunan dan putera.¹⁰⁵ Al-Kulaynī menyatakan dalam satu riwayat dimana salah seorang khadamnya telah menghamilkannya, tetapi ia telah gugur dari kandungan.¹⁰⁶ Terdapat juga riwayat-riwayat yang menyatakan Muḥammad bin Ḥassan al-‘Askarī dilahirkan lapan bulan selepas kematian Ḥasan¹⁰⁷ atau dua tahun sebelum kematianya¹⁰⁸ iaitu pada 23 Ramadhan tahun 258 H atau tahun 256 H.¹⁰⁹ Sebahagian riwayat lain pula menyatakan ia lahir lima tahun sebelum kematian ayahnya iaitu pada malam Nisfu Sya’ban tahun 255 H.¹¹⁰ Percanggahan juga berlaku berkenaan hamba yang melahirkan Muḥammad bin Ḥasan al-‘Askarī. Terdapat riwayat yang menyatakan hamba tersebut bernama Narjis,¹¹¹ Shuqail atau Shaiqal¹¹² dan Hakimah¹¹³. Menurut Ibn Hazm, kenyataan berkenaan Muḥammad bin Ḥassan al-‘Askarī itu hidup,

¹⁰⁴ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*, 271

¹⁰⁵ Ibid. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Ḥasan bin Mūsā al-Nubakhtī melalui karyanya *Firāq al-Shī‘ah*.

¹⁰⁶ Ibid., 272. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan Abī Jaafar Muḥammad bin Yaakub al-Kulaynī melalui karyanya *Uṣūl al-Kāfi*.

¹⁰⁷ Ibid. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Ḥasan bin Mūsā al-Nubakhtī melalui karyanya *Firāq al-Shī‘ah*.

¹⁰⁸ Ibid. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan Arbili melalui karyanya *Kashf al-Gummah*.

¹⁰⁹ Ibid.. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan ‘Abbās al-Qummī melalui karyanya *Muntaha al-Amal*.

¹¹⁰ Ibid. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Mufid melalui karyanya *al-Irshād*.

¹¹¹ Ibid., 273. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Mufid melalui karyanya *al-Irshād*.

¹¹² Ibid., 272. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Arbilī melalui karyanya *Kashf al-Ghumma*.

¹¹³ Ibid., 273. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Arbili melalui karyanya *Kashf al-Ghumma*

tidak pernah mati dan tidak akan mati, hingga ia keluar memenuhi bumi dengan keadilan merupakan kenyataan kosong kerana Ḥasan al-‘Askarī tidak memiliki anak samada lelaki atau perempuan.¹¹⁴

Bagi membuktikan kewujudan Muḥammad bin Ḥasan al-‘Askarī, Syiah telah mengada adakan cerita berunsur khurafat dan dongeng bagi membuktikan kebenaran dakwaannya. Mereka telah melakukan banyak penipuan dan pembohongan bagi mengelirukan manusia agar menerima dakwaannya.¹¹⁵ Mereka telah mengemukakan riwayat pelik kisah kelahiran Muḥammad bin Ḥasan bagi membuktikan kebenaran dakwaannya.¹¹⁶ Banyak riwayat-riwayat dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr berkenaan cerita dongeng Syiah berkaitan kelahiran Muḥammad bin Ḥasan al-‘Askarī. Antaranya ialah riwayat yang dikemukakan oleh seorang ulama besar ahli hadith Syiah iaitu Ibn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *Muntahā al-‘Amal*, al-Majlisi dalam kitabnya *Jalā al-‘Uyūn* dan sebagainya, bagi mensabitkan kelahiran Imam Kedua Belas tersebut.¹¹⁷

Menurut al-Majlisī dalam satu riwayat yang panjang menyatakan,

Siapakah orang yang engkau suruh aku duduk dihadapannya? Abū Muḥammad menjawab: Itu Putera Narjis dan ia adalah khalifahku (penggantiku) sesudah wafatku, tidak lama lagi anda akan kehilangan aku, maka patuhilah dan taatilah¹¹⁸

Dalam satu riwayat lain menyatakan

Ketika Muḥammad bin Ḥasan lahir aku melihat cahaya yang menyilau memancar daripadanya hingga mencapai ufuk langit, aku melihat juga burung-burung putih turun dari angkasa mengusap usap sayapnya pada kepala, wajah dan badannya, kemudian terbang kembali. Kami memberitahu hal ini kepada Abu Muḥammad lalu ia tertawa dan berkata: Itulah para malaikat langit yang turun untuk mencari keberkatan dari bayi yang baru lahir itu. Para malaikat itu kelak akan menjadi pembelanya, bila ia keluar.¹¹⁹

¹¹⁴ *Ibid.*, 272. Ihsān Ilahī Zahīr menukilkan pandangan Ibn Hazm melalui karyanya *al-Faṣl*

¹¹⁵ *Ibid.*, 274.

¹¹⁶ *Ibid.*, 274-275.

¹¹⁷ *Ibid.*, 272.

¹¹⁸ *Ibid.*, 278. Ihsān Ilahī Zahīr menukilkan pandangan al-Majlisī menerusi karyanya *Jilā al-‘Uyūn*.

¹¹⁹ *Ibid.*, 279. Ihsān Ilahī Zahīr menukilkan pandangan al-Naysabūrī melalui karyanya *Rawḍah al-Wā’izīn*.

Peristiwa pelik yang berlaku adalah bagi membuktikan kebenaran kewujudan Imam Kedua Belas yang dikatakan ghaib yang akan muncul di akhir zaman bagi mengadili kesalahan manusia. Ia jelas menunjukkan penipuan yang dilakukan oleh Syiah bagi membuktikan kewujudan imam tersebut.

Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya mengemukakan pembuktian dengan membandingkan apa yang tertulis dalam kitab-kitab mereka dengan apa yang berlaku. Beliau telah mengemukakan beberapa syarat dan kriteria utama bagi menentukan seseorang imam yang sah sebagaimana yang tertulis dalam kitab-kitab mereka sebagaimana berikut:

- i. Imam akan meninggalkan wasiat kepada seseorang yang bakal mengantikannya menjadi imam. Oleh kerana itu, sewajarnya memiliki zuriat dari keturunannya bagi mengantikannya menjadi imam. Ia jelas dipertegaskan oleh al-Kulayni dalam riwayatnya dari Ja'afar bahawasanya ia berkata Seseorang imam tidak mati, sebelum ia mengetahui siapa yang akan menjadi pengantinnya.¹²⁰
- ii. Keimanan itu tidak boleh terjadi melainkan secara turun temurun dari seorang imam kepada anak-anaknya. Al-Kulaynī menegaskan dari Ja'afar bahawasanya ia berkata:

Keimanan tidak boleh dipegang oleh dua orang bersaudara sesudah Hasan dan Husin untuk selama-lamanya, namun ia harus berjalan seperti yang disunnahkan oleh ‘Alī bin Ḥusayn, sesuai dengan firman Allah Ta’ala yang bermaksud “Dan keluarga sedarah lebih berhak menurut kitab Allah.” Berdasarkan syarat di atas maka sesudah Hasan dan Ḥusayn, jawatan imam akan diwarisi turun temurun kepada anak-anaknya.¹²¹
- iii. Jawatan imam hendaklah diturunkan turun temurun kepada putera tertua. Menurut al-Kulaynī dari ‘Alī Riqā bin Mūsā bahawasanya ia berkata:

¹²⁰ *Ibid.*, 283. Ihsān Ilahī Zahīr menukarkan pandangan al-Nawbakhtī menerusi karyanya *Firāq al-Shī‘ah*.

¹²¹ *Ibid.*

Pada seorang imam terdapat tanda, salah satu daripadanya ia adalah anak ayahnya yang tertua.¹²²

- iv. Seorang imam apabila mati tidak boleh dimandikan, kecuali oleh seorang imam. ‘Alī al-Riḍā menyatakan bahawasanya ia berkata, Sesungguhnya seseorang imam bila mati tidak dapat dimandikan kecuali oleh seorang imam pula.¹²³
- v. Baju besi Rasulullah mestilah sesuai dengan badan orang yang akan menjadi imam. Satu Riwayat dari Muḥammad al-Baqīr bahawasanya dalam menerangkan tanda-tanda seorang imam, ia berkata:

Diantara tanda-tanda itu ialah bahawa kalau baju besi Rasulullah dipakai, maka baju itu akan sesuai dengan badannya, sebaliknya kalau baju besi itu dipakai oleh orang yang bukan imam, walaupun orang itu berperawakan tinggi atau rendah, baju besi itu akan longgar sehengkal.¹²⁴

- vi. Seorang imam itu perlu memiliki senjata Rasulullah. Al-Kulaynī meriwayatkan dari ‘Alī bin Mūsā bin Ja’afar, bahawasanya ia berkata:

Senjata Rasulullah itu bagi kami, sama kedudukannya dengan kedudukan Talut (peti Taurat) bagi kaum Bani Israil. Keimanan harus selalu disertai penguasaan atas senjata itu, dimana saja senjata itu berada.¹²⁵

- vii. Seorang imam itu mestilah seorang yang paling berani dan yang paling alim diantara semua manusia. Menurut al-Kulaynī dari Abū al-Hasan ia berkata: Kami memiliki ilmu dan keberanian yang sama tingginya.¹²⁶
- viii. Seorang imam tidak pernah *ikhtilām* (tidak pernah keluar mani ketika tidur) dan tidak pernah berjanabah sebagaimana dalam riwayat ‘Alī bin Mūsā bin Jaafar.¹²⁷

¹²² *Ibid.*, 284. İhsān İlahī Zahīr menukarkan pandangan al-Kulaynī menerusi karyanya *Uṣūl al-Kāfi*.

¹²³ *Ibid.*, 285.

¹²⁴ *Ibid.*, 285.

¹²⁵ *Ibid.*

¹²⁶ *Ibid.*, 286.

¹²⁷ *Ibid.*, 287.

ix. Seorang imam itu mengetahui apa yang telah berlaku dan akan berlaku dan tiada sesuatupun yang tersembunyi darinya. Ia memiliki pengetahuan tentang semua kitab yang pernah diturunkan dan isi kandungannya.¹²⁸

Kesemua kriteria tersebut perlu dimiliki oleh seorang yang bakal mengantikannya sebagai imam sesuai dengan kehebatan jawatan tersebut dalam akidah Syiah. Al-Kulayni menyatakan seandainya pada suatu ketika bumi ini dalam keadaan tanpa imam, pasti bumi akan tenggelam.¹²⁹ İhsān İlahī Zahīr mengemukakan kriteria tersebut dengan tujuan untuk mendedahkan kepada pembaca penyelewengan dan penipuan yang dilakukan oleh Syiah berkenaan *Imamah*. İhsān İlahī Zahīr telah mengkaji dan menganalisis beberapa penyelewengan dan penipuan yang dilakukan oleh Syiah berkenaan *Imamah* sebagaimana berikut:

- i. Terdapat sebahagian dari imam-imam bukan putera tertua bapanya seperti Mūsā al-Kazim dan Ḥasan al-‘Askarī
- ii. Terdapat dikalangan mereka ketika mati tidak dimandikan oleh seorang imam seperti ‘Alī al-Riḍā bin Mūsā bin Jaafar. Beliau tidak dimandikan oleh puteranya yang menjadi calon imam sebab ketika ‘Alī al-Riḍā wafat, puteranya Muḥammad al-Jawwad baru berumur lapan tahun. Begitu juga Musa bin Ja’afar tidak dimandikan oleh puteranya ‘Alī al-Riḍā kerana beliau tidak menghadiri kematian bapanya. Begitu juga Ḥusayn bin ‘Alī bin Abī Ṭālib tidak dimandikan oleh anaknya ‘Alī Zainul Abidin kerana ‘Alī ketika itu sedang sakit.

¹²⁸ *Ibid.*, 288. İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Kulaynī menerusi karyanya *Uṣūl al-Kāfi*.

¹²⁹ *Ibid.* İhsān İlahī Zahīr menukilkhan pandangan al-Kulaynī menerusi karyanya *Uṣūl al-Kāfi*.

- iii. Begitu juga baju besi Rasulullah tidak sesuai untuk para imam yang bakal menggantikannya seperti Muhammad al-Jawwad bin ‘Alī al-Riḍā umpsamanya kerana usianya baru lapan tahun ketika bapanya wafat.
- iv. Terdapat juga dikalangan imam seperti Muḥammad al-Baqīr umpsamanya tidak memiliki senjata Rasulullah seperti pedang.
- v. Diantara mereka terdapat imam dari kalangan orang yang tidak alim dan berpengetahuan kerana usianya yang masih muda dan kanak-kanak. Beberapa orang tokoh dan pemimpin Syiah seperti Zararah meragui pengetahuan dan kealiman ilmu Ja’afar bin Muḥammad al-Baqīr. Menurut Zurarah , Semoga Allah melimpahkan rahmatnya kepada Abu Ja’afar (Muḥammad al-Baqīr), hatiku kurang berkenan kepadanya.
- vi. Terdapat imam-imam yang tidak memiliki sifat keberanian selain Ḥusayn bin ‘Alī bin Abī Ṭālib dalam menghadapi dan menyelesaikan isu-isu semasa yang berlaku di zamannya. Terdapat imam yang tidak memberikan pertolongan kepada sanak saudara yang membangkang menentang khalifah dan pemerintah sehingga ada yang bersikap menjauhkan diri, berhati-hati dan mengambil tindakan pencegahan, disamping ada yang meminta agar selalu setia dan taat kepada khalifah atau pemerintah.
- vii. Terdapat dikalangan imam yang berikhtilam dan berjanabah. Dalam satu riwayat hadith Syiah Rasulullah bersabda, tidak diperbolehkan bagi sesiapapun berjanabah dalam masjid ini kecuali aku, Ali, Fatimah, Hasan dan Husain.
- viii. Para imam juga tidak mengetahui perkara-perkara ghaib. Sekiranya mereka mengetahui maka mereka akan dapat mengelakkan daripada

mati terbunuhan dan sebahagiannya mati diracun. Menurut al-Kulaynī tidak ada seorang imam melainkan mati kerana terbunuhan atau diracun.

- ix. Begitu juga terdapat imam yang diragui kewujudannya iaitu Muḥammad Ḥasan al-‘Askarī. Terdapat kekhilafan dalam menthabitkan kewujudannya yang membawa kepada keraguan. Seseorang yang diragui kewujudannya juga diragui pengetahuannya dan keberaniannya, begitu juga kriteria-kriteria yang lain.

Ihsān Ilahī Zahīr mengemukakan kriteria dan pra syarat perlantikan seorang imam sebagaimana di atas dan membandingkan dengan apa yang berlaku dalam perlantikan kesemua imam adalah bagi menunjuk dan membuktikan penipuan yang berlaku dalam firqah Syiah berkenaan perlantikan imam. Syarat-syarat imam sebagaimana di atas tidak diikuti dan dipatuhi sebaik mungkin dan perlanggaran syarat ini boleh menyebabkan perlantikan imam tersebut tidak sah dan boleh dipersoalkan.

Bagi menolak kepercayaan Syiah berkenaan perlantikan para imam yang telah dinaskan, Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan beberapa kenyataan dari ulama Syiah yang bercanggah pendapat berkenaan perlantikan Saidina Ali sebagai imam pertama. Perlantikannya penuh dengan tipu daya dan muslihat yang dilakukan oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ dan kuncu-kuncunya. Para sahabat telah diugut oleh pemberontak dan memaksa para sahabat agar memujuk Saidina Ali menerima jawatan khalifah. Ihsān Ilahī Zahīr menukilkan kenyataan al-Ṭabarī berkenaan para sahabat memujuk Saidina Ali agar menerima jawatan tersebut sebagaimana berikut:

Kami beri kalian waktu dua hari, demi Allah jika kalian tidak dapat menyelesaikan tugas kalian ini dalam waktu yang kami tentukan, esok hari kami akan membunuhan ‘Alī, Ṭalḥah, Zubīr dan banyak orang lagi. Maka warga Madinah segera menuju ke tempat Ali dan berkata: Kami membai’ah anda sebagai khalifah, anda telah menyaksikan sendiri

cubaan yang melanda Islam dan bencana yang menimpa kita dengan hilangnya beberapa sanak saudara kita.¹³⁰

Saidina Ali bertegas dengan pendiriannya menolak jawatan tersebut bagi mengelakkan fitnah yang lebih besar berlaku. Ihsān Ilahī Zahīr menukikan kenyataan Saidina Ali sebagaimana berikut:

Tinggalkanlah aku, dan carilah orang lain, Sungguh kita akan menghadapi suatu situasi yang mempunyai banyak aspek dan corak, yang dalam menghadapinya hati bergoncang dan fikiran tidak menetap. Awan sudah tampak mendung dan jalan sudah tidak lurus lagi, ketahuilah, seandainya aku memenuhi permintaan kalian, aku akan membawa kalian kepada kesulitan yang aku ketahui dan aku lalu tidak suka mendengar perkataan orang, pula tidak suka memperhatikan teguran. Sebaliknya bila kalian membarkanku, maka aku tetap akan menjadi orang yang paling suka mendengarkan perintah dan paling suka mentaati titah khalifah yang kalian angkat. Sesungguhnya aku lebih baik menjadi wazir bagi kalian daripada menjadi khalifah.¹³¹

Para sahabat tetap memaksa dan mendesak agar Saidina Ali menerima jawatan tersebut walaupun telah beberapa kali Saidina Ali menolaknya. Beliau tidak punya pilihan, yang akhirnya membawa kepada terlantiknya Saidina Ali sebagai khalifah. Beliau menegaskan dalam kata-katanya yang masyhur sebagaimana berikut:

Kemudian setelah kalian berdendam hati terhadap ‘Uthmān, maka kalian mendatanginya dan membunuhnya. Kemudian kalian mendatangi aku untuk membai’ah aku menjadi khalifah. Aku menolak dan menahan tanganku tetapi kalian merebut tanganku dan mendorong-dorong aku, kalian membuka tanganku tetapi aku tetap mempertahankannya. Kalian menarik tanganku, tetapi aku tetap menggenggamnya. Lalu kalian berdesak-desak menghampiriku, sehingga aku mengira bahawa kalian akan bunuh membunuh, atau membunuh aku.

Kalian berkata:

Kami membai’ah anda, kami tidak mendapatkan orang lain kecuali anda. Kami tidak setuju dengan selain anda, kami membai’ah anda, perkataan kami satu, tidak berpecah belah dan tidak berbeza-beza. Maka aku menerima pembai’ahan kalian dan aku mengajak manusia untuk mebai’ahkanku. Orang yang berbai’ah secara sukarela maka aku

¹³⁰ *Ibid.*, 126. Ihsān Ilahī Zahīr mengungkapkan kata-kata Saidina Ali melalui kitab *Tarīkh al-Umam wa al-Mulūk* oleh al-Ṭabarī.

¹³¹ *Ibid.* Ihsān Ilahī Zahīr mengungkapkan kata-kata Saidina Ali dalam kitab *Nahj al-Balāghah* oleh Ibn Abī al-Hadīd yang beraliran Syiah.

terima pembai'ahannya, dan orang yang menolak untuk membai'ahku, aku tidak dapat memaksanya, dan aku membiarkannya.¹³²

Ihsān Ilahī Zāhir dalam kritikannya mempersoalkan kebenaran pegangan Syiah berkenaan akidah *Imāmah* yang telah dinaskan. Sekiranya perlantikan imam sesuatu yang telah dinaskan dan ditentukan oleh Allah, mengapa Saidina Ali menolak perlantikan jawatan tersebut dan menerimanya dalam keadaan terpaksa sebagaimana dalam kenyataan di atas¹³³. Penolakan jawatan tersebut bertentangan dengan firman Allah ta'ala sebagaimana berikut:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْخَيْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ صَلَالًا مُّبِينًا

Al-Ahzāb 33:36

Terjemahan: Dan tidaklah pantas bagi laki-laki yang mukmin dan perempuan yang mukminah, apabila Allah dan rasulnya telah menetapkan satu ketetapan, akan ada pilihan lain bagi mereka tentang urusan mereka. Dan barangsiapa menderhakai Allah dan rasulnya maka sesungguhnya dia telah tersesat dengan kesesatan yang nyata.

Perselisihan antara Saidina Ali dan Hasan juga berlaku ketika Hasan menasihati ayahnya Ali agar tidak memerangi Mu'awiyah dan pengikutnya di Syam kerana ia boleh membawa pertumpahan darah di antara kaum muslimin dan mengakibatkan pertentangan di antara mereka.¹³⁴ Walau bagaimanapun, Ali tidak menerima nasihat putranya Hasan bahkan beliau mengambil sikap keras untuk memerangi mereka. Hasan melarang dan menasihati Saidina Ali sebagaimana berikut:

¹³² *Ibid.* Ihsān Ilahī Zāhir mengungkapkan kata-kata Saidina Ali dari kitab *al-Ghārāt* oleh al-Thaqafi, *Sharḥ Nahj al-Balāghah* oleh Ibn Hadid dan kitab *Bihār al-Anwār* oleh al-Majlisī.

¹³⁴ *Ibid.*, 127 dan 134. Golongan pemberontak dari kalangan Sabaiyyah dan pengikutnya sentiasa berusaha untuk menimbulkan permusuhan di kalangan sahabat dan umat Islam ketika itu. Mereka tidak henti-henti menabur fitnah dan mengapi-apikan sesuatu isu hingga para sahabat terpengaruh dan membuka ruang untuk mengangkat senjata. Mereka menghasut Saidina Ali agar memerangi ahli Syam (Mu'awiyah dan pengikutnya) sebelum masalah menjadi lebih besar. Justeru itu Ali telah memerintahkan pengikutnya segera berangkat ke Syam bagi memerangi mereka.

Wahai bapaku, janganlah membuat tindakan itu, sebab ia boleh membawa pertumpahan darah diantara kaum muslimin dan mengakibatkan pertentangan diantara mereka, maka Ali tidak menerima nasihat putranya Hasan dan bersikap ingin memeranginya dan mengatur tentera dan beliau menyerahkan bendera kepada putranya Muḥammad bin Ḥanafiah.¹³⁵

Perselisihan juga berlaku ketika Hasan menasihati Saidina Ali agar tidak keluar mengejar mendapatkan Saidina Ali ketika dalam perjalanan dan mendapatkan Aisyah, Talhah, Zubir dan pengikutnya ketika dalam perjalanan mereka ke Basra untuk mencari pembunuh ‘Uthmān¹³⁶. Hasan mengejar mendapatkan Saidina Ali ketika dalam perjalanan dan menyatakan sebagaimana berikut:

Aku telah melarang ayah, tetapi ayah menolaknya, besok ayah akan terbunu dengan sia-sia tanpa ada orang yang membela ayah. Ali menjawab, kamu masih berterusan berkata-kata perkara itu, apa yang kamu larang dan tidak aku indahkan.¹³⁷

Peristiwa tersebut berlarutan hingga akhirnya membawa kepada peperangan Jamal yang dahsyat yang tidak dijangka oleh Saidina Ali. Peperangan tersebut sebenarnya berpunca dari serang hendap yang dilakukan oleh pengikut ‘Abd Allāh bin Sabā’ hingga tentera Aisyah menyangka ia dilakukan oleh Saidina Ali dan tenteranya. Saidina Ali menyesali tindakannya dan menyatakan kepada anaknya Hasan, wahai

¹³⁵ Ibid., Ihsān Ilahī Zahīr mengungkapkan kata-kata Saidina Ali dari kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* karangan Ibn Kathīr.

¹³⁶ Apabila Saidina Ali mengetahui Aishah, Talhah dan Zubair menuju ke Basrah dengan tujuan untuk mencari pembunuh Usman, maka Saidina Ali cuba menghalangnya dengan tujuan untuk melakukan perbincangan dan jaminan dimana isu pembunuhan Usman akan diselesaikan oleh beliau. Oleh itu beliau melalui wakilnya Qa’qa’ telah berbincang dan kesepakatan telah dicapai. Aisyah menerima penjelasan Qa’qa’ dan menyerahkan kepada Saidina Ali untuk menyelesaiannya setelah keadaan aman dan rakyat sepenuhnya menyokong beliau. Mereka juga bersetuju untuk mengadakan perjumpaan bagi melaksanakan persepakatan tersebut. Walaubagaimanapun ketika Aisyah dan pengikutnya sedang bermalam dan berkhemah berhampiran tempat tersebut (sebelum persepakatan di buat), mereka telah diserang oleh golongan Sabaiyyah. Aisyah menyangka mereka diserang oleh pengikut Ali dan akhirnya berlakulah peperangan yang dahsyat yang dikenali dengan peperangan Jamal.

¹³⁷ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū’*, 126. Ihsan Ilahi mengungkapkan kenyataan tersebut dari kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* karangan Ibn Kathīr.

anakku, alangkah baiknya bagi ayahmu, seandainya ia mati dua puluh tahun, sebelum hari ini. Hasan menjawab, Ayah, aku telah melarang ayah melakukan perjalanan ini.¹³⁸

Perbalahan dan perselisihan antara Saidina Ali dan puteranya Hasan yang berlaku dalam era pemerintahan Saidina Ali membuktikan beliau tidak maksum, terdedah kepada perbuatan salah dan silap. Seseorang yang maksum akan dipelihara oleh Allah dan tidak melakukan salah dan silap, dosa dan maksiat sebagaimana yang berlaku kepada para nabi dan rasul. Ia juga menafikan sifat para imam yang boleh mengetahui perkara-perkara ghaib. Sekiranya para imam dapat mengetahuinya, maka perperangan seumpama ini dapat dielakkan. Ia jelas menunjukkan para imam tidak boleh mengetahui perkara-perkara ghaib. Menurut Ihsan Ilahi ia bertentangan dengan nas al-Qur'an yang jelas menegaskan hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara-perkara ghaib sebagaimana firman Allah.

فُلْ لَا يَعْلَمُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبِ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعَثُونَ

Al-Naml 27:65

Terjemahan: Katakanlah Muhammad, Tiada siapapun di langit dan bumi yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah.

Dalam ayat lain Ihsan Ilahi menukilkan firman Allah ta'ala sebagaimana berikut:

فُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ
لَا سَتَكْشِرُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِي السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Al-A'raf 7:188

Terjemahan: Katakanlah Muhammad: Aku tidak kuasa mendatangkan manfaat mahupun menolak mudarat bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah, sekiranya aku mengetahui yang ghaib, nescaya aku membuat kebijakan sebanyak-banyaknya dan tidak akan ditimpa bala. Aku hanyalah pemberi peringatan dan pembawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman.

¹³⁸ Ibid., 141. Ihsān Ilahī Zāhir mengungkapkan kata-kata Saidina Ali dari kitab *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* karangan Ibn Kathīr.

Dalil di atas dikemukakan oleh İhsān İlahī Zahīr melalui kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Sunnah* bagi menolak akidah imam yang bersifat maksum.¹³⁹ Persoalan ghaib adalah persoalan yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Manusia termasuk nabi terhalang dari mengetahui perkara ghaib samada kiamat, turunnya hujan, kematian, perkara yang berlaku di langit dan bumi dan sebagainya. Para imam yang mampu mengetahui perkara tersebut merupakan pembohongan Syiah bagi memastikan kalam para imam diterima tanpa bantahan. Menurut Ihsan Ilahi ia merupakan akidah yang berasal dari agama Yahudi dan Majusi yang dibawa masuk ke dalam agama Islam. Mereka telah meriwayatkan hadith-hadith yang disandarkan kepada Rasulullah dan para imam mereka. Ia adalah pembohongan-pembohongan yang jelas dengan tujuan untuk mengangkat kedudukan para imam mereka dan melebihkannya dari kedudukan para nabi dan rasulnya.¹⁴⁰

İhsān İlahī Zahīr juga berpandangan akidah *Imāmiyyah* telah dipengaruhi oleh akidah Yahudi dan Majusi. Menurut beliau akidah *al-Waṣaya* dan *al-Wilāyah* merupakan asas kepada akidah Imamah yang tidak dinyatakan dalam al-Qur'an dan Sunnah. Ia diambil dari ajaran agama Yahudi rentetan dari wasiat Yusyā' bin Nun kepada Nabi Musa.¹⁴¹ ‘Abd Allāh bin Sabā’ adalah individu yang memainkan peranan besar dalam merosakkan akidah Islam yang suci daripada dalam dengan mengemukakan pemikiran Yahudi ke dalam akidah Islam yang sewajarnya ditolak oleh umat Islam.

Para imam Syiah juga tidak dilantik berdasarkan mandat yang diberikan oleh rakyat kecuali Saidina Ali bin Abi Talib. Rakyat tidak punya pilihan melainkan ketetapan yang telah dinaskan oleh Allah berlaku secara wasiat turun temurun hingga

¹³⁹ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 68.

¹⁴⁰ *Ibid.*, 65-76.

¹⁴¹ *Ibid.*, 23.

ke Imam Dua Belas Muhammad bin Ḥasan al-‘Askarī yang dikatakan ghaib.¹⁴² Rakyat terpaksa menerima imam yang dilantik bagi memimpin mereka walaupun tidak berkelayakan. Mereka tidak mampu dan berperanan untuk membasmi kezaliman yang berlaku di zamannya dan tidak mampu untuk menegakkan hudud.¹⁴³ Mereka takut kepada pemerintah dan takut untuk menyanggahinya. Mereka tidak berani menzahirkan apa yang terkandung dalam hati mereka berdasarkan ilmu dan iman mereka¹⁴⁴ sehingga objektif dari perlantikan imam memberikan rahmat dan keadilan tidak tercapai. Ia jelas menunjukkan dimana akidah *Imāmah* tidak menepati kehendak Islam. Ajarannya banyak terpengaruh dengan agama Yahudi, Nasrani dan Majusi disamping perkara-perkara lain yang ditokok tambah oleh mereka menjadikannya ia ajaran yang bertentangan dengan Islam.

5.4.3.1 Ulasan

Setelah penulis menjelaskan tentang akidah *Imāmah* menurut Syiah dan kritikan İhsān İlahī Zahīr terhadap akidah Syiah, maka di sini penulis akan memberikan ulasan sebagai berikut. İhsān İlahī Zahīr berpandangan akidah *Imāmah* yang diimani oleh Syiah adalah akidah yang salah dan terkeluar dari Islam. Beliau menolak semua kepercayaan yang terdapat dalam akidah tersebut seperti kepercayaan perlantikan para imam telah dinaskan oleh Rasulullah dan ditentukan oleh Allah, para imam adalah maksum, para imam mengetahui perkara ghaib, taraf para imam sama bahkan melebihi para nabi dan sebagainya. Kesemua ajaran dan kepercayaan tersebut ditolak beliau kerana bertentangan dengan Islam dengan berasaskan dalil dan bukti yang kukuh.

Dalam isu yang melibatkan akidah *Imāmah*, beliau telah mengemukakan pendalilan dan pembuktian berasaskan nas Syara' sama ada nas al-Qur'an atau hadith

¹⁴² İhsān İlahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Wāfi fi Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 195.

¹⁴³ *Ibid.*, 196

¹⁴⁴ *Ibid.*, 197.

nabi. Ia jelas ketika beliau cuba menolak ajaran dan kepercayaan Syiah dimana para imam adalah maksum dan mereka mengetahui perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja. Menurut beliau para imam adalah manusia biasa yang tidak memiliki sebarang keistimewaan seperti maksum dan sebagainya. Ia bercanggah dengan kehendak Islam. İhsān İlahī Zahīr juga mengemukakan pembuktian dengan mengemukakan riwayat-riwayat Syiah yang bercanggah antara satu riwayat dengan riwayat lain seperti dalam persoalan membuktikan kewujudan Imam Kedua Belas yang dikatakan ghaib oleh Syiah. İhsān İlahī Zahīr percaya sebenarnya imam tersebut tidak wujud. Walau bagaimanapun bagi menyempurnakan kepercayaan Syiah tentang kewujudannya, maka mereka telah mengadakan beberapa cerita berbentuk riwayat-riwayat pelik bagi membuktikan kewujudannya. Melalui percanggahan riwayat yang dibuktikan oleh İhsān İlahī Zahīr akhirnya terbukti dimana Imam Kedua Belas tidak wujud. Beliau juga mengemukakan metodologi perbandingan antara apa yang disebut dalam kitab-kitab mereka dengan realiti yang berlaku seperti dalam persoalan perlantikan para imam. Menurut İhsān İlahī Zahīr, perlantikan para imam tidak menepati apa yang tertulis dan disyaratkan sebagaimana dalam kitab-kitab mereka. Banyak syarat telah dilanggar dan tidak dipatuhi oleh mereka. Ia akhirnya mengakibatkan perlantikan para imam yang diragui dan dipersoalkan dari sudut kelayakan mereka menjadi imam. Oleh itu İhsān İlahī Zahīr percaya dan beranggapan perlantikan mereka adalah tidak sah dan tidak menepati kehendak ajaran mereka.

Seterusnya İhsān İlahī Zahīr mengemukakan fakta sejarah bagi menolak perlantikan Saidina Ali sebagai imam yang telah ditetapkan dan dinaskan oleh Rasulullah. Fakta sejarah jelas menunjukkan Saidina Ali enggan menerima jawatan khalifah lantaran suasana semasa yang tidak mengizinkan beliau menerima jawatan tersebut. Walau bagaimanapun, menurut İhsān İlahī Zahīr setelah Saidina Ali didesak untuk menerimanya dan memikirkan sesuatu yang lebih buruk berlaku, maka beliau

terpaksa menerimanya. Kemudian İhsān İlahī Zahīr menegaskan sekiranya perlantikan *Imāmah* telah dinaskan, sudah pastilah beliau akan menerima tanpa sebarang bantahan. Begitu juga kesilapan mengambil keputusan dalam suatu isu yang diputuskan oleh Saidina Ali hingga menyebabkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku adalah menunjukkan beliau tidak maksum dan tidak mengetahui perkara-perkara ghaib. Renteten dari itu beliau berpandangan kepercayaan *Imāmah* yang diimani oleh Syiah adalah kepercayaan yang salah yang dibawa oleh Abdullah Saba' seorang Yahudi yang memeluk Islam secara munafik dengan tujuan untuk merosakkan Islam secara tersembunyi dan terancang. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya banyak pengaruh Yahudi, Nasrani dan Majusi teserlah dalam ajaran akidah *Imāmah*

Sungguhpun İhsān İlahī Zahīr dalam kritikannya mengecam ajaran dan kepercayaan *Imāmah*, namun penulis mendapati beliau hanya menentukan ajaran dan kepercayaan tersebut hanya kepada Syiah yang beraliran *Imāmiyyah* atau *Ithnā 'Ashariyyah* dan *Shī'ah Ismā'i liyyah*. Beliau membataskan kepada dua aliran tersebut sahaja dan tidak kepada aliran yang lain. Ini disebabkan oleh kerana aliran tersebut yang mendominasi di sesebuah negara seperti Iran, Iraq, Pakistan dan lainnya. Kepercayaan seumpama ini juga yang melakari pegangan Syiah dewasa ini hingga menimbulkan kekeliruan dikalangan umat Islam.

Dalam karya-karyanya penulis mendapati beliau tidak menyebut dan memfokuskan kepada *Shī'ah Zaidiyyah* yang disifatkan sebagai Syiah yang hampir dengan Ahli Sunnah yang mempunyai iktikad yang berbeza dengan *Shī'ah Imāmiyyah*. *Shī'ah Imāmiyyah* beriktiqad dimana perlantikan Abū Bakar sebagai khalifah pertama adalah sah walaupun sepatutnya Saidina Ali yang berhak dan lebih utama menjawat jawatan tersebut. Menurut *Shī'ah Zaidiyyah* perlantikan seorang imam *mafḍul* atau kurang utama dibolehkan walaupun terdapat imam yang *afḍal* atau lebih utama. Selain itu, penulis mendapati *Shī'ah Zaidiyyah* juga dilihat tidak memberikan ancaman kepada

kesucian akidah Islam. Kebanyakan akidah dan kepercayaan yang diimani oleh mereka tidak bercanggah dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Ini menyebabkan Ihsān Ilahī Zahīr tidak memberikan tumpuan kepada aliran tersebut.

5.4.4 Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan *Ahl al-Bayt*

Persoalan *Ahl al-Bayt* merupakan persoalan penting yang dibahaskan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī'ah wa ahl al-Bayt*. Kritikan awal beliau difokuskan kepada mereka-mereka yang tergolong dalam kelompok *Ahl al-Bayt*. Beliau mengecam kepercayaan Syiah yang membataskan *Ahl al-Bayt* hanya kepada empat orang sahaja iaitu Ali bin Abi Talib, Fatimah al-Zahra, Hasan bin Ali dan Hussain bin Ali sahaja¹⁴⁵ serta keturunan Hussain bin Ali yang tertentu sahaja hingga kepada sembilan orang imam mereka dan juga yang kesepuluh yang dikatakan telah ghaib. Syiah menafikan selain mereka dari digolongkan sebagai *Ahl al-Bayt* iaitu anak-anak Ali yang bukan anak Fatimah seperti Muhammad Ibn Hanafiah. Begitu juga Abū Bakar bapa mertua Nabi, ‘Umar al-Khattab, ‘Uthmān bin ‘Affān menantu kepada dua orang puteri Nabi, Abbas, Ja’afar, Abdullah, Ubaidillah dan Yahya dan anak-anak mereka. Mereka juga mengeluarkan Zainab dan Ummi Kalthum puteri Rasulullah sebagai *Ahl al-Bayt*. Begitu juga anak-anak Hasan bin Ali dan Hussain bin Ali.¹⁴⁶ Mereka semua tidak disenangi dan disukai oleh Syiah kerana tidak membenarkan pendapat mereka dan tidak patuh terhadap agenda jahat Syiah. Justeru itu, Syiah mengeluarkan fatwa-fatwa menuduh mereka sebagai penderhaka, kafir dan murtad.

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr mereka keterlaluan dalam membela kekuasaan Ali dan anak-anaknya. Begitu juga kecintaan dan pujian mereka terhadap Ali dan anak-anaknya secara keterlaluan dan melampaui batas yang sewajarnya. Rentetan dari kepercayaan yang keterlaluan inilah mereka sandarkan agama mereka terpisah dari

¹⁴⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 21.

¹⁴⁶ *Ibid.*

agama Islam yang sebenarnya hingga mereka mengada-adakan riwayat yang bohong dan hadith-hadith yang palsu. Dalam hal ini Ihsān Ilahī Zahīr banyak menukilkan kenyataan dari ulama Syiah bagi mendokong pandangannya seperti al-Kulayni dalam kitabnya *Uṣūl al-Kāfi*, al-Khomaini dalam kitabnya *al-Hukūmah al-Islāmiyyah*, Ibn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *Man Lā Yaḥduruhu al-Faqīh* dan sebagainya.¹⁴⁷

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, ia adalah kenyataan yang bercanggah dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. *Ahl al-Bayt* menurut Ahli Sunnah ialah isteri-isteri nabi termasuk anak-anak nabi dan menantunya dan semua keturunan yang ada hubungan darah dengan mereka, bapa saudara nabi dan anak-anaknya, bapa mertua nabi dan isterinya juga dikategorikan sebagai *Ahl al-Bayt*.¹⁴⁸ Ia jelas dinyatakan oleh al-Zubaydi dalam kitabnya *Tāj al-'Arus*¹⁴⁹ dan Ibn Manzūr al-Afriqī dalam kitabnya *Lisān al-'Arab*.¹⁵⁰

Ihsān Ilahī Zahīr juga turut mempersoalkan dakwaan Syiah kononnya mereka menyokong kekuasaan *Ahl al-Bayt* Nabi SAW dan manusia yang paling hampir dengan baginda. Mereka sahajalah yang berpegang dengan perkataan nabi, mengamalkan petunjuk-petunjuk nabi dan mencintainya. Ia kenyataan yang tidak benar kerana dalam akidah dan kepercayaan mereka jelas menunjukkan mereka mengkufurkan para sahabat besar seperti Abū Bakar, 'Umar dan Uthman. Ketiga-tiga orang sahabat tersebut merupakan *Ahl al-Bayt* Nabi yang dijamin syurga oleh nabi tetapi mereka dikufurkan dan tidak diakui sebagai *Ahl al-Bayt*. Mereka menentang, membenci, mencaci maki dan memperolok-olokkannya bahkan menganggapnya sebagai fasik dan kufur. Cacian, cemuh dan kutukan kepada tiga orang khalifah tersebut dianggap sebagai “*qurbah*” kepada Allah dan mendapat pahala yang sangat besar di sisi Allah. Kitab-kitab mereka sarat dengan cacian can cercaan kepada para sahabat yang

¹⁴⁷ *Ibid.*,23-26.

¹⁴⁸ *Ibid.*, 15-16.

¹⁴⁹ *Ibid.*,16.

¹⁵⁰ *Ibid.*

merupakan *Ahl al-Bayt* Nabi.¹⁵¹ Ia jelas dinyatakan oleh Mula Muhammad Kazim dalam kitabnya *Ajma' al-Fadā'ih* sebagaimana berikut:

Dari Abi Hamzah al-Thimali yang berdusta atas nama Ali Zainal Abidin mengatakan : Siapa yang melaknat al-Jib¹⁵² (Abū Bakar al-Siddiq) dan al-Taghut ('Umar al-Faruq) sekali laknat, maka dia akan mendapat 70,000 atau beribu-ribu kebaikan, dan akan menghapuskan beribu-ribu dosa serta mengangkatnya ke 70,000 atau beribu ribu tingkatan, dan siapa yang melaknat mereka di waktu petang sekali laknat maka dia akan mendapat balasan pahala seperti itu juga.¹⁵³

Selanjutnya al-Kāshī menyatakan dalam kitabnya *Rijāl al-Kāshī*:

Dan kami golongan Bani Hasyim memerintahkan orang-orang tua dan anak-anak kecil kami untuk mencaci maki kedua orang tersebut (Abū Bakar dan 'Umar) dan berlepas dari keduanya (tidak mengakui kekhilafan mereka).¹⁵⁴

Begitu juga al-'Ayyashi menyatakan dalam surah al-Bara'ah dalam kitabnya *Tafsīr al-'Ayyashī* yang diriwayatkan daripada Abu Hamzah al-Thimali menyatakan:

Aku bertanya kepada al-Imam: Siapakah musuh-musuh Allah itu? Jawabnya: Empat berhala. Aku bertanya lagi: Siapakah mereka itu? Imam menjawab: Abu Fusail,¹⁵⁵ Rama,¹⁵⁶ Na'thal,¹⁵⁷ dan Mu'awiyah dan orang yang sependirian dengan mereka. Maka sesiapa yang memusuhi mereka itu bererti memusuhi musuh-musuh Allah.¹⁵⁸

Kebencian Syiah terhadap tiga orang sahabat tersebut meluap-luap hingga mereka menggelarkannya dengan berhala sebagai satu penghinaan kepada mereka.

Manakala al-Qummi dalam kitabnya *Tafsīr al-Qummī* menyatakan:

¹⁵¹ *Ibid.*, 145.

¹⁵² *Al-Jib* bermaksud berhala.

¹⁵³ İhsān İlahī Zahīr, *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*, 145-146. İhsān İlahī Zahīr memuatkan pandangan Mula Kasim menerusi kitab *Ajma' al-Fadā'ih*

¹⁵⁴ *Ibid.*, 146. Ia adalah pandangan al-Kāshī dalam kitabnya *Rijāl al-Kāshī*.

¹⁵⁵ *Ibid.* Ia adalah gelaran yang diberikan oleh Syiah kepada Abu Bakar yang bermaksud unta muda atau anak unta. Abu Bakar juga dikatakan pernah mengembala anak unta dalam beberapa waktu. Oleh kerana itulah beliau digelar Abū al-Fuṣā'il yang bermaksud bapa anak unta.

¹⁵⁶ *Ibid.* Ia adalah gelaran kepada Umar. Ia adalah kalimah yang dieja secara terbalik (*ra, mim* dan '*ain*) dari kalimah asal iaitu Umar yang dieja dengan huruf *hijaieah* ialah *ain, mim* dan *ra*.

¹⁵⁷ *Ibid.* Ia adalah gelaran kepada Usman yang bermaksud yang berjanggut panjang.

¹⁵⁸ *Ibid.* Ia adalah pandangan al-'Ayyashi dalam kitabnya *Tafsīr al-'Ayyashī*.

Allah tidak mengutus seorang nabi melainkan di kalangan umatnya itu ada dua syaitan yang selalu menggodanya.....Adapun dua orang sahabat Muhammad (yang menjadi syaitan penggoda) itu adalah Habtar ('Umar) dan Zuraiq (Abū Bakar).¹⁵⁹

Al-Bahrānī juga melakukan ejekan terhadap sahabat Rasulullah SAW dan isterinya sehingga dia berani mengatakan bahawa ayat yang mengatakan sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bahong sebagaimana dalam surah al-Nūr ayat 11, diturunkan untuk Aisyah, Hafshah, Abū Bakar dan 'Umar yang menuduh Mariyah al-Qibtiyah (isteri Nabi SAW).¹⁶⁰ Begitu juga al-Kashānī ketika menafsirkan firman Allah, Sesungguhnya orang-orang yang beriman, kemudian kufur, kemudian beriman lagi, kemudian kufur lagi, kemudian bertambah kufurnya sebagaimana dalam surah Āli-'Imrān ayat 90 adalah merujuk kepada orang pertama ialah Abū Bakar, orang kedua ialah 'Umar, orang ketiga ialah 'Uthmān dan orang keempat ialah Mu'awiyah serta Abd Rahman dan Talhah.¹⁶¹

Cercaan dan kutukan dan penghinaan yang dilakukan oleh Syiah terhadap para sahabat yang merupakan *Ahl al-Bayt* nabi merupakan suatu yang buruk dan ditolak dalam Islam. Hakikatnya mereka adalah sahabat yang benar dan tiada permusuhan antara mereka itu iaitu Abū Bakar, 'Umar, 'Uthmān dan Ali. Ia diperkuuhkan dengan bukti sejarah apabila Ali menyerahkan puterinya kepada 'Umar al-Khattab dan Rasulullah mengahwinkan kedua puterinya Umi Kalthum dan Ruqiah kepada 'Uthmān. Sekiranya 'Umar dan 'Uthmān kafir mengapa mereka saling mengahwini sesama mereka. Begitu juga pujian Ali dan *Ahl al-Bayt* kepada 'Uthmān serta Ali dan puteranya yang membela 'Uthmān dan sebagainya. Mereka sebenarnya saling kasih mengasihani hingga menjadi satu keluarga besar Rasulullah SAW yang tidak mencerca, mencaci, menghina, menuduh dengan fasik dan kafir sesama mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Syiah.

¹⁵⁹ *Ibid.*, 153. Ia adalah pandangan al-Qummi dalam kitabnya *Tafsīr al-Qummī*.

¹⁶⁰ *Ibid.*, 156. Ia adalah pandangan al-Bahrani dalam kitabnya *al-Burhān*.

¹⁶¹ *Ibid.*, Ia adalah pandangan al-Kasyānī dalam kitabnya *Tafsīr al-Šāfi*

Penulis tidak berhasrat untuk mengemukakan semua kenyataan ulama' Syiah yang mencerca dan menghina para sahabat yang merupakan *Ahl al-Bayt* nabi sebagaimana yang dimuatkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya tersebut. Penulis hanya menukikan beberapa hujah yang dikemukakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya berkenaan *Ahl al-Bayt* berasaskan hujah-hujah yang bernas dari kitab-kitab muktabar mereka. Ihsān Ilahī Zahīr juga berjaya membuktikan dimana Saidina Ali dan Abū Bakar, 'Umar dan 'Uthmān tidak bermusuhan bahkan mereka adalah para sahabat yang saling kasih mengasihani dan tidak bermusuhan sebagaimana dakwaan Syiah. Dengan ini jelas bahawa isu yang sengaja ditimbulkan oleh Syiah tidak berasas dengan agenda jahat yang dilakukan dengan tujuan untuk merosakkan Islam.

5.4.4.1 Ulasan

Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya cuba mempertahankan *Ahl al-Bayt* yang dicerca oleh Syiah. Beliau dilihat cuba menafikan kenyataan Syiah yang beranggapan dimana Saidina Ali bermusuhan dengan para sahabat besar iaitu Abū Bakar, 'Umar dan Uthman serta isteri baginda Rasulullah Saidatina Aisyah. Beliau telah mengemukakan pelbagai bukti dan hujah bagi menolak dakwaan Syiah sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab-kitab mereka dan kitab *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Mereka saling puji memuji dan mengahwinkan anak-anak mereka sesama mereka. Tidak ada perselisihan besar yang berlaku hingga mereka cemuh mencemuh, kafir mengkafir dan sebagainya. Dengan ini sebenarnya Syiah tidaklah mencintai *Ahl al-Bayt* Nabi dan juga *Ahl al-Bayt* Ali sebagaimana dakwaan mereka. Mereka hanya mencintai *Ahl al-Bayt* tertentu sahaja yang digolongkan sebagai *Ahl al-Bayt* dan mencerca yang lainnya kerana didakwa telah fasik dan kafir. Ia dibuktikan dengan beberapa bukti kukuh berasaskan kitab-kitab mereka yang muktabar seperti *Kitab Ajma' al-Naṣā'ih* karangan Mula Muhammad Kazim, *Rijāl al-Kāshī* karangan al-Kāshī, *Tafsīr al-'Ayyāshī* karangan al-'Ayyāshī,

Tafsīr al-Qummī karangan al-Qummī, *al-Burhān* karangan al-Baḥrānī, *Tafsīr al-Ṣāfi* karangan al-Kashānī dan sebagainya.

Selain itu Ihsān Ilahī Zahīr juga menafikan pandangan Syiah yang mengkhususkan *Ahl al-Bayt* hanya pada kelompok tertentu sahaja dari kalangan keluarga Ḥusayn bin ‘Alī dan keturunannya sahaja hingga kepada imam-imam mereka hingga Imam Kedua Belas. Adapun selain itu tidak digolongkan sebagai *Ahl al-Bayt* seperti Abū Bakar, ‘Umar dan ‘Uthmān. Begitu juga anak Saidina Ali yang lain seperti Muḥammad bin Ḥanafiah dan lainnya. Bapa saudara nabi juga tidak digolongkan sebagai *Ahl al-Bayt* seperti al-Abbas dan sebagainya. Mereka telah mencerca dan menuduhnya sebagai fasiq dan kafir dan cercaan lain yang tidak menggambarkan mereka saling cinta mencintai. Ihsān Ilahī Zahīr dengan bukti yang kukuh berjaya menyanggah pandangan mereka dan membuktikan *Ahl al-Bayt* bukanlah hanya tertentu kepada mereka sahaja bahkan menyeluruh sebagaimana dalam keterangan di atas. Tindakan Syiah yang dianggap berat sebelah mengkatgorikan *Ahl al-Bayt* hanya kepada kelompok tertentu sahaja dan menafikan golongan lainnya adalah tindakan yang tidak benar dan tidak berasas. Ihsān Ilahī Zahīr dalam hal ini berjaya membuktikan pandangan dan kenyataan mereka salah sekaligus membuktikan kebenaran *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah*.

Walau bagaimanapun kritikan Ihsān Ilahī Zahīr berkenaan *Ahl al-Bayt* menurut Syiah hanyalah kepada *al-Shi’ah al-Imamiyyah* atau *al-Shi’ah al-Ithna ‘Ashariyyah* sahaja. Adapun aliran dan kelompok Syiah lainnya tidak dikritik oleh Syiah seperti *al-Shi’ah al-Zaidiyyah* dan lainnya yang dikatakan hampir dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah*. Mereka tidak mencerca, menghina, memfasik dan mengkafirkhan para *Ahl al-Bayt* sebagaimana *al-Shi’ah al-Imamiyyah* atau *al-Shi’ah al-Ithna ‘Ashariyyah*. Ia adalah pandangan dan kritikan beliau yang dilihat berhati-hati dan adil tidak kepada semua Syiah tetapi aliran tertentu sahaja sebagaimana yang diimani oleh sebahagian

besar Syiah dewasa ini yang beraliran *al-Shi'ah al-Imamiyyah* atau *al-Shi'ah al-Ithna 'Ashariyyah*.

5.4.5 Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan Sahabat

Persoalan sahabat dibincangkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam dua karya utama beliau iaitu *al-Shī'ah wa al-Sunnah* dan *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*. Persoalan tersebut dibahas dan dikritik oleh beliau rentetan kecaman, tohmahan dan pandangan serong Syiah terhadap para sahabat yang telah berjasa besar menyebarkan agama Islam ke pelusuk dunia. Menurut Ihsān Ilahī Zahīr, ia berpunca dari fitnah yang dilakukan oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ yang meniup dan menyebarkan fitnah berkenaan para sahabat¹⁶² hingga kredibiliti mereka sebagai generasi terawal menerima sumber hukum melalui baginda Rasulullah SAW dipertikaikan. Ia akhirnya akan membawa kepada mempersoal dan mempertikaikan apa sahaja yang dibawa dan diriwayatkan oleh para sahabat sekaligus menolak sumber hukum utama iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Bagi memperkuuhkan dakwaan tersebut beliau telah mengemukakan pandangan al-Nubakhti bahawa ‘Abd Allāh bin Sabā’ adalah orang yang terawal menyebarkan fitnah mencaci maki Abū Bakar bapa mertua Rasulallah SAW, Umar dan menantu baginda ‘Uthman hingga ia dijadikan doktrin kepercayaan dalam akidah Syiah membenci tiga orang sahabat tersebut, sedangkan Rasulullah sendiri tidak pernah membenci mereka¹⁶³. Penghinaan mereka kepada Abū Bakar juga diperkuuhkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan kenyataan al-Kāshī seorang tokoh Syiah dalam ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* dengan katanya.

Muhammad Ibn Abū Bakar ada menyebutkan kepada kami di sisi Abu Abdillah. Kata Abu Abdillah: “Rahmat dan kesejahteraan daripada Allah terhadapnya.” Kata Muhammad Ibn Abū Bakr kepada Amirul Mukminin Ali pada suatu hari: “Bukalah tangan engkau, aku hendak memberikan bai'ah kepada engkau.” Kata Ali,“ untuk apa

¹⁶² Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 31.

¹⁶³ *Ibid.*, 32.

engkau lakukan ini?” Jawabnya: “Sesungguhnya aku hendak memberikan bai’ah kepada engkau.” Ali pun menghulurkan tangannya lalu Muhammad pun membai’ahnya: “Aku naik saksi bahwasanya engkaulah Imam yang wajib ditaati. Sesungguhnya bapaku adalah penghunu neraka...¹⁶⁴

Syiah juga turut mengecam dan mengutuk Khalifah Umar al-Khaṭṭāb dengan kecaman yang melampau. Bagi memperkuatkan kenyataan tersebut Ihsān Ilahī Zāhir telah mengemukakan kenyataan Ibn Babawaih al-Qummī, Kata Umar ketika hampir mati:

Aku bertaubat kepada Allah daripada tiga perkara – Aku dan Abū Bakar telah merampas kedudukan khalifah tanpa persetujuan manusia. Aku telah mengangkat Abū Bakar menjadi khalifah dan melebihkan sebahagian muslimin terhadap sebahagian yang lain.¹⁶⁵

Beliau juga mengemukakan satu riwayat daripada Abu Abdillah katanya,

Tidak diutus seorang nabi, melainkan dikalangan umatnya terdapat dua ekor syaitan yang kerjanya menyakiti nabi dan menyesatkan manusia sesudahnya.....Manakala dua ekor syaitan yang mendampingi Nabi Muhammad ialah Jabtar dan Zurayq.¹⁶⁶

Menurut Mulla Maqbul al-Hindi menafsirkan pengertian Jabtar dan Zurayq dengan katanya,

Diriwayatkan bahawa Zurayq itu adalah *Ism al-Tasghir* dari kalimah Azraq. Manakala Jabtar pula maknanya ialah musang. Apa yang dimaksudkan daripada kalimah Azraq ialah Abū Bakar kerana ia bermata biru. Manakala maksud kalimah Jabtar pula ialah ‘Umar sebagai kinayah sifat cergas tetapi suka membuat tipu daya.’¹⁶⁷

Begitu juga penghinaan kepada ‘Uthmān bin ‘Affn menantu Rasulullah dan suami kepada dua orang puteri baginda. Kata al-Kāshī.

Maka ‘Uthmān pun berjumpa Rasulullah SAW lalu katanya: Tidaklah kita masuk Islam dengan tujuan untuk mencela diri dan kehormatan kita. Maka jawab Rasulullah: Apakah kamu suka dikatakan demikian? Maka turunlah dua ayat al-Qur'an yang bermaksud: Mereka mengira

¹⁶⁴ *Ibid.*

¹⁶⁵ *Ibid.*, 34.

¹⁶⁶ *Ibid.*, 35.

¹⁶⁷ *Ibid.*, 35. Ia adalah tafsiran seorang ulama Syiah yang bernama Maqbul dalam Quran al-Syi’ie berbahasa Urdu.

dirinya berbudi kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah Islam (tidak melawan dan tidak menentang).....¹⁶⁸

Bukan hanya mereka sahaja yang mendapat kutukan Syiah bahkan mereka turut mengutuk keluarga nabi dan juga tokoh-tokoh besar yang sentiasa mendampingi Nabi SAW seperti Aisyah isteri baginda Rasulullah. İhsān İlahī Zahīr menukilkan kenyataan al-Kāshī setelah ‘Alī bin Abī Tālib berjaya mengalahkan penentang-penentangnya dalam peperangan Jamāl. Amirul Mukminin telah mengutus ‘Abd Allāh Ibn ‘Abbās kepada Aisyah supaya segera berangkat dan tidak banyak berbicara. Kata Ibn ‘Abbās,

Engkau hanyalah salah seorang daripada sembilan orang janda yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah sesudah kewafatannya. Engkau bukanlah yang paling putih kulitnya di antara mereka, engkau bukanlah yang paling cantik wajahnya di antara mereka, engkau bukanlah yang paling terpilih di antara mereka dan engkau bukanlah daripada keturunan yang baik.” Kata Ibn ‘Abbās lagi, “Kemudian aku beredar dan menemui Amir al-Mukminin a.s. Aku beritahu kepadanya apa yang dikatakannya dan apa pula jawapanku kepadanya.” Kata ‘Alī, “Aku lebih mengetahui tentang siapa yang aku utuskan engkau.”¹⁶⁹

İhsān İlahī Zahīr mengemukakan kenyataan di atas berasaskan sumber yang kukuh dari pandangan dan kenyataan ulama mereka yang muktabar. Beliau menelusuri kitab-kitab mereka bagi membuktikan Syiah sebenarnya memusuhi para sahabat.

İhsān İlahī Zahīr dalam kritikannya menyimpulkan dimana Yahudi telah membentuk suatu kelompok atas nama Islam di bawah pimpinan ‘Abd Allāh bin Sabā’ dengan menzahirkan keislaman dan menyembunyikan kekafirannya.¹⁷⁰ Mereka sebenarnya ingin menyebarkan akidah dan pemikiran Yahudi di kalangan kaum Muslimin dengan mencipta akidah dan kepercayaan yang salah berkenaan sahabat.¹⁷¹ Mereka juga menyebarkan fitnah di kalangan kaum Muslimin dan mengadakan pakatan sulit untuk menjatuhkan khalifah ‘Uthmān sehingga suasana kacau bilau berlaku.

¹⁶⁸ Ibid., 39.

¹⁶⁹ Ibid., 48.

¹⁷⁰ Ibid., 24

¹⁷¹ Ibid.

Mereka berjaya membunuh khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān dan berpuluhan-puluhan ribu lagi telah terkorban.¹⁷² Menurut Ihsān Ilahī Zāhir lagi, mereka cuba menanam perasaan dengki dan dendam kesumat dalam hati manusia supaya membenci Abū Bakar, “Umar, ‘Uthmān dan para sahabat lain dengan mengkafirkan mereka kecuali beberapa orang sahaja. Ini semua dilakukan oleh mereka dengan tujuan untuk menghilangkan kepercayaan umat Islam kepada para sahabat. Ini kerana para sahabatlah yang telah mendengar al-Qur'an daripada Rasulullah dan melaksanakan perintahnya. Mereka lah yang telah melihat Rasulullah menghurai, mentafsir dan menerangkan al-Qur'an itu dengan perkataan dan amalannya. Tetapi Syiah menuduh mereka kafir dan murtad dan menolak apa sahaja yang datang dari mereka. Mereka ingin menimbulkan keraguan di kalangan kaum muslimin agar meragui al-Qur'an yang ada di tangan kaum muslimin dan menolaknya. Mereka menuduh para sahabat telah melakukan pengkhianatan dengan mengubah, menukar dan mengurangkan kandungannya. Al-Qur'an sebenar yang diturunkan kepada Nabi Muhammad kini ada di tangan al-Mahdi al-Muntażar yang diperolehinya dengan jalan wahyu.¹⁷³

Ihsān Ilahī Zāhir telah menolak pandangan tersebut dengan mengemukakan pandangan Ahl Sunnah wa al-Jama'ah dengan berasaskan dalil-dalil syara'. Beliau telah mengemukakan pelbagai hadith Rasulullah SAW dengan memuliakan para nabi dan memberi peringatan terhadap sesiapa yang mencela mereka. Dalam satu hadis beliau memperingatkan agar jangan mencela para Nabi sebagaimana sabda Rasulullah:

قَالَ الرَّبِيعُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَسْبُوا أَصْحَابِي فَلَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ أَحَدٍ
ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدَّ أَحَدِهِمْ وَلَا نَصِيفَةً

Terjemahan: Janganlah kamu mencela para sahabatku. Kalau lauh seseorang kamu menafkahkan emas sebesar Bukit Uhud, nescaya

¹⁷² Ibid.

¹⁷³ Ibid., 25-29.

belum sampai secupak atau setengah cupak dari apa yang mereka nafkahkan.¹⁷⁴

Rasulullah juga memuji Abū Bakar dengan sifatnya yang mulia dan dipercayai:

إِنَّ مِنْ أَمْنَ النَّاسِ عَلَيَّ فِي صُحْبَتِهِ وَمَالَهِ أَبَا بَكْرٍ

Terjemahan: Sesungguhnya manusia yang paling aku percayai di dalam persahabatan dan juga hartanya ialah Abū Bakar.¹⁷⁵

Rasulullah juga memuji Saidina ‘Umar sebagaimana dalam sabdanya:

إِنَّ اللَّهَ جَعَلَ الْحَقَّ عَلَى لِسَانِ عُمَرَ وَقَلْبِهِ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah letakkan kebenaran di lidah dan di hati ‘Umar.¹⁷⁶

Dalam hadis yang lain baginda menegaskan:

أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ سَيِّدَا كُهُولِ أَهْلِ الْجَنَّةِ مِنْ الْأُولَئِينَ وَالآخِرِينَ مَا حَلَّ النَّبِيِّينَ
وَالْمُرْسَلِينَ

Terjemahan: Abū Bakar dan ‘Umar adalah penghulu kepada penghuni di dalam syurga, baik dari kalangan yang terdahulu mahupun yang terkemudian, melainkan para nabi dan juga rasul.¹⁷⁷

Allah SWT memuji para sahabat dengan beberapa kemuliaan. Rasulullah mendoakan mereka dengan keampunan, memuji dan menyanjung mereka dengan

¹⁷⁴ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Faḍā'il Aṣhab al-Nabī, Bab Qawl al-Nabī SAW, no. Hadith 3673. Lihat Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Dār al-Salam, 2006), 7:27. Ia dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat Ihsān Ilahī Zahīr *al-Shī'ah wa al-Sunnah*, 51.

¹⁷⁵ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Manāqib al-Anṣār, Bab Qawl al-Nabī SAW, no. Hadith 3904. Lihat Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, 7:283. Ia dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat *Ibid.*, 52.

¹⁷⁶ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Manāqib, Bab fī Manāqib ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, no Hadith 3682. Lihat Muḥammad bin ‘Isā Saurah al-Tirmidhī, *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh : Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzī‘ 2000), 3:509. Ia dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat *Ibid.*, 52.

¹⁷⁷ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Manāqib, Bab fī Manāqib Abī Bakr wa ‘Umar, no. Hadith 3666. Lihat *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī* 3:504. Ia dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dan dimuatkan dalam kitabnya. Lihat *Ibid.*

kebaikan. Baginda melarang sesiapa sahaja yang mencerca dan mencaci para sahabat dengan beberapa ancaman. Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya mempertahankan maruah para sahabat dengan asas yang kukuh. Baginda Rasulullah tidak pernah berbohong dan segala yang disabdakannya adalah wahyu dari Allah dan bukannya berasaskan nafsu baginda. Sehubungan dengan itu, Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya berjaya mempertahankan maruah para sahabat daripada dimalukan oleh Syiah. Beliau dalam kritikannya juga berjaya membuktikan pendirian sebenar Syiah terhadap para sahabat. Beliau berjaya membongkar tujuan sebenar Syiah mengadakan pelbagai doktrin akidah dan kepercayaan salah berkenaan sahabat.

5.4.5.1 Ulasan

Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya cuba mendedahkan akidah Syiah yang menyeleweng berkenaan para sahabat. Syiah khususnya yang beraliran *Imamiyyah* mencerca para sahabat dan menuduh mereka dengan pelbagai tuduhan. Mereka mengkafirkan para sahabat termasuk Aisyah isteri baginda Rasulullah SAW. Ia antara akidah yang dicetuskan oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’ seorang Yahudi yang ingin merosakkan kesucian akidah Islam.

Ia sengaja dilakukan oleh Syiah dengan tujuan untuk menghilangkan kepercayaan kaum muslimin terhadap kemuliaan para sahabat sebagaimana yang disebut dalam hadis-hadis baginda Rasulullah. Para sahabat adalah manusia terhampir mendampingi Rasulullah yang telah mendengar dan menerima hadith baginda Rasulullah. Mereka juga terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pengumpulan al-Qur'an bagi memudahkan umat Islam membacanya dan terus terpelihara hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun kredibiliti, kemuliaan dan amanah mereka dirosakkan oleh Syiah dengan melontarkan pelbagai tuduhan hingga akhirnya menimbulkan keraguan

terhadap kesucian al-Qur'an dan al-Sunnah sekaligus akan memberikan kesan kepada perundangan Islam itu sendiri.

Ihsān Ilahī Zahīr cuba menyangkal akidah tersebut yang jelas menyeleweng dan tersasar dari landasan Islam sebenarnya. Beliau mengemukakan hadith-hadith baginda Rasulullah yang jelas memuji dan memuliakan para sahabat bahkan baginda melarangnya dari mencerca para sahabat. Ia dilihat sebagai satu pendirian tegas beliau dalam mempertahankan kesucian akidah Islam. Beliau tidak *bertasamuh* dalam perkara yang melibatkan persoalan akidah Islam kerana beliau melihat serangan Syiah terhadap para sahabat jika tidak dipertahankan akan memberikan impak buruk terhadap kesucian agama Islam. Justeru itu, beliau gigih mempertahankannya walaupun terpaksa mengorbankan dirinya sendiri.

Data dan maklumat kritikan beliau ketika menjelaskan persoalan tersebut diambil dari sumber dan rujukan kitab-kitab Syiah itu sendiri. Ini akan lebih memantapkan lagi pembuktian suatu akidah yang dibincangkan. Sumber lain juga dirujuk oleh beliau dari kitab *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah* bagi menjelaskan pendirian Islam berkenaan isu yang dibincangkan. Ia juga berperanan untuk membandingkan antara dua pandangan antara Syiah dan Ahli Sunnah. Hasil dari penggunaan sumber yang meluas dari dua aliran tersebut mampu menghasilkan satu perbahasan yang baik dan mentarjih pandangan yang benar.

Kritikan-kritikan beliau berkenaan persoalan sahabat menurut Syiah adalah terhadap aliran *Shī'ah Imāmiyyah* sahaja dan aliran-aliran lain yang melampau. Ia jelas memperlihatkan kematangan beliau dalam memberikan kritikan dengan hanya memfokuskan kepada aliran tertentu sahaja dan tidak umum kepada semua aliran dalam Syiah. Sehubungan dengan itu beliau dalam kritikannya berjaya membongkar penyelewengan Syiah berkenaan sahabat dan mempertahankan kesucian agama Islam itu sendiri.

5.4.6 Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Persoalan *al-Raj’ah*

Ihsān Ilahī Zahīr telah memberikan kritikan yang baik berkenaan persoalan *al-Raj’ah* melalui kitabnya *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Waftī fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl Sunnah*. Beliau menggunakan sumber-sumber yang diperolehi dari kitab-kitab firqah Syiah bagi membincang, menthabit dan menolak akidah *al-Raj’ah*. Selain itu, beliau akan merujuk dan mengambil pandangan ulama-ulama syi’ah bagi memperkuuhkan pandangannya. Ini jelas ketika beliau menthabitkan akidah *al-Raj’ah* yang diimani oleh Syiah dengan mengemukakan dalil dari kitab-kitab dan ulama Syiah seperti Abū ‘Alī al-Tabrasī dalam kitabnya *Tafsīr Majma’ al-Bayān*,¹⁷⁸ al-Majlisī dalam kitabnya *Hayāt al-Qulūb*,¹⁷⁹ al-Murtadā dalam kitabnya *A'yān al-Shī‘ah*,¹⁸⁰ Muḥammad bin al-Nu'mān yang lebih dikenali dengan al-Mufīd dalam kitabnya *Awā'il Maqālāt*,¹⁸¹ al-Ḥur al-‘Amīlī dalam kitabnya *al-Iqaz min al-Haj’ah*,¹⁸² Ibn Babawaih al-Qummī dalam kitabnya *al-Kalāmī*,¹⁸³ al-Mūlā Baqīr al-Majlisī dalam kitabnya *Bihār al-Anwār*¹⁸⁴ dan sebagainya. Persoalan *al-Raj’ah* juga disentuh oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitabnya *al-Shī‘ah wa al-Sunnah* dengan ringkas. Beliau mengemukakan pandangan berkaitan kewujudan akidah *al-Raj’ah* yang dianut oleh Syi’ah telah bermula lebih awal dengan membawa fahaman salah kebangkitan para imam bermula dari Imam ‘Alī hingga Imam al-Hasan al-‘Askarī.¹⁸⁵ Begitu juga dalam kitab beliau *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū* juga menyentuh permasalahan *al-Raj’ah*. Beliau mengemukakan sumber dan maklumat yang diambil dari ulama Syiah seperti al-Mūlā Baqīr al-Majlisī dalam kitabnya *Bihār al-Anwār* dan al-Tabrasī dalam kitabnya *I'lām al-Wārī*.¹⁸⁶

¹⁷⁸ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Rad ‘alā al-Duktūr ‘Alī ‘Abd al-Wāhid Waftī fī Kitābihī Bayna al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*, 144.

¹⁷⁹ *Ibid.*, 143.

¹⁸⁰ *Ibid.*, 145.

¹⁸¹ *Ibid.*

¹⁸² *Ibid.* 146

¹⁸³ *Ibid.*,

¹⁸⁴ *Ibid.*

¹⁸⁵ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Sunnah*, 65

¹⁸⁶ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī‘ah wa al-Tashayyū*, 359-361

Menurut Ihsan Ilahi akidah al-Raj'ah telah disepakati oleh semua mazhab Syiah seperti *al-Shi'ah al-Imamiyyah* atau *al-Shi'ah al-Ithna 'Ashariyyah*. Ia juga disepakati oleh ulama-ulama Syiah tradisional dan moden¹⁸⁷ seperti al-Mūlā Baqīr al-Majlisī (w. 1111 H), al-Hullī (w. 726H), Ibn Babawaih al-Qummī (w. 381H) dan sebagainya.¹⁸⁸ Ia juga merupakan ajaran warisan Yahudi¹⁸⁹ yang cuba dibawa masuk ke dalam agama Islam oleh 'Abd Allāh bin Sabā'¹⁹⁰ sebagaimana akidah-akidah lain hingga ia diimani dan dipegang oleh semua mazhab dalam Syiah kecuali Syiah di zaman awal¹⁹¹ iaitu di zaman pergeseran yang melibatkan soal politik, tidak melibatkan kepercayan atau kefahaman agama rentetan dari kesan peperangan Siffin. Ia bukan tanggapan salah Ahli Sunnah dan tuduhan liar mereka tetapi kenyataan benar yang dinyatakan dalam kitab-kitab mereka sendiri.

Menurut Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya, nas-nas al-Qur'an dan *al-Sunnah al-Nabawiyah* jelas menolak kepercayaan ajaran tersebut. Pemberian pahala dan pembalasan dosa serta *hisab* hanya akan berlaku pada hari kiamat, hari kebangkitan dan hari perhitungan selepas dibangkitkan dari kubur dan tidak berlaku di dunia sebagaimana yang diimani oleh Syiah. Ia jelas dinyatakan oleh Allah Ta'ala dalam firmannya sebagaimana berikut:

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدُهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبُّ ارْجِعُوهُنَّ . لَعَلَّيٗ أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكُتُ
كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ . فَإِذَا نُفَخَ فِي
الصُّورِ فَلَا أَنْسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ وَلَا يَتَسَاءَلُونَ . فَمَنْ ثَقَلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ . مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ حَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فِي جَهَنَّمَ خَالِدُونَ

Al-Mū'minūn 23:99-103

¹⁸⁷ *Ibid.*, 143.

¹⁸⁸ *Ibid.*, 152 dan 146.

¹⁸⁹ *Ibid.* Lihat juga dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 360.

¹⁹⁰ *Ibid.*, 153. Lihat juga dalam Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 359.

¹⁹¹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 360.

Terjemahan: (Demikianlah keadaan orang kafir itu) hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, dia berkata, “Ya Tuhanmu, kembalikanlah aku ke dunia,” Agar aku dapat berbuat kebaikan yang telah aku tinggalkan.” Sekali-kali tidak, Sungguh itu adalah dalih yang diucapkannya sahaja. Dan dihadapan mereka ada barzakh sampai mereka dibangkitkan. Apabila sangkakala ditiup, maka tidak ada lagi pertalian keluarga diantara mereka pada hari itu(kiamat), dan tidak pula mereka saling bertanya. Barangsiapa berat timbangan kebaikannya maka mereka itulah orang-orang yang berruntung. Dan barangsiapa ringan timbangan kebaikannya, maka mereka itulah orang yang merugikan dirinya sendiri, mereka kekal di dalam neraka jahannam.

Dalam surah lain Allah Ta’ala menyatakan sebagaimana berikut:

وَإِنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبٌ فِيهَا وَإِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنِ في الْقُبُورِ

Al-Haj 22:7

Terjemahan: Dan sungguh hari kiamat itu pasti datang, tidak ada keraguan padanya, dan sungguh Allah akan membangkitkan sesiapa pun yang di dalam kubur.

Dalam ayat lain Allah Ta’ala menyatakan dalam firmanNya:

رَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا قُلْ بَلَى وَرَبِّي لَشَبَعَنَ ثُمَّ لَتُبَيَّنُونَ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

Al-Taghābun 64:7

Terjemahan: Orang-orang yang kafir mengira, bahawa mereka tidak akan dibangkitkan. Katakanlah (Muhammad), “Tidak demikian, demi Tuhanmu, kamu pasti dibangkitkan, kemudian diberitakan, semua yang telah kamu kerjakan”. Dan yang demikian itu mudah bagi Allah.

Ia merupakan akidah yang batil, melampau dan ajaran yang sengaja diada-adakan dalam Syiah.¹⁹² Ia bertentangan dengan firman Allah Ta’ala dalam firmanNya sebagaimana berikut:

¹⁹² ‘Alī Muḥammad al-Salabī, *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah* (Iskandariyyah: Dār al-Īmān, 2005), 250.

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدُهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبُّ ارْجِعُوهُنَّ . لَعَلَّيٌ أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ
كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمَنْ وَرَأَهُمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمٍ يُبَعَثُونَ

Al-Mū'minūn 23:99-100

Terjemahan: (Demikianlah keadaan orang-orang kafir itu), hingga apabila datang kematian kepada seseorang dari mereka, dia berkata, “Ya Tuhan, kembalikanlah aku (ke dunia). Agar aku dapat berbuat kebaikan yang telah aku tinggalkan.” Sekali-kali tidak! Sungguh itu adalah dalih yang diucapkannya sahaja dan dihadapan mereka ada barzakh sampai hari mereka dibangkitkan.

Kepercayaan akidah *al-Raj'ah* bertujuan untuk memberikan balasan baik dan buruk bercanggah dengan Islam. Kehidupan dunia adalah untuk beribadah kepada Allah Ta’ala dan bukannya untuk menerima balasan dari amalan yang dilakukan¹⁹³ sebagaimana yang berlaku di padang mahsyar. Ia bercanggah dengan firman Allah Ta’ala sebagaimana dalam firmanNya:

وَإِنَّمَا تُؤْفَقُونَ أُجُورُكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحْرَخَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Āli-'Imrān 3:18

Terjemahan: Dan hanya pada hari kiamat sahajalah diberikan dengan sempurna balasanmu. Barangsiapa dijauahkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, sungguh dia memperoleh kemenangan, kehidupan dunia hanyalah kesenangan yang memperdaya.

Kepercayaan terhadap akidah *al-Raj'ah* merupakan pemalsuan besar yang dilakukan oleh Syiah yang dicetuskan ideanya oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’.¹⁹⁴ Sandaran-

¹⁹³ *Ibid.*, 250.

¹⁹⁴ Anwār al-Bāz, ‘Iṣmāh al-A’immah ‘inda al-Shī‘ah (Madinah: Universiti Islam Madinah, 1985), 24. Lihat Fathī Muḥammad al-Za’bī, Ghulāt al-Shī‘ah wa Taaththaruhum bi al-Adyān al-Mughāyyarah li al-Islām, (Kaherah: Maktabah Azhariyah, 1988), 88. Lihat Abī al-Fath al-Syahrustānī, al-Milal wa al-Nihāl (Beirut: Dār Maktabah al-Mutanabbī, 1992), 74.

sandaran hadith yang dikemukakan oleh ulama mereka seperti al-Mufid¹⁹⁵ merupakan sandaran hadith yang dusta dan sengaja diada-adakan dengan cara membabitkan nama baik kaum keluarga Nabi Muhammad.¹⁹⁶ Begitu juga sandaran hadith Syiah yang dikemukakan oleh al-Mūlā Muḥammad Baqīr al-Majlisī dalam kitabnya *Haq al-Yaqīn* berkenaan *al-Raj'ah* adalah dusta dan penghinaan terhadap Rasulullah dan Saidina Ali.¹⁹⁷ Golongan *Shī'ah Zaiydiyyah* membantah keras dan menolak kepercayaan akidah *al-Raj'ah* atau kebangkitan semula sebelum hari akhirat berasaskan firman Allah Ta'ala sebagaimana berikut:

وَهُوَ الَّذِي أَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيْكُمْ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَكَفُورٌ

Al-Haj 22:66

Terjemahan: Dialah Allah yang telah menghidupkan kamu, kemudian kamu dimatikan, kemudian dihidupkan kembali.

Ayat di atas menjelaskan berkenaan kejadian manusia bermula seawal ia dilahirkan, dimatikan dan dibangkitkan kembali pada hari akhirat. Kebangkitan dalam ayat di atas berlaku pada hari akhirat dan bukannya sebelum hari akhirat sebagaimana dakwaan Syiah.

Selain itu, akal manusia juga menolak kepercayaan akidah *al-Raj'ah* yang diimani oleh Syiah. Pembalasan yang dilakukan terhadap Abū Bakar, 'Umar dan Uthman kerana merampas jawatan khalifah sewaktu di dunia ini merupakan satu kezaliman dan penganiayaan kerana mereka sekali lagi dibalas di hari akhirat. Syiah

¹⁹⁵ Nama sebenar beliau ialah Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Muḥammad bin an-Nu'mān. Lihat dalam Sayyid Muhibbuddin al-Khatib, *Asas-asas Mazhab Syiah Imam Dua Belas (Imamiyyah)*, terj. Salahuddin Abdullah (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1986), 25.

¹⁹⁶ *Ibid.*, 28.

¹⁹⁷ Al-Mūlā Muḥammad Baqīr al-Majlisī meriwayatkan hadis melalui riwayat daripada Shaykh al-Tūsī dan Ni'mānī daripada Imam al-Ridā a.s menyatakan dimana antara tanda-tanda zahirnya al-Mahdi dimana ia akan zahir dalam keadaan bertelanjang dihadapan matahari dan menyeru inilah Amir al-Mukminin yang telah kembali bagi menghilangkan kezaliman. Muḥammad 'Abd al-Sattār al-Tunsawī, *Buṭlān 'Aqā'id al-Shī'ah* (Kaherah: Dār al-'Ulūm li al-Ṭibā'ah, 1987), 96.

mendakwa pembalasan di akhirat tidak akan berlaku kerana mereka telah dihukum di dunia. Ia bertentangan dengan firman Allah Ta’ala sebagaimana dalam firmannya:

وَلَعْذَابُ الْآخِرَةِ أَشَدُ وَأَبْقَى

Taha 20:127

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya azab hari akhirat itu lebih berat dan lebih kekal

Bagi menghukum dan mengazab mereka yang bersalah sama ada Abu Bakr, ‘Umar, Uthman dan sebagainya boleh dilaksanakan di dalam kubur sebagai tempat sebelum melangkah ke alam akhirat. Oleh itu, menghidup atau membangkitkan mereka semula sebelum hari akhirat merupakan perbuatan sia-sia dinisbahkan kepada Allah SWT. Ia merupakan kekarutan akidah yang dikemukakan oleh golongan Syiah.

Selain itu, beliau juga mengemukakan sumber-sumber kitab dari mazhab Ahl Sunnah wa al-Jama’ah seperti kitab *Maqālāt Islāmiyyīn* karangan Abū Ḥasan al-Ash’arī dan kitab *Tarīkh al-Tabarī* karangan al-Ṭabarī¹⁹⁸ bagi membuktikan akidah *al-Raj’ah* yang diimani oleh mereka diasaskan oleh ‘Abd Allāh bin Sabā’. Penggunaan kitab-kitab *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah* ini mampu memperkuuhkan lagi hujah-hujah beliau dan menolak kebenaran akidah *al-Raj’ah*.

Penulis melihat Ihsān Ilahī Zahīr mampu mengemukakan hujah dengan baik dalam membincangkan persoalan *al-Raj’ah* sama ada dari sudut sember, kaedah pendalilan dan pembuktian dan penyusunan fakta dengan mengutamakan fakta Syiah dan diperkuuhkan dengan fakta sumber kitab *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah*.

5.4.6.1 Ulasan

Setelah penulis menjelaskan tentang akidah *al-Raj’ah* menurut Syiah dan kritikan Ihsān Ilahī Zahīr terhadap akidah tersebut, maka di sini penulis akan

¹⁹⁸ Muḥammad ‘Abd al-Sattār al-Tunsawī, *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī‘a*, 153.

memberikan ulasan sebagaimana berikut. Ihsān Ilahī Zahīr berpandangan akidah *al-Raj'ah* merupakan akidah yang batil dan bercanggah dengan al-Qur'an al-Karim dan hadith nabi. Beliau dilihat cuba mempertegaskan pendiriannya dengan mengemukakan kesepakatan ulama Syiah berkaitan akidah tersebut yang wajib diimani dan disepakati oleh *Shī'ah Imāmiyyah*. Dakwaan beliau diperkuuhkan dengan kenyataan dari ulama-ulama besar Syiah dan Ahli Sunnah bagi membuktikan kebenaran dakwaanya walaupun terdapat kalangan ulama Syiah yang menafikannya. Beliau akhirnya berjaya membuktikan dimana ia adalah akidah yang wajib diimani oleh *Shī'ah Imāmiyyah*.

Penulis juga melihat Ihsān Ilahī Zahīr menolak ajaran tersebut dengan berdalikan nas-nas *al-Qur'ān al-Karīm* dan *Sunnah Nabawiyah*. Beliau juga cuba membetulkan fahaman Syiah yang salah dalam mentafsir dan memaham ayat-ayat al-Qur'an al-Karim berkenaan akidah *Raj'ah*. Mereka cuba mentafsir ayat-ayat tertentu dalam al-Qur'an dengan tafsiran yang salah hingga akhirnya membenarkan ajaran tersebut. Kesungguhan Ihsān Ilahī Zahīr menafi dan membantalkan akidah tersebut diperkuuhkan dengan kenyataan ulama Syiah yang dinukilkkan oleh beliau melalui kitab-kitab muktabar mereka hingga akhirnya terbukti kesesatan ajaran tersebut.

Beliau juga dilihat menggunakan pendekatan logik akal apabila beliau cuba mengaitkan balasan yang manusia akan perolehi hanyalah di akhirat dan bukannya di dunia. Ia suatu perkara yang mustahil dan tidak diterima oleh akal apabila manusia akan dijatuhkan hukuman lebih awal di dunia bagi membala amalan yang dilakukan semasa di dunia, sedangkan Allah Ta'ala telah menyediakan tempat balasan sama ada di dalam kubur atau di akhirat. Begitu juga hakim yang mengadili kesalahan manusia ialah Allah dan bukannya manusia sendiri dari kalangan para imam sebagaimana yang diimani oleh Syiah. Ia jelas bercanggah dengan akal yang waras apabila manusia mengambil tugas Allah dalam mengadili dan menghukum manusia yang bersalah sedangkan manusia itu sendiri juga terdedah dengan pelbagai kesalahan dan kesilapan.

Penulis juga melihat Ihsān Ilahī Zahīr hanya mengkhususkan ajaran tersebut kepada *Shi'ah Imamiyyah* dan Syiah yang melampau. Mereka dilihat tegas menolak ajaran tersebut yang tersasar jauh dari nas al-Qur'an. Ia merupakan pandangan yang adil rentetan kajian dan pembacaan beliau yang menyeluruh dan penguasaannya berkaitan persoalan tersebut hingga akhirnya beliau mampu mengemukakan pandangan yang adil.

5.4.7 Kritikan Ihsān Ilahī Zahīr Terhadap Akidah *al-Hulūl* dan *al-Tanāsukh*

Ihsān Ilahī Zahīr telah mengkritik akidah *al-Hulūl* dan *al-Tanāsukh* dalam kitabnya *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*. Beliau telah memulakan kritikannya dengan mengemukakan satu riwayat dari Muḥammad al-Baqīr yang berisi khutbah ‘Alī bin Abī Tālib r.a yang mengandungi semua kepercayaan Syiah berkenaan *al-Hulūl* dan *al-Tanāsukh* melalui kitab *al-Anwār al-Nu'māniyyah* karangan al-Jazā'irī. Dalam khutbahnya Amirul Mukminin berkata :

Allah Ta'ala telah memfirmankan satu kalimat dan kalimat itu menjelma menjadi cahaya. Dari cahaya itu Allah Ta'ala menjadikan pula cahaya Nabi SAW, cahayaku dan cahaya para imam. Allah Ta'ala kemudiannya memfirmankan satu kalimat lain dan kalimat itu menjelma menjadi roh dan memasukkannya ke dalam cahaya tersebut, kemudian akhirnya Allah Ta'ala menempatkan nur bersama roh tersebut dalam tubuh para imam. Oleh itu, roh para imam adalah roh yang terpilih, kalimat yang sempurna dan menjadi hujah Allah terhadap makhluk.¹⁹⁹

Kenyataan di atas dinukilkan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dari kitab *al-Anwār al-Nu'māniyyah* karangan al-Jazā'irī salah seorang tokoh dan ulama Syiah yang menjelaskan persoalan *Hulūl* dan *Tanāsukh* yang berlaku kepada Nabi Muhammad dan para Imam Syiah. Kepercayaan seumpama ini bercanggah dengan Islam dan terkeluar dari landasan Islam yang suci. Syiah juga beriman dengan asal usul kejadian Imam ‘Alī yang tersasar jauh dari kehendak Islam. Syiah mendakwa Ali berasal dari cahaya

¹⁹⁹ Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 391. Lihat juga dalam al-Jazā'irī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah* (Beirut: Muassasah al-A'la li al-Matbu'at, t.t.), 2:99-100.

berwarna hijau sebelum wujud makhluk di dunia ini bertasbih kepada Allah. Kenyataan tersebut dibuktikan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan hujah dari kitab Syiah *al-Anwār al-Nu'māniyyah* karangan al-Jazā'irī. Amirul Mukminin menyatakan :

Kami pada mulanya adalah cahaya berwarna hijau diwaktu sebelum ada matahari dan bulan, belum ada malam dan siang dan belum ada makhluk apapun. Kami ketika itu bertasbih mensucikan Asma Allah sebelum Allah menciptakan makhluk. Kemudian Allah mengambil untuk kami janji dari roh para Nabi untuk beriman kepada kami.”²⁰⁰

Kenyataan Syiah di atas adalah berasaskan firman Allah Ta'ala sebagaimana berikut:

وَإِذْ أَحَدَ اللَّهُ مِيقَاتَ النَّبِيِّنَ لَمَّا آتَيْتُكُمْ مِّنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةً ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ
مُّصَدِّقٌ لِّمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَلَتَصُرُّنَّهُ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخْذَتُمْ عَلَى ذَلِكُمْ إِصْرِي
قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَأَشْهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِّنَ الشَّاهِدِينَ

Āli-'Imrān 3:81

Terjemahan: Dan ketika Allah mengambil perjanjian dengan para Nabi dengan apa yang aku berikan kepadamu daripada kitab dan hikmah, kemudian kami datangkan kepadamu akan Rasul membenarkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu percaya kepadanya dan membenarkannya.

Ali berkata :

Beriman kepada Muhammad dalam ayat di atas ialah beriman kepada Muhammad dan membela penggantinya yang ia wasiatkan. Allah telah mengambil perjanjian dari aku dan dari nabinya agar masing-masing dari kami menolong satu sama lain. Allah Ta'ala kemudiannya akan membangkitkan para imam dan para nabi dari Nabi Adam hingga Nabi Muhammad. Para nabi akan menolongnya dan berjihad membunuh orang kafir.²⁰¹

Dalam kenyataan yang lain 'Alī menyatakan:

Akulah kepercayaan Allah atas ilmunya dan akulah peti penyimpan rahsianya. Aku adalah *sirat* dan *mizannya* serta kalimatnya. Akulah *Asma'* Allah yang maha baik dan *tamthilnya* yang maha tinggi serta ayatnya yang maha besar. Akulah yang mengusasai syurga dan neraka, memasukkan ahli syurga ke syurga dan mencampakkan ahli neraka ke neraka. Akulah yang berkuasa mengawinkan ahli syurga.

²⁰⁰ *Ibid.*, Lihat juga dalam al-Jazā'irī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah*, 99-100.

²⁰¹ Lihat juga dalam al-Jazā'irī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah*, 99-100.

Kepadaku kembalinya semua makhluk dan membuat perhitungan terhadap mereka. Akulah yang menyeru di atas *a'araf* (tempat yang tinggi) dan akulah yang akan mencampakkan diri pada akhir zaman di pusat matahari.²⁰²

‘Alī juga menyatakan:

Aku adalah Amirul Mukminin, pemuka orang-orang bertakwa, lidah orang-orang yang pandai berbicara, penutup para pengganti nabi-nabi, pewaris mereka dan khalifah Allah atas segenap manusia. Aku adalah orang yang diajari Allah ilmu bencana dan ilmu pembawa maut, serta ilmu hukum untuk mengadili perkara-perkara antara manusia. Akulah yang untukku ditundukkan petir, kilat dan awan, gelap dan terang, angin, gunung dan lautan, matahari, bulan dan bintang. Wahai manusia, bertanyalah kepadaku tentang segala sesuatu.²⁰³

Selain dari rujukan kepada sumber asal ulama dan kitab Syiah, Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan pandangan orientalis barat²⁰⁴ bagi memperkuatkan dakwaannya.

Menurut Duzy²⁰⁵ salah seorang orientalis barat, golongan Syiah adalah kelompok Parsi yang memiliki unsur untuk tunduk dan patuh tidak sebagaimana golongan Arab yang menyintai kebebasan. Unsur Parsi yang bertapak dalam pemikiran Syiah hanya mengenal prinsip pewarisan dalam pemerintahan. Oleh itu jawatan khalifah menurut Syiah adalah hak pusaka yang diwarisi secara turun temurun diwarisi oleh keturunan ‘Alī. Semua khalifah sama ada Abū Bakar, ‘Umar bin al-Khattab dan Uthman bin ‘Affān tidak berhak ke atas jawatan khalifah dan mereka adalah perampas pemerintahan dari Saidina ‘Alī. Oleh itu, tiada kewajipan untuk patuh dan tunduk kepada mereka. Selain itu mereka memandang raja-raja mereka sebagai keturunan yang turun dari sulbi dewa-dewa rendah mereka. Penghormatan yang bersifat pemujaan berhala itu mereka alihkan kepada ‘Alī dan keturunannya. Maka ketundukkan mutlak kepada seorang imam dari keturunan ‘Alī menurut mereka merupakan kewajipan tertinggi sehingga orang yang akan melaksanakan kewajipan tertinggi akan dapat memberikan tafsiran atas

²⁰²Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 391. Lihat juga dalam al-Jazā’irī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah*, 99-100.

²⁰³Ibid., Lihat juga al-Jazā’irī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah*, 99-100.

²⁰⁴Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan pandangan orientalis barat iaitu Duzy, Muller dan Welhausen bagi memperkuatkan kenyataannya yang telah dimuatkan dalam kitabnya.

²⁰⁵Ihsān Ilahī Zahīr, *al-Shī'ah wa al-Tashayyū'*, 291.

sesuatu kewajipan sekalipun tafsiran tersebut melampaui dan melanggar batas.²⁰⁶ Pandangan yang sama juga dikemukakan oleh Muller²⁰⁷ seorang orientalis barat yang cuba mengaitkan konsep *al-Hulul* dan *al-Tanasukh* Syiah dengan pemikiran India.²⁰⁸

Welhausen,²⁰⁹ seorang orientalis barat menyatakan fahaman mempertuhankan keluarga Muhammad dalam Syiah adalah berdasarkan pemikiran falsafi yang berpegang dengan doktrin *al-Raj'ah*²¹⁰ dan *Tanāsukh al-Arwāh*.²¹¹ Syiah beranggapan roh akan berpindah dari tubuh ke tubuh lain selepas kematian dan akan berlaku kebangkitan atau *al-Raj'ah* secara terus menerus dalam kehidupan di dunia ini. Rentetan itu dua akidah tersebut membawa kepada kepercayaan diangkat roh tersebut kepada roh Allah yang bersemayam dalam jiwa para nabi. Maka roh Allah akan berpindah dari diri seorang nabi ke nabi yang lain sesudah wafat nabi terdahulu sehingga mencapai sejumlah 1000 orang nabi. Berdasarkan kepercayaan ini mereka mendakwa Muhammad bangkit kembali dalam diri ‘Alī dan keturunan ‘Alī.

Menurut fahaman Syiah, setiap nabi mempunyai seorang khalifah sebagaimana Musa mempunyai seorang khalifah iaitu Yusya’ (Yesua), Muhammad mempunyai khalifah iaitu Ali. Melalui Ali maka urusan kenabian dapat dilanjutkan dengan menggunakan gelaran *al-Wāṣī* atau pengganti berdasarkan sebuah wasiat, al-Mahdi dan al-Imam. Mereka menempati tempat nabi melihat kepada sifat-sifat terpuji yang dimiliki disamping mengetahui perkara-perkara ghaib. Mereka adalah jelmaan Allah yang menjelma dalam jasad mereka untuk menjadi pengganti Allah di muka bumi.²¹²

²⁰⁶ *Ibid.*, 394.

²⁰⁷ *Ibid.*, 292.

²⁰⁸ *Ibid.*, 393.

²⁰⁹ *Ibid.*, 292.

²¹⁰ *Al-Raj'ah* merupakan satu fahaman yang mengimani kembalinya roh ke dunia selepas kematian. Lihat *Ibid.*, 397.

²¹¹ *Tanāsukh al-Arwāh* merupakan satu fahaman yang menyatakan roh seseorang akan berpindah dari tubuh ke tubuh lain setelah mati. Lihat *Ibid.*

²¹² Ia merupakan pandangan Welhausen yang dimuatkan dalam bukunya berjudul “Kaum Khawariz dan kaum Syiah.” Lihat *Ibid.*

Welhausen berpandangan fahaman mempertuhankan keluarga Muhammad didirikan atas dasar falsafah melalui kepercayaan *Raj'ah* dan *Tānasukh al-Arwāḥ*. Roh manusia akan berpindah dari satu tubuh ke satu tubuh yang lain sesudah mati yang mengakibatkan kebangkitan terus menerus dalam kehidupan di dunia ini. Fahaman tersebut mencapai kedudukannya yang tinggi apabila mereka mengimani diangkatnya roh tersebut kepada roh Allah yang bersemayam di dalam jiwa para nabi. Maka roh Allah akan berpindah dari seorang nabi ke seorang nabi yang lain sesudah wafat nabi terdahulu hingga mencapai sejumlah 1000 orang. Berdasarkan fahaman inilah mereka mendakwa Muhammad bangkit kembali dalam diri ‘Alī.²¹³

Ihsān Ilahī Zahīr juga mengemukakan pandangan Ahmad Amīn melalui kitabnya *Fajr al-Islām* dalam kritikannya berkenaan *Hulūl* dan *Tanāsukh*. Ahmad Amīn berpandangan gerakan Syiah merupakan tempat berlindung orang yang ingin merobohkan Islam sama ada Yahudi, Nasrani, Zardastit dan India. Mereka menjadikan cinta kepada *Ahl al-Bayt* sebagai tabir untuk merealisasikan kehendak hawa nafsu mereka. Fahaman dan pegangan agama Yahudi dan sebagainya diserapkan ke dalam Islam melalui Syiah. Mereka mendakwa api neraka haram atas orang Syiah kecuali sebentar sahaja sebagaimana orang Yahudi mengatakan api neraka tidak akan menyentuh mereka kecuali beberapa hari sahaja.²¹⁴

Menurut Ahmad Amīn juga, unsur Ilahi menyatu dengan unsur insani dalam diri imam disamping kenyataan kenabian dan kerasulan tidak pernah terputus untuk selama-lamanya. Begitu juga sesiapa sahaja yang unsur insaninya menyatu dengan unsur Ilahi maka dia seorang nabi. Ia merupakan kepercayaan yang terpengaruh dengan ajaran Brahma, Majusi dan Ahli Falsafah sebelum Islam.²¹⁵

²¹³ *Ibid.*

²¹⁴ *Ibid.*, 399-400.

²¹⁵ *Ibid.*, 400.

Kepercayaan *al-Hulūl* dan *al-Tanāsukh* Syiah seumpama ini membawa kepada penyerupaan dan penyamaan sifat Allah dalam diri Ali dan para imam yang dijelmakan dalam diri mereka. Ia amat keterlaluan apabila ‘Alī dan para imam disifatkan dengan sifat yang hanya layak ada pada Allah sahaja. Ia merupakan perbuatan syirik yang bercanggah dengan sifat *Uluhiyyah* dan *Rububiyyah* Allah Ta’ala. Ia bukan satu perkara yang mustahil memandangkan kepercayaan tersebut diimani oleh firqah *Sabā’iyah* dan kesemua mazhab dan aliran yang dianut oleh Syiah sama ada *Imāmiyyah*, *Ja’afariyyah* dan sebagainya.²¹⁶

Fahaman dan kepercayaan tersebut merupakan ajaran Yahudi yang dibawa ke dalam Syiah dan diimani oleh mereka hingga ke hari ini. Mereka telah membelakangi al-Qur'an dan membohonginya dan tidak menggunakan pandangannya yang tajam untuk memahami al-Qur'an. Mereka juga tidak memiliki fikiran yang tajam berkenaan fiqh dan tiada penyelidikan berkenaan sesuatu hakikat dalam agama bahkan menjadikan hawa nafsu sebagai agama mereka.²¹⁷

Beliau sependapat dengan Ahmad Amīn dalam kenyataannya dimana Syiah merupakan tempat belindung orang yang ingin merobohkan Islam dari kalangan Yahudi, Nasrani, Zardastat dan Hindu. Ia juga adalah ajaran yang diwarisi dari ajaran Brahma, Majusi dan Ahli Falsafah sebelum Islam²¹⁸. Golongan Yahudi berlindung menjadikan cinta kepada *Ahl al-Bayt* sebagai tuntutan yang wajib dilaksanakan bagi melaksanakan kehendak agama mereka dan menyerapkannya ke dalam Islam melalui ajaran Syiah.²¹⁹

Analisis penulis terhadap metodologi kritikan Ihsān Ilahī Zahīr berkenaan akidah *Tanāsukh al-Arwāh* dan *al-Hulūl* yang diimani oleh Syiah mendapati dimana ia adalah

²¹⁶ *Ibid.*, 393.

²¹⁷ *Ibid.*, 397.

²¹⁸ *Ibid.*, 400.

²¹⁹ *Ibid.*, 399-400.

akidah dan kepercayaan yang salah yang bertentangan dengan Islam. Ia dibuktikan dengan beberapa keterangan yang dinukilkan dari ulama dan pemikir Islam sebagaimana diatas. Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan dalil dan hujah ulama Syiah seperti al-Jazairi melalui kitabnya *al-Anwār al-Nu'māniyyah* dengan mengemukakan hadith-hadith Syiah, pandangan ulama sunni seperti Ahmad Amin melalui kitabnya *Fajr al-Islām* dan juga pandangan orientalis barat seperti Duzy, Mullen dan Welhausen.

5.4.7.1 Ulasan

Perbahasan mengenai *al-Hulūl* dan *al-Tanāsukh* disentuh oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab beliau *al-Shī‘ah wa al-Tashaiyyū* dengan bersumberkan asas kukuh dari kitab-kitab Syiah yang muktabar seperti kitab *al-Anwār al-Nu'māniyyah* yang dikarang oleh al-Jazā’irī. Ia adalah satu fahaman yang bermaksud roh manusia akan berpindah dari satu tubuh ke satu tubuh lain sesudah mati yang mengakibatkan kebangkitan terus menerus dalam kehidupan di dunia ini. Roh tersebut pula akan menyatu dengan roh Ilahi dalam diri imam dan berterusan hingga ke diri imam yang ke dua belas. Menurut Ihsān Ilahī Zahīr ia merupakan satu fahaman yang dianut dan diimani oleh *Shī‘ah Imāmiyyah* dan *Shī‘ah Ja’afariyyah* yang bertentangan dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah*.

Akidah tersebut merupakan ajaran yang terpengaruh dengan agama Yahudi, Nasrani, Zardastit dan Hindu yang jelas bercanggah dengan Islam. Mereka sebenarnya ingin meruntuhkan agama Islam dengan berselindung di sebalik nama Islam dan cinta *Ahl al-Bayt* sedangkan mereka hanya berpura-pura. Ihsān Ilahī Zahīr dalam memberikan pandangan dan kritikannya didokong oleh pandangan ulama Syiah seperti al-Jazā’irī. Beliau juga mengemukakan pandangan Ahmad Amin melalui kitabnya *Fajr al-Islām* seorang ulama *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah* dalam menjelaskan suatu isu yang dibincangkan. Selain itu beliau juga mengemukakan pandangan orientalis barat seperti

Duzy, Muller dan Welhausen bagi memperkuatkan lagi kenyataannya. Kesemua tokoh dan ulama tersebut memperakui kewujudan akidah tersebut dalam Syiah dan diimani oleh mereka. Walau bagaimanapun, menurut Ihsān Ilahī Zahīr akidah tersebut hanya diimani oleh *Shī‘ah Imāmiyyah*, *Ja’afariyyah* dan lainnya yang bersifat *ghulūw*. Dalam Islam akidah tersebut merupakan ajaran yang menyeleweng dan bercanggah dengan Islam kerana ia membawa kepada penyerupaan dan penyamaan sifat Allah dalam diri Ali dan diri para imam yang dijelmakan dalam diri mereka. Ia adalah akidah syirik yang tidak layak ada pada Allah yang bersifat dengan sifat kesempurnaan.

5.5 Penutup

Ihsān Ilahī Zahīr ialah seorang tokoh dakwah yang berkaliber telah memberikan tentang hebat kepada Syiah dalam mempertahankan akidah *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah*. Kemampuannya dalam akademik menguasai pelbagai bidang dalam agama disamping penguasaannya dalam pelbagai bahasa menjadikan beliau disegani oleh kawan dan lawan. Kewibawaannya dalam berpidato, berhujah dan berdialog menyerlahkan lagi ketokohan beliau. Karya dan tulisannya penuh dengan isi dan pandangan yang bernas dami mempertahankan akidah *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah*. Kepelbagaiannya metodologi yang digunakan oleh beliau dalam mengkritik merupakan kelebihan beliau dalam dunia dakwah khususnya bagi mempertahankan akidah *Ahl Sunnah wa al-Jama’ah*.

University Of Malaya

BAB 6 : PENUTUP

6.1 Rumusan

Di dalam bab ini, rumusan akan dikemukakan meliputi segenap aspek perbincangan bermula dari bab satu hingga bab lima. Tajuk perbincangan tesis ini ialah **Ihsān Ilahī Zāhir (1945-1987) dan Kritikannya Terhadap Pemikiran Akidah Syiah**. Tajuk yang dikemukakan ini merupakan satu tajuk yang amat wajar dikaji memandangkan isu yang melibatkan persoalan Syiah dewasa ini sering mendapat perhatian dari masyarakat. Umat Islam dewasa ini dilihat mudah terpengaruh dengan fahaman dan akidah Syiah. Mereka beranggapan ia sebagai salah satu mazhab Islam menyamai mazhab yang lain hingga ia dilihat tidak menjadi satu kesalahan apabila mengimani dan berpegang dengan ajaran Syiah.

Setelah melalui perbincangan-perbincangan yang panjang serta mendalam, kajian ini menemui beberapa rumusan penting iaitu :-

Pertama : Beberapa faktor dikenalpasti sebagai faktor kekuatan Ihsan Ilahi Zahir dalam mengkritik pemikiran akidah Syiah iaitu faktor keluarga, pendidikan dan keterlibatannya dalam *Jam'iyyah al-Hadīth*. Aspek keluarga antara aspek penting yang membentuk pemikirannya yang tegas dalam kritikannya terhadap akidah Syiah. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang kuat berpegang dengan ajaran Islam beraliran salafi. Ibu Bapanya amat patuh kepada perintah agama disamping tekun melakukan amalan sunat seperti berpuasa, bersedekah,membaca al-Qur'an dan sebagainya. Ketekunan dan ketegasannya dalam melaksanakan perintah agama akhirnya mewujudkan sebuah keluarga sempurna dan disegani oleh masyarakat. Mereka juga seorang yang tekun mempelajari pelbagai ilmu samada berkitab atau mendengar ceramah dari ulama-ulama terkemuka yang beraliran salafi. Mereka amat

mementingkan persoalan tarbiah dan pendidikan Islam kepada anak-anaknya bagi memastikan mereka menjadi manusia yang berakhlak, kuat berpegang kepada suruhan agama dan tegas dalam hal-hal berkaitan hukum hakam. Justeru itu, tidak mustahil akhirnya mereka menjadi ulama' yang hebat dan berjasa kepada umat. Suasana keluraga yang prihatin kepada persoalan agama dan tarbiah telah membentuk sikap dan pendirian anak-anaknya menjadi orang yang tegas dalam hal-hal agama dan hukum hakam yang akhirnya menimbulkan perasaan berani membentras ajaran yang bertentangan dengan Islam.

Kedua : Faktor berikutnya adalah aspek pendidikan yang memainkan peranan penting dalam kritikan beliau terhadap akidah Syiah. Di peringkat pengajian tinggi, Ihsān Ilahī Zāhir pernah belajar di Universiti Salafi Faisalabad Pakistan yang menekankan pemikiran salafi. Beliau seterusnya menyambung pengajian di peringkat Sarjana di Universiti Islam Madinah Arab Saudi dalam bidang Syariah Islamiyyah. Beliau sering menghabiskan masanya berguru dengan ulama-ulama terkemuka di universiti tersebut dan ulama lainnya yang beraliran salafi. Keadaan ini banyak mempengaruhinya untuk berpegang dengan aliran tersebut sekaligus menyuntik disiplin yang tinggi dan tegas dalam memberikan pandangan dan mempertahankan kesucian agama Islam. Beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang berwibawa, tegas dan berani mengemukakan idea dan pandangan disamping bersemangat mempertahankan ajaran Islam.

Ketiga : Faktor seterusnya ialah keaktifan Ihsan Ilahi Zahir dalam *Jam'iyyah al-Hadīth* yang beraliran salafi yang banyak mengadakan program dan aktiviti dalam ceramah dan penulisan. Beliau banyak menyumbangkan ideanya melalui penulisan-

penulisan di majalah dan karya-karya ilmiah. Ia telah menimbulkan rangsangan dalam memperhebatkan kritikannya terhadap ajaran Syiah melalui penulisan beliau. Justeru itu, penulis dapati banyak kajian dan rumusan beliau terpengaruh dengan pemikiran tersebut yang akhirnya memberi kesan terhadap ketegasannya dalam menangani isu-isu yang berkaitan akidah.

Keempat : Penulis mendapati beberapa isu utama dikritik oleh Ihsān Ilahī Zahīr meliputi persoalan ketuhanan, kenabian, al-Qur'an, al-Sunnah, *al-Imāmah*, *al-Raj'ah*, *al-Tanāsukh*, *al-Hulūl*, *al-Bada'*, *Ahl al-Bayt* dan *al-Šahābah*. Dalam memahami persoalan ketuhanan ia perlu difahami dengan betul berasaskan panduan al-Qur'an dan al-Hadīth baginda Rasulullah SAW. Sebarang kesalahan dan kesilapan dalam memahami konsep ketuhanan boleh membawa kepada pincangnya keimanan dan keislaman seseorang. Allah SWT hanya menerima iman dan Islam yang benar tanpa ada syirik kepada Allah SWT. Akidah ketuhanan yang disertakan dengan amalan syirik tidak diterima dan mengundang kemurkaan Allah SWT.

Kelima : Ihsān Ilahī Zahīr telah membuktikan konsep ketuhanan menurut Syiah yang disertakan dengan pemujaan dan *taqdis* terhadap para imam adalah bertentangan dengan akidah Islam. Begitu juga konsep akidah lain seperti *al-Bada'*, *al-Tanāsukh* dan *al-Hulūl*, *al-Raj'ah* dan sebagainya adalah bercanggah dengan Islam. Para ulama dalam firqah Syiah samada yang beraliran *Ghulūw* atau *Mu'tadil* sepakat dengan konsep sifat ketuhanan dimiliki oleh para imam. Mereka juga sepakat untuk memertabatkan akidah *Imāmah* dalam ajaran Syiah dan meletakkannya sebagai salah satu rukun agama dalam ajaran mereka. Persoalan *al-Bada'* juga turut dikritik oleh Ihsān Ilahī Zahīr. Menurut beliau, ia adalah

pengkhianatan besar terhadap kesucian akidah Islam sebagaimana yang diijma'kan dalam Islam. Malah beliau dilihat bertegas hingga menjatuhkan hukum kafir terhadap mereka yang mengimaninya.

Keenam : Ternyata dalam kajian dan pemerhatian beliau secara mendalam berjaya membuktikan kewujudan penyelewengan akidah ketuhanan dalam Syiah yang membawa kepada pendewaan, pemujaan dan menyamakan sifat imam menyamai sifat Allah SWT. Justeru itu analisis yang beliau lakukan adalah terperinci dengan menggarap seluruh pandangan ulama Syiah yang akhirnya membawa kepada satu kesimpulan yang tepat dan menyeluruh.

Ketujuh : Seterusnya persoalan kenabian pula dibincangkan oleh İhsān İlahī Zahīr dalam dua kitabnya sahaja iaitu kitab *al-Taṣawwūf* dan kitab *al-Shī‘ah wa ahl al-Bayt*. Beliau tidak mengkritik secara terperinci persoalan tersebut sebagaimana dalam persoalan akidah lainnya. Kritikannya terbatas kepada beberapa isu sahaja dengan mengaitkannya kepada akidah *Imamah*.

Kelapan : Manakala persoalan al-Qur'an pula dibahaskan oleh İhsān İlahī Zahīr dalam karyanya *al-Shī‘ah wa al-Qur'an* dan karya-karya lainnya. İhsān İlahī Zahīr membahagikan kepada tiga peringkat iaitu empat kurun yang pertama, kurun keempat hingga kurun keenam dan kurun ketujuh hingga ke hari ini. Pemerhatian beliau mendapati semua ulama Syiah dalam tiga peringkat tersebut beriktiqad dengan akidah *Tahrīf al-Qur'an*. Walaupun terdapat di kalangan ulama Syiah pada peringkat kedua seperti Ibn Babawaih al-Qummī, Abū Ja'afar al-Ṭūsī dan Abū 'Alī al-Tabarsī yang menafikan akidah tersebut, tetapi ia merupakan *Taqiyyah* yang sengaja

dilakukan oleh mereka sedangkan sebenarnya mereka beriktiqad dengan akidah tersebut.

Ihsān Ilahī Zahīr melalui penelitiannya juga membongkar penyelewengan Syiah yang sengaja memperkenalkan kewujudan ayat zahir dan batin yang bertujuan agar tafsiran al-Qur'an boleh ditafsirkan mengikut kehendak dan kepentingan mereka. Begitu juga kepercayaan kepada akidah *Tahrīf al-Qur'an* berlaku rentetan dari perasaan iri hati dan sifat dengki Syiah apabila al-Qur'an banyak memberikan pujian kepada para sahabat yang benar-benar berjuang mendaulatkan Islam. Rentetan dari itu Syiah telah mencipta akidah tersebut dengan tujuan untuk memberikan kebebasan kepada mereka mentafsirkan al-Qur'an mengikut kehendak mereka.

Kesembilan : Seterusnya perbahasan berkaitan *al-Sunnah* juga dibahaskan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam karyanya *al-Shī'ah wa al-Sunnah* dan karya-karyanya yang lain. Beliau mendapati *Shī'ah Ithnā 'Ashariyyah* dan *Shī'ah Ghulūw* menolak semua hadith-hadith yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabat besar baginda Rasulullah SAW. Dalam masa yang sama Ihsān Ilahī Zahīr mempertikaikan kedudukan hadith-hadith Syiah yang bertaraf *ahad* yang banyak membincangkan permasalahan akidah Syiah dengan mengemukakan pandangan jumhur ulama Syiah yang menolak hadith tersebut. Beliau juga mempersoalkan rawi-rawi hadith Syiah yang dikritik kethiqahannya oleh ulama-ulama Syiah. Mereka memujinya dengan hebat dan pada masa lain mereka mengkritik hingga jatuh maruah mereka sebagai seorang rawi. Ini menyebabkan kethiqahan mereka sebagai rawi diragui yang akhirnya memberi implikasi ditolak hadith-hadith yang diriwayatkan oleh mereka.

Kesepuluh : Sementara dalam persoalan *Imāmah* pula, penulis mendapati beberapa pandangan Ihsān Ilahī Zahīr telah dikenalpasti. Beliau berpandangan akidah Imamah yang diimani oleh Syiah adalah akidah yang salah dan bercanggah dengan Islam. Beliau menolak semua kepercayaan yang terdapat dalam akidah tersebut seperti para imam adalah maksum, para imam mengetahui perkara ghaib dan sebagainya. Menurut beliau para imam adalah manusia biasa yang tidak memiliki sebarang keistimewaan seperti maksum dan sebagainya. Bagi membuktikan penyelewengan Syiah, Ihsān Ilahī Zahīr telah mengemukakan beberapa riwayat Syiah yang bercanggah dalam persoalan kewujudan Imam Kedua Belas yang dikatakan ghaib yang sebenarnya imam tersebut tidak wujud. Mereka telah mengadakan cerita berbentuk riwayat-riwayat yang pelik bagi membuktikan kewujudannya. Namun begitu melalui percanggahan riwayat yang dibuktikan oleh Ihsān Ilahī Zahīr akhirnya terbukti dimana Imam Kedua Belas tidak wujud. Menurut Ihsān Ilahī Zahīr lagi, perlantikan para imam tidak menepati apa yang tertulis dan disyaratkan sebagaimana dalam kitab-kitab mereka. Banyak syarat telah dilanggar dan tidak dipatuhi oleh mereka. Ia akhirnya mengakibatkan perlantikan para imam yang diragui dan dipersoalkan dari sudut kelayakan mereka menjadi imam. Oleh itu Ihsān Ilahī Zahīr percaya dan beranggapan perlantikan mereka adalah tidak sah dan tidak menepati kehendak ajaran mereka.

Kesebelas : Seterusnya dalam persoalan *Ahl al-Bayt* pula Ihsān Ilahī Zahīr cuba mempertahankan mereka yang sentiasa dicerca oleh Syiah. Beliau menafikan kenyataan Syiah yang beranggapan dimana Saidina Ali bermusuhan dengan para sahabat besar iaitu Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Uthmān serta isteri baginda Rasulullah Saidatina Aisyah dengan mengemukakan pelbagai bukti dan hujah bagi menolak

dakwaan Syiah. Mereka sebenarnya saling puji memuji dan mengahwinkan anak-anak mereka sesama mereka. Tidak ada perselisihan besar yang berlaku hingga mereka cemuh mencemuh, kafir mengkafir dan sebagainya. Syiah sebenarnya tidak mencintai *Ahl al-Bayt* nabi dan juga *Ahl al-Bayt* Ali sebagaimana dakwaan mereka. Mereka hanya mencintai *Ahl al-Bayt* tertentu sahaja yang digolongkan sebagai *Ahl al-Bayt* dan mencerca yang lainnya kerana didakwa telah fasik dan kafir.

Kedua belas : Ihsān Ilahī Zahīr juga menafikan pandangan Syiah yang mengkhususkan *Ahl al-Bayt* hanya kepada kelompok tertentu sahaja dari kalangan keluarga Ḥusayn bin ‘Alī dan keturunannya sahaja hingga kepada Imam Kedua Belas. Adapun selain itu tidak digolongkan sebagai *Ahl al-Bayt* bahkan mereka mencerca dan menuduhnya sebagai fasiq dan kafir dan cercaan lain yang tidak menggambarkan mereka saling cinta mencintai. Ihsān Ilahī Zahīr berjaya menyanggah pandangan mereka dan membuktikan *Ahl al-Bayt* bukanlah hanya tertentu kepada mereka sahaja bahkan menyeluruh kepada sesiapa yang ada kaitan darah dengan baginda Rasulullah.

Ketiga belas : Seteruanya Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya cuba mendedahkan akidah Syiah yang menyeleweng berkenaan para sahabat. Syiah khususnya yang beraliran *Imāmiyyah* mencerca para sahabat dan menuduh mereka dengan pelbagai tuduhan. Mereka mengkafirkan para sahabat termasuk Aisyah isteri baginda Rasulullah SAW.

Ihsān Ilahī Zahīr menyangkal akidah tersebut yang jelas menyeleweng dan tersasar dari landasan Islam sebenarnya. Beliau mengemukakan hadith-hadith baginda Rasulullah yang jelas memuji dan memuliakan para sahabat bahkan baginda

melarangnya dari mencerca para sahabat. Beliau tidak *bertasamuh* dalam perkara yang melibatkan persoalan akidah Islam kerana beliau melihat serangan Syiah terhadap para sahabat jika tidak dipertahankan akan memberikan impak buruk terhadap kesucian agama Islam.

Keempat belas : Sementara akidah *al-Raj'ah* pula Ihsān Ilahī Zahīr berpandangan ia merupakan akidah yang batil dan bercanggah dengan al-Qur'an al-Karīm dan hadith nabi. Mereka cuba mentafsikan ayat-ayat al-Qur'an dengan tafsiran yang salah dan menyeleweng Ihsān Ilahī Zahīr cuba membetulkan fahaman tersebut dengan mengemukakan hurain yang baik dan berkesan berasaskan kitab-kitab yang muktabar. Beliau juga menggunakan pendekatan logik akal apabila beliau cuba mengaitkan balasan yang manusia akan perolehi hanyalah di akhirat dan bukannya di dunia. Ia suatu perkara yang mustahil dan tidak diterima oleh akal apabila manusia akan dijatuhkan hukuman lebih awal di dunia bagi membala amalan yang dilakukan semasa di dunia, sedangkan Allah Ta'ala telah menyediakan tempat balasan sama ada di dalam kubur atau di akhirat. Ia jelas bercanggah dengan akal yang waras apabila manusia mengambil tugas Allah dalam mengadili dan menghukum manusia yang bersalah sedangkan manusia itu sendiri juga terdedah dengan pelbagai kesalahan dan kesilapan.

Kelima belas : Sementara itu perbahasan mengenai *al-Hulul* dan *al-Tanasukh* pula disentuh oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kitab beliau *al-Shī'ah wa al-Tashaiyyū'*. Ia adalah satu fahaman yang bermaksud roh manusia akan berpindah dari satu tubuh ke satu tubuh lain sesudah mati yang mengakibatkan kebangkitan terus menerus dalam kehidupan di dunia ini. Roh tersebut pula akan menyatu dengan roh Ilahi dalam diri

imam dan berterusan hingga ke diri imam yang ke dua belas. Ia merupakan ajaran yang menyeleweng dan bercanggah dengan Islam kerana ia membawa kepada penyerupaan dan penyamaan sifat Allah dalam diri Ali dan diri para imam yang dijelmakan dalam diri mereka. Ia adalah akidah syirik yang tidak layak ada pada Allah yang bersifat dengan sifat kesempurnaan.

Keenam belas : Penulis juga menganalisis kekuatan hujah Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya terhadapa ajaran Syiah. Beliau merupakan seorang tokoh yang berwibawa memiliki kemampuan yang baik dan berkesan dalam mengkritik pemikiran akidah Syiah. Ini disebabkan oleh kemampuannya menguasai pelbagai bidang ilmu dan keupayaannya mengemukakan hujah dengan baik dan menolaknya berdasarkan keupayaan akalnya yang tinggi bagi mematahkan pandangan dan dakwaan Syiah hingga akhirnya terbukti kebenaran. Beliau juga berkemampuan mengemukakan dalil syarak dengan terperinci, tepat dan bersesuaian pada isu yang dibincangkan. Ia perlu bagi memastikan isu-isu akidah yang dibincangkan dan penggunaan dalilnya adalah tepat sebagaimana yang difahami oleh Syiah. Ia nampak jelas dalam setiap perbahasan-perbahasan yang dibincangkan dalam karya-karyanya.

Ketujuh belas : Seterusnya Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya berkemampuan melakukan perbandingan *qawl* atau kenyataan dengan kenyataan agama lain seperti Yahudi bagi membuktikan kesalahan dan kesesatan firqah Syiah. Ia jelas ketika beliau membincangkan akidah *al-Wilāyah*, *al-Wiṣayah*, *al-Bada'*, *al-Raj'ah* dan akidah lainnya yang berasal dari agama Yahudi. Kaedah perbandingan yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr dalam kritikannya terhadap persoalan akidah berjaya membuktikan pengaruh ajaran Yahudi dalam akidah Syiah yang berleluasa.

Kemampuan beliau melakukan perbandingan dengan agama lain merupakan antara kekuatan kritikan beliau terhadap ajaran Syiah. Ia antara perkara penting bagi membuktikan pengaruh agama lain dalam ajaran Syiah.

Kelapan belas : Begitu juga, penulis mendapati beliau bersungguh mengkaji firqah Syiah sebelum menghukum. Beliau akan membaca dan menganalisis semua kitab utama Syiah yang menjadi rujukan mereka sama ada dalam bidang tafsir, hadis, feqh, tauhid dan sebagainya. Ianya dipelajari dengan sempurna hingga akhirnya beliau menguasai semua disiplin ilmu dalam firqah Syiah. Ia jelas terdapat dalam semua kitab beliau dengan mengambil sumber rujukan dari kitab-kitab mereka disamping kemampuannya mengemukakan kritikan dan pendalilan yang kuat. Beliau tidak akan menulis tentang firqah Syiah melainkan setelah beliau menghimpunkan semua sumber-sumber rujukan yang dipercayai dan muktamad dalam firqah Syiah.

Kesembilan belas : Seterusnya penulis mendapati Ihsan Ilahi Zahir banyak menyandarkan hujahnya berdasarkan nas al-Qur'an dan hadith-hadith baginda Rasulullah SAW dalam setiap isu akidah yang dibincangkan. Beliau akan menekuni terlebih dahulu setiap isu dan menolaknya dengan bukti daripada nas al-Qur'an dan hadith baginda Rasulullah SAW dalam sebahagian besar isu akidah yang dibincangkan. Hujah beliau juga akan diperkuat dengan sumber primari dalam setiap pendalilan yang digunakan yang dikarang oleh ulama-ulama Syiah yang muktabar seperti kitab *al-Kāfi* yang dikarang al-Kulaynī, *Bihār al-Anwār* yang dikarang oleh al-Majlisī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah* yang dikarang oleh Saiyyid Ne'amatullah al-Jazā'irī dan sebagainya. Ia akan menjadikan kritikan beliau lebih

sempurna dan menghasilkan hujah yang jitu dalam semua perbahasan akidah yang dibincangkan oleh beliau.

Kedua puluh : Seterusnya Ihsan Ilahi Zahir adalah seorang yang adil dan amanah dalam kritikannya. Beliau akan menyampaikan maklumat berkenaan isu akidah Syiah dengan sebaiknya sebagaimana yang difahami oleh Syiah. Beliau tidak akan menokok tambah maklumat-maklumat berkenaan akidah dan kepercayaan Syiah yang diambil dari kitab-kitab mereka dan tidak juga mengurangkannya. Beliau akan menafsirkan berdasarkan apa yang dinyatakan dalam kitab-kitab mereka. Beliau akan meneliti dan menekuni terlebih dahulu sebelum melakukan kritikan agar kritikan yang dilakukan bersifat adil. Beliau tidak sewenangnya menjatuhkan hukuman kafir atau bercanggah dengan Islam kepada semua aliran dalam Syiah melainkan dalam kajian dan penelitiannya mendapati ia bercanggah dengan Islam. Sifat amanah dan adil dalam menjatuhkan hukuman inilah yang menjadikan beliau disegani oleh kawan dan lawan dan sebagai satu kelebihan dan kekuatan yang dimiliki oleh beliau.

Kedua puluh satu : Begitu juga *Ihsān Ilahī Zahīr* dalam kritikannya tidak pernah mengharapkan sebarang jawatan atau balasan daripada sesiapapun. Beliau berkecimpung dalam dunia dakwah menghabiskan usianya dengan menghasilkan pelbagai karya dalam akidah, *firaq* Islam dan sebagainya mengajak manusia kembali kepada kebenaran. Dalam usaha beliau berdakwah ke merata tempat, beliau tidak pernah mengharapkan sebarang bentuk jawatan tinggi, anugerah dan pujian dari sesiapapun walaupun pernah ditawarkan beberapa jawatan penting. Kerja-kerja dakwahnya adalah ikhlas kerana Allah Ta’ala. Keikhlasannya menjadikan beliau berjaya dalam kerjayanya sebagai seorang pendakwah yang disegani.

Kedua puluh dua : Dalam kajian ini, penulis menemui beberapa metodologi digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr bagi memastikan kritikannya berkesan. Justeru itu beliau telah memperolehi data-data untuk melakukan kritikan berasaskan sumber Syiah itu sendiri. Beliau telah menyelidiki pelbagai karya dan kitab utama Syiah dalam bidang tafsir, hadith, feqah, sirah dan sebagainya bagi menghuraikan persoalan akidah Syiah dan juga bagi menjawab dan menolak akidah mereka. Ihsān Ilahī Zahīr akan merujuk kitab-kitab utama Syiah bagi memastikan sesuatu isu yang dibincangkan adalah tepat dan adil. Ianya merangkumi semua perbahasan akidah iaitu ketuhanan, kenabian dan akidah atau kepercayaan lain dalam firqah Syiah seperti *al-Imāmah*, *al-Raj'ah*, *al-Bada'* *al-Tanāsukh* dan sebagainya. Antara kitab-kitab Syiah yang menjadi rujukan beliau pula ialah *al-Kāfi* karangan al-Kulaynī, *Rijāl al-Kashī* karangan Ibn ‘Amru Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī, *Kamāl al-Dīn wa Tamām al-Ni'mah* karangan Ibn Babawaih al-Qummī, *al-Burhān* karangan al-Baḥrānī, *‘Uyūn Akhbār al-Riḍā* karangan Ibn Babawaih al-Qummī, *Kashf al-Gummah* karangan Abī al-Hasan ‘Alī bin ‘Isā Ibn Abī al-Fath al-Arbilī, *‘Ayan al-Shī‘ah* karangan Muhsin al-Am, *Al-Anwār al-Nu'māniyyah* karangan Ni'matullah al-Jazairi, *Bihar al-Anwār* karangan Shaykh Muḥammad Baqīr al-Majlisī, *Hayāt al-Qulūb* karangan Shaykh Muḥammad Baqīr al-Majlisī dan sebagainya.

Sumber kitab Syiah yang digunakan oleh Ihsān Ilahī Zahīr akan menjelaskan isu-isu akidah dengan tepat sebagaimana yang difahami oleh Syiah dan bukannya berasaskan kepada faktor kemarahannya kepada Syiah. Ia adalah kitab-kitab Muktabar Syiah dan disepakati oleh mereka yang sering menjadi rujukan utama dalam persoalan akidah.

Kedua puluh tiga : Penulis juga mendapati perbincangan yang dibahas oleh İhsān İlahī Zahīr adalah berasaskan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Penggunaan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan antara metodologi utama İhsān İlahī Zahīr dalam kitab-kitab beliau bagi menyokong pandangannya dan mempertahankan kesucian agama Islam dari diselewengkan oleh Syiah merangkumi perbahasan ketuhanan, kenabian dan akidah-akidah Syiah lainnya dan bagi menolak kepercayaan akidah Syiah yang menyeleweng. Penggunaan dalil-dalil berasaskan hadith pula diambil daripada Sunan Sittah seperti *Şahih al-Bukhārī*, *Şahih Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Abī Dāwūd*, *al-Nasā'ī* dan *Ibn Majah* disamping kitab-kitab hadith lain seperti *al-Muwaṭṭā'*. Hadith-hadith yang dikemukakan pula adalah sahih dan diterima dalam pendalilan disamping bertepatan dengan isu dan maksud sebenar yang dikehendaki dalam setiap perbahasan.

Kedua puluh empat : İhsān İlahī Zahīr dalam kritikannya juga berjaya mengadaptasi kitab-kitab Ahl Sunnah wa al-Jama'a bagi membuktikan kebenaran dakwaannya dan melakukan perbandingan mencari fakta yang benar dan tepat antara kedua firqah tersebut. Ia dapat dilihat dalam semua isu akidah yang dibahaskan seperti *al-Imāmah*, *al-Bada'*, *al-Raj'ah*, *al-Hulūl* dan sebagainya. Antara kitab ahli Sunnah yang menjadi rujukan beliau ialah *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* karangan Ibn Kathīr, *Maqālāt Islamiyyīn* karangan Abū Ḥasan al-Asy'arī, *Tārīkh Ibn Khaldūn* karangan Ibn Khaldūn, *al-Farq Bayna al-Firaq* karangan Shahrustānī, *Lisān al-Mīzān* karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Minhāj al-Sunnah* karangan Ibn Taymiyyah, *Muqaddimah Ibn Khaldūn* karangan Ibn Khaldūn, *I'tiqādat Firāq al-Muslimīn wa al-Musyrikīn* karangan al-Rāzī, *al-Tabṣir* karangan al-Isfirayaynī, *al-Faṣl fī al-Milal wa*

al-Ahwāl wa al-Nihāl karangan Ibn Ḥazm al-Zāhirī, *Tafsīr Ibn Jarīr al-Ṭabarī* karangan al-Ṭabarī, *Tafsīr Jami’e al-Bayān* karangan al-Qurṭubī, *Tafsīr Ibn Kathīr* karangan al-Kathīr dan sebagainya.

Kedua puluh lima : Selain itu, beliau juga mengemukakan karya-karya orientalis barat seperti kitab *al-Khawārij wa al-Shī‘ah* edisi terjemahan karangan Welhausen, *Maqālāt fī Tārīkh al-Islām* edisi terjemahan karangan Duzy dan kitab *al-Mustasyrīq* karangan Muller. Buku-buku orientalis yang dikemukakan oleh Ihsan Ilahi merupakan buku-buku yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh besar orientalis yang boleh diambil kira pandangannya. Ia sebagai pelengkap kritikan Ihsān Ilahī Zahīr dengan mengemukakan kitab-kitab tersebut bagi memperkuat kenyataanya berhadapan dengan golongan Syiah.

Ihsān Ilahī Zahīr dalam melakukan kritikan sebenarnya bertujuan untuk mengajak golongan Syiah agar kembali kepada kebenaran. Beliau tidak menghentam, mencaci, mencerca, berbangga dan sebagainya tanpa sebab bahkan bertujuan untuk berdakwah dan mengajak mereka kembali kepada kebenaran dan memperingatkan mereka ajaran-ajaran sesat yang telah mereka lakukan. Prinsip dakwah yang diterapkan dalam manhaj kritikan beliau ini jelas menunjukkan Ihsān Ilahī Zahīr adalah seorang yang mementingkan persoalan dakwah dan mengajak Syiah agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

6.2 Implikasi Kajian

Secara keseluruhannya kajian yang dilakukan oleh penulis adalah kajian pemikiran yang menganalisis kritikan Ihsan Ilahi Zahir terhadap akidah Syiah. Kritikan beliau dalam karya-karyanya dilihat tidak tersusun dengan baik

sebagaimana lazimnya dalam perbahasan akidah seperti bab ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat* atau *rububiyyah*, *uluhiiyah* dan *asma' wa al-Sifat*. Perbahasan-perbahasan berkenaan akidah Syiah penulis temui dalam pelbagai karyanya seperti *al-Shi'ah wa al-Tashayyu'*, *al-Shi'ah wa al-Quran*, *al-Shi'ah wa al-Sunnah*, *al-Shi'ah wa Ahl al-Bayt* dan sebagainya. Justeru itu, penulis terpaksa menyusun semula perbahasan yang dibahaskan oleh Ihsan Ilahi Zahir dan menyusun semula hingga menjadi satu perbahasan yang tersusun merangkumi beberapa isu iaitu kritikan Ihsan Ilahi Zahir terhadap persoalan *al-Tawhid*, kritikan Ihsan Ilahi Zahir terhadap persoalan kenabian dan kritikannya terhadap akidah dan kepercayaan dalam Syiah iaitu *al-Quran*, *al-Sunnah*, *al-Imamah*, *Ahl al-Bayt*, sahabat, *al-Raj'ah* dan *al-Hulul wa al-Tanasukh*.

Keseluruhan perbahasan yang dibincangkan telah menemui beberapa penemuan sebagaimana di atas agar sebarang hukuman yang dijatuhkan terhadap firqah Syiah adalah secara spesifik dan tidak kepada semua aliran dalam firqah Syiah. Ini perlu agar kritikan itu dilihat adil dengan melihat kepada setiap ajaran mereka yang diamalkan oleh setiap aliran dalam firqah Syiah. Ini kerana Ihsan Ilahi Zahir sendiri tidak mengklasifikasikan dalam kritikannya kepada aliran yang telah ditentukan. Justeru itu penulis terpaksa menganalisis aliran tersebut dan menjatuhkan hukuman kepada aliran yang tertentu sahaja iaitu *Imamiyyah* dan firqah lain yang *ghuluw* atau melampau. Ia penting bagi memastikan hukuman yang dijatuhkan adil dan tepat kepada aliran tertentu sahaja dan tidak kepada semua aliran seperti *Zaidiyyah*.

Walaupun ia dilihat sebagai kelemahan beliau dengan tidak mengkhususkan kepada aliran tertentu kecuali pada bab-bab tertentu sahaja, tetapi aliran Syiah yang dilihat dominan ketika itu ialah *Imamiyyah* dan aliran-aliran yang melampau yang

mempunyai akidah dan ajaran yang bercanggah dengan *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*. Walau bagaimanapun analisis yang penulis lakukan terhadap akidah dan ajaran Syiah didapati ianya telah disepakati oleh semua aliran dalam Syiah seperti persoalan *al-Imamah, al-Quran, al-Hadith, al-Raj'ah* dan sebagainya. Justeru itu kajian ini diharapkan dapat menyumbang sedikit sebanyak pengetahuan berkenaan pemikiran akidah Syiah dan diharapkan agar ianya boleh dimanfaatkan bersama oleh semua masyarakat Islam.

6.3 Cadangan

Kajian berkenaan ajaran Syiah sewajarnya diperluaskan di semua peringkat bagi mengetahui persamaan dan percanggahannya dengan ajaran Islam. Kajian yang dilakukan oleh penulis hanya menganalisis beberapa perkara sahaja dalam persoalan akidah yang disentuh oleh Ihsan Ilahi Zahir. Sehubungan dengan itu beberapa cadangan dikemukakan bagi mendalami lagi perbahasan ini dalam skop yang berbeza.

6.3.1 Bagi memastikan ajaran Syiah diketahui dengan lebih sempurna, satu kajian terperinci dan menyeluruh perlu dilakukan oleh pihak-pihak berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan-jabatan Islam Negeri, universiti-universiti, para pengkaji dan sebagainya. Ia perlu agar maklumat dan pengetahuan berkenaan ajaran Syiah dapat diketahui dengan sempurna. Selain itu ia juga bagi memastikan sebarang hukuman samada fasiq, kafir, *ahl al-Bid'ah* dan sebagainya yang dilontarkan kepada mereka itu adil dan menepati hanya kepada aliran tertentu sahaja dalam Syiah. Melabelkan dengan sebarang label secara umum dan tidak tepat dan berdasas hendaklah dihindarkan agar tidak tersalah dalam menjatuhkan sebarang hukuman.

6.3.2 Pihak-pihak berwajib perlu bertegas dengan melakukan pendakwaan yang sewajarnya terhadap penyebar ajaran Syiah kepada umat Islam. Semua peruntukan undang-undang sedia ada hendaklah digunakan bagi membawa mereka kemuka pengadilan. Ini perlu bagi menunjukkan bahawa ajaran tersebut bercanggah dengan Islam dan pelakunya perlu dikenakan tindakan. Secara tidak langsung masyarakat juga akan terdidik agar berhati-hati dengan sebarang ajaran yang bercanggah dengan Islam.

6.3.3 Undang-undang sedia ada juga sewajarnya disemak semula agar hukuman bagi pesalah ajaran sesat seumpama ini mampu memberikan pendidikan kepada masyarakat. Justeru itu hukuman berat perlu dijatuhkan bagi menjaga kesucian agama Islam dan memastikan ia tidak dipermainkan oleh sesiapapun. Hukuman yang ringan akan menyebabkan pesalah tidak takut terhadap kesalahan yang dilakukan memandangkan ia hanya melibatkan beberapa bulan atau tahun penjara sahaja atau dengan jumlah ringgit yang mampu dibayar oleh sesiapapun.

6.4.4 Program penerangan hendaklah dilakukan secara berterusan bagi menjelaskan kepada masyarakat bahayanya ajaran Syiah. Penerangan tersebut perlu dilakukan di sekolah, Institut Pengajian Tinggi, masyarakat kampung, bandar dan sebagainya. Begitu juga di masjid, surau, jabatan-jabatan kerajaan, swasta, orang perseorangan dan sebagainya bagi memberikan pengetahuan berkenaan penyelewengan ajaran Syiah kepada masyarakat. Dengan ini masyarakat tidak akan terpengaruh dengan mudah apabila berhadapan dengan apa juu isu berkenaan ajaran Syiah.

6.4.5 Satu mata pelajaran khusus perlu diperkenalkan di Institut Pengajian Tinggi iaitu isu-isu kontemporeri dalam akidah. Dengan ini, apa sahaja isu akidah terkini yang melibatkan umat Islam dapat diajar secara ilmiah dan berkesan agar

masyarakat muda dan terpelajar ini tidak mudah terpengaruh dengan ajaran tersebut. Ia juga perlu bagi melahirkan para cerdik pandai yang mampu menangkis fahaman tersebut.

6.4.6 Pihak berwajib perlu melatih para pendakwah yang pakar membincangkan isu ini dengan tujuan untuk memberikan penerangan kepada masyarakat disamping mengadakan sesi dialog dan pemurnian akidah kepada mereka yang telah terpengaruh dengan ajaran tersebut. Golongan pakar ini perlu diwujudkan bagi membincangkan ajaran tersebut dengan berkesan dan menangkis sebarang *di'ayah* yang disebarluaskan oleh mereka. Ia juga bertindak sebagai pakar rujuk oleh semua orang dan kenyataan serta pandangannya diterima dan berautoriti khususnya dalam kes-kes tertentu di mahkamah.

6.4.7 Usaha-usaha perpaduan diperingkat antarabangsa pada perkara yang yang boleh disepakati wajar diusahakan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku dan menular ke Malaysia. Perkara sensitif dalam akidah yang menjadi punca pergeseran sewajarnya dielakkan. Mereka sewajarnya sering diperingatkan agar kedamaian, keselamatan dan ketenteraman diutamakan bagi mengelakkan suasana yang tidak harmoni berlaku. Usaha-usaha ini setidaknya mampu menyekat sebarang fikrah ekstrem dari menular ke Malaysia.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karīm

Bahasa Melayu

Abu al-Hasan 'Ali al-Nadawi. (1990) *Syi'ah: Islam Pada Awal Abad dan Kelahiran*.

Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Chua Yan Piaw. (2006) *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Hajah Noresah. (2005) *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idris Awang. (2009) *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir sdn. Bhd.

Ihsān Ilahī Zahīr. (1987) *al-Shī'ah wa Ahl al-Bayt*. Terj. Bey Arifin. Surabaya: PT Bina Ilmu.

_____. (1987) *Syiah Berbohong Atas Nama Ahlul Bait*. Terj. Bey Arifin & Mu'ammal Hamidy. Surabaya: PT Bina Ilmu.

_____. (1994) *Syiah dan Para Sahabat*. Terj. Baharuddin. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.

_____. (1986) *Tikaman Syi'ah terhadap Para Sahabat*. Terj. Mustafa Mahdamy, Solo: Pustaka Mantiq.

_____. (1985) *Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Gerakan Syi'ah*. Terj. Hafied Salim. Bandung: PT. Al-Ma'arif, 1985.

Mohammad Asri Yusoff. (1992) *Syiah Rafidah*. Kelantan: Pustaka Aman Pres Sdn.Bhd.

Muhammad Asri Yusof. (1992) *Syi'ah Rafidah: Di antara Kecuaian Ulamak dan Kebingungan Ummah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Muhammad Idrīs al-Marbawi. (1990) *Qamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikri.

Musa al-Musawi. (1998) *Al-Shī‘ah*. Terj. Udah bin Mohsin, Zawawi bin Abdullah dan Mudasir bin Rosdar. Batu Caves: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. (1998) *Dedah Fahaman Syiah*. Terj. Udah bin Mohsin. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Saiyyid Muhibbuddin al-Khatib. (1986) *al-Khuṭuṭ al-‘Aridah li al-Usus allatī qāma alayha Din al-Shī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnā ‘Ashariyyah*, terj. Salahuddin Abdullah, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

_____.(1986) *Asas-asas Mazhab Syiah Imam Dua Belas*. Terj. Salahuddin Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shah Abd Aziz al-Dahlawi. (1992) *Ringkasan Syiah Mazhab Imam Dua Belas*. Terj. Salahudin Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahibuddin Laming. (2006) *Pemikiran al-Kindi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sheikh Abu Hasan Ali Nadwi.(1989) *Islam Pada Awal Abad dan Kelahiran*. Terj. Elias Ismail. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Sheikh Asad Haidar. (1987) *Al-Sahābah Menurut Perspektif Islam*. Terj. Haji Khalid Kasban, Singapura: Pustaka al-Ikhwan.

Sulaiman Nordin. (1993) *Prosiding Seminar Ahli Sunnah dan Syiah Imamiyyah, Aspek Persamaan dan Perbezaan*. Kuala Lumpur: UKM.

Wan Zahidi bin Wan Teh. (2013) *Mengenal hakikat Syiah*. Kuala Lumpur: Jabatan Mufti.

Bahasa Arab

‘Abd Allāh Syibr. (2000) *Haq al-Yaqīn*. Beirut: Muassasah al-‘Aala li al-Matbu’at.

‘Abd Halim. (1990) *‘Ilm al-Nafs*. Kaherah: Maktabah Gharīb.

Abī ‘Amrū Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz al-Kashī. (2009) *Rijāl al-Kashī*. Beirut: Muassasah al-A’alami.

Abī al-Ḥasan bin Ibrāhīm al-Qummī. (1966) *Tafsir al-Qummī*. Najaf: Maṭba’ah Najaf

Al-‘Arajī, Sattār Jābir Ḥammūd. (2008) *Manāhij al-Mutakallimīn fī Fahm al-Naṣ al-Qur’ānī*. Iraq: Bayt al-Ḥikmah.

Al-Ash’arī, Abū Ḥasan al-Ash’arī. (2008) *Maqālāt al-Islāmiyyīn*. Mesir: Dār al-Nashr.

Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar. (2000) *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Baḥrānī, Hāshīm. (2006) *Al-Burhān fī al-Tafsīr*. Beirut: Muassasah al-A’ala li al-Matbu’at.

Al-Dahlawī, ‘Abd al-Azīz al-Imām Walī Allāh Aḥmad ‘Abd al-Rahīm. (1985) *Mukhtaṣar al-Tuhfah al-Ithnā ’ī Ashariyyah*. Riyadh: al-Riasah al-‘Āmmah li al-Idārat wa al-Buhuth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irshād.

Al-Damījī, ‘Abd Allāh bin ‘Umar bin Sulaymān. (1980) *Al-Imāmah al-‘Uzmā ‘inda Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Riyadh: Dār Tayyibah.

Al-Ghazālī, Abī Hāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad. (2002) *Fadā’ih al-Bāṭiniyyah wa Fadā’il al-Mustazhiriyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

_____. (1998) *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Kaherah: t.p.

_____. (2004) *Al-Iqtisād fī al-I’tiqād*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Ghifārī, Nāṣir bin ‘Abd Allāh bin ‘Alī. (t.t) *Uṣūl Madhhab al-Syī‘ah al-Imāmiyyah al-Ithnā’ī ‘Asyariah*. Madinah: Universiti Islam Madinah.

Al-Ghīṭā, Muḥammadal-Ḥussayn ‘Alī Kasyif. (1990) *Aṣl al-Shī‘ah*. Beirut: Dār al-Adwā’.

Al-Huwāyzī, ‘Abd al-‘Alī bin Jum’ah al-‘Arusi. (t.t) *Tafsīr Nūr al-Thaqālayn*. Qum: Matba’ah al-‘Ilmiyyah.

Al-Isfirayynī, Abī Mazfar. (2008) *al-Tabṣir fī al-Dīn*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Al-Jawhārī, Ismail bin Hammad al-Jawhārī. (1990) *al-Sīhhah*. Beirut : Dar al-‘Ilm li al-Malayin

Al-Mamīqānī. Sheikh Abdullāh al-Mamīqānī. (2003) *Miqbas al-Hidayah fi ‘ilm al-Dirayah*. Qum: Matba’ah Nikarsy

Al-Ridāwī. Saīyid Murtada al-Ridāwī. *Al-Burhan ‘ala ‘adami Tahrif al-Qurān*. (2005) Beirut : al-Amīrah

Al-Tusi. Nasir al-Din al-Tusi. *Tajrid al-‘Aqaid*. (1996) Iskandariah : Dar al-Makrifah al-Jamie’ah

Al-Jazā’irī, Sayyid Ne’amatullah. (2008) *Al-Anwār al-Nu’māniyyah*. Beirut: Dār al-Kūfah.

Al-Kandahlawī, Muḥammad Yūsuf. (1995) *Hayāt al-Šaḥābah*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabiyyah.

Al-Kashanī, Mūlā Muhsin Fāid. (1972) *Tafsīr al-Šāfiṭ*. Najaf: Matba’ah Najf.

Al-Kashi, Ibn ‘Amrū Muḥammad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Azīz. (t.t) *Rijāl al-Kashī*. Beirut: Muassasah al-A’ala li al-Matbu’at.

Al-Khomainī, Ruhullah al-Musawī. (1984) *Tahrīr al-Wasīlah*. Iran: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

_____. (t.t) *Kashf al-Asrār*. Amman: Dār Ammar li al-Nashr wa al-Tauzi‘.

Al-Kulaynī, Abī Jaafar Muḥammad bin Yaakub. (1992) *Uṣūl al-Kāfi* (Beirut: Dār al-Awa’)

_____. (1992) *Furū’ al-Kāfi*. Beirut: Dār al-Adwā.

_____. (1992) *Al-Rawḍah min al-Kāfi*. Beirut: Dār al-Adwā.

Al-Majlisī, Muḥammad Baqīr al-Majlisī. (1998) *al-‘Aqā’id*. Iran: Muassasah al-Hūdā wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

- _____. (1985) *Mirāt al-‘Uqūl*. Tehran: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- _____. (1983) *Bihār al-Anwār*. Beirut: Muassasah al-Wafa’.
- Al-Muzaffar, Muḥammad Riḍā. (2001) ‘Aqā’id al-Imāmiyyah. Iran :Markaz al-Abhas al-‘Aqaidiyah.
- Al-Nawbakhtī, Ḥasan bin Mūsā. (1988) *Firāq al-Shī‘ah*, Beirut: Dār Adwa.
- Al-Nu’mān, Muḥammad bin Muḥammad. (1983) *Awā’il al-Maqālāt fī al-Madhāhib al-Mukhtārāt*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- Al-Qaraḍawī. (1996) *al-Imām wa al-Hayāh*. Saudi Arabia: Dār al-Sa‘ūdiyyah.
- Al-Qummī, Abī al-Ḥasan Ibrāhīm. (1957) *Tafsīr al-Qummī*. Iraq: Matba’ah Najaf.
- Al-Salabī, ‘Alī Muḥammad Muḥammad. (2005) *Fikr al-Khawārij wa al-Shī‘ah fī Mīzān Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Iskandariyyah: Dār al-Imān.
- Al-Samawi, Muḥammad al-Tijānī. (t.t) *Al-Shī‘ah Hum Ahl al-Sunnah*. London: Muassasah al-Fajr.
- Al-Shahrastānī, Abī al-Fath al-Shahrastānī. (1992) *al-Milal wa al-Nihāl*. Beirut: Dār Maktabah al-Mutanabbī.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī. (1985) *Tārīkh al-Ṭabarī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Thawrah al-Tirmidhī. (2000) *Sahīh Sunan al-Tirmidhī*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Tunsawi, Muḥammad ‘Abd al-Sattār al-Tunsawī. (1986) *Buṭlān ‘Aqā’id al-Shī‘ah*. Kaherah: Dār al-‘Ulūm li al-Ṭibā‘ah.

Al-Ṭūsī, Abī Jaafar Muḥammad bin al-Ḥasan al-Tusī. (1969) *Tahdhīb al-Aḥkam*. Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.

Al-Ṭūsī, Abū Jaafar Muḥammad bin Hasan (1980) *Ikhtiār Ma’rifah al-Rijāl al-Ma’rūf bi Rijāl al-Kashī*. Qum: Muassasah Ali al-Bait ‘alaihim al-Salam.

_____. (1985) *Al-Istibṣār*. Beirut: Dār al-Adwā’.
_____. (1998) *Kitāb al-Ghaybah*. Beirut: Muassasah Ma‘ārif al-Islāmiyyah.

Al-Zaghbi, Muḥammad. (1988) *Ghulāt al-Shī‘ah wa Ta’aththaruhum bi al-Adyān al-Mughāyyarah li al-Islām*. Mesir: Maktabah al-Azhariyyah.

Al-Ζāhirī, Abī Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad Ibn Ḥazm al-Ζāhirī. (1980) *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Aḥwā’ wa al-Nihāl*. Beirut: Dār al-Jalīl.

Al-Zahranī, (1999), ‘Alī bin Mūsā bin Majhud. *Ihsān Ilahī Zahīr wa Juhūduhu fī Taqrīr Al-‘Aqidah wa al-Rad ‘ala al-Firaq al-Mukhalafah*. Saudi Arabiyyah : Jami’ah Umm al-Qura

‘Amir Najjar. (2004) *Al-Shī‘ah wa Imāmah ‘Alī*. Kaherah: Dār al-Manār.

Anwār Albāz. (1985) ‘*Iṣmāh al-Anbiyā’*. Madinah: Dār al-Wafā’.

Babawaih al-Qummi. Abi Ja’afar Muḥammad bin Ali bin al-Husayn Babawaih al-Qummi. (t.t) *al-Tawhid*. Beirut : Dar al-Ma’rifah

Fairuzabadi, Majd al-Din Muḥammad bin Ya’kub. (2005) *al-Qamus al-Muhit*. Beirut : Muassasah al-Risalah

Fatḥ Allāh Muḥammadī. (2003) *Salāmah al-Qur’ān min al-Takhrīf wa Tafnīd al-Iftiraāt ‘alā Shī‘ah al-Imāmiyyah*: ‘Ard wa Naqd li arā al-Duktūr Nāṣir bin ‘Alī

al-Qaffārī, *Ihsān Ilahī Zahīr, Muḥammad Mal Allāh wa Akhārīn*. Tehran: Dār Mash’ar.

Habannakah, ‘Abd al-Rahman. (2002) *Dawābit al-Ma’rifah*. Damshiq: Dār al-Qalam.

Ibn ‘Asākir. (1993) *Tārīkh Dimasyq*. Beirut: Dār al-Fikr li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Ibn Athīr, ‘Izzudidīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī al-Karam Muḥammad bin Muḥammad ‘Abd Karīm bin ‘Abd al-Wāhid al-Sayyabī. (1995) *Al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Beirut: Dār Ṣādir.

Ibn Babawaih , Abī Jaafar al-Ṣādūq Muḥammad bin ‘Alī bin al-Ḥusayn . (1985) *Man La Yahduruhu al-Faqih*. Beirut : Dar al-Adwa’

_____. (1943) *Kitāb al-I’tiqādāt*. Qum: Maktabah Nyarsa.

_____. (2008) “*Al-I’tiqādāt al-Ṣaduq*,” dalam *Muṣannafat al-Shaykh al-Ṣaduq*. Iran: Maktabah Nyarsa.

Ibn Kathīr. (1999) *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Mesir: Dār al-Taqwā.

Ibn Khaldūn. (t.t) *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Kaherah: Dār Nahḍah Misr li al-Ṭibā’ wa al-Nashr.

Ibn Manzūr. (1996) *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī.

Ibrahim Madkur.(1983) *Al-Mu’jam al-Falsafī*. Kaherah: al-Hay’ah al-Āmmah li Syu’un al-Matabi’ al-Amiriyyah, 1983.

Ihsān Ilahī Zahīr. (1974) *Al-Shī‘ah wa al-Sunnah*. Lahor: Matba’ah Ma’rif.

_____. (1981) *Al-Bābiyah*. Lahor: Matba’ah Jawid.

- _____. (1982) *Al-Shī‘ah wa Ahl al-Bayt*. Riyadh: Maktabah Jawid.
- _____. (1995) *Al-Shī‘ah wa al-Qur’ān*. Pakistan: Idārah Tarjuman al-Sunnah.
- _____. (1987) *Al-Shī‘ah wa al-Tashayyū‘*. Kaherah: Dār Ibn Hazm.
- Jubran Mas‘ūd. (1992) *Al-Rāid*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Mubārak Ḥasan Ḥusayn. (1995) *’Ilm Tawḥīd fī Dāw‘ al-‘Aql wa al-Naql*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah.
- Ṣalah ‘Abd al-‘Alīm Ibrāhīm. (1991) *Fī al-‘Aqdāh al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Ṭibā‘ah al-Muḥammadiyyah.
- Ṭā’imah, Ṣābir. (2000) *Al-Uṣūl al-‘Aqdāh li al-Imāmiyyah*. Kaherah: Maktabah Mad Buli.

Bahasa Inggeris

- Babbie, Earl. (1998) *The Basic of Social Research*. USA: Wadsowrth Publishing Company.
- D. Bailey, Kenneth. (1994) *Methods of Social Research*. New York: A Division of Macmillan Inc.
- Walter, Elizabeth. (2008) *Cambridge Advanced Learner’s Dictionary*, ed. ke-3. Singapore: Cambridge University Pres.